



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**19 MEI 2017,
22 MEI 2017 HINGGA 25 MEI 2017**

23 MEI 2017 (SELASA)

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**



PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

23 MEI 2017 (SELASA)

Kandungan	Muka Surat
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 7 – Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid)	6
Soalan No. 8 – Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi)	8
Soalan No. 9 – Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	12
Soalan No. 10 – Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee)	14
Soalan No. 11 – Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman)	16
Soalan No. 12 – Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu)	17
Soalan No. 14 – Ahli Kawasan Permatangan Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid)	19
Soalan No. 15 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng)	21
SESI PERBAHASAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG	
Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	23
Ahli Kawasan Penaga (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	44
PENGUMUMAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI	48
Ahli Kawasan Penaga (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) menyambung semula sesi perbincangan	49
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari</i>	

Kandungan	Muka Surat
<i>Dewan disambung semula pada jam 2.00 petang</i>	
SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	51
Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	64
Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	78
Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	85
Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	93
Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	96
<i>Dewan ditangguh pada jam 7.00 malam</i>	
<i>Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam</i>	
Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	100
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	104
SESI PENGGULUNGAN	
Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	114
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 9.50 malam</i>	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 23 MEI 2017(SELASA)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
34.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
38.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
39.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

“Doa”.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, YB. Dato' Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, soalan saya nombor 7.

- No. 7. Berapakah jumlah rumah-rumah perlindungan wanita yang ada di Negeri Pulau Pinang di bawah Kerajaan Negeri, MAINPP, NGO? Berapa orangkah wanita yang diberi perlindungan sejak 5 tahun kebelakangan ini dan sila nyatakan mengikut umur dan masalah yang dihadapi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada YB. Telok Ayer Tawar. Untuk menjawab soalan nombor tujuh (7) sehingga kini terdapat tiga (3) buah rumah perlindungan wanita di Pulau Pinang iaitu satu (1) di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP) iaitu Pusat Perlindungan Wanita Darul Sakinah dan dua (2) di bawah pengurusan badan bukan kerajaan iaitu NGO yang pertama ialah Majlis Kebajikan Wanita Pulau Pinang, Rumah Perlindungan Sosial dan ialah Pusat Kesedaran Wanita Pulau Pinang (WCC) *Women Centre for Change* setakat ini tiada rumah perlindungan wanita di bawah Kerajaan Negeri. Selamanya pun Kerajaan Negeri tidak adalah sendiri punya. Selain daripada di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dengan kerjasama WCC telah menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita (PTW) yang memberi perkhidmatan kaunseling perlindungan sementara dan nasihat guaman untuk kaum wanita di Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai yang menghadapi krisis. PTW dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan diuruskan oleh WCC. Setiap tahun 2012 sehingga 2016 seramai 234 wanita yang diberi perlindungan di ketiga-tiga pusat perlindungan. Seramai 23 wanita yang mengandung luar nikah ditempatkan di Pusat Perlindungan Wanita Darul Sakinah. Seramai 132 wanita atau gadis yang mengandung luar nikah ditempatkan di Majlis Kebajikan Wanita sehingga bayi selamat dilahirkan dan seramai 79 wanita dan 67 kanak-kanak yang merupakan anak atau jagaan kepada mangsa-mangsa keganasan domestik, masalah rumah tangga, serangan seksual dan masalah perhubungan ditempatkan di WCC. Selain perkhidmatan perlindungan WCC juga menyediakan perkhidmatan kaunseling *face to face*, kaunseling melalui telefon, kaunseling melalui emel dan perkhidmatan *one stop crisis centre* di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya. Bilangan wanita yang diberi perlindungan di ketiga-tiga pusat perlindungan tersebut dari tahun 2012 hingga 2016 adalah diberi dalam jadual sejumlahnya yang dibawah 18 tahun jumlahnya 54 dan melebihi 18 tahun 180. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Dato' Speaker, Ahli Kawasan Padang Lalang atas jawapan tadi. Untuk sebuah negeri yang mempunyai 50% saya rasa lebih jumlah penduduk wanita untuk tidak memberi perhatian yang besar kepada permasalahan wanita dan keluarga adalah satu kegagalan yang besar. Setakat ini seperti jawapan yang telah diberi oleh Ahli Kawasan Padang Lalang hanya ada tiga pusat perlindungan. Sebenarnya perlindungan ini pun kena dikategorikan. Ada yang perlindungan untuk mangsa keganasan domestik, mangsa seksual dan sebagainya. Serangan seksual dan mangsa-mangsa ataupun mangsa dalam erti kata menjadi ibu yang secara tidak sukarela mengandung di luar nikah dan sebagainya sukarela sebelum itu dan selepas itu dia tidak sukarela dah. Ini adalah kategori yang berlainan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalannya, kenapakah setelah 9 tahun dan disuarakan berkali-kali saya rasa Ahli Kawasan Penanti pun cakap, Ahli Kawasan Berapit pun cakap dan ramai lagi. Ahli Kawasan Pulau Tikus pun ada cakap. Tidak ada sebarang tindakan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan ini yang cukup penting. Kenapa dibiarkan kepada NGO-NGO sahaja dan PPW tadi Pusat Perkhidmatan Wanita adalah lebih umum dia bukan pusat perlindungan, dia memberi khidmat kaunseling, runding cara bukan sahaja untuk masalah rumah tangga tetapi untuk bantuan ekonomi dan sebagainya. Jadi inilah persoalannya kenapakah setelah 9 tahun sampai sekarang tidak ada sebarang tindakan positif dilaksanakan untuk menangani permasalahan wanita kanak-kanak dan rumahtangga yang berlaku di Pulau Pinang? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Ayer Tawar saya nak tanya sama ada Yang Berhormat Telok Ayer Tawar pernah mendapat seorang wanita yang perlu dilindungi dan tidak ada tempat, tidak adakan? Jadi ini berdasarkan keperluan bukan kerana ada jumlah wanita yang besar ini jadi kita mesti ini bukan di hospital, ini bukan di persekolahan ini bukan sekolah. Ini ialah pusat yang sangat *special*. Dia ialah untuk melindungi wanita dan kanak-kanak yang menghadapi krisis dan sebenarnya yang peranan yang kerja ini seharusnya dimainkan oleh JKM.

JKM juga ada tempat-tempat yang untuk menempatkan wanita dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dia ada pegawai perlindungan juga. Jadi ini ialah tambahan dan kalau lihat di WCC dia hanya ada 79 wanita yang memerlukan ini bukan saya kata tidak ada wanita mungkin ada wanita yang ingin mendapat perlindungan tetapi yang pertama mereka susah nak dikeluarkan dari situasi itu untuk mendapat untuk mendapat, meminta perlindungan. Kerana ini adalah halangan sosial di mana masyarakat memandang seseorang wanita kalau dia memberitahu bahawa dia didera oleh suaminya, masyarakat bukan sangat simpati dan dia menghadapi tekanan seperti ini untuk mendapat perlindungan jadi saya rasa yang lebih diperlukan ialah kesedaran. Kita ingin menyebarkan bahawa keganasan adalah satu *behavior* yang berjenayah.

Jadi Yang Berhormat, walaupun saya faham keprihatinan Yang Berhormat tetapi kita seharusnya realistik supaya kita menyediakan kemudahan mengikut keperluan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih. Tambahan. Sebenarnya Darul Sakinah itu ditubuhkan semasa saya duduk dalam Majlis Agama Islam ia hanya berbentuk sementara sahaja kerana apa kita tidak boleh dinafikan Darul Sakinah hanya boleh menempatkan 12 orang sahaja. yang dijalankan oleh NGO dan semasa itu diberi kebenaran oleh Majlis Agama Islam kepada lembaga yang mohon saya masa itu. 10 ekar tanah di Pongsu Seribu untuk dijadikan Pusat Perlindungan Wanita. Mungkin EXCO Batu Maung tahu tak tahu ceritalah dah buka buku baharu dah ini buku lain. Jadi seharusnya diteruskan usaha itu. Tapak pun masih ada belum dibangunkan. Masalahnya nak mencari dana untuk melaksanakannya sahaja dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Padang Lalang banyak lagi kes yang datang pada kita di Parlimen dan banyak pula yang dirujuk ke Negeri Kedah, dirujuk ke Wilayah Persekutuan yang mana ada Darul Sakinah yang besar yang boleh menempatkan 300 orang. Jadi saya mintalah kalau boleh disegerakan usaha untuk menambah baik kemudahan-kemudahan seperti pusat perlindungan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Baguslah ini Pusat Perlindungan Wanita Darul Sakinah yang diusahakan oleh Yang Berhormat Telok Ayer Tawar bagus kerana itu merupakan tanggungjawab kita apabila kita memegang jawatan. Jadi untuk seterusnya untuk mengembangkan ataupun memajukan mengikut keperluan saya rasa kita akan ambil perhatian dan sekiranya ia boleh kita akan buat juga. Dan bukan sahaja di rujuk Yang Berhormat merujuk kepada negeri-negeri lain ada juga Kedah merujuk kepada kita juga. WCC dia juga memberi perkhidmatan mereka kepada seluruh *northern region* dan bukan sahaja Pulau Pinang sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan daripada saya untuk Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Lalang semenjak PPW ditubuh, dimulakan pada tahun 2008 Disember sampai hari ini adakah tambahan kakitangan di PPW ditambah dan adakah cukup kaunseling untuk memberi *services* kepada semua *Northern Zone* wanita yang menghadapi masalah. Sebab ada kawan saya iaitu ada berlaku kes yang suami bunuh isteri dia, anak-anak mereka kena pergi ke Kulim untuk buat kaunseling sebab di Negeri Pulau Pinang tidak cukup kaunseling. Jadi saya harap kalau boleh dari Kerajaan Negeri beri peruntukan yang lebih, kita mengambil lebih banyak kaunseling yang boleh menolong kita di PPW sebab ramai yang mencari pertolongan tetapi tidak cukup kakitangan untuk memberi *services*, dan saya harap PPW bukan hanya di Seberang Perai Utara sahaja iaitu di Butterworth, kalau boleh di Seberang Perai Selatan mereka perlu juga, dan satu lagi kalau boleh sampai ke Kepala Batas, yang dari Negeri Kedah banyak. Kalau bolehlah Kerajaan Negeri sepatutnya lagi mementingkan hak asasi wanita di bawah Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang lalang untuk melanjutkan *service* itu.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan, tidak boleh?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit, pusat khidmat wanita di Seberang Perai dari dahulunya diberi peruntukan RM150,000.00 setahun sudah ditambah ke RM210,000.00 dan pengurusannya adalah di bawah WCC dan saya rasa mereka lebih pakar dalam pengurusan. Tetapi kita akan memberi peruntukan sekiranya ada permintaan dan kita akan ambil maklum segala saranan yang diberi dan harapnya tambah juga sekiranya ada keperluan, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Berapit

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Yang Berhormat di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya nombor 8.

- No. 8. Apakah cadangan-cadangan yang telah saya bangkitkan kepada Kerajaan Negeri dalam Dewan yang mulia ini sejak tahun 2008 hingga 2016 telah dilaksanakan? Sila senaraikan dan huraikan dengan teliti.
- (i) Selain bayaran RM100 Program Penghargaan Warga Emas, adakah Kerajaan Negeri merancang meningkatkan kualiti hidup warga emas dengan membekal bantuan perlindungan insuran?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat Berapit, soalan nombor 8. Setiap saranan dan cadangan yang dibangkit oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat Berapit di Dewan yang mulia ini, akan diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri. Sebagai contoh YB. Berapit sering kali membangkit cadangan supaya dibaik pulih rumah rehat di Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT). Untuk makluman, pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah telah mencadangkan idea pembangunan atas rumah rehat tersebut di Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (JKTN) Bil. 4 Tahun 2017 pada 16 Februari 2017 dan JKTN memutuskan supaya pihak Kementerian Kesihatan Malaysia memohon tapak tersebut bagi tujuan pembinaan jabatan pesakit luar untuk Hospital Bukit Mertajam yang semakin sesak dan padat pada masa ini. Status terkini pada 15 Mei 2017, Jabatan Kesihatan Negeri telah memanjangkan cadangan tersebut kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk persetujuan selanjutnya. Selain itu, Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya keperluan rakyat di KADUN Berapit diberi perhatian terutama sektor pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM).

Berkenaan dengan perkara ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai rancangan untuk membina RMM di KADUN Berapit. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah merangka plan pembangunan 14 projek perumahan melibatkan penyediaan sebanyak 26,255 unit RMM berbagai kategori di seluruh negeri. Daripada jumlah tersebut 816 unit adalah di kawasan Bukit Mertajam yang meliputi 408 unit RMM jenis B dengan harga maksima RM72,500.00 dan 408 unit RMM jenis C dengan harga maksimum RM250,000.00 di lot 13, 14, 22, 23, 24, 30, 31 dan 40 di Seksyen 2, Bukit Mertajam. Berkenaan cadangan Yang Berhormat untuk menaik taraf jalan untuk

menghubungi Berapit dengan Jalan Kulim bagi menangani masalah kemalangan di jalan raya di kawasan tersebut serta mengurangkan kesesakan lalu lintas, Kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan sewajarnya. Jabatan Kerja Raya, Seberang Perai Tengah (JKR SPT) telah membuat kajian alternatif jalan berpusat sebagai jalan yang menghubungkan Jalan Berapit ke Jalan Kulim. Sehubungan itu Kerajaan Negeri telah pun meluluskan peruntukan pembangunan bagi bajet tahun 2017 untuk kerja-kerja *survey* pengambilan tanah serta untuk menyediakan dokumen tender. Cadangan-cadangan lain yang dibangkit oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan tindakan telah diambil oleh Kerajaan Negeri dan aspek seperti di Lampiran A telah diletakkan di meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan. Berhubung cadangan untuk Kerajaan Negeri menyediakan bantuan lindungi insurans kepada setiap warga emas, perkara ini perlu diperhalusi dengan mengambilkira pelbagai faktor terutamanya inflasi kewangan yang akan terlibat sebelum sebarang keputusan dapat dibuat.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan saya kepada YB. Sungai Puyu, saya pun hairan kenapa soalan ini dijawab oleh YB. Sungai Puyu kerana ini semua adalah berkenaan pembangunan di Berapit. Kalau tidak salah saya, tahun ini Januari 12, saya bersama YB. Padang Kota turun padang ke KADUN Berapit melihat semua kawasan saya dan masalah yang perlu Kerajaan Negeri untuk menyelesaikannya, masalah ini bukan sekarang, ia masalah dari 2008 sehingga sekarang, sembilan (9) tahun yang belum selesai. So, banyak janji yang diberi kepada saya dari Jabatan JKR, dari kerajaan tempatan MPSP untuk membangunkan atau memberi saya satu jawapan yang begitu menggembirakan saya untuk umum kepada rakyat saya iaitu menaik taraf Jalan Kampung Besar, memberi saya *hawker stor* di Berapit. Dari Januari 2017 ini sampai sekarang bulan 5, sudah 5 bulan tetapi belum nampak apa yang dibuat, saya harap Kerajaan Negeri boleh menjalankan apa yang dijanjikan kepada saya dan KADUN saya, janji itu perlu dicapaiti.... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hah?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Dicapaikan, sebab....kalau tidak dicapai atau dilaksanakan nanti rakyat saya buang capati kepada saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan, soalan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Tadi makan itu roti canai (ketawa), saya harap Kerajaan Negeri di Pulau Pinang akan mengambil berat apa yang saya minta selama ini dapat menunaikan janji ini sebelum pilihan raya yang akan datang. Bagilah rakyat di kawasan Berapit merasai Kerajaan Negeri mementingkan keperluan mereka yang terpenting iaitu di Jalan Berapit. Apakah Kerajaan Negeri *time frame* yang akan diberi kepada saya, bolehkah saya melihat semua janji daripada Kerajaan Negeri ditunaikan sebelum pilihan raya yang akan datang?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih, saya ada jawap soalan dengan dua (2) arah, kerana nombor 1 kalau kata kenapa begitu hairan saya menjawab soalan anda kerana soalan bercampur dengan berkenaan dengan warga emas dan lain-lain, dan kalau macam ini dua (2) EXCO nak jawab satu (1) dari ADUN Kawasan. Memang di sini Kerajaan Negeri amat prihatin. Kalau lihat di Lampiran A, sebentar lagi yang akan diserahkan kepada Yang Berhormat telah mencatat apa-apa yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini daripada tahun 2013, 2008 sehingga 2013 Ahli Yang Berhormat adalah seorang EXCO dan di sini juga saya memohon bawanya untuk mempercepatkan saya minta bahawa ambil lebih perhatian dalam mesyuarat-mesyuarat tertentu lebih tersusun seperti di Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah juga boleh dibawa untuk perhatian semua jabatan-jabatan terlibat, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Tambahan saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima dahulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Selamat datang balik.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. Seri Delima kembali. Saya ingin tanya berkenaan dengan pembayaran Program Penghargaan Warga Emas, saya percaya YB. Sungai Puyu masih lagi ingat apabila kita memperkenalkan program ini terdapat pelbagai bermacam-macam hasutan tohmahan dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional khususnya UMNO di mana kononnya wang ini adalah daripada hasil wang judi, pada asalnya tohmahan itu dibuat tetapi selepas kita menyangkal tohmahan tersebut wang ini telah diberikan. Sekarang saya mendapat maklumbalas dan aduan berbanding dengan Barisan Nasional yang selalunya memberi wang BRIM dan sebagainya kepada penyokong-penyokong mereka, kita memberi wang itu kepada masyarakat umum di seluruh Pulau Pinang, tetapi ada tuduhan bahawa pengundi-pengundi di kawasan dimana wakil-wakil rakyatnya adalah daripada Barisan Nasional masih lagi sedang dihasut mungkin dilarang daripada menerima bayaran ini. Selain daripada RM100.00 pada hemat saya yang lebih penting lagi apabila seseorang warga emas itu meninggal dunia, RM1000.00 menjadi begitu banyak bagi mereka menampung perbelanjaan menguruskan jenazah dan sebagainya. Kalau benar wakil-wakil rakyat dari seberang sana masih lagi melarang pengundi-pengundi di kawasan mereka daripada menerima manfaat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini, apakah tindakan yang akan diambil rakyat bagi memastikan rakyat di Negeri Pulau Pinang di semua kawasan bukan sahaja di kawasan di mana wakil-wakil rakyat adalah dari Pakatan Harapan tetapi juga di seberang sana menerima manfaat ini kerana ada daripada mereka yang begitu risau dan takut diberi tahu bahawa wang ini kalau terima ini adalah wang DAP, tidak boleh diterima wang DAP. Itu adalah tuduhan yang masih lagi, maklumlah apa yang kita lihat telah dinyatakan oleh presiden mereka sendiri dalam perhimpunan yang baru ini dibuat...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima, soalan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jadi soalan saya bagaimanakah cara kita hendak memastikan bahawa semua rakyat di Pulau Pinang terutamanya pengundi-pengundi di kawasan Barisan Nasional menerima wang ini dan manfaat terutamanya pemberian RM1000.00 apabila warga emas meninggal dunia kerana wang itu begitu penting. Ramai daripada mereka yang ingin memohon tetapi takut dan risau akibat hasutan daripada rakan-rakan di seberang sana, terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya minta laluan Yang Berhormat, sikit sahaja Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya jawab, selepas saya jawab kemungkinan saya akan letak cili padi sedikit baru Yang Berhormat jawab. Memang apabila mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri, Program Penghargaan Warga Emas ada laporan-laporan polis juga dibuat terhadap Kerajaan Negeri dimana dikatakan ini wang rasuah dan apabila ada banyak telah menerima.

Memang UMNO dan Barisan Nasional telah turun padang dan berkempen supaya rakyat mengembalikan wang ini kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana mereka kata wang ini adalah hasil judi. Dalam surat khabar saya ada nampak, lebih dari 1,000 orang telah kembalikan wang, dan bila datang ke Dewan wang itu cuma lebih kurang RM20,000.00 sahaja. Jika kita kira 1,000 orang, seorang RM100.00 bermaksud RM100,000.00. Itulah Barisan Nasional. Di sini memang dia ada bayar, dia hendak orang-orang tertentu sentiasa jadi orang miskin, mereka tidak mahu kita bantu golongan ini. Ini boleh dibukti dalam laporan AES, Agenda Ekonomi Saksama di mana yang terbanyak sekali penerima bantuan AES daripada Kerajaan Negeri datang dari KADUN di mana wakil ADUNnya ada daripada UMNO, Barisan Nasional. Ini terbukti, tidak dapat dinafikan. Mengapa? Kerana orang miskin senang sikit

nak dikawal. Itulah apa yang saya lihat. Selepas ini, dia kata BRIM. Bila dia kata BRIM, dia kata nah Pulau Pinang bagi RM100.00, kami bagi RM500,000. Tetapi mereka tidak kata Kerajaan Negeri, kerana datang dari lebihan pentadbiran yang bergitu bersih dan pencegah rasuah. Kelebihan akan diserahkan kepada rakyat Pulau Pinang tidak kira bangsa, agama ataupun kefahaman politik. Saya sendiri ada lihat dalam majlis-majlis tertentu, pemimpin-pemimpin UMNO juga ai ambil peluang ini. Ini tidak dapat dinafikan, baikpun RM100.00 mahupun RM1,000.00 untuk waris. Untuk BRIM ini dari manakah wang ini datang, daripada wang pinjaman. Kini Kerajaan Pusat sudah hutang begitu banyak, kedua, baru-baru ini mereka kata, kehendak GST, kalau tidak ada GST tidak boleh bayar hutang, saya kata kepada mereka balikkah, kerana apa, kerana GST kutip RM1.00 bagi BRIM satu sen. Tipu rakyat, angkat jubok rakyat jadi dia punya muka, bagi duit konon.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Puyu tolong pendekkan jawapan, sudah keluar jauh kerana soalan pokok adalah pada YB. Berapit.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker ini adalah kerana dia bertanya tentang warga emas dan lain-lain. Untuk mengatasi masalah ini, kalau kehendak semua rakyat dapat wang orang kata hasil daripada pencegahan rasuah, Pakatan mesti jadi Kerajaan Pusat, hapuskan GST, hapuskan rasuah dan lebihan wang bagi kepada rakyat. Bila mereka tidak ada kuasa, mereka tidak boleh cakap banyak. Kedua, yang amat penting sekali, kalau untuk jangka masa pendek, jika sesiapa didesak atau dihalang untuk mendapat hasil dari *divident from anti corruption*, iaitu melalui program i-Sejahtera, mereka harus buat laporan kepada pihak polis kerana diugut tak boleh terima bantuan wang dari Kerajaan Negeri. Untuk jangka masa panjang, PRU 14 Pakatan mesti jadi Kerajaan Pusat dan kita akan selesaikan semua masalah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Soalan dari YB. Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan. Sebenarnya soalan daripada saya, No. 8(1) ialah selain dari bayaran RM100.00, Program Warga Emas, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas dengan membekalkan bantuan perlindungan insurans? Saya tidak cakap tentang BRIM (ketawa). Bagi saya kalau sesebuah kerajaan dapat lebihan wang dan memberi wang kepada orang yang susah atau orang yang memerlukan, itu bagus. Tetapi yang berlaku pada masa sekarang ialah Kerajaan Negeri bagi RM100.00, Kerajaan Pusat bagi RM500.00, ini sudah jadi macam persaingan. Bagi pandangan saya, saya tidak begitu suka melihat kerajaan beri wang kepada rakyat tetapi tidak meningkat kualiti hidup rakyat di negara kita. Malaysia sekarang menghadapi kemerosotan ekonomi, rakyat perlu kebajikan yang meningkat seperti keperluan kesihatan, perubatan dan banyak lagi. Soalan saya kepada YB. Sungai Puyu, adakah Kerajaan betul-betul meneliti bagaimana hendak meningkatkan kehidupan warga emas di Negeri Pulau Pinang, perhatikan golongan warga emas semakin meningkat penduduknya. Apakah cara dan apakah perancangan Negeri Pulau Pinang untuk memberi kehidupan bagus dan terjaga kepada warga emas sama ada di kawasan saya atau di mana-mana kawasan apabila mereka sakit atau tiada keluarga. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu rancangan untuk menjaga kualiti hidup mereka.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Puyu, *short and sweet*. 35 minit baru dua soalan lisan, bermakna itu kegagalan saya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Short and sweet. Kerajaan Negeri akan menjaga seluruh rakyat bukan satu kumpulan sahaja tetapi keseluruhan. Apabila menghadapi masalah GST kita lihat *source of income* daripada semua keluarga, oleh yang demikian kita boleh salurkan bantuan kewangan kepada golongan miskin. Pada tahun kedua, Kerajaan telah mengecualikan mereka dari membayar cukai pintu untuk rumah-rumah di kampung, rumah kos rendah dan kos sederhana. Memang bantuan kewangan akan disalurkan hanya kepada *the need basis*. Oleh yang demikian, saya telah katakan jika pada masa hadapan masalah kewangan boleh dikawal kita boleh buat pertimbangan dan memang banyak kajian telah dibuat. Mengenai *medical insurance*, itu satu. *Which type of insurance*, YB. Berapit kata *medical insurance*, kita kena tengok jumlah kos untuk seorang berapa. Pada masa kini, kita ada 186,000 warga emas, jika seorang satu tahun RM500.00 sahaja, jumlah berapa juta? Implikasi kewangan harus diambil pertimbangan dan jika boleh Kerajaan Negeri akan melaksanakan satu cara saja, *we form the Federal*

Government and we will look into it.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan saya yang ke 9.

No. 9. Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (PJKK) MMK Wanita pada 23.3.2017 untuk memohon agar PJKK ditarifikan sebagai Khidmat Sosial:

- (i) Bilakan penakrifan ini akan dilaksanakan di Seberang Perai dan Pulau?
- (ii) Adakah terbuka kepada PJKK yang bukan "*non-profit organisation*"?
- (iii) Syarat-syarat?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB Chong Eng):

Terima kasih kepada YB. Penanti. Cadangan penakrifan Pusat Jagaan Kanak-kanak sebagai khidmat sosial akan diperhalusi di dalam Jawatankuasa Khas yang akan ditubuhkan dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil kira aspek sosial di dalam penyediaan garis panduan tukar guna kediaman kepada Tadika, TASKA dan Pusat Jagaan. Berdasarkan kepada Garis Panduan Pengawalan Tukarguna Bangunan Kediaman kepada Tadika, TASKA dan Pusat Jagaan, pengecualian bayaran-bayaran seperti bayaran pemajuan infrastruktur, bayaran sumbangan tempat letak kereta, penanaman pokok dan pemandangan daratan (*landscapes*) boleh diberi kepada pengusaha/badan yang tidak berlandaskan keuntungan (*non-profit organizations*) tertakluk kepada pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Soalan tambahan. Soalan perenggan kedua yang saya tanya itu, adakah terbuka kepada PJKK yang bukan *non-profit* seperti yang dimaklumkan oleh YB. EXCO Padang Lalang dan di beberapa mesyuarat yang telah diadakan. Saya ingat jawapan ini boleh dijawab oleh YB. Padang Kota sebab dia adalah EXCO Kerajaan Tempatan, sebab saya dan YB. Padang Lalang memang sentiasa *fight* supaya Pusat Jagaan Kanak-kanak kita ditakrifkan sebagai khidmat sosial seperti di beberapa negeri di Malaysia. Soalan ketiga, syarat-syarat, maknanya kalau dibuka kepada organisasi lain selain daripada *non-profit organizations*, apakah syarat-syaratnya. Mungkin YB. Padang Kota boleh menjawab.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB Chong Eng):

Terima kasih kepada YB. Penanti. YB. Yang di-Pertua, perkara ini memang telah dibincangkan di dalam banyak mesyuarat yang telah diadakan. YB. Penanti juga berada dalam jawatankuasa itu. Perkara ini walaupun dilihat senang tetapi kerana ianya melibatkan PBT dan juga ada syarat-syaratnya yang telah wujud, ia juga melibatkan soal tanah dan lain-lain lagi. Secara prinsipnya saya pun bersetuju dan sebab itu kita adakan jawatankuasa ini untuk berunding. Kita perlu melihat TASKA, Tadika dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak khususnya sebagai satu pertubuhan sosial, *as a social service organizations*, di mana ia diberi status sebagai *education organizations*, macam sekolah, sebab sekolah diberi keistimewaan juga. Pusat Jagaan Kanak-kanak ia juga dipandang sebagai satu *education organizations*, semua ini mungkin boleh diberi kelonggaran tetapi ia memerlukan satu *policy change* dan ini akan melibatkan lebih banyak pihak. Sebab itu pada jawapan saya katakan kita akan menubuhkan satu jawatankuasa khas yang *high-power* yang melibatkan beberapa pihak termasuk EXCO yang perlu meluluskan. Jadi saya pun berharap ia akan ada satu keputusan dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Soalan tambahan. Saya harap bila jawatankuasa khas ini ditubuhkan ia juga akan melibatkan wakil-wakil dari Wanita dan juga dari Pusat Jagaan Kanak-kanak bukan setakat persatuan dan juga pengusaha-pengusaha. Sebab kalau kita tengok di Pulau Pinang, kita tidak ada balak atau apa-apa kita cuma ada *human resource*, tenaga kerja kita adalah aset kepada Pulau Pinang, seperti di Singapura. Saya harap jawatankuasa ini melihat apa yang Singapura buat, seperti lawatan kita di...(ganguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penanti, apa soalnya?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Soalannya begini. Adakah jawatankuasa ini akan melihat pada model sebagai contohnya di Singapura, di mana *fee*, untuk bayaran sebulan untuk keluarga miskin hanyalah \$4-6 sebulan dan diadakan banyak pusat jagaan komuniti yang sangat baik dan sangat moden untuk keluarga-keluarga yang bermasalah sosial dan miskin. Saya ingin bertanya sama ada jawatankuasa ini boleh melihat apakah yang dibuat di Singapura sebab Singapura juga satu Pulau macam kita dan aset yang paling berharga adalah sumber manusia.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB. Penanti, ini yang bahayanya membawa YB. Penanti pergi mana-mana melawat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Adakah YB. Penanti juga menjadi ahli Jawatankuasa itu?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kenapa tak biar Ahli Jawatankuasa?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini YB. Penanti dia sukalah, jadi tak apa lah. Set yang sekarang ialah adakan Jawatankuasa Khas ini untuk menetapkan sama ada kita nak menganggap PJKKK atau Taska seperti ini sebagai Pertubuhan Sosial ataupun setakat ini dia dianggap komersial jadi dia ada *policy change* jadi kita mesti buat *policy change* ini terlebih dahulu so Jawatankuasa Khas ini ialah untuk lihat perkara ini sahaja, sekiranya kita hendak lihat kepada nak contohi Singapura jadi kita mesti mencadangkan supaya Kerajaan Pusat yang buat kerana Singapura dia ada agensi *Early Childhood Education* di mana dia dapat RM400million setahun saya rasa Pulau Pinang Kerajaan Pulau Pinang tak mampulah nak buat macam ini, kalau mampu saya pun mau buat kita pun mau buat jadi implikasi *finance*, implikasi kewangan mesti sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, selalunya kita kira dan kiralah sebelum kita buat apa-apa rancangan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Senisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan, terima kasih. Pendek sahaja, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat, Kerajaan Negeri ada menyimpan senarai sempurna Pusat Penjagaan Kanak-Kanak satu, dua sama ada petugas-petugas ataupun pekerja-pekerja di situ juga senarai pekerja-pekerja di situ disimpan sebabnya saya tanya soalan ini adalah umum mengetahui bahawa pada tahun lalu kita digegarkan dengan berita tentang seorang yang bernama Richard Huckle yang telah melakukan keganasan seks terhadap kanak-kanak di Malaysia dan dilaporkan bahawa juga beliau telah berkerja di beberapa Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di Kuala Lumpur. Baru-baru ini kita juga dikejutkan dengan kejadian seorang kanak-kanak meninggal dunia di Pusat Tahfiz setelah dipukul dan dibelasah kononnya oleh penjaga pusat tersebut jadi adakah Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah untuk memastikan kita menyimpan satu senarai dan kita menyemak dari masa ke semasa latar belakang pekerja-pekerja ini yang berkerja di Pusat Jagaan Kanak-Kanak kerana kita pergi bekerja mengharap anak-anak kita dijaga dengan baik.

Jadi kalau tidak ada, adakah Kerajaan Negeri akan mengambil langkah untuk memastikan bahawa tiap-tiap orang yang datang berkerja di Pusat Jagaan Kanak-Kanak ini namanya kita simpan mungkin kita boleh menulis kepada PDRM dan mendapatkan latar belakang mereka untuk memastikan kanak-kanak yang dihantar ke Pusat-Pusat Penjagaan ini sentiasa selamat dijaga, terima kasih, itu soalan saya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada YB. Seri Delima yang sangat peka, Pusat-Pusat Jagaan Kanak-Kanak Taska adalah di bawah jagaan JKM dan JKM adalah agensi yang membuat pemantauan ke atas pusat-pusat seperti ini jadi saya rasa kita masih belum ada *enforcement* seperti ini. Tetapi di dalam parlimen, Ahli-Ahli

Parlimen memang sudah menyeru supaya adakan satu senarai penjenayah seksual, semua pekerja-pekerja ataupun semua orang yang ingin berkerja dengan kanak-kanak harusnya dia di *screen* ataupun *using this list to screen* sama ada mereka ada rekod jenayah seksual, jadi saya haraplah JKM akan membantu ataupun pihak-pihak yang berkenaan akan membantu supaya mempercepatkan proses ini. Saya rasa memang adalah penting supaya untuk melindungi kanak-kanak kita kita perlu ada cara ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ya, YB. Dato' Speaker, soalan 10 soalan saya.

- No. 10. Sila senaraikan kilang-kilang yang dikompaun dan didakwa ke mahkamah atas kesalahan mencemarkan alam sekitar di setiap daerah dari tahun 2013 hingga 2017.
- (i) Sila nyatakan statistik kilang yang telah dan masih belum menjelaskan kompaun masing-masing.
 - (ii) Berapa kilang yang mencemar alam sekitar yang ditarik balik lesen mereka?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya akan menjawab soalan 10. daripada Ahli Yang Berhormat dari Jawi, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang telah mengeluarkan sebanyak 385 kompaun, maka 27 premis kilang telah didakwa di mahkamah daripada tahun 2013 sehingga April 2017 berdasar kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, senarai premis kilang-kilang yang dikompaun dan didakwa di Mahkamah di atas kesalahan-kesalahan mencemarkan alam sekitar pada kini tidak dapat kemukakan bagi mengelakkan pelanggaran-pelanggaran ke atas Seksyen 50 Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, jika Ahli Yang Berhormat nak nama saya ada tapi tak dapat dikemukakan pada diri kerana akta-akta halangan secara terbuka kerana aktanya ada tulis begitu. Seseorang yang menzahir apa-apa maklumat yang didapati olehnya berkenaan dengan pentadbiran atau pelaksanaan akta ini atau perbuatan-perbuatan yang dibuat di bawah perhubungan dengan apa-apa proses perkilangan atau rahsia trade digunakan pada pencadangan sesuatu *trade* dan proses tertentu melainkan jadi penzahiran itu telah dibuat bagi maksud-maksud akta ini atau maksud-maksud sesuatu perbicaraan jenayah di bawah akta ini dan dengan persetujuan orang yang berjalan *trade* atau dengan proses itu adalah melakukan satu kesalahan yang boleh kena denda tidak melebihi RM10,000 ataupun penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-kedua.

Daripada keseluruhan 385 kompaun yang dikeluarkan sebanyak 10 kompaun masih belum dijelaskan, sepanjang tempoh tersebut, 2 buah kilang telah ditarik balik lesen oleh Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang di atas kesalahan berkaitan dengan pencemaran Alam Sekitar kerana mereka tidak dapat mematuhi syarat-syarat di Jabatan Alam Sekitar terpaksa tarik balik lesen dan terpaksa tutup dua-dua kilang ini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Arifin):

Soalan tambahan, soalan saya adalah berkenaan dengan kilang *activated carbon* di Sungai Lembu yang telah beroperasi secara haram selama 10 tahun yang tidak mempunyai kawalan pembakaran semasa aktiviti membakar habuk kayu. Apa yang saya terima dari Mesyuarat Tindakan Daerah tidak ada apa-apa tindakan yang telah dilakukan hanya kes itu akan di bawah ke Mahkamah tapi sementara menunggu apa-apa tindakan *failing* ke mahkamah, kilang itu masih beroperasi, soalan saya apakah tindakan yang dilakukan selain daripada hendak fail di Mahkamah, adakah akta-akta yang boleh dilakukan untuk memberhentikan operasi kilang pembakaran habuk kayu ini sementara kelulusan lesen, kelulusan tukar tanah ke dan apa-apa kelulusan didapat oleh kilang itu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang tindakan mahkamah telah diambil, mereka akan pergi mahkamah pada 25hb Mei bulan ini tahun ini, bila kita katakan *activated carbon* saya amat hairan kerana ada orang kata *activated carbon* ini dia cukup bahaya, bahaya untuk apa? Apakah *activated carbon* ini digunakan? Tapisan air, tapisan udara untuk membersihkan air jikanya dia toksik memang kita hendak tutup dengan serta merta kerana tapisan air, tapisan udara apakah kesalahan syarikat ini memang mereka telah memohon tetapi ada

masalah-masalah tertentu nombor satu, tapak mereka memang di *hill land*, mereka jauh diri daripada penduduk pada perkampungan lebih daripada 500 meter mereka adalah tidak ada rumah-rumah kediaman 500 meter daripada kilang ini. Mereka juga telah memohon lesen dan memohon lesen tidak dapat diluluskan kerana kehendak keluar daripada *Hill Land* tapak itu memang Industri Agro punya tempat bayangkan bahawanya sebanyak 2,000 tan satu bulan habuk-habuk daripada perindustrian kayu hendak buang di mana? Jikanya kehendak menggunakan *resources* itulah satu cara *closing the land on recycling*. Kedua memang Alam Sekitar telah turun padang dan Alam Sekitar telah siasat, siasat apa? Siasat bahawa memang tidak toksik dan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh orang tertentu bahawa ini satu perkara satu unsur orang-orang berdekatan mendapat kanser saya ingat cukuplah, cukup jangan buat tuduhan-tuduhan liar kerana pengusaha-pengusaha juga ada hak untuk menjaga alam sekitar memang apa-apa boleh *recycle* boleh *recycle* hanya UMNO Barisan Nasional di Pulau Pinang tidak boleh *direcycle* di Pulau Pinang....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Jawab soalan cukuplah, nak sangkut semua....(gangguan). Apalah Puyu ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Duduk duduk....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

(gangguan)....tidak boleh *direcycle*, jangan *direcycle* Barisan Nasional di Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Puyu cukup. Duduk....(gangguan) ada soalan tambahan?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker, soalan tambahan saya tadi kita dengar 10 kompaun yang masih belum dijelaskan. Apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang dikenakan lebih 3 kompaun, adakah mereka akan terus memberikan kompaun Jabatan Alam Sekitar ataupun Jabatan Alam Sekitar ada satu syarat di mana ada hadnya untuk kompaun selepas beberapa kompaun mereka akan ambil tindakan mahkamahkah atau mereka akan tarik balik lesen? Silakan terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebelum menjawab, peringatan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. YB. Pulau Betong, peringatan dengar baik-baik, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya faham bahawa ramai rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat beranggapan bahawa sesi Dewan ini mungkin kali yang akhir, mungkin kali yang akhir. Maka saya juga ingin menasihati semua walaupun berkemungkinan tetapi saya akan pastikan Dewan ini dijalan dengan elok jangan buat susah kepada saya, saya akan buat susah kepada *you*. Sila Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Senisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, tapi kenyataan ini Dewan terakhir itu tak betul, menyakitkan hati saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Berkemungkinan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Senisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kita akan terus memerintah di sini, Pakatan Harapan akan terus memerintah di sini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih sila duduk.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Dato' Speaker, Persidangan terakhir untuk penggal ini, ayat kena faham....(gangguan). YB. Seri Delima kena faham...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup, cukup cukup, ini tak panas sangat, kalau panas sangat saya akan sejukkan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, terima kasih, *I'm holding the floor*. Sebab memang pada 10 kompaun ini yang belum dijelaskan, kami ambil perhatian kerana ada tempoh untuk membayar kompaun jika mereka enggan membayar kompaun mereka akan dibawa ke mahkamah dan sementara jika mereka tidak menunaikan syarat-syarat dan kewajipan mereka untuk selaraskan dengan syarat-syarat berkaitan memang akan menarik balik lesen dan tutup kilang itu, itu adalah tindakan yang akan diambil terhadap mereka.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Arifin):

Soalan Tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, habis, YB. Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Dato' Speaker, yang amat saya hormati. Soalan 11 soalan saya.

No. 11. Pembangunan Tanah Wakaf dalam DUN Bertam :

- Berapakah jumlah tanah wakaf di DUN Bertam? Senaraikan tempat dan keluasan.
- Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan tanah wakaf berkenaan? Jika ada, huraikan projek secara terperinci.
- Adakah masih terdapat tanah wakaf yang menimbulkan masalah untuk dibangunkan dalam DUN Bertam?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum wbt. YB. Dato' Speaker menjawab soalan 11 daripada YB. Bertam. Terdapat sejumlah 30 lot tanah wakaf dalam DUN Bertam dengan jumlah keluasan 36.86 ekar. Senarai berdasarkan lokasi dan keluasan bagi setiap lot adalah seperti di Lampiran A yang akan diletak di atas meja Yang Berhormat selepas sesi soal jawab soalan lisan.

Sebahagian besar tanah wakaf di kawasan DUN Bertam adalah wakaf khas yang merangkumi tapak masjid, tapak surau, tanah perkuburan, sekolah agama/ madrasah serta wakaf khas bagi tujuan tertentu dan hanya sebahagian kecil sahaja dalam kategori wakaf am.

Di antara projek yang telah dan sedang dibangunkan di atas tanah wakaf dalam DUN Bertam adalah seperti berikut :

- Wisma Sheikh Abdullah Fahim yang telah siap pada tahun 2006;
- Bazar Wakaf Rakyat Masjid At-Taqwa Bertam yang telah siap pada tahun 2016; dan
- Pembinaan Masjid Taman Seri Serdang yang dijangka siap pada bulan Ogos tahun 2018 dengan kos sebanyak RM3.9 juta;
- Setakat ini, tiada sebarang masalah yang dihadapi dalam pembangunan tanah wakaf di DUN Bertam memandangkan kebanyakan tanah wakaf-tanah wakaf ini adalah tanah wakaf khas.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan susulan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan susulan. Saya nak tanya soalan berkenaan jawapan yang diberi berkenaan tanah wakaf bagi Sekolah Agama Al-Masriah di Lot 1277 Mukim 20 Kuala Mengkuang, dalam soalan itu disebutkan yang pihak Majlis Agama Islam...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti, soalan pokok DUN Bertam...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ooo, tak boleh tukar DUN ek...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bertam, soalan tambahan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Soalan tambahan dan saya ucapkan terima kasih kepada YB. Dato' EXCO....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya perlu ikut peraturan. Sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya boleh tanya soalan am tak? Soalan amnya boleh tak tanah-tanah wakaf ini diberitahu kepada ADUN supaya sebab saya tengok keputusan-keputusan yang dibuat dihebahkan kepada masjid tetapi tidak diberitahu kepada ADUN sebelum apa-apa keputusan dibuat, soal itu la adakah apa-apa keputusan atau pun hebahan dibuat kepada ADUN juga...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Perkara yang biasa dijalankan jikalau ahli-ahli Yang Berhormat dikedua-dua belah pihak yang hendak tahu pembangunan tanah wakaf boleh tanya terutama sekali Penanti yang duduk dalam MMK, terima kasih Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya jemput YB. Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan saya nombor 12.

No.12. Huraikan impaknya ekonomi kita terutamanya golongan muda oleh *Money Game* yang sedang menjejaskan semua lapisan masyarakat kita dan tindakan Kerajaan Negeri untuk menstabilkan ekonomi kita. Senaraikan syarikat dengan terperinci yang terlibat dalam *Money Game* ini. Adakah satu peruntukan digubalkan untuk mengawalinya?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya menjawab soalan yang ke 12. Perniagaan bersifat money game atau skim cepat kaya seperti pelaburan, hartanah, Forex atau emas yang berselindung di bawah modus operandi pemasaran berbilang tingkat (MLM) kian berleluasa. Akibat ekonomi yang lembap, syarikat-syarikat skim cepat kaya dikatakan semakin aktif untuk menarik orang ramai membuat pelaburan sejak kebelakangan ini. Skim yang menjanjikan kadar faedah lumayan dan pulangan menguntungkan menyebabkan sesetengah orang terutamanya golongan muda ingin memperoleh wang banyak dalam tempoh yang singkat, akhirnya menjadi mangsa penipuan oleh syarikat-syarikat kewangan yang tidak berlesen ini.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengawal syarikat-syarikat skim cepat kaya untuk beroperasi kerana ia adalah di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Namun, orang ramai dinasihati untuk melayari laman web pihak pengawal selia, contohnya laman sesawang Suruhanjaya Sekuriti untuk mendapatkan maklumat mengenai amaran untuk pelabur. Untuk maklumat lanjut berhubung terperinci syarikat yang terlibat, aktiviti penipuan kewangan dan langkah-langkah pencegahan, orang ramai boleh melayari laman web Bank Negara Malaysia.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan, YB. Yang di-Pertua, saya ada sedikit mungkin salah kerana soalnya tidak dijawab dengan EXCO yang betul, *money game* ini selalunya terlibat dengan kewangan dan ekonomi dan sosial tetapi dijawab oleh pelancongan tak betul sedikit tapi tak apalah tambahannya adalah baru ini terdapat satu senarai daripada BNM bahawa ada 302 syarikat disenaraikan dalam hitam yang terlibat dalam *money game* dan saya nak tanya ada berapa syarikat dalam senarai ini yang berasal dari Pulau Pinang, adakah mereka terlibat dalam kegiatan atau pembangunan atau *investment* dalam Kerajaan Negeri dan apakah tindakan kita akan buat supaya kita tidak terlibat dalam *money game* yang *illegal* ini dari segi akta mungkin Bank Negara Malaysia dan lain-lainnya.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Untuk makluman umum, memang Kerajaan Negeri memang tidak melibatkan apa-apa aktiviti *money game* yang tersenarai dalam laman web Bank Negara ini. Walau bagaimanapun, kalau ada apa yang tahu atau ada kes boleh buat laporan di pihak Polis dan mereka akan ambil tindakan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, soalan tambahan. Tengok jaga anak emas.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti, saya rasa YB. Tanjung Bunga masih ada...(gangguan). YB. Tanjung Bunga dulu.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Jadi terima kasih YB. Yang di-Pertua, jelaslah saya kata maklum balas tak akan diberikan dengan jelas kalau melalui platform yang tak betul tapi tak apalah. Dalam senarai ini mungkin tidak dibaca ada satu namanya NBI di Pulau Pinang tak dijawab dan saya harap juga yang boleh dijawab tolonglah jawab kerana kita di Dewan kita nak tahu untuk kepentingan rakyat dan bukan untuk siapa-siapa. Harap hal ini boleh....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, saya dulu, apa tak mahu tengok sebelah kanan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apa, nanti saya sampai.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya ingin bertanya sama ada YB. Batu Lancang boleh jawab. Kalau tak boleh jawab tiada masalah tapi saya difahamkan bahawa syarikat-syarikat ini terutamanya menjadi begitu terkenal sekarang JJPTR telah beroperasi untuk masa yang begitu lama dan mereka juga telah menganjurkan makan malam secara besar-besaran di hotel-hotel di Kuala Lumpur secara terbuka. Syarikat-syarikat ini telah beroperasi pada masa yang begitu lama dan ada juga saya dengar khabar angin bahawa Bank Negara Malaysia mahu pun pihak polis tidak mengambil sebarang tindakan kononnya kerana Pengarah-Pengarah yang terlibat mungkin mempunyai kaitan dengan parti-parti politik tertentu terutamanya Barisan Nasional, Gerakan dan itulah sebabnya....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat jangan biarkan YB. Yang di-Pertua Dewan.... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Buat soalan yang tepat tak perlu sebut...(gangguan). Saya bagi amaran....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak boleh terima macam ini, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalannya adalah kenapa Pihak Berkuasa tidak mengambil sebarang tindakan itulah yang menjadi misteri dalam perkara ini kecuaililah syarikat tersebut mempunyai pengaruh yang begitu kuat, pengarah-pengaruhnya mempunyai pengaruh yang begitu kuat sehingga Bank Negara Malaysia, Polis risau untuk mengambil tindakan....(gangguan). Kerajaan Persekutuan buat tidak tahu sehinggalah sekarang Yang Berhormat boleh menjawab perkara ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Dato' Yang di-Pertua, seperti saya jawab tadi bidang ini adalah bidang kuasa Pusat dan pihak polis kalau ada apa-apa laporan memang pihak polis akan ambil tindakan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya terima jawapan itu....(gangguan). tiada soalan lain, terima kasih... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya hanya nak lahirkan saya punya *confuse* sebab Yang Berhormat tanya pasal ekonomi macam mana platform pergi kat pelancongan yang jawab? itu saya nak tanya, pasal apa platform tak betul. So saya tak puas hati jawapan, patutnya pasal kewangan kena orang jaga kewangan la jawab.... (gangguan). bukan masalah ini jawab lain pelancongan jawab pasal *money game*, mana ada.... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukan soalan la. YB. Teluk Bahang baca peraturan soalan... (gangguan). Tak ada soalan sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri boleh mengarahkan seseorang EXCO untuk menjawab bagi pihak Ketua Menteri. Sila saya ingin jemput seterusnya YB. Penaga. YB. Penaga tak ada, soalan akan dilangka. Seterusnya YB. Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 14.

No.14. Kerajaan Negeri menerima peruntukan persekutuan untuk projek di bawah MARRIS. Nyatakan secara terperinci jumlah yang diterima pada tahun 2013 hingga 2016.

- (i) Senaraikan projek yang dilaksanakan dengan peruntukan MARRIS.
- (ii) Adakah terdapat lebih dari wang peruntukan ini?
- (iii) Jika ya, pernahkah wang peruntukan ini dipulangkan balik kepada Kerajaan Persekutuan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Permatang Berangan kerana beliau bertanyakan tentang MARRIS. Kerajaan Negeri menerima peruntukan Persekutuan untuk projek dibawah MARRIS adalah seperti berikut **2013**, RM84,588,635.26 dan **2014**, RM94,622,919.69, **2015**, RM101,460,524.00 dan **2016**, RM107,548,155.00.

- Jumlah projek dan perbelanjaan di bawah peruntukan MARRIS bagi tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti di Lampiran A yang tadi saya mengemukakan kepada Yang Berhormat.
- Jumlah lebih daripada peruntukan MARRIS bagi tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti yang dinyatakan seperti berikut 2013, RM50,471,489.76, 2014, RM44,518,563.52, 2015, RM53,135,917.37 dan 2016, RM60,116,622.91.
- Lebihan peruntukan bagi setiap tahun akan digunakan sebagai peruntukan tambahan untuk tahun berikutnya sekiranya peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun berikutnya tidak mencukupi berbanding jumlah keperluan yang dipohon oleh

Jabatan/ Agensi Pelaksana Pelaksanaan disini agensinya adalah Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan juga Pejabat Daerah. Lebih peruntukan MARRIS bagi setiap tahun tidak dipulangkan semula kepada Kerajaan Persekutuan, laporan berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri iaitu MARRIS adalah dilapor kepada Kementerian Kewangan Negeri Malaysia secara bulanan dan juga tahunan, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Soalan tambahan saya, dalam projek-projek MARRIS ini terdapat satu batang jalan yang dibuat di Tasek Gelugor dan Kubang Menerong antara di persimpangan itu, persimpangan itu hendak di *upgrade* sebagai jalan besar, hendak membuat *traffic light* adakah peruntukan MARRIS boleh digunakan untuk kerja-kerja tersebut dan soalan saya yang kedua, kenapa lebih wang ini tidak dibawa ke tahun hadapan dan adakah setiap tahun dibawa ke tahun hadapan peruntukan wang MARRIS ini dan boleh disimpulkan bahawa Kerajaan Negeri tidak menjalankan projek-projek sepertimana yang diminta dan dipohon. Jadi saya mohon beri jawapan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih, wang MARRIS adalah untuk penyenggaraan jalan dan sekiranya ada apa-apa kecemasan boleh digunapakai juga, tetapi untuk membina jalan baru tidak diizinkan, mahu pun membuat *upgrading* naik taraf, itu tidak boleh itu cuma untuk penyenggaraan sahaja. Wang peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang diterima oleh Kerajaan Negeri sekiranya ada bakinya boleh di *carry forward* tetapi semua dimasukkan di dalam Wang Amanah yang MARRIS, jadi setiap bulan dan setiap tahun ada membuat laporan kepada Kementerian Kewangan Malaysia, jadi tidak ada apa-apa yang boleh disalahkan untuk kegunaan peruntukan MARRIS ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta penjelasan Yang Berhormat, YB. Bagan Jermal terdapat kekeliruan jalan manakah yang dibuat oleh MARRIS yang mana yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, boleh tak saya mencadangkan Yang Berhormat, supaya jalan-jalan MARRIS ini dibuat notis *board*, papan notis mengatakan jalan itu diselenggarakan dibawah program MARRIS di seluruh Pulau Pinang. Jadi kita tahu bahawa ini adalah jalan MARRIS, sebab kadang-kadang kita hendak meminta peruntukan tambahan untuk memperbaiki jalan itu pun tidak pasti adakah MARRIS atau tidak, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih, YB. Dato' Yang di-Pertua, di setiap negeri, jalan-jalan boleh dikategorikan kepada jalan negeri, jalan persekutuan dan kebanyakan rakyat mereka tidak kenal yang mana satu batang jalan itu jalan persekutuan dan adakah jalan negeri? Jadi apa-apa masalah sahaja dan ini apa-apa masalah mereka akan membuat aduan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) atau mana-mana pihak agensi kerajaan, baik pun kepada ADUN-ADUN atau wakil rakyat, jadi kami pun menyalurkan aduan ini kepada agensi-agensi pelaksanaan dan mereka akan mengenal pasti dan tentulah mereka tahu dekat mana jalan kerajaan persekutuan dan jalan Kerajaan Negeri. Untuk saya memang saya mengaku tidak seratus peratus mengenal pasti yang mana itu jalan persekutuan dan jalan negeri, tetapi selama lapan, sembilan tahun ini bolehlah dikatakan tahu di mana Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri, dan saya pasti Yang Berhormat pun tidak tahu, walau bagaimanapun kalau jalan persekutuan memang JKR ada bahagian untuk penyenggaraan jalan persekutuan dan di jalan negeri juga demikian, jadi setiap tahun pihak Kewangan Negeri ada mengagih-agihkan peruntukan-peruntukan MARRIS ini kepada agensi-agensi yang tadi saya sebut tadi dan sekiranya mereka ingin meminta lebih dari itu, boleh juga membuat permohonan kepada Pegawai Kewangan Negeri (PKN) dan beliau akan mempertimbangkan dan menyerahkan peruntukan untuk beliau...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Bagan Jermal, penggal yang lepas di dalam Dewan ini Yang Berhormat berkata bahawasanya ada juga jalan-jalan kampung yang juga diselenggarakan di bawah MARRIS telah dibuat permohonan okay, kalau jalan persekutuan atau jalan negeri itu saya rasa agak susah, tetapi jalan kampung ini tidak jelas sama ada MARRIS ataupun tidak? Sebab saya ada juga menghantar surat kepada Pejabat Daerah meminta memperbaiki jalan itu, jalan ke Titi Serong, tetapi tidak ada jawapan, saya rasa jalan itu adalah MARRIS tetapi tidak ada jawapan, jadi sebab itulah saya kata perlu adakan *signboard* tidak semua yang di *cover* oleh MARRIS.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Kebun Bunga. Soalan tambahan sudah habis, saya bagi peluang sedikit YB. Pulau Betong untuk soalan tambahan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker, soalan saya nombor 15.

- No.15 (i) *Barrier* Halangan Kenderaan Berat di Vale of Tempe sering dihancurkan oleh pemandu kenderaan berat yang ambil kesempatan membahayakan pengguna jalan yang lain, apakah tindakan Kerajaan Tempatan?
- (i) Adakah penjenayah tersebut ditangkap dan didakwa?
- (iii) Apa lagi Kerajaan Tempatan boleh buat demi keselamatan orang awam?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada YB. Kebun Bunga beliau membangkit soalan mengenai *Barrier* Halangan Kenderaan Berat di Vale of Tempe di Tanjong Tokong. Kerosakan palang atau *barrier* halangan berat di Vale of Tempe telah berlaku pada 10hb, 12hb, 14hb, 17hb April dan terbaru 14 Mei 2017 semenjak ianya dibuka kepada laluan awam pada 4 April 2017. Tindakan Kerajaan Negeri yang telah diambil melalui kerjasama antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi palang atau *barrier* halangan berat yang sering dihancurkan oleh pemandu kenderaan berat adalah seperti berikut. Satu, pihak MBPP telah memasang sebanyak enam kamera litar tertutup (CCTV) pada bahagian dua struktur tiang halangan kenderaan berat merentasi Jalan Fettes. Kesemua CCTV telah mula beroperasi sepenuhnya pada 5 Mei 2017. Video semasa atau *real-time* CCTV berdasarkan rakaman daripada enam buah kamera ini dapat dilihat di Pusat Kawalan Lalulintas dan CCTV MBPP di tingkat 4, KOMTAR serta Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan juga Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Kedua, membuat laporan kepada pihak PDRM mengenai tindakan merosakkan *barrier* halangan berat, mendapatkan nasihat daripada Penasihat Undang-undang Negeri bagi mengambil tindakan undang-undang dan juga ganti rugi daripada pesalah yang telah merosakkan *barrier* halangan kenderaan berat.

Pihak Kerajaan Negeri melalui JKR Daerah Timur Laut telah membuat dua laporan polis berhubung tindakan kenderaan berat merosakkan *barrier* halangan kenderaan berat tersebut. Pihak polis akan menjalankan siasatan lanjut dan sekiranya didapati bersalah, tindakan undang-undang boleh diambil.

Antara tindakan lain yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan keselamatan orang awam di kawasan tersebut adalah dengan meningkatkan pencahayaan dan mengadakan rondaan secara berkala dengan kerjasama daripada PDRM dan penguatkuasaan MBPP.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan tambahan YB. Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan yang cukup lengkap daripada Yang Berhormat, soalan tambahan saya adalah walaupun ada laporan polis dan beberapa tindakan termasuk CCTV telah pun di pasang, walau bagaimanapun hasilnya jikalau palang ini masih dirosakkan tidak ada cara mengenal pasti atau pun mempertahankan pengguna jalan raya pada masa ini, walaupun CCTV ada pemantauan, ada jikalau kenderaan berat yang masih merentasi *barrier* ini dan mengambil keluar *barrier* ini keadaan adalah tidak ada apa yang boleh dibuat seperti yang dirakamkan di dalam CCTV, mungkin kita ada tengok, selepas palang ini dilanggar atau pun dikeluarkan setengah atau pun separuh digantung berhadapan dengan lalu lintas, tiada tindakan pada masa itu dan ini mengakibatkan kadar yang amat bahaya kepada pengguna jalan raya. Apakah yang boleh kita buat? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya pemandu kenderaan berat mereka ini tahu bahawa ada halangan dihadapan, tetapi mereka tidak mahu mengetahuinya dan dari rakaman daripada CCTV yang kita terima mereka sengaja paksa lalu di sana, paksa keluar dari sana, bukan terpaksa, sendiri paksa, sendiri masuk, mereka akan memanggil kelendan mereka turun untuk menaik *barrier* itu dan dia melalui tempat itu, dari rakaman CCTV kita ini semua nombor-nombor kereta ini telah dirakam dan pihak JKR telah membuat laporan polis dan polis berkata mereka akan mengambil bukti-bukti rakaman ini dan akan menyaman mereka dan setakat ini baru mereka hendak *approve* dan setakat ini kita belum dapat

feedback daripada pihak polis sama ada mereka membayar kompaun atau tidak, tetapi apa yang saya dapat tahu daripada Pengarah JKR adalah kompaun tertinggi sekali ialah RM500, tetapi kos untuk membaiki *barrier* itu mungkin lebih daripada RM500 itu.

Justeru itu pihak JKR telah meminta Penasihat Undang-undang untuk mengkaji apakah langkah-langkah yang masih boleh diambil untuk menuntut sepenuhnya kerugian untuk membaiki halangan yang rosak itu dan satu lagi, saya juga ingin meminta Penasihat Undang-undang sama ada kita boleh mempamerkan nombor kereta tersebut di dalam surat khabar supaya tuan punya lori atau tauke lori itu boleh tahu sama ada pemandu mereka ini melanggar *barrier* itu dengan sesuka hati, mungkin pemandu dia hanya membawa kereta dan dia tidak memberitahu kepada tauke dia, saya tadi telah melanggar *barrier* dan dia diam-diam sahaja, tauke dia pun tidak tahu disini PGW 5841 lori 6 tan, PHS 2218, lori tanah, BLN 1786 bas persiaran, JHQ 5783 lori dan semua ada rakaman dan kita sedang mendapatkan pandangan daripada Penasihat Undang-undang sekiranya kalau boleh pamer, kita akan mempamerkan di dalam surat khabar supaya tuan punya kereta atau tauke kereta itu tahu apa yang sedang dilakukan oleh pemandu mereka, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan tambahan, saya kena tanya soalan ini, sebenarnya saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat yang memberi jawapan kepada saya, tetapi jawapan yang sebenarnya tidak dijawab kerana, soalan saya bagaimanakah kita mengatasi masalah palang yang diruntuhkan dan dibawa keluar tidaklah mengancam keselamatan dan juga disini kita mendapat tahu, walaupun sudah enam minggu selepas insiden yang pertama, penguatkuasa termasuk semua nombor *plate* sudah didapati, tetapi tidak ada tindakan atau selepas enam minggu masih tidak tindakan ini seperti kes Arson di Padang Tembak, sama juga, isu satu lagi adalah mengenai sisi undang-undang termasuk bagaimana, bolehkah kita mengeluarkan nombor *plate* ke surat khabar.

Di dalam pandangan saya sebagai seorang peguam memang kita boleh, kerana ini membantu siasatan dan membantu siasatan termasuk mengenal pasti pertama sekali siapa yang menjadi *culprit* ataupun yang melanggar undang-undang itu. Jadi yang akhirnya saya juga tahu Yang Berhormat mungkin pada peringkat ini tidak boleh memberi jawapan yang sepenuhnya kerana *the ball is in the court of the police...*(dengan izin), yang siasat. Jadi saya faham tetapi saya juga perlu menyeru bahawa perkara ini mengenai demi keselamatan pengguna jalan perkara ini kena diselesaikan dengan secepat mungkin, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hendak jawab, jawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, setelah mengadakan cctv, maka apabila berlaku sahaja kemalangan seperti ini, JKR akan kerahkan pegawai atau pekerja mereka untuk mengambil turun palang itu. *That's why we need the people, public to inform JKR as well.* Memang cctv 24 jam ada orang jaga. So kita akan bertindak secepat mungkin untuk buka palang itu sekiranya dirosakkan. Sekiranya boleh dibaiki segera, kita akan membaiki. Sekiranya dia sudah bengkok, tidak boleh gunapakai lagi, maka kita akan turunkan dan ganti dengan yang baru. Tadi Yang Berhormat juga beri satu pandangan dari segi perundangan di mana kita boleh buat demikian, tunggulah sehingga pihak Penasihat Undang-Undang memberi *confirmation* dan kita akan berbuat demikian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah tamat selaras dengan Peraturan-Peraturan Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih di dalam sesi perbahasan usul ucapan terima kasih kepada T.Y.T. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian silakan. Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. *Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakahatu.* Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas ucapan usul terima kasih di atas ucapan Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang sempena perasmian sidang DUN Penggal Ketiga Belas pada 19 Mei 2017 yang lalu. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas perlantikan semula beliau sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang untuk sepenggal lagi.

Alhamdulillah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana di atas limpah rahmatnya, kesejahteraan serta kemakmuran yang telah kita nikmati di negara ini berkat kepimpinan dan keikhlasan serta usaha yang bersungguh-sungguh oleh pemerintahan Barisan Nasional dan berkat daripada perancangan yang begitu teliti dan pelaksanaan yang rapi telah dapat mempertahankan negara yang kita cinta ini dari kemelut ekonomi apabila terjadi kejatuhan harga minyak dan juga penurunan nilai matawang Ringgit. Ekonomi Malaysia terus kukuh dan berkembang walaupun terdapat cabaran-cabaran ekonomi global dan serantau yang begitu getir sekali.

Kalau tuan pergi ke Johor

Belikan saya ubi dan madu

Malaysia indah lagi tersohor

Rakyatnya makmur bersatu padu

Sampai di Johor hari dah petang

Singgah berehat di Gelang Patah

Berbagai ancaman datang melintang

Kerajaan yang kukuh jaya menyanggah

Sampai di perigi minum secangkir

Bila dah gelap langkah bertapak

Jangan dikata Pulau Pinang dipinggir

Peruntukan ditabur sentiasa tak nampak

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya percaya semua pihak di peringkat pentadbiran dan kita juga semua di Dewan yang mulia ini sebagai wakil rakyat di akar umbi telah berusaha seberapa yang boleh untuk memastikan segala yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia memberi kesan dan faedah yang terbaik kepada rakyat. Pulau Pinang seharusnya berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana sepanjang lapan tahun ini, walaupun Kerajaan di Negeri Pulau Pinang telah bertukar tangan, Kerajaan Pusat telah memberi peruntukan yang besar iaitu RM30.8 bilion atau purata RM3.42 bilion setahun yang melebihi bajet tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebanyak purata RM788 juta setahun. Adalah tidak benar sekali jika pemimpin-pemimpin seperti Ahli Parlimen Bukit Bendera mengeluarkan kenyataan di dalam Buletin Mutiara, majalah rasmi negeri pada 1 Ogos 2015 bahawa saya petik "bagi pihak rakyat Pulau Pinang, saya menzahirkan perasaan dukacita, beliau kata, negeri kami seolah-olah dipulaukan dan tidak diberi layanan yang adil dan saksama. Walaupun Perdana Menteri menjanjikan pelaburan yang paling besar dalam sejarah Malaysia dengan nilai RM260 bilion untuk merealisasikan RMK11, namun nampaknya tiada apa-apa yang signifikan untuk salah sebuah negeri utama di negara kita, iaitu Pulau Pinang". Y.A.B. Air Putih juga sebagai Ketua Menteri banyak di majlis-majlis dan kenyataan-kenyataan rasminya acap kali mengatakan bahawa Pulau Pinang tidak menerima apa-apa.

Sebenarnya pelabur-pelabur yang masuk ke Pulau Pinang kebanyakan adalah atas promosi dan perdagangan dua hala antara Malaysia dan negara-negara rakan dagang di luar dan juga usaha promosi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan dibantu oleh agensi-agensi seperti MIDA, NCER dan sebagainya. Pelabur yang datang diberi ruang untuk memilih negeri mana yang nak dibuat pelaburan dan tentu sekali pelabur-pelabur mahu melabur di tempat yang mereka rasa selesa untuk bertapak. Jangan salahkan MIDA atau Kerajaan Pusat. Sepatutnya Negeri Pulau Pinang sendiri mempunyai KPInya dalam memastikan kemasukan pelaburan dan pelaburan semula pelabur-pelabur yang sudah ada di dalam negeri ini ataupun *reinvestment* dari misi-misi pelaburan yang dibuat itu, saya hendak tanya, setakat manakah kejayaannya?.

Ekonomi Malaysia akan terus pulih dan rancak. Perkembangan terbaru amat menggalakkan apabila Y.A.B. Perdana Menteri telah berjaya membawa masuk pelaburan berjumlah RM366 bilion dalam masa tujuh bulan dari November 2016 sehingga Mei 2017 iaitu sebanyak RM175 bilion daripada Negara China, RM31 bilion dari Arab Saudi dan RM160 bilion dari India. Tatkala pertumbuhan ekonomi dunia begitu perlahan dan tatkala pembangkang Malaysia ghairah mensabotaj ekonomi Malaysia dengan berbagai cara termasuk memburuk-burukkan Malaysia di luar negara, tuduhan Malaysia akan bankrup, 50% orang Cina Malaysia hendak berhijrah ke negara-negara lain, wang EPF, Tabung Haji dah lesap dan sebagainya. Hakikatnya melalui kerjasama dengan negara-negara seperti China, Arab Saudi dan India khususnya, itu menunjukkan bahawa negara luar menaruh keyakinan penuh terhadap kestabilan ekonomi dan politik Malaysia. Keyakinan negara luar itu menunjukkan keyakinan mereka ke atas kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib dan keyakinan mereka ke atas kelangsungan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pelaburan-pelaburan besar akan melonjak perkembangan ekonomi Malaysia dan suku tahun pertama 2017, ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.6% dan tentu sekali kesan-kesan limpahan seperti peluang-peluang pekerjaan, peningkatan perdagangan dua hala dalam pelbagai bidang, pertumbuhan pelaburan dagang, perkhidmatan pelancongan dan pengangkutan akan dirasai di seluruh Malaysia termasuk Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bagilah saya habis dahulu. Limpahan-limpahan itu sudah mula dirasai apabila pelancong-pelancong ramai dari Negara China datang berduyun-duyun ke Pulau Pinang. Kawasan saya sendiri di Telok Ayer Tawar, Kampung Contoh, baru-baru ini pada 13 Mei 2017 yang lalu, 400 pelancong China datang untuk tengok kampung tradisional sahaja iaitu budaya hidup (*living culture*) jadi ini merupakan satu lonjakan besar kepada perkembangan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Ketabahan Perdana Menteri dan ketekunan berusaha melawan arus seperti yang dikatakan di dalam pepatah China, "*jia feng zhi jing cao*" – *the toughest grass can withstand the strongest wind...*(dengan izin). "Rumput yang kuat dapat bertahan angin yang kencang. *Adversity brings out one's strength of character*, cabaran dan rintangan akan menyerlahkan kekuatan jiwa dan peribadi seseorang". Beliau telah berjaya menyelamatkan ekonomi negara dan menstabilkan mata wang Malaysia. Berbanding dengan Pakatan Harapan Rakyat yang sedang berkecamuk, tidak boleh menyelesaikan satu soalan besar, siapa hendak jadi Perdana Menteri kalau dapat tawan Putrajaya?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Nantilah, bagi saya habis *sentence*. Tunggu sekejap. Tun Dr. Mahathir ke? Tan Sri Muhyidin ke? Wan Azizah ke? dan Lim Kit Siang ke? Dan sekarang keputusan mereka di dalam Konvensyen PKR pada 14 Mei yang lalu Anwar Ibrahim akan dinobatkan sebagai Perdana Menteri sekiranya Putrajaya dapat ditawan. Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Yang Berhormat, semalam Barisan Nasional dalam satu ceramah di Seberang Jaya melancarkan versi baru Barisan Nasional iaitu Barisan Nasional 2. Adakah ini bermaksud Barisan Nasional 1 sudah mati? Sekarang ada Barisan Nasional 2. Adakah ini juga bermaksud rasuah akan menjadi dua kali ganda dengan Barisan Nasional 2? Ataupun Barisan Nasional 2 akan jadi satu sandiwara oleh pelakon-pelakon yang sama untuk menipu rakyat?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain jangan ganggu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Bagan Dalam. Kami di sini pun tidak tahu bahawa ada Barisan Nasional 2 pula.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Rahman Dahlan datang ke Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kita semua tidak pergilah.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Tetapi sekarang Barisan Nasional 1 sudah mati.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain duduk. YB. Pulau Betong pun duduk. YB. Sungai Acheh pun duduk. Seorang sahaja yang berdiri. YB. Telok Ayer Tawar, silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Syabas YB. Dato' Speaker, tegas. Jadi dalam Konvensyen PKR itu, Jorcerly Tan berkata... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hati-hati, jangan sebut banyak yang tidak bersangkutan paut dengan Dewan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya cuma ingin memuji YB. Dato' Speaker lebih baik dari Pandikar. Lebih baik. Setuju tidak? Setuju atau tidak setuju?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa setuju? Apa kena mengena Pandika di sini?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, ini tidak dapat laluan bangun macam mana?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Duduk, duduk, YB. Telok Bahang duduk.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk. Seorang sahaja berdiri. YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Dirumuskan sebagai Anwar *Worshipping*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, ini menyakitkan hati saya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak kata apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta Yang Berhormat tarik balik. Tarik balik.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa kena mengena?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Beliau adalah ketua umum Pakatan Harapan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Seri Delima tidak mahu kacau Telok Ayer Tawar. Tetapi kalau teruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Daripada *People' Paper*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa yang sakit hati sangat?

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak sakit hati.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima *okay*. Saya akan urus.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau Anwar jadi Perdana Menteri apa sakit hati sangat?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya akan urus. Tolong.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker..(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Asalkan bukan Najib la....(gangguan).

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tadi Bagan Dalam beri kenyataan, hari ini, sekarang saya beri kenyataan. Apa yang YB. Seri Delima sakit hati?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat....(gangguan). Ketua Pembangkang, tolong. Ahli-ahli Yang Berhormat, jaga. Yang tidak sesuai untuk dibawa di dalam dewan, jangan. Yang tidak bersangkutan paut juga, jangan.

Adun Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Betulkah YB. Dato' Speaker?

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey, saya akan teruskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya *control*.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Barisan Nasional berjaya menambat keyakinan rakyat dan keyakinan negara luar dan kerana kita terus merancang kemajuan dengan Transformasi Nasional 50 atau TN50. Mengatur langkah 30 tahun akan datang dengan penuh keyakinan (*In Shaa Allah*), Barisan Nasional akan terus memerintah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dan tawan KOMTAR. Kita akan tawan Putrajaya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Masing-masing tawan menawan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak apa. Masing-masing ada keyakinan. Satu yang baik. Okey.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dari tahun 2008 hingga 2015, Pertumbuhan Negara Kasar (GDP) adalah 4.65%. Tetapi Pulau Pinang hanya mencatat pertumbuhan sebanyak 4%. Sumbangan Pulau Pinang dalam ekonomi negara pada tahun 2007 adalah sebanyak 8.83%. Tetapi selepas 8 tahun memerintah, DAP telah jatuh sumbangan Pulau Pinang kepada 6.57%. Rencana *Penang Institute* bertarikh 19 Julai 2016, bertajuk (dengan izin) "*Penang Economy GDP Growth Rates and 2016 projection*" menyatakan satu daripada sebab yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang untuk 2015 adalah kerana nilai ringgit telah turun berbanding dengan *Dollar Amerika*.

Oleh kerana ekonomi Pulau Pinang adalah *export oriented*, jadi Pulau Pinang beroleh lebih faedah daripada keseluruhan Malaysia. Bahkan, disektor perkhidmatan pun penurunan nilai ringgit memberi kesan positif kerana di industri pelancongan khususnya, semua sudah menjadi lebih murah berbanding dengan nilai ringgit lain. Jadi, kenapa tidak mengakui hakikat ini bahawa penurunan nilai ringgit tidak semestinya memberi kesan negatif keseluruhannya.

Contoh, Negeri China sendiri dengan sengaja menurunkan nilai *Remedy* untuk menjadikan produk-produk dari Negeri China lebih kompetitif dan ini sangat dimarahi oleh Negeri Amerika kerana merupakan rakan dagang besar di Negeri China.

Laporan di Bank Negara yang baru diumumkan pada 20 Mei 2017, menyatakan ekonomi Negara Malaysia tumbuh 5.6% berbanding dengan 3.3% di Thailand, Singapura 2.5%, Indonesia 5.01%. Hutang isi rumah menurun 8.4%, pelaburan meningkat 3.2%, perbelanjaan swasta tumbuh 8.2%, penggunaan awam naik 7.5%, peningkatan permintaan domestik naik 7.7% pada tahun 2016, permintaan domestik hanya naik 4.1%, perbelanjaan swasta kekal sebagai pemaju utama pertumbuhan ekonomi negara. Pasaran saham naik 8%, ringgit naik 3.6% dan eksport naik 24.3%. Ini adalah *indicator-indicator* yang menunjukkan bahawa ekonomi negara kita didalam keadaan yang cukup sihat.

Y.A.B. Ketua Menteri dalam Majlis rumah Terbuka Deepavali pada 29 Oktober 2016 yang lalu, menyatakan beliau menolak fitnah jahat politik tertentu, khususnya dari Barisan Nasional, NGO-NGO yang pro (BN) yang menyatakan Kerajaan Negeri menjalankan pembangunan di kawasan hutan seperti di Cameron Highlands. Ini petikan daripada ucapan Ketua Menteri. Walhal umum mengetahui bahawa laporan telah dikeluarkan melalui media berbagai pihak awam dan juga dalam dewan yang mulia ini pun juga kita telah berbahas bertahun-tahun tentang masalah banjir kilat, bukit botak, air terjun 'teh tarik' yang berlaku apabila hujan di Pulau Pinang. Ketua Menteri dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan menyalahkan hujan yang turun berlebihan, musim pertukaran monsun, seribu satu alasan lain.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Nantilah, bagi saya habis dulu. Seribu satu alasan lain.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mustahak ni. Sedikit. Sedikit.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Rakyat Pulau Pinang dah bosan. Dah bosan, kami dalam ini pun sudah bosan bercakap tentang banjir. Setelah 9 tahun, bila masalah ini dapat diselesaikan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Telok Ayer Tawar, penjelasan. Bukankah ada seorang Ahli KOMTAR, dia kata dahulu selepas 9 bulan DAP tadbir, hilang banjir. Tidak ada banjir lagi dah.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey, terima kasih. Tidak tahulah. Dia orang tahu apa yang dia orang cakap.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, sikit sahaja. Yang Berhormat, saya tanya.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya pun dah bosan dengan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit sahaja Yang Berhormat. Biarlah saya tanya, YB. Telok Ayer Tawar, benarkan.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey, sekali sahaja selepas itu duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. Terima kasih. Ibundaku. (ketawa)

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bila pula saya jadi ibunda?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Setuju tidak, di Pulau Pinang tidak ada sebidang tanah kepunyaan orang melayu ditukar milik dan dijual seperti yang berlaku di Johor Bharu dimana EXCO nya adalah orang UMNO. Setuju tidak? Di Pulau Pinang tidak berlaku perkara itu. Setuju tidak?

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, ini tidak ada kena mengena.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jawab soalanlah. Jawablah soalan saya.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak mahu jawab.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Siapa yang jual tanah di Johor itu? Siapa dia, yang tukar milik hak tanah orang Melayu siapa dia?

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak teruskan YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

EXCO. EXCO siapa?

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ada orang membebel hal-hal yang tidak kena.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan membebel.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Mengena dengan Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sudah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Itu perlakuan orang UMNO. EXCO UMNO yang dok buat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan DAP yang buat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey. Yang lain jangan.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Peraturan Dewan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan sebut yang akan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa pula. Kalau berani, jawab perkara itu.

Adun Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Peraturan 46.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau berani, jawab perkara itu. Adakah sebidang tanah di Pulau Pinang....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima, dia sudah jawab. Sudah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Membebel. YB. Telok Ayer Tawar membebel.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sudah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Berani jawab.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain, jangan provok.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato Speaker, ini melampau....(gangguan). Adakah ini anak emas Dato' Speaker? Ini anak emas ke?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hah?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini anak emas ke? Saya nak tanya ni. Ini anak emas ke?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sudah. YB. Telok Ayer Tawar, jalankan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Seri Delima memang seronok....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini Telok Ayer Tawar....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tanya soalan yang bernas....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Bolehkah lalu tanpa minta laluan?....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya nak pertahankan. DAP nak pertahankan. Tidak seperti di Johor....(gangguan)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Hormatlah Peraturan Dewan ini. Hormat Dato' Speaker, bila suruh duduk. Duduklah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk. Duduk....(gangguan) Sungai Aceh. Tolong. Telok Ayer Tawar, kalau tidak mahu diganggu, jangan beri laluan. Itu senang. Hak.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak mahu beri laluan, kepada sesiapa pun. Tidak perlu Ketua Menteri menyatakan tidak ada seinci pun tanah di Pulau Pinang ini yang diluluskan untuk pembangunan. Tanah rizab hutan simpan untuk kawasan tadahan air. Tidak perlu cakap. Kita semua tahu, itu tidak boleh dibuat. Kalau buat, memang telah melanggar syaratnya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Eh, kan saya kata tidak beri lagi laluan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Nak penjelasan. Hendak meng*completed*kan. Saya ingat Yang Berhormat juga boleh merujuk kepada laporan PAC....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Nanti, nanti. Tidak beri laluan lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Laporan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak beri, tak apa. Duduk. Berlaku adil....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey. Tidak ada. Di dalam di sebalik kenyataan itu, tidak seinci pun tanah bukit kawasan rizab simpan tadahan air di bangunkan atau diluluskan untuk pembangunan. Tetapi bila hujan turun sekejap sahaja, sejam Bandar Baru Air Itam, Jalan P. Ramlee, Kampung Rawa, Desa Damai, Taman Mangga, Mak Mandin, dan macam-macam lagi tenggelam....(gangguan). Tahu, tunggulah. Ini semua kawasan-kawasan rendah, setiap kali hujan jadi banjir. Setiap kali banjir, terus jalan rosak, penduduk susah. Kerja

tidak boleh pergi. Produktiviti terjejas dan negeri menanggung kerugian untuk memperbaiki masalah kerosakan.

Kalau Penang Transport Master Plan diberi begitu besar perhatian, kosnya RM46 bilion. Saya nak tanya, mana dia *Penang Flood Mitigation Masterplan*?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya jawab, sebab Yang Berhormat tanya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jawab masa menggulung nantilah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Yang Berhormat kata tanya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kan saya kata tidak ada dah? Rupa-rupanya....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Apa pusat....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tahulah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Setelah Fasa 1 Sungai Pinang disiapkan hampir 20 tahun, Yang Berhormat pun EXCO Kerajaan, mengapa nak tunggu 20 tahun?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Nak cakap juga?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sebab semua kawasan ini, terlibat dengar...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak beri laluan. Dato' Speaker pun kata cukuplah. Saya nak beritahu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kot nak dengar kenyataan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey....(gangguan) Sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini laporan daripada Kerajaan Pusat sejak 2008 hingga 2017, RM2.3 bilion peruntukan telah diberi kepada Pulau Pinang. Antaranya adalah RTB Pulau Pinang RM94.67 juta, RTB Bertam RM152 juta, RTB Sungai Junjong RM135 juta, RTB Lembangan Sungai Kerian RM46 juta, RTB Tasek Gelugor RM41 juta, Pemuliharaan Sungai Juru RM100 juta. Jangan kata kerajaan pusat tidak beri.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kita mahu lebih banyak...(gangguan). Sebab ini tanggungjawab besar. Tengok perlembagaan. Kalau bukan tanggungjawab pusat... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sudah...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Walaupun dijangkakan tetapi tidak sampai peruntukan yang penuh diberikan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk. Duduk.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker tidak adil. Semalam keluaran saya. Semalam keluaran saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Bahang, duduk.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kenapa tidak keluaran EXCO?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduklah. Ikut arahan, okeylah....(gangguan). Okey, okay.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey, saya akan teruskan. Laporan...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sebab Yang Berhormat tanya, saya jawab.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tidak ada laluan bangun.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Padang Kota sudah. Tunggu. Tunggu. Tidak cukup. Sampai tahap inilah. Okey, okay. Sila. Sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, saya nak rujuk kepada Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan mengenai pengurusan pembangunan di kawasan tanah bukit yang dibuat ekoran daripada laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri ke 3. Setelah dibuat siasatan didapati laporan-laporan taklimat daripada Pengarah Audit Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Air, Bahagian Kawal Selia Air, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, laporan yang tebal, saya pergi ke rumusannya. Dikenalpasti pencerobohan kerja-kerja tanah dibuat tanpa kelulusan di banyak lot-lot tanah disenaraikan yang melebihi ketinggian 250 kaki tinggi. Jadi di sini tak luluslah untuk pembangunan, cerun bukit kawasan, tetapi pembangunan haram, pencerobohan, penerokaan haram berlaku di kawasan-kawasan ini kerja-kerja mengorek, memotong cerun bukit, longgokan tanah ditinggal di tepian dan tuan-tuan tanah terus menjalankan kerja-kerja walaupun notis telah diberi. Notis pemberhentian kerja diberi pada tahun 2012 hingga 2015 ke atas 268 lot tanah milik persendirian yang melakukan kerja-kerja tanpa kelulusan, 17 lot di Daerah Timur Laut, 14 lot di Daerah Barat Daya.

Lawatan Pengarah Audit Negeri pada 20 Mei hingga 29 Mei mendapati kerja-kerja menggorek, memotong cerun tanpa kelulusan berlaku berleluasa tidak mengambil kira impak ke atas alam sekitar bagi mencegah alam sekitar dari aspek teknikal bagi memelihara kestabilan tanah dan cerun-cerun bukit. PBA memberi taklimat pencerobohan berlaku di kawasan sumber air dan tadahan air dan melaporkan kepada Jurutera Kawalan Selia Saliran Air dan jurutera melapor kepada EXCO Kerja Raya, Utiliti dan

Pengangkutan tahun 2015 empat kali, 2016 sembilan kali, 2017 ni pun dah dua kali terdapat kerja-kerja tanah di atas tanah persendirian di kawasan sensitif alam sekitar tahap dua (2), di mana tiada pembangunan, pertanian aktiviti tak boleh dijalankan kerana ia akan mengganggu eko sistem dan cerun-cerun bukit. Akta Di Bawah Seksyen 7A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1978, Akta 133 tidak membenarkan dikenakan denda kompaun serta-merta kepada tuan tanah yang menjalankan kerja-kerja tanpa kelulusan didapati juga proses pendakwaan oleh MBPP yang mengambil masa terlalu lama dua (2) tahun. Antaranya untuk sedia kertas siasatan saja kerana perlu mendapat ukuran tepat Jabatan Ukur dan tambahan pula tanah-tanah bukit tidak ditanda, MBPP lewat mengambil tindakan walaupun terdapat banyak laporan daripada pihak awam dan media awam dan media dah lapor, gambar, dah tunjuk semua orang boleh lihat bukti tapi MBPP nak ambil tindakan lambat sampai bertahun-tahun oleh kerana alasan seperti tadi yang telah dinyatakan. Tuan tanah pula lambat menjalankan kerja-kerja pembaikan setelah diberi notis oleh MBPP dan pihak berkuasa tidak memantau dengan kerap dan mengambil tindakan terhadap tuan-tuan tanah untuk menyegerakan tindakan. Binaan struktur bangunan seperti bangunan, chalet, hotel, restoran tidak mempunyai sijil layak menduduki dan tekanan di kawasan tadahan air dan cerun dikawasan tadahan air dan cerun lebih daripada 250 kaki persegi. Ini semua pencerobohan, pembinaan haram tanpa kelulusan dan sebagainya yang tidak diambil tindakan ataupun diambil tindakan yang lambat disyorkan supaya digubal semula Undang-Undang Kecil atau Jalan Parit dan Bangunan 1974 untuk membenarkan denda dan kompaun serta merta. Disyorkan juga untuk menambahbaik pemantauan dengan teknologi terkini *drone* atau *CCTV* dan kos dicaj kepada tuan tanah.

Ada cadangan tadi untuk, *drone* untuk melihat hal-hal lain, *drone* juga dicadangkan tiap Pejabat Daerah & Tanah perlu ada *drone* ini untuk memantau dengan segera supaya diambil tindakan dengan segera. Tuan-Tuan tanah dikehendaki mendapat khidmat mengemukakan plan mitigasi kepada MBPP sebelum memulakan kerja kerja, dan untuk dikeluarkan notis dengan segera dan menambah rondaan dan pemantauan oleh MBPP. Oleh itu MBPP hendaklah menambah baik, memperkemas dan memperkuatkan lagi bahagian penguatkuasaan. MBPP perlu simpan rekod persempadanan tanah, pembangunan, pertanian dan lain-lain yang tepat dan tujuan status kerja tanah itu, semasa pemantauan dan kerja-kerja diperluaskan supaya diambil tindakan yang segera dan juga Jawatankuasa Kira-Kira menolak cadangan Jawatankuasa PBT untuk mengendalikan permohonan kerja tanah untuk pertanian, untuk meluluskan permohonan kerja tanah untuk pertanian di cerun bukit melebihi 76 meter. Semua sudah tahu Kerajaan Negeri tidak boleh meluluskan sebarang pembangunan di cerun bukit melebihi 250 kaki atau 76 meter kecuali projek-projek khas.

Jadi di sini saya pun nak tanya juga, apa dia projek-projek khas itu dan setakat ini berapa projek khas yang telah diluluskan? Dan kenapa ditegaskan apa yang telah terjadi pengetahuan umum dari menidahkan kelemahan-kelemahan kealpaan Kerajaan Negeri dan khususnya PBT yang menyebabkan kesengsaraan rakyat bila hujan sikit saja, banjir begitu teruk oleh kerana pencerobohan yang telah berlaku. Peruntukan RM300 juta yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri untuk mitigasi mengurangkan banjir di Pulau Pinang adalah apa yang disebut *too little, too late*, terlampau sikit, dan terlalu lambat kerana bila umum pun nak melaksanakan projek-projek itu akan mengambil masa dan oleh sebab banyak pihak telah memejam mata gagal mengambil tindakan keras ke atas pencerobohan, pemotongan cerun dan mengambil langkah-langkah awal mencegah, mengesan dan memantau serta mengambil tindakan segera pendakwaan ke atas mereka yang terlibat. Ini menunjukkan bahawa.... (gangguan) ada meletakkan kepentingan rakyat mengatasi kepentingan...(gangguan). Kerajaan Negeri hendaklah meletakkan kepentingan rakyat melebihi daripada kepentingan tuan tanah.. (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peraturan. Saya rasa adalah tidak betul YB. Telol Ayer Tawar menggunakan ayat pejam mata. Beliau membuat tuduhan itu terhadap kakitangan-kakitangan pihak Berkuasa Tempatan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak menuduh siapa-siapa pejam mata saya kata Kerajaan Negeri memejam mata.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta pernyataan itu ditarik balik....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Laporan menunjukkan, laporan membuktikan...(gangguan), tidak diambil tindakan, lambat membuat pemantauan, kurang laksanakan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima sila duduk, sila duduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, *you cannot allow they...*(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang Berhormat *omission.....*(dengan izin), *omission.....*(gangguan) dan (gangguan) kalau untuk melaksanakan tugas...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat sila duduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, tolong jangan anak emas YB. Seri Delima... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta YB. Telok Ayer Tawar tarik balik pernyataan itu.... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Tak ada saya dengar dengan penuh(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Pejam mata itu merupakan tuduhan(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, kenapa tak bagi keluar....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduklah yang lain, saya pun duk dengar saya tak ada masalah dengan itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, istilahnya *omission*. Kegagalan melaksanakan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta maaf *you are the lawyer*, *omission* dan pejam mata itu berlainan *you know the terminology you are the lawyer...*(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak kata *omission* itu pejam mata , diam lah!

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, itu merupakan tuduhan. Menuduh pihak berkuasa tempatan memejam mata its a *accusation...*(gangguan). *How can you do that...* (gangguan). *Very serious allegation.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No, no, no,

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Selama ini pun Barisan Nasional di tuduh macam-macam.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Betul!. Itu kita ada bukti...(gangguan). Saya ada bukti....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker selalu tak boleh kawal anak emas, YB. Dato' Speaker selalu tak boleh kawal anak emas....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Duduk, duduklah, yang lain duduklah....(gangguan). Tolong...gangguan).

YB Timbalan Ketua Menteri II

Saya rujuk kepada YB. Dato' Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, YB. Telok Ayer Tawar sudah keterlaluan selalu membuat tuduhan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Kalau tak mau duduk saya pula nanti keluar.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Hormati lah YB. Dato' Speaker. *I repeat my statement* saya membuat pernyataan saya tak buat tuduhan saya mengatakan bahawa kegagalan untuk mengambil tindakan...(gangguan). Adalah juga satu kesalahan. *That is the statement*. Okey, saya nak teruskan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta YB. Telok Ayer tawar tarik balik dan minta maaf... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Is it the problem?... (gangguan). So? (gangguan). YB. Dato' Speaker, YB. Batu Maung pada 27 Januari 2017 mengeluarkan kenyataan menyangkal kenyataan yang dibuat oleh Presiden PAS Dato Sri Abdul Hadi Awang dalam media yang mengatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang gagal menjaga kepentingan melayu dan Islam. Dalam kenyataan beliau itu, beliau mengatakan bajet Hal Ehwal Agama pernah mencecah 300% melebihi bajet agama sebelum Pakatan Harapan memerintah Pulau Pinang. Saya ingin menyatakan di sini bahawa DAP menyalurkan lebih banyak dia kata, DAP menyalurkan lebih banyak bajet agama daripada Barisan Nasional, itu pernyataan beliau. Sudah itu dipasangkan pula *billboard* besar-besar untuk memaklum kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang bahawa Pulau Pinang telah memberi peruntukan yang besar untuk masyarakat Islam. Sebenarnya sejak 2008 hingga 2017 jumlah bajet yang disediakan oleh Kerajaan DAP Pulau Pinang untuk Hal Ehwal Agama Islam adalah berjumlah RM444.7 juta atau purata RM49 juta setahun ataupun 9% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus bajet tahunan negeri yang berjumlah sebanyak RM5.8 bilion dari 2008 hingga 2017.

Sebaliknya pula Kerajaan Barisan Nasional sejak 2008 hingga 2017 telah menyediakan sebanyak RM462.1 juta ataupun purata RM57.7 juta setahun melebihi tanggungjawab Kerajaan Negeri sebanyak RM17.4 juta atau 8.7% pecahannya seperti berikut. RM85.6 juta membina 19 buah masjid RM207 juta untuk projek-projek program syiar Islam RM169.5 juta pembayaran elaun Guru Kafa, Imam dan Guru Tahmil, untuk makluman Imam dibayar RM850.00 sebulan guru Kafa RM900.00 sebulan.

Oleh itu tak benarlah kalau menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional Pusat tidak memberi jumlah yang secukupnya ataupun kurang memberi peruntukan untuk pembangunan Islam di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan. Saya nak ucapkan terima kasih kepada Barisan Nasional kerana memperuntukkan lebih banyak berbanding Kerajaan Negeri kepada Hal Ehwal Islam...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan kononnya DAP membelanjakan...(gangguan). Saya tak beri laluan. Tak sabar dah nak gulung.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memberi penjelasan dan ucapan terima kasih ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr.Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau macam ini kita akan sampai 11.00 malam Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih sebab BN telah memberi peruntukan yang lebih banyak,, adakah ini bermakna Barisan Nasional...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Duduk, duduk, cukup cukup cukup cukup.....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. YB. Padang Kota duduk. Sudah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya pun nak tanya adakah ini bermaksud, Barisan Nasional pinggirkan orang India.... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker tidak boleh kawal Dewan. Lemah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pinggirkan siapa tak apa. Saya tak boleh berlaku tak adil kepada semua di sini. Sudah. Sudah. Saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya tanya kebenaran untuk penjelasan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dia tak bagi.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terpuallah kalau tak bagi. Itu hak saya untuk meminta penjelasan. Selalu Yang Berhormat minta penjelasan saya bagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Nanti gulunglah EXCO.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey. Duduk. *No, no* kerana terlalu banyak pencelahan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kebetulan Pengerusi MCA Pulau Pinang ada sini. Dia ada tengah... (*gangguan*).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Takut dengan MCA kah?....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau macam ini saya terpaksa minta keluar saya senang Dewan yang tak ada ramai sangat... (gangguan). Duduk, duduk, duduk. Saya minta keluar!!!! Saya bagi pilihan, kalau kacau lagi saya nak minta keluar!!!! Apasal sengaja nak ganggu? Sudah, sudah!!! Yang EXCO pun sudah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebab takut dengan MCA kah?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini Teluk Bahang nak ulang. Sudah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tak berani bagi penjelasan. Tak berani bagi jalan. Itulah UMNO.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Sungai Puyu!!! Tolong, tolong. Boleh? Panas? Kalau panas cakap.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak teruskan. Ucapan Tuan Yang Terutama Tun semasa merasmikan sidang Dewan kali ini menyatakan bahawa ketetapan agama Islam sebagai agama rasmi perlulah dihormati. Harus diingat bukan sahaja Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk pembangunan Hal Ehwal Agama Islam di Negeri ini, ianya tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak kerana perkara ini telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutan. Tetapi lebih dari itu, kehormatan agama Islam merangkumi semua aspek kehidupan, pendidikan, kebajikan, kerohanian dan pengamalan agama itu sendiri. Enakmen pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 telah menetapkan perlantikan dan kuasa Mufti. Jawatankuasa Fatwa Negeri serta kaedah untuk membuat atau meluluskan fatwa. Tidak ada satu pun peruntukan di dalam enakmen tersebut membolehkan fatwa yang diluluskan untuk dibawa ke Pentadbiran Kerajaan Negeri untuk disemak supaya selari dengan kehendak Kerajaan Negeri sebelum dibawa ke pengetahuan Yang Di-Pertuan Agong.

Ini adalah asas atas dasar bahawa Mufti mempunyai kebebasan penuh untuk membawa fatwa yang diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang untuk membuat syor kepada Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam warta. Setelah diperkenankan maka fatwa tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri dan diwartakan. Fatwa adalah khusus hal ehwal agama dan Ketua Agama untuk Pulau Pinang adalah Yang Di-Pertuan Agong! Bukan Ketua Menteri! Oleh sebab itu edaran surat oleh EXCO Agama pada 26 Mei 2010 kepada Jawatankuasa Fatwa tentang perkara itu adalah salah satu usaha campur tangan dalam hal ehwal agama yang tidak seharusnya dibuat dan perlu ditarik balik.

Yang Berbahagia Datuk Seri Hassan Ahmad bekas Mufti pada 6 Februari mengesahkan ini. Saya petik "Kenyataannya ketika masih dalam perkhidmatan sebagai Mufti, telah membuat teguran selaras dengan enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang di mana Mufti boleh secara terus mengusul fatwa kepada Agong. Apabila Kerajaan Negeri mengeluarkan surat pekeliling dan mengarahkan semua jabatan sebelum mewartakan sebarang fatwa mesti mendapat kelulusan mesyuarat Exco terlebih dahulu beliau menulis surat kepada supaya jabatan Mufti dikecualikan kerana berdasarkan kepada Enakmen 2004, jabatan Mufti tidak terikat dengan surat pekeliling tersebut. Jadi bila dituntut supaya ditarik balik sampai sekarang belum ada lagi kenyataan yang menyebut sama ada pekeliling tersebut telah ditarik balik. Saya menyatakan di sini jangan bermain api, jangan cuba untuk melarutkan dan mempengaruhi pegangan agama rakyat Pulau Pinang mengikut arah dan kehendak pihak yang ingin memesongkan umat Islam dengan pegangan liberalisme, pluralisme, hedoisme dan lain-lain.... (gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Boleh gulunglah. Tadi kan kita putuskan jangan ganggu.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Sikit saja saya nak kata. Sebelum pergi pada *next topic*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Masih lagi tentang fatwa saya nak tanya apa dah terjadi dengan fatwa-fatwa yang telah diluluskan tapi belum diwartakan. Dimaklumkan ada 4 atau lebih saya pun tak begitu faham. Pada 4 April 2017 Datuk Mufti Pulau Pinang telah menyatakan bahawa semua fatwa yang sudah diluluskan dalam proses untuk diwartakan yang dah lulus. Proses nak diwartakan. Bila didapati ketikanya sesuai? Ini saya nak tanya. Bila ketikanya sesuai untuk, jangan jawab. Saya tak suruh jawab, saya tanya. Lepas itu nak gulung

apa kalau dah jawab hari ini. Siapa? Soalnya siapa yang menentukan bila masanya sesuai? Saya tanya Kerajaan, ini semua Kerajaan kan? Tak payahlah nantilah, bagi saya habis soalan saya. Bila satu. Gangguan banyak sangat. Bila Jawatankuasa Fatwa bawa satu fatwa untuk dibincang tentulah ada keperluan. Tentulah masanya masa itu. Tapi sampai sekarang duk tunggu masa yang sesuai. Siapa yang menentukan bila sesuai? Bila tak sesuai? Kerajaan Negeri? EXCO Agama? Jawatankuasa Fatwa pula. Patah balik. Saya tanya soalan. Jadi rumusannya, Dato' Yang di-Pertua, tugas EXCO Agama cukup berat. Tugas YDP MAINPP pun berat, jagalah zakat itu yang orang bagi baik-baik. Tugas Mufti lagi berat. Jadi sama-samalah kita jaga amanah yang diberi untuk memastikan bahawa orang-orang Islam di Negeri Pulau Pinang ini dihormati, dan agama Islam itu diberi kedudukan yang sewajarnya.

Saya beralih tajuk cerita jual tanah....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya minta....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sorry, sorry. Tak payahlah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti EXCO guna masa untuk gulung.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih. Cerita jual tanah tak kesudahan. Pengumuman terbaru 15 Mei 2017 tentang penjualan tanah di Lebuhrampas seluas 6.443 ekar pada syarikat yang dimiliki oleh Island Hospital Group lah. Pengumuman dibuat pada 15 Mei tapi dimaklumkan pajakan tanah 99 tahun telah diberi mulai 18 Disember 2016. Ketua Menteri menyatakan pengumuman baru dibuat kerana (dengan izin)...*"it became an issue of contention"* isu yang dipersoalkan dan kerana ia "subject to non disclosure agreement" dan pengumuman hanya akan boleh dibuat oleh pelabur pada masa yang mereka fikirkan sesuai. Di sini, beliau sambung beliau kata dia tidak akan (dengan izin)...*"will not be dictated by political game played by irresponsible parties"*. Ia tidak akan diarah oleh mainan politik oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Dan Negeri dan di sini di dapati senyap-senyap sejak 18 Disember 2016 pemohon baru bayar RM30 juta deposit tapi kebenaran telah diberi dan tanah yang telah dizonkan semula yang asalnya adalah untuk kegunaan kerajaan ditukar syarat kepada pembangunan bercampur dalam SPC bulan lepas. Sekaligus memberi kebenaran untuk dibangunkan bagi tujuan komersial bandar perubatan, hospital, *suite* perubatan dan hotel diberi kebenaran kepada tiga (3) syarikat, Island Hospital Sdn. Bhd., Island Medisuite Sdn. Bhd., IMC Hospitality Sdn. Bhd. Bukan pun kepada syarikat awam bukan *public company* yang takut sangat nak umum itu sebenarnya bukan tak mau umum, nak dirahsiakan. Pertukaran syarat yang berlaku dalam masa yang begitu singkat sekali dan dikatakannya nak melindungi apa ini, tak mau *disclose* tak mau menyatakan kepada umum kerana ini satu projek yang cukup besar yang akan memberi pelaburan dari luar yang tinggi dan akan mewujudkan begitu banyak sekali pekerjaan.

Soalannya mana dia yang kata CAT Government itu tadi? Ketelusan, apa lagi? Semuanya itu temberang saja. Kenapa dikategorikan hospital sebagai satu, seperti syarikat-syarikat multinational?. Yang datang selalunya pergi ke FTZ dia diberi 60 tahun saja pajakan. Ini 99 tahun. Dan ianya adalah kepada syarikat swasta yang akan memajukan hospital taraf mungkin 5 bintang. Bukan untuk memberi *benefit* kepada yang orang susah-susah ini. Soalan lagi, dalam pemberian projek ini siapa cari siapa? Perigi cari timba? Atau timba cari perigi? Atau dua-dua cari mencari? Kalau hospital nak membesar dia mencari tanah dari Kerajaan Negeri. Siapa yang mempunyai kepentingan yang lebih penting dan *upper hand*. Kerajaan Negeri boleh mengenakan pelbagai syarat yang dia nak. Bukan untuk menahan pelaburan, kita nak menambah pelaburan. Kita nak membangun tetapi kenapa tidak dijual dengan harga pasaran. Saya nak tanya berapakah nilai harga tanah itu. Kenapa dijual dengan harga RM559 satu kaki persegi, walhal banglo sebelah tu diletak di pasaran dengan harga lebih RM800 sekaki persegi. Kenapa senyap-senyap berunding dengan tiga (3) syarikat ini dan tidak mahu pula umum kepada rakyat Pulau Pinang. Dan *on top of everything*...(dengan izin) semuanya *fast track* melalui *green lane*. Mendapat kelulusan segera, tukar syarat, pelan pembangunan telah pun dikemukakan untuk mendapat kelulusan merancang dan telah mendahului kepentingan dari segi kegunaan untuk rakyat dan juga tapak itu pada asalnya adalah untuk kegunaan Kerajaan dan kakitangan Kerajaan.

Saya nak tanya adakah 30,000 unit rumah yang dibangunkan oleh agensi-agensi Kerajaan tidak menjadi keutamaan. Kenapa tidak diberi pertimbangan di dalam SPC sampai empat (4) tahun, lima (5) tahun. Seperti rakan saya dari YB. Permatang Berangan cerita, *untwist*, kalau nak minta kelulusan bagi syarat-syarat itu, ini termasuk 60 unit *free*, percuma kepada Kerajaan Negeri. Bukankah ini satu manipulasi dan eksploitasi kuasa untuk sabotaj agensi Kerajaan Persekutuan, menidakkan dan menggagalkan Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah rakyat. Ini adalah *diskriminasi* dan pilih kasih kelas pertama.

Di samping itu terdapat pulak bangunan warisan di atas tanah ini. Yang telah diceritakan oleh Citizens Awareness Chant Group ini. Mereka membuat bantahan. Dan meminta supaya Kerajaan Negeri menjalankan kajian penilaian impak ke atas warisan tentang bangunan tersebut yang akan dirobuhkan untuk memberi laluan kepada pembangunan hospital ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat saya minta laluan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak ada laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini membuat tuduhan melulu...(gangguan). Ini menyakitkan hati saya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak payahlah...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima duduk dulu. YB. Telok Ayer Tawar saya peringatkan masa sudah hampir sejam. Ahli-ahli Yang Berhormat, peringatan kepada semua, di dalam Dewan ini saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat faham, bukannya semua hujah-hujah dan pendapat-pendapat dari Yang Berhormat seronok didengar, sedap didengar. Kadang kala ada juga kritikan-kritikan. Tak apalah...(gangguan). Okey.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, pepatah Inggeris menyatakan (dengan izin)... *actions speaks better than words*. Tindakan yang dibuat oleh seseorang itu menzahirkan keperibadian lebih daripada apa yang dia cakap. Seorang Ketua Menteri adalah ketua kepada Badan Pentadbiran Negeri. Mempunyai kuasa dan fungsi eksekutif. Ketua Menteri dan EXCO bertanggungjawab ke atas pentadbiran negeri. Tambahan mereka dibayar dari wang pembayar cukai untuk menjalankan tugas-tugas negeri (dengan izin)... *public duties*, tugas-tugas awam. Pada asasnya seorang Ketua Menteri adalah penjawat awam berdasarkan diskripsi tugasnya walaupun mengikut Akta 1948 yang dibaca dengan Perlembagaan Persekutuan Seksyen 5 Article 132(3)(A) Perlembagaan Persekutuan tidak mengambil kira sebagai mengandungi penjawat awam, jawatan mana-mana anggota pentadbiran dalam Persekutuan atau dalam sesuatu negeri. Mana-mana majlis Parlimen atau sesuatu Dewan Negeri. Ini disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Mohd Khir bin Toyo. Pendakwaannya pada 29 September 2015, Mahkamah Persekutuan mengesahkan bahawa seorang Ketua Menteri adalah penjawat awam mengikut Seksyen 2 Kanun Jenayah kerana dia dibayar oleh Kerajaan atas tugas perkhidmatan awam (*dengan izin*)... *performance of public duty*.

Oleh yang demikian seorang Ketua Menteri perlu memastikan yang beliau bertindak dalam batasan undang-undang dan mengelak daripada isu-isu yang akan menjejaskan kredibilitinya sebagai Ketua Menteri dan juga sebagai seorang Ketua Eksekutif.

Seorang Wakil Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri dipilih atas keyakinan rakyat kepada Parti yang diwakilinya dan juga keyakinan rakyat kepada keperibadiannya atas amanah yang diberi oleh rakyat. Apabila seorang Ketua Menteri telah disabitkan atas sebarang tuduhan jenayah di Mahkamah atas sebarang kesalahan dan selagi tuduhan itu tidak diselesaikan melalui perbicaraan dan melalui semua proses undang-undang yajng ada dan nama baiknya dibersihkan maka selama itu nama baik atau reputasi Ketua Menteri akan tercemar dan kepercayaan rakyat atas pemegang jawatan tertinggi dalam negeri itu akan terhakis. Seperti mana yang kita tahu seorang Ketua Menteri sebagai Ketua Kerajaan Negeri diberi kuasa yang besar dan dihormati sebagai Yang Amat Berhormat dan bertanggungjawab kepada rakyat dan bertanggungjawab ke atas segala tindakannya.

Berdasarkan ke atas kebertanggungjawaban inilah sekiranya integriti seorang Ketua Menteri dipersoalkan, diragukan apabila dituduh di mahkamah atas sebarang kesalahan jenayah ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya membantah ini melanggar peraturan. Perkara-perkara ini adalah *sub judice*...(gangguan). Tidak boleh dibincangkan, YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

...(gangguan). Maka untuk menjaga nama baik dan kepercayaan rakyat ke atas jawatan itu serta kerajaan, beliau seharusnya mengundur diri sama ada meletak jawatan ataupun bercuti untuk...(gangguan), untuk kepentingan rakyat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima duduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato Speaker, minta dia tarik balik. Mempersoalkan integriti Ketua Menteri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Ayer Tawar saya minta jaga. Jangan sentuh....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta YB. Telok Ayer Tawar tarik balik, mempersoalkan integriti Ketua Menteri, tarik balik....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan:

YB. Seri Delima duduk. Telok Ayer Tawar saya minta...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Siapa masuk duit dalam poket sendiri. Perdana Menteri ke MO1.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain saya minta...(gangguan). Saya sedang teliti.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya bercakap ...(gangguan), tentang...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya dok tunggu kalau dia sampai tahap yang saya rasa *sub judice* saya akan tahan. Tapi saya peringatkan jangan sentuh perkara yang dalam mahkamah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kita bukan ...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tapi Telok Ayer Tawar, saya sudah bagi hampir sejam ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Telok Ayer Tawar sebagai seorang peguam, tak kan dia tidak tahu benda ni...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Banyak gangguan. Beri peluang kepada saya untuk menghabiskan. Tak banyak dah. Sikit lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

She's making insinuation....(dengan izin)....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau subjudis saya akan tarik balik. Pergi ke tajuk yang lain lah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Mana pergi prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain tolonglah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Integriti MO1 mana, MO1 mana masuk duit dalam akaun sendiri...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain tolong. YB. Telok Ayer Tawar kalau ganggu sangat saya batal semua.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Pepatah Melayu mengatakan Berani Kerana Benar, Takut Kerana Salah ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tanya MO1 siapa...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah lah....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

2.6billion...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, ini anak manja ke...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Semua duduk. Saya tak halau, kalau you nak keluar...(gangguan). Sudahlah....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Seri Delima dia suka kacau.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Aceh. Duduk. Kalau nak *try* lagi boleh *try*. Kalau nak *try* anda boleh *try* tapi yang jaga Dewan ini. Sila. Habis.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kenapa nak berlindung dibelakang perisai jawatan. Dan penolakan usul saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya minta Yang Berhormat tarik balik kenyataan itu kerana ia menyakitkan hati saya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak kata siapa-siapa. Saya kata umum. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Siapa yang berlindung dibelakang perisai. Tukar peguam negara siapa....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, dapat laluan ke ni. Dapat laluan ke?...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Peraturan akan ditentukan oleh saya. Yang lain semua duduk. Sungai Puyu sila duduk. Sungai Aceh sila duduk. Yang tak kena mengena jangan bangun. Peraturan mesyuarat saya dengar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Pepatah Cina mengatakan *Ming Bu Fu Shi* betul tak tahulah. *The name falls short of the reality* seperti pepatah Melayu mengatakan Indah Khabar Dari Rupa/Cakap Tak Serupa Bikin.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tanya MO1...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ganggu lah. Jangan ganggu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Cukup kebal lah Rayer ni.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ganggu lah. Teluk Bahang kawan baik. Nanti sekali lagi minum kopi di luar. Saya hantar. Sudah. Banyak lagi yang nak ucap.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya diganggu banyak sangat ni.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Elakkan tajuk yang boleh diganggu. Itu hak.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sikit saja lagi. Kenapa ada dua set of values. Untuk orang lain dia punya sukatananya. Untuk diri sendiri lain pula sukatananya. Jadi saya nak tanya di sini pendirian, Tony Pua, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Pengerusi DAP Selangor menyatakan bahawa "seseorang itu perlu memberi laluan kepada individu yang serius tentang integriti, kebertanggungjawaban dan bersedia untuk menjawab kepada rakyat". Tony Pua juga pada 22 Mac 2017 di lobi Parlimen mengeluarkan kenyataan...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tony Pua tidak ada dalam Dewan ini susah nak ...(gangguan). *Make it short.*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Take time off. Ini kata-kata dia. Bila sudah dituduh...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kenyataan YB. Tony Pua itu adalah berkenaan dengan MO1. Yang Berhormat kena faham...(gangguan). Baca kenyataan itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya sudah beberapa kali *tolerance*....(gangguan). Juga kepada anda, juga kepada anda...(gangguan). Okey, okey, bagi habiskan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Naib Presiden PKR, meminta Adam Rosly, Ketua Pemuda PKR Ampang yang dituduh rasuah di Mahkamah dilucutkan jawatan dari parti. Supaya PKR boleh menjauhkan diri daripada Adam Rosly yang mempunyai masalah peribadi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sebaliknya dipihak Barisan Nasional, UMNO apabila EXCO Perumahan dikenakan tuduhan bila kena siasatan sahaja beliau terus bercuti pada 1 Mac 2017 dan lepas itu melepaskan jawatan selepas perintah tahanan reman dikeluarkan oleh Mahkamah.

Apa yang mungkin dibenarkan mengikut undang-undang tak semestinya betul dari segi moral. *What is legally right need not be morally right.* Jadi rumusannya YB. Dato' Speaker, CAT dah mati.

Akhir kata sebelum saya mengundur diri, izinkan saya menyusun sepuluh jari memohon maaf, ampunya diri sekiranya ada salah dan silap di sana sini. Setelah 22 tahun saya mengabdikan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri. Rasanya saya paling senior dalam Dewan ini. Ingin menyampaikan pesanan sebelum saya pergi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dengar, dengar, dengar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya bukan beri kuliah saya berbahas.

Ahli-ahli Dewan yang mulia bestari

Letakkan sebelah politik sempit selama ini

Hak pencen bekas ADUN hendaklah diberi

Jika tidak Kerajaan Negeri terhutang, kepada mereka sampai mati

Kepada Pegawai Jabatan Persekutuan dan Negeri

Kalungan kasih atas khidmat selama ini

Segala yang rumit senangi diatasi

Kerana kerjasama segera dan bakti

Kita semua perlu memelihara kemuliaan Dewan ini

Ingatlah apa yang dibuat akan diadili

Tiga mahkamah perlu dilalui

Mahkamah Rakyat, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah di Azali

Kalau tidak tahu apa azali tanya YB. Dato' Timbalan Speaker.

Oleh itu demi kemuliaan jawatan Ketua Menteri

Demi kesucian Dewan ini

Buktikan integriti, ambillah cuti

sehingga nama baik bersih kembali

Sebenarnya jawatan tertinggi negeri

Hanyalah dipinjamkan untuk berbakti

Untuk rakyat dan bukan diri sendiri

lanya amanah besar jangan cemari

Sebelum menutup ucapan ini kepada semua muslim dan muslimat saya ucapkan Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak, Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin. Saya akhiri pergi berdua mencari kangkung Yang Berhormat Yang di-Pertua saya mohon menyokong terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. YB. Ketua Pembangkang. Ahli-ahli Yang Berhormat saya nak menyambung perbahasan...(gangguan). Kalau tiada saya nak minta gulung.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya mohon berucap.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan Ahli Kawasan Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera Salam Negaraku Malaysia. YB. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T dengan izin dengan limpah kurnianya dapat kita berada di dalam Dewan Yang Mulia ini bagi melaksanakan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ganggu. Jangan ganggu dia...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya juga merakamkan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker di atas peluang yang bakal memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini selama satu setengah jam...(gangguan). Minta awal-awal.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi di dalam perbahasan oleh Ketua Pembangkang, YB. Telok Ayer Tawar, suasana kita panas tetapi saya percaya sesuatu yang panas itu apabila berlaku di dalam Dewan ianya mempunyai hasrat dan matlamat yang baik. Saya ingin merujuk kepada Ucapan Perasmian Penggal Kelima oleh T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 19 Mei 2017 di bawah Perkembangan Pelancongan Dan Warisan Negeri para 8 baris 7 yang berbunyi "Saluran Berita Televisyen CNN meletakkan Pulau Pinang di tempat kedua daripada 17 tempat paling menarik mesti dilawati di dunia pada 2017". Manakala laman web kesihatan *International Living* telah mengiktiraf Pulau Pinang sebagai *No 1 Best Healthcare in the world*. Baru-baru ini penganjuran *Penang International Food Festival (PIFF)* yang pertama di Pulau Pinang untuk meraikan makanan Pulau Pinang khususnya makanan jalanan atau *street food* yang paling sedap di dunia telah menarik lebih daripada 400,000 orang.

Sebagai sebuah negeri pelancongan dengan pengiktirafan dunia yang begitu hebat kita berasa bangga apabila kehadiran pelancong ke negeri ini turut meningkat. Kehadiran pelancong yang begini ramai tentulah menjadikan restoran-restoran, *cafe* dan pusat-pusat penjaja menjadi tumpuan ramai. Saya ingin merujuk kepada kenyataan oleh Yang Berhormat dari Jawi yang amat saya bersetuju. Pandangan beliau bahawa tahap kebersihan premis-premis jualan makanan seperti restoran-restoran, pusat-pusat penjaja masih tidak memuaskan. Ada premis yang masih beroperasi dalam keadaan kotor dan menjijikkan. Kita sedia maklum bahawa Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kesihatan telah menjalankan operasi secara berkala malah sepanjang tahun tetapi masih banyak restoran-restoran yang tidak terkesan dengan tindakan oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Persoalannya kenapakah dan apakah puncanya?.

Sebagai menjawab kepada persoalan ini saya ingin merujuk kepada tindakan yang dikenakan kepada tiga (3) buah restoran nasi kandar. Atau lebih terkenal Restoran *Line Clear* walaupun dua (2) lagi restoran tidak digembar-gemburkan. Saya difahamkan dua (2) buah restoran lagi ialah Restoran Yasmeen dan Restoran Sup Hamid. Saya ingin merujuk kepada laporan oleh wartawan Zaidi Aziz dan saya memohon izin untuk membaca laporan beliau. Tindakan di bawah tajuk "Jumpa Najis dan Bangkai Tikus, Restoran Nasi Kandar *Line Clear* Diarah Tutup". Tindakan penutupan premis diambil mengikut Seksyen 11(B) Akta Makanan 1983 dan sabit kesalahan boleh dipenjarakan lima (5) tahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Dua (2) restoran nasi kandar termasuk sebuah restoran popular di Pulau Pinang diarahkan tutup.

Sebuah restoran popular di Pulau Pinang diarahkan tutup dua (2) minggu selepas didapati kotor dalam satu operasi di Jalan Penang pagi tadi. Laporan Harian Metro sebentar tadi memberitahu operasi jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari itu melibatkan sepasukan 20 Pegawai dan Kementerian Kesihatan dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Dan menurut Ahli Majlis MBPP sebanyak tiga (3) restoran sekitar di Jalan Penang diperiksa terutamanya bahagian dapur, bahagian stor dan penyediaan makanan. Setelah pemeriksaan dijalankan pihaknya mengarahkan dua (2) restoran nasi kandar tutup sementara waktu, selepas menemui bangkai dan najis tikus serta lipas di bahagian dapur dan stor. Kes berkenaan akan dipantau Jabatan Kesihatan Daerah Timur Laut untuk tindakan selanjutnya. Katanya penutupan premis diambil mengikut seksyen 11(b) Akta makanan 1983 dan sabit kesalahan boleh dipenjara. Kita kena dengar ini. Arahan penutupan dibuat mengikut Seksyen 11(B) Akta Makanan 1983 sabit kesalahan boleh dipenjara 5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Kami turut mengeluarkan tiga (3) kompaun berjumlah RM1,340.00 restoran nasi kandar kerana tiga (3) pekerja tidak menerima suntikan, serta perangkap serangga tidak berfungsi. Ini yang menarik saya hendak baca ini. Dua yang lain pula adalah Restoran Yasmeen dan Restoran Sup Hameed. Walaupun diarah tutup saya nak tuan-tuan dengar benda ini walaupun diarah tutup selama dua (2) minggu restoran tersebut dibenarkan beroperasi sehingga jam 8.00 malam ini. Ini saya hairan. Saya pernah bangkitkan perkara ini dengan mengambil contoh apa yang berlaku di Australia dua (2) tahun sudah apabila saya sampai di *Gold Coast* ada surat khabar yang saya baca. Seorang pengusaha restoran daripada Malaysia yang membuka restoran di Gold Coast dikenakan denda sebanyak 800,000 AUD disebabkan terjumpanya sebutir tahi tikus di dalam restoran beliau dan baru-baru ini saya difahamkan oleh sahabat saya yang baru pulang dari *United State* sebuah restoran lagi di Amerika dikenakan denda ditutup selama 9 bulan hanya kerana terjumpanya beberapa butir tahi tikus. Dan dalam perkara ini yang menghairankan adalah operasi dijalankan pukul 10.00 pagi sampai 1.00 tengah hari. Didapati restoran tersebut begitu kotor ada tahi tikus ada bangkai tikus dan dikatakan stornya yang amat kotor dan juga dikatakan bahawa tandasnya juga amat menjijikkan.

Maka arahan dikeluarkan dengan begitu gahnya tutup selama 14 hari. Tutup di bawah Akta 11(B) Akta Makanan 1983 yang akan mengenakan sabit kesalahan penjara lima (5) tahun dan denda atau kedua-duanya sekali. Yang menjadi masalahnya ialah apabila didapati restoran tersebut kotor dikenakan notis ditutup 14 hari tetapi dibenarkan untuk meneruskan jualan sampai pukul 8.00 malam baru boleh tutup. Saya tidak faham. Ini laporan, ini satu laporan yang saya baca semua laporan Berita Harian semua ceritakan benda yang sama.

Kita sudah kenakan kompaun, kita dah kenakan notis. Sepatutnya arahan tutup adalah secara serta merta. Kita tidak sepatutnya membenarkan penjual-penjual tersebut teruskan jualan makanannya yang telah dimasak dalam suasana dan keadaan kotor sampai pukul 8.00 malam seolah-olah kita menghalalkan apa yang mereka lakukan malah kita seolah-olah menipu pengunjung-pengunjung untuk menikmati makanan yang disediakan, ini saya amat hairan.

Ada satu laporan menyatakan bahawa diberi kebenaran tutup 8.00 malam atas rayuan daripada pengusaha. Ini juga menghairankan. Saya hairan 20 orang pergi. Pengusaha minta rayu, tunggu kami nak tutup jam 8.00 ini. *Allow us to operate until 8.00 which is not right* tak betul sekali dan ini satu kelemahan. Apabila dikenakan notis penutupan selama 14 hari kita rasa seronok sebab nasi kandar restoran terkenal yang maju selama ini dan telah mengenyahkan tahap kesihatan dan kebersihan dan sebagainya seolah-olah telah menipu pengunjung dikenakan denda, dikenakan notis selama 14 hari kita rasa sedikit lega. Sebagai pengajaran kepada pengusaha-pengusaha restoran lain. Malangnya selepas tiga (3) hari satu rayuan dibuat kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk beroperasi semula sebab dikatakan restoran sudah bersih rayuan ini dengan mudahnya diterima. Jadi ini lagi satu saya hairan kenapa diberi notis kalau ini bukan untuk kita memberi pengajaran kepada restoran.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya cuma mencelah kerana fakta ini semua di bawah bidang kuasa Jabatan Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan cuma membantu.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Tak apa.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Hak untuk menutup hak untuk membuka semula Jabatan Kesihatan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Apabila operasi dijalankan ianya dijalankan bersama tapi demi untuk kepentingan Negeri Pulau Pinang benda ini harus kita bawa di dalam Dewan dan harus kita pertimbangkan untuk mengambil tindakan yang lebih wajar pada masa hadapan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang sambut baik cadangan, cuma nak *clear*kan itu kita akan terima cadangan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Apabila saya timbulkan perkara ini Yang Berhormat, tujuannya adalah untuk kita mencari satu penyelesaian kalau benda ini di bawah bidang Kesihatan sekalipun malah Majlis Bandaraya turut memainkan peranan apa salahnya kita saling ingat mengingati bahawa perkara ini harus diberi, harus diberi perhatian yang lebih serius. Ini yang menjadi kerisauan. Menjawab kepada YB. Jawi semalam kenapa berlaku berbagai-bagai operasi tetapi ianya masih tidak dapat mengekang restoran-restoran daripada melanggar peraturan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta penjelasan daripada YB. Bertam. Adakah YB. Bertam setuju kita sama-sama minta pegawai daripada Jabatan Kementerian Kesihatan yang menganggotai ataupun mengetuai untuk operasi siasatan ada hari tersebut dan kita tanya mengapa beliau tidak memberikan tutup serta merta dan memberi laluan sehingga beliau cuai habis makanan itu. Memang saya pun tidak bersetuju memang dari segi akta kalau dia keluarkan notis dan kompaun dia kena tutup serta merta *immediately* dan tidak membenarkan mereka terus menjual menghabiskan makanan itu.

Adakah YB. Bertam bersetuju kita meminta Kementerian Kesihatan pegawai yang mana hari itu turun dan memberikan kuasa supaya beri laluan kepada beliau untuk jual habis makanan. Setujukah YB. Bertam?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya juga ingin menjemput, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat dan juga ingin menjemput Yang Berhormat beri pendapat tentang dua (2) perkara. Satu, yang kita lihat dewasa ini ada juga restoran-restoran yang diusahakan oleh warga negara asing, satu di Penang Road dekat jambatan tiga (3) penjur, warga negara Bangladesh dan satu lagi di Jalan Transfer dekat IPK Polis, diusahakan oleh warga negara Pakistan. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat bagaimanakah cara kita ingin memastikan tahap kesihatan dan juga kebersihan di restoran-restoran ini dipastikan dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan bahawa restoran-restoran ini kalau boleh sebaik mungkin diusahakan oleh penduduk-penduduk tempatan dan adakah apa-apa cadangan supaya kita menjalankan audit bulanan ataupun berkala dari masa ke semasa bukan membuat serbuan-serbuan apabila mendapat maklumat tetapi sentiasa membuat pantauan dan juga lawatan-lawatan mengejut ataupun pemeriksaan berkala ke semua restoran-restoran ini untuk memastikan bahawa kebersihan di restoran-restoran ini sentiasa terjamin.

Maklumlah kalau kita di Negeri Pulau Pinang termaksyur dengan nasi kandar daripada orang-orang yang melawat daripada Johor Bahru, Kuala Lumpur, Pahang, nasi kandar Line Clear ini memang terkenal, setiap kali ada orang melawat, mereka terus ke nasi kandar line clear, jadi saya minta Yang Berhormat memberi pendapat bagaimana kita ingin menjamin kebersihan tempat-tempat makanan khususnya kedai-kedai makanan nasi kandar ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Menjawab kepada soalan YB. Seri Delima, terima kasih. Saya sebenarnya lebih kepada *enforcement* bagi saya macam saya sebut tadi kalau di Australia begitu tegas di Amerika juga begitu tegas. Mungkin peraturan dan undang-undang yang ada pada kita ini agak longgar. Walau bagaimanapun, saya ingin jelaskan kepada YB. Seri Delima, seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa tindakan diambil di bawah 11B Akta Makanan 1983 yang memperuntukkan kalau jika disabit kesalahan penjara 5 tahun, denda atau kedua-duanya sekali. Maksudnya apabila notis penutupan dibuat berdasarkan kepada akta ini. Jadi saya hendak tanya apakah *the current situation of this case?* Adakah selepas dia diberi notis selama 14 hari dibersihkan dan dia dimaafkan untuk meneruskan perniagaan atau pun akan ada tindakan saman dan sebagainya berdasarkan kepada Akta ini yang memperuntukkan 5 tahun penjara.

So, saya hendak tanya sebab line clear ini ada banyak pengusaha ramai dia punya bos siapa yang hendak *volunter* masuk lima (5) tahun dalam penjara. Jadi ya *enforcement*. Jadi berbalik kepada soalan daripada Seri Delima saya rasa untuk kita memastikan kebersihan ia bukan perkara yang mudah tetapi tentulah operasi secara berkala yang disusuli dengan tindakan yang lebih berat..(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bertam, peringatan mesra.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Apa dia itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Satu tajuk sudah angkat lebih kurang 25 minit.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, saya tidak ada masalah, sebab bagi saya semua Yang Berhormat-Yang Berhormat membawa isu yang begitu banyak dan kalau isu ini tidak disentuh maka tidak salah andai kata dalam perbahasan ini saya cuma sentuh 1 isu sahaja sekiranya ia boleh membawa penyelesaian. Terima kasih Yang Berhormat atas peringatan, sebab selama saya di dalam Dewan ucapan saya akan mengambil 1 setengah jam, tetapi hari ini saya difahamkan setengah jam sahaja, tentulah kalau satu isu itu pun saya ingat okeylah.

Jadi saya juga merujuk kepada ucapan T.Y.T. berkenaan Hal Ehwal Agama Islam. Saya menghormati pandangan T.Y.T. di para 30 berkenaan dengan urusan Hal Ehwal Agama Islam yang diberi perhatian berat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, selaku wakil rakyat daripada Barisan Nasional, saya juga ingin merakamkan sumbangan Kerajaan Persekutuan di dalam meningkatkan syariat Islam di Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Persekutuan menitikberatkan aspek pembangunan kerohanian melalui pembinaan dan menaik taraf masjid dan surau bagi memastikan umat Islam Pulau Pinang menikmati kemudahan beribadat dengan lebih selesa. Sejak tahun 2008, 20 buah masjid telah dibina dengan pelaburan RM85.8 juta manakala RM216.4 juta telah dibelanjakan bagi program dan projek keagamaan Islam seperti menaik taraf masjid, surau serta sumbangan bekalan. Antara masjid-masjid yang telah dibina di bawah dengan bantuan dan juga dana Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang, Masjid Abdullah Fahim yang bernilai RM35 juta, Masjid Makbul di Teluk Kumbar RM5 juta, Masjid Sungai Acheh RM4 juta, Masjid Telaga Air RM3.8 juta, Masjid Jamek Tasek Gelugor RM3 juta, Masjid Timah Kampung Belah Dua sebanyak RM2.93 juta, Masjid Kota Aur RM2.5 juta, Masjid Lahar Kepal RM2.5 juta, Masjid Kelawai RM2.3 Juta, Masjid seri Serdang yang dalam pembinaan RM3 juta, Masjid Kubang Hulu RM2.8 juta dan Masjid Jamek Penaga juga dalam pembinaan sebanyak RM1.8 juta.

Sebagai bukti bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa komited dalam memperkasakan syiar Islam di Malaysia, yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan elaun bagi guru kafa, imam, bilal dan siak di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM di seluruh Malaysia di bawah inisiatif bajet 2017 yang membabitkan kenaikan elaun guru kafa sebanyak RM100.00 sebulan menjadikannya RM900.00, kenaikan elaun imam sebanyak RM100.00 kepada RM850.00, manakala RM500.00 diberikan secara *one off* kepada hampir 16 ribu bilal dan siak di seluruh Malaysia sebagai menghargai jasa mereka dalam mengurus tadbir masjid. Sehubungan dengan itu juga, Majlis Moltaqa Murabbi Ummah Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 22 April 2017 bertempat di Dewan Miliennium, Kepala Batas bagi menyempai cek agihan elaun guru KAFA, Imam, Bilal dan Siak di Pulau Pinang daripada Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1438H/2017 dan agihan peruntukan sebanyak RM25 juta adalah bagi tujuan pembayaran elaun bulanan bagi tempoh 1438H/2017 kepada 1521 orang guru KAFA, 407 Imam serta pembayaran agihan *one off* sebanyak RM500.00 kepada seramai 346 orang Bilal dan 399 orang Siak di Pulau Pinang. Manakala pada 25 April 2017 yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyerahkan peruntukan sebanyak RM80 juta kepada sekolah pondok berdaftar, sekolah menengah agama rakyat dan institusi tahfiz di bawah peruntukan Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah seperti yang telah diumumkan dalam Bajet tahun 2017. Bagi tujuan memperkasa dan memperkukuhkan institusi pendidikan agama ke arah lebih cemerlang. Dari jumlah itu sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan bagi menyelaras dan membangunkan pendidikan tahfiz melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. Kali pertama peruntukan diberikan kerajaan dalam sejarah pendidikan tahfiz negara.

Di Pulau Pinang sebanyak enam (6) sekolah pondok berdaftar, tujuh (7) sekolah menengah agama rakyat, dan 25 buah institusi maahad tahfiz yang berdaftar akan menerima faedah ini dan bantuan di bawah tabung khas yang akan dimanfaatkan sebaiknya. *Insyah-Allah*. Di bawah pengurusan di bawah tajuk pengurusan alam sekitar sisa pepejal T.Y.T. telah menyatakan, ya, silakan

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya hendak minta jalan sedikit, terima kasih atas penjelasan atas usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Hal Ehwal Agama Islam, tentu ini diharapkan. Kita harap boleh buat secara bersama sememangnya Kerajaan Negeri juga telah menambah peruntukan, sebentar tadi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Padang Kota, Kerajaan Negeri telah dihentam teruk oleh rakan separti Yang Berhormat kerana menaikkan peruntukan untuk Hal Ehwal Agama Islam sehingga kita dilabelkan sebagai anti Cina, saya dikeluarkan bahasa kesat oleh beliau kerana menaikkan peruntukan untuk Hal Ehwal Agama Islam, kita naikkan 84%.

Bolehkah Yang Berhormat pastikan bahawa MCA hentikan permainan politik dan perkauman, dan pada masa yang sama bolehkah UMNO hentikan permainan bahawa kita anti Islam kerana kita pun telah menaikkan peruntukan dengan begitu banyak ini supaya kita buat secara percuma, janganlah politikkan perkara ini mengikut kemampuan masing-masing. Macam saya rasa mengambil contoh baik di mana kita buat secara bersama ialah pembinaan Kompleks Kehakiman Mahkamah Syariah Tinggi di Jalan Scotland Kerajaan Negeri bagi tanah dan kos pembinaan dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, kita hendak kerjasama tetapi apabila ia dipolitikkan seperti ini khususnya oleh pihak UMNO bahawa kita anti Islam, dan baru-baru ini MCA mengatakan bahawa kita anti Cina, anti bukan Islam semata-mata kerana kita naikkan peruntukan Hal Ehwal Agama Islam sahaja dan lebih teruk saya diberi kata-kata kesat, saya tidak mahu sebut apakah bahasa yang dikeluarkan. Bolehkah Yang Berhormat nyatakan pendirian dan minta dia tarik balik dan hentikan tuduhan kesat sedemikian.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih Y.A.B. Air Putih di atas pandangan, cuma jawapan saya, saya percaya apa yang dibangkitkan oleh Y.A.B. Air Putih telah pun didengar oleh orang di dalam dan juga di luar dan saya percaya akan datang satu keputusan. Saya tidak akan membuat sebarang keputusan dan tidak akan memberi sebarang jawapan

Y.A.B. Ketua Menteri:

Setuju atau tidak setuju?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Itu pun saya tidak akan jawab.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tidak berani menyatakan tidak setuju.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

First term assembly man..... minta tidak ada gangguan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekejap, saya buat usul. Saya akan lepaskan Yang Berhormat kerana *first term assemblyman* tetapi harap boleh balikkah, tak mahu mainkan politik perkauman macam ini tidak bagus. Saya hendak buat satu usul YB. Yang di-Pertua, selaras dengan peraturan 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 23 Mei 2017 (Selasa) dilanjutkan sehingga jam 11.45 malam.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya sokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah ada sokongan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sokong untuk sambung sampai 11.45 malam. 11.46 lah elok sikit saya ingat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah pun mengemukakan satu usul di bawah peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 23 Mei 2017 (Selasa) sehingga jam 11.45 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak setuju katakan “Tidak”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya mohon sambung.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Di bawah tajuk Pengurusan Alam Sekitar dan Sisa pepejal T.Y.T. Tun telah menyatakan bahawa Pulau Pinang boleh berbangga kerana bahawa Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak menarah atau menyentuh seinci persegi pun hutan simpan kekalnya sejak tahun 2006. walaupun hutan simpan tidak disentuh, kita mengharapkan agar pihak Kerajaan Negeri juga dapat mengurangkan aktiviti-aktiviti menyentuh hutan-hutan yang bukan dikategorikan sebagai hutan simpan.

Sebagai contoh, kes pembotakkan Bukit Relau, kesannya amatlah dalam, *far reaching*. Selain ianya mencatitkan pemandangan, ianya juga telah mencatitkan bukit tersebut buat selamanya. Penggodolan bukit-bukit untuk tujuan pertanian juga harus dibendung dengan lebih giat lagi terutama penerokaan secara haram.

Di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan penggunaan beg-beg plastik di Pulau Pinang, pengenalan caj sebanyak 20sen untuk sehelai beg plastik difahamkan telah berjaya mencatat pengurangan yang ketara. Walau bagaimanapun, dalam pemerhatian saya selaku pengguna, ramai di kalangan pengguna-pengguna yang tidak kisah untuk membayar RM0.20 sen bagi sehelai beg plastik. Ini secara tidak langsung akan menyebabkan pengurangan beg plastik. Kempen pengurangan beg plastik tidak mencapai tahap 100%. Oleh yang demikian saya mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri untuk mewajibkan semua premis-premis perniagaan sama ada pasar raya-pasar raya besar atau kedai-kedai kecil untuk menyediakan beg-beg kertas atau karung-karung kertas sebagai alternatif kepada beg-beg plastik seperti yang diamalkan di negara-negara Eropah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, sedikit penjelasan. Saya cuma ingin menjelaskan dan mungkin perkara ini akan disentuh oleh YB. EXCO berkenaan dengan Bukit Relau di mana ianya bersempadanan dengan kawasan saya dan kawasan YB. Batu Uban. Saya boleh mengesahkan bahawa kerja-kerja menanam pokok semula telah pun berlangsung dan keadaan sentiasa terpelihara sekarang. Ini merupakan kejadian tiga atau empat tahun yang lalu. Buat masa sekarang, saya boleh mengesahkan sebagai wakil rakyat berkenaan bersama dengan YB. Batu Uban bahawa langkah-langkah baik telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menanam pokok dan memastikan bahawa keadaan semula jadi di bukit tersebut sentiasa dipelihara, berbanding dengan kawasan-kawasan lain seperti di Cameron Highlands dan sebagainya di mana wakil-wakil rakyatnya adalah daripada Barisan Nasional dan perkara ini masih sedang berlaku. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Cameron Highlands sejuk walau pun digondol dan ramai yang masih pergi. Walau bagaimanapun, saya hendak ucap terima kasih kepada YB. Seri Delima kerana mengambil sikap proaktif dalam memastikan bukit botak tumbuh kembali rambutnya. Terima kasih, boleh saya rakamkan di sini bahawa proses mitigasi dan restorasi untuk bukit botak di mana mitigasi telah selesai dan restorasi

sedang dilaksanakan.

Merujuk kepada ucapan T.Y.T. Tun di bawah penyediaan perumahan untuk rakyat di para 23, saya juga ingin memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Pusat di bawah Barisan Nasional turut memainkan peranan di dalam perkara ini. Di mana Kerajaan Pusat memperkenalkan program *My Beautiful Home, My Beautiful Malaysia* bertujuan meningkatkan kualiti perumahan kos rendah dan sederhana awam serta swasta. Antara komponen utama ialah Program Penyelenggaraan Perumahan, PPT dan Tabung Perumahan 1Malaysia, TP1M yang melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan, seperti mengecat semula, penggantian lif, tangki air dan sistem *sanitary*. Sejak diperkenalkan pada tahun 2012 Kerajaan telah menerima 145 permohonan projek TP1M dan telah meluluskan 59 projek TP1M bagi penyelenggaraan pangsapuri kos rendah dan sederhana di Pulau Pinang dengan perbelanjaan RM24.5 juta. Antara premis-premis yang terlibat adalah Apartment Permata sebanyak RM2.16 juta, Saujana Heights Blok B dan D, RM1.35 juta, Pangsapuri Indah 1A dan 1B Taman Telok Ayer Tawar Indah, RM1.11 juta, Rumah Pangsa Halaman Damai Blok 9 sebanyak RM875,000.00, Rumah Kos Rendah Taman Sri Janggus sebanyak RM866,000.00, Taman Pauh Indah Fasa 2 dan 4, RM789,000.00, Pangsapuri Indah, Taman Telok Ayer Tawar Indah Fasa 1C sebanyak RM715,000.00, Taman Haji Mohd Amin, Seberang Jaya, RM450,000.00 dan Flat Mutiara Perdana sebanyak RM438,000.00.

Terbaru pada 15 Mac 2017, YB. Tan Sri Noh bin Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan lawatan turun padang bersama pemimpin Persekutuan Tempatan ke Balik Pulau dan telah mengumumkan kelulusan pelaksanaan dua buah projek dibawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia di kawasan Balik Pulau iaitu di kawasan Perumahan Taman Seri Indah dan kawasan perumahan bertingkat Telok Bahang, Balik Pulau yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM1.2 juta dan pengumuman ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Persekutuan yang sentiasa berusaha meningkatkan kesejahteraan penduduk seperti yang telah diumumkan di dalam Initiative Budget 2017. Malah kawasan perumahan kos rendah yang terlibat ini tidak lagi perlu menampung 10% daripada kos kerja-kerja penyelenggaraan seperti yang dilakukan sebelum ini berikutan KPKT akan menanggung keseluruhan kos penyelenggaraan tersebut. Manakala untuk meningkatkan lagi kualiti hidup golongan Miskin Tegar dan Miskin di Pulau Pinang, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah memperuntukkan RM780,000.00 bagi tujuan pembaikpulihan rumah golongan tersebut di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Program ini bertujuan untuk mengurangkan bebanan dan kesusahan yang ditanggung oleh sesebuah keluarga yang tidak berkemampuan untuk memiliki sebuah rumah yang selesa dan selamat. Bagi pelaksanaan ini, Pulau Pinang pada tahun ini diperuntukkan sebanyak 60 buah rumah.

YB. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengakhiri ucapan saya pada tengahari yang berbahagia ini dengan mengucapkan selamat menyambut Ramadhan bagi kaum Muslimin dan Muslimat yang berada di dalam Dewan dan saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya kepada sahabat-sahabat yang bakal menyambut Hari Raya sebulan lagi. Kepada semua Ahli-ahli Dewan saya memohon ampun maaf andai kata ini adalah mesyuarat terakhir bagi penggal ini seperti mana yang disebutkan oleh YB. Dato' Speaker. Sebagai manusia kita tentu tidak lepas dari melakukan kesalahan dan kesilapan tetapi saya percaya tanggungjawab yang kita laksanakan di dalam Dewan ini, Dewan yang paling mulia di Pulau Pinang ini, tidak ada Dewan yang paling mulia selain daripada Dewan Undangan Negeri, niatnya adalah baik.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kami kepada YB. Dato' Speaker, seorang yang penyabar di dalam ...(gangguan), beliau mengendalikan Dewan yang merupakan rumah beliau, walaupun tetamu-tetamunya terdiri dari golongan-golongan yang nakal dan tidak mendengar cakap....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, minta laluan. Saya tidak berpuas hati. Macamana boleh kata yang baik dan sebagainya, semalam sudah keluar saya tanpa sebab.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Mana ada tanpa sebab.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

KIV dahulu, lepas dengar ucapan saya baru kita boleh cakap apa pun.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

YB. Telok Bahang mempertikaikan keputusan Yang di-Pertua, saya minta dikeluarkan semula... (ketawa).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya juga ingin minta laluan sedikit sahaja Yang Berhormat, memuji YB. Dato' Speaker ini saya hendak ambil bahagian. Saya hendak memuji Speaker kerana selepas mengeluarkan kami berdua daripada Dewan, saham Speaker telah pun naik semalam ...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saham naik ..(ketawa).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kerana di media sosial banyak yang minta supaya Dato' Speaker dinaikkan dan dihantar ke Dewan Rakyat dan di Parlimen...(ketawa). Saya boleh bersetuju kerana YB Dato' Speaker ini lebih adil daripada Speaker di Dewan Rakyat yang selalu mengeluarkan pembangkang sahaja dari Dewan, oleh itu saya(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kenapa Ahli-ahli Yang Berhormat sibuk dengan *career* saya ..(ketawa).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Saya juga memuji YB. Seri Delima kerana dia adalah seorang pelakun yang hebat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya ada tiga (3) minit, akhir kata sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua di dalam Dewan ini terutama Dato' Speaker. *Wabilllahaufik Walhidayah Assalamualaikum w.b.t.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguh untuk berhenti rehat dan kita sambung balik pada jam 2.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.00 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula, silakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ada urusan jadi saya akan ringkaskan perbahasan saya dan cuba ringkaskan perbahasan saya dan menyerahkan Dewan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang akan berbahas. Pertamanya saya berterima kasih kepada semua Kakitangan Kerajaan yang telah memberi perkhidmatan di kawasan saya dan di sini saya ingin menyatakan satu dua individu yang selalu sentiasa prihatin tentang masalah-masalah kawasan saya, penghulu Nasrizal daripada Pejabat Daerah Timur Laut dan juga pegawai-pegawai di sana yang sentiasa memberi kerjasama yang penuh kepada saya apabila masalah-masalah berkenaan dengan kawasan saya di bawa kepada perhatian mereka. Selain daripada itu, kakitangan-kakitangan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) yang juga memberi bantuan sentiasa menangani masalah-masalah yang dihadapi di kawasan saya.

Berkenaan dengan perbahasan pada hari ini YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin pertamanya menarik perhatian YB. Dato' Timbalan Speaker, kepada ucapan Tuan Yang Terutama berkenaan dengan saranan beliau Tuan Yang Terutama kepada Kakitangan Kerajaan di mana beliau telah menasihatkan Kakitangan Kerajaan terutamanya untuk sentiasa menjaga integriti memastikan bahawa tidak ada apa-apa gejala rasuah ataupun ketirisan berlaku dan saya menyambut baik saranan ini dan pada masa yang sama ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada gejala rasuah yang sejak kebelakangan ini sudah pun menjadi begitu teruk di mana kita lihat kalau kita lihat berita kelmarin berita TV3, saya bukanlah peminat TV3 tetapi secara kebetulan selepas makan malam bila saya sedang berehat maklumlah kelmarin saya telah dibuang Dewan. Selepas melawat kawasan saya, saya telah dengar dan lihat berita yang diumumkan oleh Kementerian Dalam Negeri, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi bersama-sama dengan beberapa anggota kanan pegawai Polis di mana baru-baru ini terdapat kejadian beberapa anggota berpangkat tinggi di Bukit Aman terutamanya daripada Cawangan Anti Narkotik ditahan oleh Pihak SPRM dan disiasat kononnya kerana telah memberi perlindungan kepada kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah.

Saya membawa perkara ini kepada perhatian Dewan yang mulia ini kerana ada sangkut-pautnya dengan kejadian-kejadian jenayah di Pulau Pinang dan saya ingin menarik perhatian YB. Dato' Timbalan Speaker kepada beberapa kemalangan-kemalangan ataupun kejadian-kejadian yang berlaku kalau Dewan yang mulia ini masih lagi boleh mengimbas kembali terdapat satu kejadian tembak menembak berlaku di mana seorang pengawal peribadi telahpun menembak majikannya di *Jelutong Expressway* di mana akibat daripada kejadian tersebut ada seorang wartawan juga tercedera dan beberapa orang awam yang sedang menggunakan kenderaan yang lalu lalang di kawasan tersebut juga telah terkena tembakan dan mengapa saya membawa perkara ini kepada perhatian Dewan yang mulia ini, pertama persoalannya bagaimanakah seorang yang sekiranya mengalami sakit mental dibenarkan untuk masih menggunakan senjata api atau memilikinya bagi tujuan untuk mendapat pekerjaan sebagai seorang pegawai peribadi. Satu lagi kejadian yang menyayat hari adalah yang berlaku di Batu Uban atau di Sungai Nibong di mana seorang wanita yang baru balik daripada kerja ditembak mati oleh orang-orang yang diupah dan beliau mati ketika itu disiarkan kejadian berlaku pada lebih kurang 5.00 hingga 6.00 petang..(dengan izin) YB. Dato' Timbalan Speaker kejadian ini berlaku pada waktu siang hari, saya dalam sidang Dewan yang sebelum ini telah pun membawa perhatian Dewan yang mulia ini kejadian melibatkan senjata api, kalau YB. Dato' Timbalan Speaker, masih lagi ingat kejadian yang telah saya bawa perhatian kepada Dewan yang mulia kejadian seorang penagih dadah di Batu Maung yang begitu marah dengan tindakan ibunya yang tidak ingin memberi wang untuk membeli dadah telah menembak mati beberapa ahli keluarganya termasuk seorang anak lebih kurang dua (2) tahun.

Selain daripada itu, umum mengetahui bahawa di beberapa tempat beristirehat di *Night Club...* (dengan izin), di Pulau Pinang. Saya difahamkan penggunaan dadah berlaku secara terbuka, kemungkinan orang-orang yang memiliki tempat-tempat hiburan ini mempunyai pengaruh ataupun (dengan izin), beberapa anggota Polis mungkin berada dalam *payroll* mereka saya gunakan istilah *payroll*. Saya difahamkan oleh kawan-kawan bahawa terdapat beberapa Pusat Hiburan di *Upper Penang Street* di sekitar Pulau Pinang di Batu Feringghi di mana secara terbuka orang-orang dimaklumkan kalau pergi ke tempat tersebut selain daripada hiburan muzik, selain daripada hiburan boleh minum minuman keras, dadah juga boleh diperolehi kalau kita sedia membayar jumlah yang mencukupi.

Saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, kalau ada anggota-anggota Polis yang menghadiri sidang ini dan sedang mengikuti ucapan saya supaya perkara ini juga diberi perhatian dan kejadian dadah ini sudah mula menular di Sekolah-Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah. Saya tidak mahu menyebut sekolah-sekolah tersebut tetapi difahamkan bahawa ada pihak-pihak ketiga yang mula masuk ke sekolah-sekolah ini di mana penuntut-penuntut di asrama telahpun didekati dan mula mereka mencuba penggunaan penyalahgunaan dadah ini.

Jadi saya di sini sungguh-sungguh menghayati nasihat yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama di mana saya ingin membaca ungkapan dalam muka surat 23 ucapan Tuan Yang Terutama di mana beliau telah menyatakan seperti berikut "Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada penjawat awam yang bertungkus-lumus memajukan Pulau Pinang. Suka saya menasihatkan para penjawat awam sentiasa mempertahankan nama baik perkhidmatan teguh dengan prinsip menolok rasuah serta tegas menentang perbuatan salah guna kuasa yang boleh mengakibatkan berlakunya ketirisan hasil negeri". Ucapan saya saya minta jelas di mana ditujukan bukan kepada kakitangan kerajaan tempatan tetapi khususnya kepada Polis Diraja Malaysia. Pertamanya, Jabatan Imigresen dan Kastam, umum juga mengetahui ramai pendatang asing di Pulau Pinang.

Pada hari Ahad dan Sabtu kita kelihatan mereka berkeliaran di George Town, ramai juga yang tidak mempunyai dokumen-dokumen perjalanan yang sah dan kita tidak pernah melihat bila melalui kawasan tersebut, pihak Imigresen membuat pemeriksaan mengejut umpamanya di Gama, di *Penang Road*. Kalau YB. Dato' Timbalan Speaker, pernah melalui kawasan itu dan kita lihat lori Imigresen di parkir di kawasan tersebut dan pegawai-pegawai Imigresen berjalan-jalan untuk melakukan pemeriksaan kita boleh sekurang-kurangnya berpuas hati bahawa tindakan-tindakan sedang diambil bagi memastikan semua yang berada di negara Malaysia, di Pulau Pinang khususnya mempunyai dokumen-dokumen perjalanan yang sah. Berkenaan dengan pihak Kastam saya mengalu-alukan tindakan yang diambil dari masa ke semasa tetapi difahamkan bahawa penyeludupan minuman-minuman keras masuk ke Pulau Pinang serta rokok di mana bayaran kastam tidak dibuat masih lagi berleluasa. Ini adalah perkara-perkara yang wajib kita beri perhatian dan saya disini ingin mengalu-alukan dan menjemput pihak Polis Diraja Malaysia, pihak Kastam dan pihak Imigresen supaya memberi perhatian kepada perkara-perkara yang telah saya bangkitkan dan untuk mempertingkatkan lagi kerja-kerja pelaksanaan penguatkuasaan dalam bidang masing-masing dari semasa ke semasa terutamanya pihak Polis Diraja Malaysia. Cuma permintaan saya kurangkanlah masa yang dibazirkan banyak sangat anggota Polis Diraja Malaysia ditugaskan untuk mengintip ahli-ahli politik. Kalau ada ceramah di sesuatu tempat banyak sangat anggota *special branch*... (dengan izin), diintip disitu merakam ceramah-ceramah yang dibuat bukankah baik kalau anggota-anggota tersebut masa yang diambil digunakan untuk kerja-kerja membanteras perlakuan jenayah di kawasan-kawasan lain. Ini adalah saranan saya untuk pihak Polis Diraja Malaysia.

Kedua, saya menunjukan perkara ini kepada MBPP, saya ingin membangkitkan perkara ini kerana ini menyentuh tentang kebajikan kerana Tuan Yang Terutama juga menyentuh isu kebajikan di muka surat 17, ucapannya. Baru-baru ini kita lihat terdapat satu kejadian dimana seorang pejalan kaki yang telah dilanggar oleh seorang penunggang motosikal di kawasan Pulau Tikus. Kejadian itu sudah menjadi viral dalam media sosial. Pertamanya saya mengambil kesempatan ini walaupun saya juga sendiri merupakan seorang pemegang lesen kenderaan yang sah pemandu kenderaan untuk menegur supaya semua pemandu-pemandu di Pulau Pinang jangan sesekali kita hanya mengutamakan kepentingan diri sendiri. Kalau YB. Dato' Timbalan Speaker pernah lawat tak perlu kita pergi ke Kanada atau Amerika Syarikat atau United Kingdom, di Singapura, ke Australia di Perth amalannya adalah begini kalau kita memandu kenderaan dan kita melihat seorang pejalan kaki tunggu di sebelah kanan dan mungkin ingin melintas walaupun tidak ada apa-apa lampu ditempat tersebut...(dengan izin), *pedestrian crossing*. Amalan pemandu kenderaan di negara tersebut di Australia dan Singapura adalah untuk memberhentikan kenderaan melambai-lambaikan tangan menjemput pejalan kaki itu untuk lintas kerana ini adalah amalan yang diamalkan. Saya minta semua wartawan di sini menyiarkan berita ini kalau penunggang motosikal pada hari tersebut hanya berhenti sebentar sahaja, saya percaya dua (2) nyawa boleh diselamatkan. Dua nyawa itu satu nyawa wanita yang telah meninggal dunia dan kedua nyawa penunggang motosikal itu sendiri. Nyawa beliau juga penting sekarang beliau meringkuk di penjara kerana telah dituduh dibawah Akta Pengangkutan Jalan. Jaminan yang dikenakan adalah RM10,000 dan beliau merana dalam penjara, keluarga beliau sendiri, anak bini beliau sendiri juga dalam keadaan merana. Jadi saya ingin menegur semua pemandu kenderaan kalau YB. Dato' Timbalan Speaker mungkin tak memandu lah, ada *driver* saya percaya YB. Dato' Timbalan Speaker akan menegur *driver* dan dia pun tak akan berani melanggar peraturan lalu lintas kerana YB. Dato' Timbalan Speaker ada dalam kenderaan. Tetapi yang tidak ada *driver* saya minta kalau boleh selalu mengutamakan pejalan kaki dan disini MBPP boleh membantu dengan cara apa? Tiap-tiap tempat di mana terdapat *pedestrian crossing*...(dengan izin) sediakan *speed bump* sama ada disebelah kiri atau pun disebelah kanan supaya kenderaan-kenderaan yang menghampiri tempat tersebut terpaksa untuk memperlahankan kelajuan sebelum kita mencapai tempat tersebut. Ini adalah perkara penting kita cuba memberi tunjuk ajar (dengan izin), *I my self*...(dengan izin) YB. Dato' Timbalan Speaker *may not be a perfect driver* kadangkala kita terbawa-bawa dengan kelajuan mungkin memotong kenderaan tetapi kita cuba untuk mengamalkan perkara ini kerana satu nyawa telah hilang disebabkan oleh Pulau Tikus, silakan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih kerana ia adalah kawasan saya jadi saya hanya ingin jelaskan kepada Dewan yang mulia ini dengan ahli-ahlinya kerana isu ini amat menarik. Kemalangan yang berlaku di Pulau Tikus ini disebabkan. Pada pandangan saya kelengkapan lampu isyarat pejalan kaki tersebut sudah pun sempurna kerana ini adalah kerana kita ada lampu isyarat pejalan kaki dan untuk pejalan kaki saja ada orang hijau dan orang merah, lampu isyarat itu dilengkapi dengan *buzzer*. Maka apabila boleh melintas akan ada "tik..tik..tik". Dan kedua garisan putih di atas jalan raya adalah jelas, bersih dan kelihatan memang kadangkala ada pudar, tak jelas garisan putih itu tapi ini memang sempurna. Yang keempat, ada bonggol, ada *speed tables* sebelum lampu isyarat itu, ada papan tanda lalu lintas yang menyatakan papan tanda pejalan kaki di depan dan ada lampu amaran yang 24 jam akan *blink* memaklumkan ada

speed tables dan ada tempat pejalan kaki. Semua dah lengkap tetapi masih terjadinya kemalangan tersebut. Saya rasa isu keselamatan pejalan kaki itu seharusnya *bi-partison*. Tak kira apa parti pun haruslah mementingkan keselamatan pejalan kaki. Yang saya lihat sekarang banyak rakyat Malaysia tidak mematuhi tidak menghormati undang-undang jalan raya dan itu menjadi masalah. Ada kereta pun ada pun motosikal kerap kita lihat melanggar isyarat lalu lintas.

Terima kasih kepada YB. Seri Delima kerana memberi saya peluang ini dan saya memohon kepada semua ahli walaupun apa-apa parti daripada UMNO dan sebagainya agar mereka menyokong tuntutan atau pun permohonan daripada kita agar anggota polis trafik di Malaysia dan di Pulau Pinang dipertingkatkan tugas Polis itu bukan sahaja untuk pantau media sosial dan sebagainya, yang kita perlukan untuk keselamatan rakyat kita, ada Polis yang atas jalan raya memang jaga jenayah, memang jaga kesalahan trafik kerana kesalahan-kesalahan trafik ini memang ada impak yang besar impak kepada ekonomi, impak kepada nyawa orang. Jadi saya mohon kepada semua pihak untuk bersetuju agar menuntut Polis mempertingkatkan bilangan anggota Polis Trafik. Mereka yang berpakaian putih itu, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker, tambah 5 minit sikit YB. Dato' Timbalan Speaker, saya berterima kasih di atas pandangan YB. Pulau Tikus pada masa yang sama saya ingin sekali lagi.... (dengan izin), menggunakan perkataan menegur pemandu kenderaan di Pulau Pinang kerana mereka mempunyai tidak apa *attitude* kalau kita kata ada kedai runcit 5 blok mungkin 100 meter kalau boleh mereka akan parkir kenderaan betul-betul di hadapan kedai runcit, turun masuk ke kedai itu pergi beli. Mereka begitu susah untuk mencari tempat parkir yang sesuai. Selalu ingin parkir dekat-dekat kalau ada kedai makan kalau boleh masukkan kenderaan ke dalam kedai makan itu, makan sampai duduk situ mereka akan berbuat demikian..(dengan izin). Di Pulau Pinang itu adalah budaya perbezaannya dari Kuala Lumpur, adalah begini, kalau kita datang dari Petaling Jaya, atau dari Banting, atau dari Shah Alam menghala ke Kuala Lumpur kita akan fikir laluan yang wajib kita akan guna, kalau tertinggal laluan itu, kita terpaksa membuat pusingan mengikut laluan arus trafik jalan-jalan yang ditentukan tak boleh potong kanan, tak boleh potong kiri kerana disediakan dengan tembok konkrit. Di Pulau Pinang bukan begitu, seringkali kita lihat kenderaan-kenderaan ini akan membuat *U-turn* di tempat tidak sepatutnya, berhenti di tempat tidak sepatutnya. Jadi saya disini menggunakan Dewan Undangan Negeri ini ingatlah wanita yang meninggal dunia itu merupakan seorang ibu kepada anak-anak beliau sendiri, saya juga difahamkan beliau juga mempunyai cucu saya kurang pasti, isteri kepada seseorang, ibu kepada seseorang yang hanya melintas jalan untuk pergi membeli bekalan untuk perniagaan beliau. Sebelum itu, beliau sibuk sedang memasak di restoran beliau itu adalah berita yang kita baca di dalam surat khabar. Sekelip mata *crossing a road has become more dangerous than buggy jumping....*(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Pulau Tikus, bukan ucapan kali kedua.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya singkatkan bukan macam tadi..(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Saya nak ambil sedikit masa kerana dia ada tugas lain.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dua minit boleh la saya bagi YB. Pulau Tikus.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dua minit pada dia.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Satu minit saja.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih, tadi Yang Berhormat ada membangkitkan kereta di tepi kedai. Setujukah Yang Berhormat cadangan yang pernah saya berikan di Dewan terdahulu dan dicadangkan oleh Paya Terubong di Dewan ini bahawa sepatutnya PBT kita membangunkan lagi sistem letak kereta di negeri kita

termasuk sistem menggunakan had masa. Jika ada petak-petak tertentu jika boleh dihadkan masa dia 15 minit ataupun 1 jam, petak-petak ini paling sesuai untuk mereka yang nak beli surat khabar beli perkara yang sekejap-sekejap. Banyak negara mereka ada sistem had masa petak 15 minit untuk kegunaan tertentu, petak 1 jam untuk kegunaan tertentu dan petak 2 jam untuk kegunaan tertentu dan ini mengelakkan agar mereka yang bekerja di *office* dari pagi sampai malam dari awal hari mengguna kesemua petak. Bagi mereka yang nak beli surat khabar mereka ada satu pilihan saja iaitu berhenti di depan kedai saja.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Minta YB. Jawi, dekat setengah jam.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya nak tanya adakah YB. Seri Delima setujukah di mana bukan sahaja pengguna-pengguna jalan terutamanya pemandu berkereta yang sukar sangat kalau boleh dia pandu sampai depan restoran. Tadi saya dengar, adakah YB. Seri Delima setuju bukan sahaja berlaku di setiap sekolah, kebanyakan sekolah semasa pelepasan sekolah maka kita boleh lihat ibu bapa tunggu kereta depan sekolah dekat Mahkamah Pulau Pinang dekat sini Union Street. Setiap kali sebelum lepas sekolah setengah jam atau 15 minit sebelum itu kenderaan-kenderaan daripada ibu bapa bukan bas sekolah terutamanya mereka hendak bergerak sampai ke hadapan, sampai mereka berbaris sampai satu *lane*, tiga *lane* sampai tiga *lane* pun ada di kawasan saya DUN Jawi pun ada. Saya ingat kebanyakan tempat yang ada sekolah berlaku perkara ini dan adakah YB. Seri Delima bersetuju masalah-masalah ini juga perlu diselesaikan kerana dia akan menjadi satu kacau ganggu trafik dan juga gangguan kepada pengguna-pengguna yang lain.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih kepada YB. Pulau Tikus dan YB. Jawi mungkin perkara-perkara ini adalah perkara-perkara yang berlaku tetapi saya cuma ingin (dengan izin), balik kepada pepatah yang saya gunakan tadi, mungkin kita boleh *in Penang...* (dengan izin), YB. Dato' Timbalan Speaker, *in Penang crossing the road is more dangerous than buggy jumping* itu adalah perkara yang sekarang diberitahu pada sayalah *in Penang crossing the road is more dangerous than buggy jumping* disebabkan oleh kejadian ini. Kedua saya bersetuju dengan YB. Pulau Tikus dan ini membawa kepada topik yang baru menjadi panas. Baru-baru ini kita digegarkan dengan satu kejadian dimana mahkamah telah mengistiharkan saman-saman yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terhadap kenderaan-kenderaan yang *parking* di tempat-tempat yang tidak sepatutnya diletakkan itu, semua saman-saman itu adalah tidak sah, keputusan ini diputuskan pada dua, tiga hari, minggu yang oleh Mahkamah Majistret Pulau Pinang.

Saya mengesa kepada pihak MBPP untuk membuat rayuan dan meneruskan rayuan di Mahkamah Tinggi untuk mencabar keputusan dari Mahkamah Majistret kerana pada hemat saya kesalahan itu merupakan kesalahan yang tidak ditujukan kepada pemandu kenderaan. Kalau kenderaan itu diletakkan di tempat yang tidak sepatutnya diletakkan sama ada saya adalah pemandu atau *driver* saya adalah pemandu saya atau isteri saya adalah pemandunya, atau ayah saya adalah pemandunya, kesalahannya adalah meletakkan kenderaan itu di tempat yang tidak sepatutnya diletakkan. Berbanding dengan, sama seperti kesalahan-kesalahan lalu lintas yang lain, tetapi mungkin, saya tidak ingin, jangan salah faham YB. Dato' Timbalan Speaker, mengatakan sesuatu yang tidak baik kepada Pegawai Undang-undang yang melaksanakan pendakwaan undang-undang kes ini di mahkamah, tetapi mungkin apa yang kita boleh buat apabila berlaku kes-kes yang luar biasa begini untuk menjemput peguam-peguam daripada barisan sini. YB. Kebun Bunga merupakan seorang peguam, YB. Bukit Tengah merupakan seorang peguam, YB. Datuk Keramat merupakan seorang peguam, YB. Jawi pun merupakan seorang peguam dan saya sendiri adalah seorang peguam yang boleh memberi pendapat di mana kuasa untuk membantu mendakwa pihak pendakwaan boleh dikeluarkan dan saya di sini kurang pasti sama ada pegawai yang melaksanakan pendakwaan di mahkamah itu telah melakukan pendakwaan (dengan izin), menggunakan segala keupayaannya.

Jadi saya merayulah kepada pihak MBPP kalau boleh untuk meneruskan rayuan tersebut di Mahkamah Tinggi dan pada masa yang sama kalau berlaku kejadian yang sama, pendakwaan yang sama dalam kes-kes yang akan datang untuk meminta pendapat-pendapat kami, di mana kami sedia membantu kerana kes ini (dengan izin), telah membuka *ponderous box* di mana persepsi yang diberikan kepada semua pemandu kenderaan di Pulau Pinang, jangan risau letaklah kenderaan di mana-mana, pihak MBPP tidak boleh saman, walaupun mereka saman, saman itu tidak sah di Mahkamah. So, ini adalah perkara yang wajib dan wajar kita beri perhatian kepada kerana kalau itulah persepsinya, YB. Dato' Timbalan Speaker kita harus ingat, umpamanya di Hospital Besar Pulau Pinang (HBPP) ramai

pesakit-pesakit yang telah saya bangkitkan pada sidang Dewan sebelum ini di mana tidak ada cukupnya parking di kawasan hospital, di mana mereka terpaksa meletakkan kenderaan berdekatan padang polo. Jalan kaki dan ramai warga emas yang akan melintas jalan. Kadang kala ada juga berlakunya kejadian di mana kenderaan-kenderaan diletak menghalang tempat-tempat untuk kita berjalan di situ, orang-orang kurang upaya dimana kita gunakan *wheel chair*...(dengan izin), kerusi roda untuk membawa mereka dan dihalang. Dan saya difahamkan bahawa kemungkinan dalam kes ini kenderaan tersebut diletakkan di tempat dimana ia menghalang akses yang dikhaskan, dikhususkan kepada orang yang kehilangan upaya itu, saya teruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta laluan sikit, perkara yang dibangkitkan oleh YB. Seri Delima itu adalah perkara yang cukup serius, tetapi malangnya saya rasa beberapa EXCO tidak berminat hanya ada Padang Lalang sahaja yang ada di sini, mungkin mereka tidak berminat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Mereka ada mesyuarat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sepatutnya, kena beritahulah ada mesyuarat, saya pun hairan mereka tidak ada dalam Dewan ini, kerana perkara ini cukup serius, saya sokong YB. Seri Delima ini, masalah parking dan sebagainya memang satu perkara yang amat mustahak, bukan sahaja di *General Hospital*, di tempat-tempat lain pun berlaku perkara yang sama juga.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih YB. Pulau Betong, tiada masalah Ahli-ahli EXCO semua adalah rakan-rakan saya, saya boleh berjumpa dengan mereka pada bila-bila masa untuk memaklumkan kepada mereka.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau mereka mesyuarat, mengapa YB. Padang Lalang ada di sini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya tidak hadir mesyuarat ini, kerana saya tidak di dalam jawatankuasa itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya akan sampaikan inti parti ucapan saya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, ada pegawai-pegawai, inti partinya akan saya sampaikan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Seri Delima sudah tiga puluh minit, kata sepuluh minit sahaja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Okay, saya akan teruskan, isu seterusnya adalah berkenaan dengan kawasan warisan, perkara ini telah disentuh oleh T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri di dalam ucapannya di muka surat 10, berkenaan dengan penemuan ekologi penting disaksikan Gua Kepah Kepala Batas dan saya terpanggil untuk meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyediakan satu *documentary*...(dengan izin), ataupun buku atau rencana berkenaan dengan tokoh-tokoh politik di Pulau Pinang ataupun menyediakan tempat tertentu di mana tokoh-tokoh di Pulau Pinang khususnya daripada Pakatan Harapan akan diberikan peluang untuk kita menceritakan perkara ini kepada warga negara Malaysia dan rakyat Pulau Pinang khususnya pada masa akan datang, umpamanya mendiang YB. Karpal Singh, mendiang YB. P. Pato ramai lagi ahli-ahli politik yang telah pun meninggal dunia yang telah memberi sumbangan dalam arena politik, Ahmad Noor seorang lagi Ahli Parlimen Bayan Lepas dari parti DAP, parti Pakatan Rakyat, parti Harapan Rakyat, parti PAS, Amanah dan sebagainya.

Sebabnya adalah kita lihat sekarang saya sendiri, semasa saya pergi sekolah, pada masa itu saya ingat pahlawan di Melaka ada lima orang, Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekiu, Hang Lekir dan Hang Kasturi, ini adalah sejarah yang saya baca, Puteri Hang Li Poh, Parameswara, tetapi sekarang terdapat juga risalah-risalah dan berita-berita yang menjadi viral yang mengatakan Hang Tuah ini adalah seorang Cina, Hang Jebat juga begitu juga dengan pahlawan-pahlawan yang lain. Saya bukan menuduh rakan-rakan saya di sebelah sana tetapi sasterawan, negarawan ramai mengatakan bahawa mungkin

ada agenda politik di dalam menukar sejarah negara, ada kalanya pada satu masa dahulu, kalau kita tanya *who is the first ladies of Malaysia*, bukan Permaisuri Agong, tetapi Rosmah. Rosmah *is not the first ladies of Malaysia, is Permaisuri Agong*. So ini adalah perkara yang kita harus memberi perhatian dan mengambil kesempatan ini ketika masih kita memerintah untuk menyediakan tempat di Muzium Negeri Pulau Pinang. Kalau boleh dimana semua tokoh-tokoh yang memberi sumbangan bakti dan telah menyandang jawatan sebagai wakil rakyat, terutamanya daripada Pakatan Harapan diberi tempat yang sepatutnya dimana satu sejarah riwayat hidup mereka gambar-gambar serta darjah-darjah kebesaran yang diberikan itu boleh disimpan supaya rakyat di Pulau Pinang tidak akan termakan dengan propaganda Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Penjelasan, YB. Dato' Timbalan Speaker, kita mempunyai badan sejarah saya rasa mempunyai maklumat yang lengkap tentang sejarah Malaysia, sejarah tanah melayu dan sebagainya. Saya rasa kita tidak perlulah menuduh badan-badan politik dan sebagainya dalam hal ini. Memang kita ada sejarah yang tersendiri. Pihak Universiti pun ada kajian mereka sendiri, jadi saya rasa tidak perlulah, dan di Pulau Pinang sendiri pun mempunyai sejarah yang cukup lengkap, siapa yang datang dahulu, ada yang saya dengar disebut bahawa orang putih, maknanya ada datang sebelum itu lagi. Sejarah ada menunjukkan ada sejarah Masjid awal dan sebagainya, itu juga perlu diperjelaskan kepada masyarakat, saya rasa YB. Seri Delima setuju tak dengan pandangan saya, kita gunakan badan-badan yang ada ini untuk memperjelaskan tentang perkara ini. Tidak perlulah kita hendak pertikaikan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya cuma membuat saranan ini kerana, saya sendiri apabila duduk dengan anak-anak, bila anak-anak mengulangkaji pelajaran mereka di rumah dan secara kebetulan sekali sekala apabila kita berpeluang bersama-sama mereka, tanya kepada mereka *who are the five important...* (dengan izin), YB. Dato' Timbalan Speaker, *malay warriors in Melaka, who is this people*, siapa mereka ini? Hang Jebat, Hang Tuah, Hang Kasturi *we now how about them, is all in history book*. Jadi ini adalah kerisauan saya, saya tidak mahu mempolitikkan perkara ini. Saya cuma risau 50 tahun selepas kita tidak ada di sini lagi, kalau mereka bertanya *who was the Chief Minister from two thousand eight to two thousand and many more years to come* mungkin sejarah ini tidak akan ada di dalam sejarah Pulau Pinang lagi. Jadi itu adalah kerisauan saya, kerana perkara-perkara ini berlaku kita YB. Sungai Acheh pun tahu, YB. Sungai Dua pun tahu kalau presiden dahulu Tun Mahathir, kalau dahulu kita mengangkatnya, parti sendiri sekarang memijaknya, mengatakan semua perkara-perkara terhadap beliau, ini adalah *reality* bila seseorang itu tidak lagi berkuasa memang ramai tidak akan memberi penghormatan kepada beliau. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat, tetapi memohon supaya EXCO berkenaan memberi perhatian kepada perkara ini dan pada masa yang sama memastikan bahawa sejarah-sejarah yang masih lagi ada dipelihara dan diberi tempat yang sewajarnya di Muzium Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang Terutama juga telah menyentuh dua (2) perkara yang saya ingin menyentuh di sini pertama berkenaan dengan kedatangan pelancong. Satu, YB. Dato' Timbalan Speaker Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini sudah pun tidak mencukupi untuk menampung kedatangan pelancong. Saya ingin merekodkan di sini, walau pun terdapat permintaan-permintaan untuk kita mengubahsuai dan membina lapangan terbang yang baru tidak ada sebarang berita sehingga sekarang cuma kita dapat tahu khabar angin bahawa lapangan terbang yang baru itu akan dibina di Kulim. Saya ingin bertanya apakah perkembangan tentang perkara ini. Kalau Hospital Pulau Pinang isu kedua, tidak mencukupi tempat parking, tidak mencukupi katil-katil di tempatkan di kaki lima dalam hospital sudah pun padat, ada permintaan untuk kita perbesar hospital, kelmarin di dalam berita TV3, juga secara kebetulan saya lihat pengumuman membuat hospital baru pakar akan dibina di kawasan Baling. Cuba bayangkan adakah ini sebab Ahli Parlimen Baling itu merupakan daripada parti UMNO Barisan Nasional? Bila sudah ada kepentingan, bila sudah ada keperluan di Pulau Pinang di George Town, ramai sangat yang memerlukan rawatan warga emas yang memerlukan rawatan sudah padat tempat tersebut tidak mencukupi katil dan sebagainya. Kalau pergi ke wad kecemasan pun, doktor di situ pun juga ramai yang sakit yang memerlukan rawatan, tetapi pengumuman dibuat tiba-tiba kita lihat hospital baru akan dibina di Baling, satu lagi hospital akan dibina di kawasan Perlis, tetapi bagaimana pula di kawasan George Town dengan Pulau Pinang? Adakah ini amalan Satu Malaysia yang diwar-warkan, silakan, silakan boleh saya beri laluan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya rasa ia dasar Kementerian Kesihatan, kita hendak banyakkkan hospital, dasar untuk satu doktor, berapa YB. Seberang Jaya?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Boleh kah?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Bagitahu saja.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya difahamkan satu daerah, satu hospital, itu dasarnya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Jadi kalau kita hendak buat di Baling. Sekarang ini di GH ini banyak dengan orang-orang daripada luar, daripada Kedah, Baling, dari Taiping, mai ke GH sebab kita ada pakar, semua pakar ada dan sekarang pun kita sudah cuba mempertingkatkan, Kepala Batas pun ada pakar Seberang Jaya dan sebagainya, jadi kalau hendak buat di Baling, saya tidak ada masalah, bukan satu masalah yang akan, mungkin akan menyebabkan Hospital Pulau Pinang akan semakin kurang tidaklah penuh, kurangnya sikit dari segi orang yang datang untuk mendapatkan rawatan pakar dan dia akan pergilah ke Hospital Baling dan sebagainya, jadi saya ingat tidak ada masalah dari segi ini. Bukan kita hendak pelari, kita hendak memperbanyakkan hospital, itulah matlamat Kerajaan Persekutuan, bukan seperti pihak pakatan hendak memperbanyakkan hospital dan mempertingkatkan *service* kepada masyarakat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih kepada YB. Sungai Dua, kalau boleh pilihanraya yang akan datang YB. Sungai Dua akan menjadi Ahli Parlimen dan kalau boleh jadi Menteri atau Timbalan Menteri Kesihatan. Sekurang-kurangnya kita dapat...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mohon laluan YB. Seri Delima. Saya tidak setuju YB. Sungai Dua jadi menteri sebab kita yang hendak ambil alih. Cuma yang saya hendak sebut penjelasan kepada YB. Seri Delima. Isu dia sekarang ini bukan isu hendak buat dekat Baling ke, hendak buat di George Town ke. *Last* sekali Kerajaan Pusat buat hospital baharu ini bila? Sebab isunya saya ingat, kita tidak nampak hospital dibina dengan banyak sebab baru ini saya sendiri pergi berceramah di Bera, sudah tiga penggal janji hendak buat hospital, tidak buat-buat pun hospital di Bera. Di Balik Pulau kita hendak buat penambahbaikan Jabatan Kecemasan, sekarang tidak siap lagi. Tidak buat lagi. Itu tempat Timbalan Menteri Kesihatan. Kemudian di Hospital Besar Pulau Pinang, kita pun tengah tunggu lagi. Daripada zaman saya kerja sebagai Pegawai Perubatan Siswazah di situ sampai sekarang masih lagi tidak dibina hospital ibu dan anak yang baru. Jadi isunya. Saya ingat isu kesesakan, isu perancangan dalam Rancangan Malaysia yang sudah berapa banyak ini tidak terlaksana dengan seperti yang dirancangan. Itu masalah yang saya ingat menjadi punca kepada kesesakan yang berlaku sekarang ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. YB. Dato' Speaker, saya berterima kasih di atas pandangan yang diberikan. Saya menarik perhatian YB. Sungai Dua, adakah benar persepsinya, adakah benar bahawa projek-projek pembangunan terutamanya hospital ini kita tidak boleh pilih bulu Yang Berhormat? Di mana orang memerlukan rawatan, kita terpaksa, kewajipan kerajaan untuk memberikannya. Tetapi pengumuman pembinaan hospital-hospital ini dibuat di kawasan-kawasan di mana Ahli Parlimennya adalah daripada Barisan Nasional. Okey, tidak apa. Tetapi adakah keperluan untuk membina hospital pakar di Arau, Perlis dan juga di Baling? Adakah begitu banyak pesakit di kawasan Baling dan Arau, Perlis yang memerlukan rawatan pakar berbanding dengan pesakit-pesakit di Pulau Pinang? Itulah soalan saya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, penjelasan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Seri Delima tidak jadi pergi ya?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dia akal sahaja tadi. Dia hendak cakap. Bagitahu 10 minit. YB. Seri Delima, saya rasa itu tidak betul. Di George Town, di GH kita buat *inspection*, di Seberang Jaya juga akan dibina hospital yang besar,

untuk kawasan siapa? Ahli Parlimen siapa itu? Bukan BN. Di George Town, GH bukan BN tetapi kita buat juga untuk memenuhi keperluan masyarakat. Jadi tidak kenalah kalau cakap seperti yang dicakapkan tadi semua dibuat di kawasan BN sahaja. Tidak betul.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, okey mungkin saya tersilaplah tetapi adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa keperluannya adalah lebih kritikal di Pulau Pinang berbanding dengan Baling dan Arau. Dan kita berbincang tentang *not ordinary hospital, specialized hospital...*(dengan izin), hospital pakar. Adakah Yang Berhormat melihat berita TV3 kelmarin? Yang Berhormat mesti tengok punya. Yang Berhormat, TV3.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tidak kena buang daripada Dewan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Okey, tidak apalah. Saya tanya soalan ini sebab Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya jawab betul.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Wakil rakyat UMNO jadi saya rasa wakil rakyat UMNO mesti hari-hari lihat TV3 kan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Seri Delima pun tengok semalam bukan?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya secara kebetulan. Selalunya tidak lihat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Come on lah. Tiap-tiap malam lihat, dalam Dewan tidak lihat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya hanya lihat CNN sahaja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tidak percayalah Yang Berhormat. Sikit pun saya tidak percaya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tapi Yang Berhormat setuju dengan saya keperluan kritikal adalah lebih di George Town. Satu lagi perkara yang hendak bawa kepada perhatian YB. Dato' Timbalan Speaker ialah ada laporan baru-baru ini bahawa bagi pesara-pesara, mereka diberikan skim di mana perubatan yang diberikan umpamanya darah tinggi, kencing manis, macam-macam masalah boleh pergi ke hospital berkenaan dan diberi ubat-ubatan yang diperlukan untuk masa dua tiga minggu. Tetapi sekarang, pertamanya ada yang mengadu tidak mendapat ubat tersebut dan diminta supaya beli sendiri di farmasi di luar....(gangguan). Nanti bagi saya habiskan dahulu. Saya akan beri peluang. Kedua, ada yang mengatakan bahawa mereka hanya diberi ubat-ubat tersebut tetapi tidak mencukupi. Ini disebabkan kerani di kaunter mengatakan *government has got no money...*(dengan izin). *Government no money. What happen to the money?* Dia kata *please don't caught me*, mungkin 1MDB kot? Okey? So ini merupakan realiti. Kalau Yang Berhormat mempunyai ayah dan ibu yang merupakan warga emas, *I got old parents...*(dengan izin), *pensioners* yang pergi ke hospital untuk mendapat perubatan, tanya mereka tengok. Ini adalah realitinya sekarang. Kalau kita tidak dapat memberikan perubatan, menampung kos, memberi perubatan biasa apakah keperluan Kerajaan membina hospital pakar di kawasan Baling di mana penduduknya tidak seramai Pulau Pinang dan di kawasan Arau. Silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. Kita ada seorang mantan doktor. Pasal apa tidak *practice* lagi Yang Berhormat? Sebab *practice* lain selain ahli perubatan? Simpan lesen tidak *practice* dah. *Anyway* tidak mengapa. Adik saya pesakit, di Balik Pulau tetapi dia terpaksa pergi ke Alor Setar, kerana apa? Kerana pakar ada di

sana. So pakar ini boleh berada di merata-rata tempat. So kalau dibuat di Baling pun, kalau ada keperluan orang Balik Pulau ke, orang Seri Delima kena pergi, mereka kena cari di mana ada pakar, mereka akan ke situ. Jadi saya rasa itu satu. Keperluan pakar itu boleh berada di mana sahaja dan kita akan pergi menghantar *patient* kepada pakar. Yang kedua, tanah. Mungkin ada keperluan tanah, mungkin di sini tidak ada, di sana ada, lebih murah dan sebagainya. Jadi ini bergantung kepada penilaian-penilaian yang dibuat, bukan semberono dibuat keputusan. Pasti ada kajian-kajian yang dibuat oleh pihak kerajaan, mengambil kira semua faktor, untuk dibuat di situ. Saya rasa bukanlah keputusan ini yang sekelip mata dan sebagainya tetapi keputusan yang saya rasa selepas meneliti pelbagai isu dan perkara yang berkaitan dengan pembinaan hospital pakar itu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Hendak bagi tidak Telok Bahang?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Relaxlah Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Nanti Telok Bahang cakap bagi saya peluang balik ya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat Pulau Betong, tidak payahlah penat-penat hendak *explain*. YB. Seri Delima ini bukan faham pun. Penat sahaja.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tidak ada apa yang penting, nak cakap sangat. Sila duduk.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tidak, saya ada soalan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Bagi yang penting, jangan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Iyalah kalau kita asyik *explain* tapi tidak faham, asyik pusing-pusing, buat apa?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila YB. Seri Delima, teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Telok Bahang duduk, padan muka. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya tidak ingin membuang masa, saya tidak mahu berpolitik tentang hal ini tetapi ini isu...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Seri Delima, 10 minit.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Iya. Tapi ini ialah isu penting kerana keperluan hospital baru di Pulau Pinang adalah sesuatu yang begitu penting. Tahapnya begitu kritikal. Kalau Yang Berhormat sendiri pergi ke *emergency ward*, sekarang juga, mungkin tidak ada kerusi roda. *You had to take your own wheelchair*(dengan izin). Tidak ada, *there was no wheelchair*. Kalau saya ada kejadian baru-baru ini di mana seseorang itu mengalami kemalangan, saya terpaksa pergi ke situ dan kita terpaksa tunggu lebih kurang 45 minit. *I don't want to exaggerate*...(dengan izin), untuk menunggu kerusi roda dibawa sebelum beliau dibawa, beliau adalah seorang yang merupakan *obese*. Jadi tidak bolehlah, saya pun sudah cuba untuk bawa dia keluar, tidak boleh. Terpaksa tunggu *wheel chair* untuk mengusung dia keluar letakkan atas *wheel chair*.

45 minit Yang Berhormat. *So I will go on to the other issue.* Saya menyarankan kepada EXCO yang berkenaan, saya yakin Yang Berhormat sahabat saudara saya daripada Seberang Jaya yang akan menjadi Menteri Kesihatan selepas PRU akan datang akan memberi perhatian kepada perkara ini dan menyeru terus Kerajaan Persekutuan untuk membina satu hospital, kalau pakar tidak boleh, tidak pakar pun tidak apalah. Hospital biasa untuk rakyat Pulau Pinang. Jangan pinggirkan rakyat Pulau Pinang semata-mata kerana kita menyokong Pakatan Harapan dan bukan Barisan Nasional.

Saya teruskan. Berkenaan dengan isu wanita. Saya berterima kasih kepada Tun Yang Terutama yang menyentuh isu wanita di mana saya ingin dengan ringkasnya merujuk kepada teks ucapan tersebut di mana Yang Berhormat, maafkan saya, Tun Yang Terutama telah memberi kepujian kepada Kerajaan Negeri kerana memartabatkan kaum wanita. Saya sendiri selalu mengangkat wanita dan menghormati wanita, akibatnya saya dibuang Dewan kelmarin. Tetapi saya akan terus memastikan bahawa nasib kaum wanita ini terbela dan di sini saya ingin hanya ringkaskan perbincangan saya dengan menasihatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada seberang sana supaya menasihatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Ahli Parlimen Kinabatangan, Ahli Parlimen Pasir Salak, Ahli Parlimen Putrajaya dan Ahli Parlimen Tasek Gelugor. Jangan lupa bahawa ibu kita merupakan seorang wanita, isteri kita merupakan seorang wanita, rakan-rakan seperjuangan dalam parti politik merupakan wanita. Isteri Perdana Menteri juga merupakan seorang wanita. Jangan membuat pernyataan-pernyataan yang memperlekehkan, memandang rendah kaum wanita. Di sini saya tidak mahu membuang masa dengan merujuk kepada siapa-siapa lain kecuali seorang. Ingatkah Yang Berhormat kenyataan bocor yang dikeluarkan oleh Ahli Parlimen Kinabatangan kenyataan yang memperkecilkan nama Teresa Kok yang dikeluarkan oleh Ahli Parlimen Pasir Salak...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Timbalan Speaker, ini *refer* kepada yang tidak ada di dalam Dewan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tidak bagi laluan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya tahu, ini dia tidak tahu apa yang dia cakap. Benda yang suka, YB. Dato' Timbalan Speaker boleh biar.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Saya benarkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Mana boleh benarkan orang yang tidak ada di Dewan. *How they want to defend them selves?*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Saya tidak benarkan. Duduk.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Okey, tetapi tidak betul ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ahli Parlimen Tengku Adnan daripada Putrajaya yang baru-baru ini mengatakan *women should dress shabbily to avoid being sexually molested....*(dengan izin). Lebih kurang macam itulah. Kenyataan-kenyataan ini adalah kenyataan yang berbaur *degrading....*(dengan izin). Kenyataan yang tidak sepatutnya dikeluarkan dan saya menasihatkan, saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada seberang sana termasuk YB. Telok Bahang memang menghormati wanita dan saya hanya ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan kalau tidak tahu macam mana hendak menghormati wanita, datang sebelah sini, kita akan tunjuk ajar macam mana kita menghormati wanita dan mempertahankan wanita.

Akhir sekali YB. Dato' Timbalan Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk juga menasihatkan terutamanya YB. Telok Ayer Tawar yang membuat tuduhan-tuduhan terhadap kakitangan Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan dengan mengatakan bahawa ada segelintir daripada kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan ini yang tutup mata dengan pencerobohan tanah, dengan macam-

macam perkaralah. Saya pun kurang pasti tadi kerana beliau hanya cakap pakai hentam sahaja tadi. Tetapi saya ingin menasihatkan beliau kerana saya pada asalnya perkara ini tidak berada dalam teks ucapan saya. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa sebagai seorang *backbencher* bahawa semua kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Tempatan wajib dan wajar dibela kerana mereka tidak berkesempatan berdiri di sini untuk membalas perkara-perkara yang dikatakan, tohmahan-tohmahan yang dibuat. Dan saya ingin di sini menyatakan bahawa janganlah sekali-kali kita membuat tuduhan-tuduhan melulu terhadap pihak mereka. Kalau ada insiden atau kejadian-kejadian yang spesifik, bawalah perkara-perkara itu kepada pejabat-pejabat EXCO berkenaan yang senantiasa bersedia untuk berjumpa dan berbincang. Dan mungkin perkara ini boleh dibawa kepada perhatian YB. Telok Ayer Tawar nanti dan akhir sekali saya cuma ingin sekali lagi menunjukkan perkara ini kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kalaulah betul Yang Berhormat-Yang Berhormat semua telah mendapat sumbangan semasa Pilihanraya seperti yang telah diakui oleh Menteri Pelancongan Nazri Aziz, dia kata semua Wakil Rakyat UMNO telah diberikan RM500,000. Betul? Itu adalah pengakuan yang dibuat, RM500,000 telah diberikan, simpanlah duit itu kalau boleh dan pastikan ia digunakan bagi manfaat rakyat....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini saya minta pesan. Menyakitkan hati Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini adalah kenyataan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Apa yang dia sedang merepek?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini adalah.... bukan merepek Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sudahlah, jangan bermimpi di siang hari.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sila lihat kepada Laporan *Free Malaysia* semalam.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Free Malaysia ini *your's paper. Your's news.*

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Hah?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kan kawan baik Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Betulkah? Ini adalah kenyataan, bagaimana....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Datuk Nazri tidak ada di sini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

No. Bagaimana.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Orang yang terima kata tidak terima, tidak dapat pun saya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya ingat melencong keluar la.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya habiskan, saya habiskan YB. Telok Bahang.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Timbalan Speaker, ini anak emas juga ka?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya habiskan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Nak habis dah. Nak habis dah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Anak emas Dato' Timbalan Speaker ka ini?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya habiskan. Kalau ada pastikan bahawa wang itu disimpan bagi kalau boleh diagihkan beri MCA sikit, bagi MIC sikit, bagi Gerakan sikit. Pastikan bahawa semua dapat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya minta rakyat bagilah MCA menang dua tiga *seat* dalam Dewan ini supaya mereka boleh jawab ini semua. Mereka tidak ada dalam Dewan, kenapa tuduh mereka Yang Berhormat? Bagi dua tiga *seat* pada MCA.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila. Tidak apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dan ingat, dan ingat saya ingin memberi saranan. Ingat, ini adalah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram. Saya ingin baca sebagai penghabisan.

Seksyen 4, Penasihat Undang-Undang pun ada disini. "Seksyen 4 - Akta Penggubahan Wang Haram". Telok Bahang kena tahu undang-undang ini, dapat duit itu susah nanti.

"Mana-mana orang yang melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan.

Memperolehi, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan, mengalirkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan, merahsiakan, menyembunyikan, atau menghalang pemastian sifat sebenar sumber-sumber lokasi, pergerakan pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan atau pemunya hasil daripada aktiviti haram atau daripada peralatan kesalahan, melakukan kesalahan penggubahan wang haram dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun".

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Dato' Timbalan Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini adalah nasihat saya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kerajaan Barisan Nasional, tengok *steady* boleh keluarkan Akta yang seperti itu. *Steadynya* Kerajaan Barisan Nasional.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tidak apalah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebabnya lulus di Parlimen.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Minta laluan biar dia baca. Sila, sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jadi, sila ambil maklum. Kalau terima wang itu dalam Pilihanraya yang akan datang, pastikan kita tahu sumber wang itu daripada siapa, dimana wang itu diperolehi. Kerana saya yakin bahawa ke semua wang yang diberikan yang telah diakui oleh Menteri Perlancongan dalam Laporan *Free Malaysia* kelmarin, semuanya adalah merupakan satu kesalahan dibawah Akta Penggubahan Wang Haram. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker. Saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam menyokong ucapan Perasmian Penggal Kelima oleh T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 19 Mei yang lalu. Pertamanya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini yang Ketua Pembangkang tidak berada disini. Apa pun saya yakin yang kami ini Barisan Nasional amat berterima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh warga kerja kakitangan kerajaan di Pulau Pinang yang ini telahpun membantu kami dalam menjalankan tugas di sepanjang perkhidmatan kami.

Yang kedua, merujuk kepada YB. Seri Delima jikalau ada ADUN DAP yang dapat ratusan ribu ringgit waktu pilihan raya, eloklah kembalikan juga wang kepada rakyat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa dia Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya kata jikalau ada ADUN DAP.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cabar, kalau berani buat tuduhan di sini. Tidak ada masalah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya sebutlah ini, kalau ada.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kalau ada. Kalau ada....(gangguan) Silakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Siapa makan cili ni?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cabar. Kalau berani, buktikan di sini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Belum ada lagi. Belum ada lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Belum ada seseorang pun yang ada terima satu sen pun.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dan kami pun.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan sebelah sana. Bukan sebelah sana.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dan kami juga tidak menerima RM500,000 itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tapi Yang Berhormat, Ahli Parlimen.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tanyalah dia.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dia telah mengaku. Dia kata RM500,000 itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Mungkin dia. Bukan kami di sini, semua tidak.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Kami tidak terima, wahai Seri Delima.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat mahu ka? Saya nak *arranged* dengan Datuk Nazri bagi dekat *you*. Mahu boleh, kita boleh atur...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak mahu membuang masa. Saya hendak terus kepada merujuk kepada jawapan-jawapan yang telahpun diberikan kepada saya dalam soalan bertulis Saya rasa tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan kepada saya.

Satunya saya bertanya kepada kerajaan, isu ketidakadilan dan ketelusan agihan pukut-pukat kepada nelayan di Kuala Sungai Burong (spesifik) dan dibangkitkan dalam Dialog bersama EXCO. Saya tahu EXCO pergi ke situ. Apakah masalah sebenarnya? Mengapa berlaku dan bagaimana penyelesaiannya?

Jawapan yang diberikan kepada saya. Beri bantuan pukut nelayan persisiran pantai unit Kuala Sungai Pinang terdapat penurunan jumlah penerima daripada 60 orang pada Siri Kelima tahun 2015 kepada 70 orang penerima bagi Siri Keenam tahun 2016. Saya tanya Sungai Burong, dijawab Sungai Pinang. Saya tanya tentang apakah masalah sebenarnya yang berlaku dan bagaimana penyelesaiannya, dia jawab tentang bancian. Sama ada EXCO tidak analisa, tidak baca soalan ke. Tapi, saya rasa YB. Seberang Jaya ini orang yang cukup bijak. Dia akan baca, tetapi kenapa tidak jawab. Ini satu jawapan yang tidak boleh diterima. Saya harap YB. EXCO, dapat melihat semula jawapan yang diberikan kepada saya dan jawab semula. Saya beri peluang sampai hari Khamis ini sebelum kita berakhir.

Yang kedua, kaedah penjualan makanan melalui *food truck* telah meningkat. Apakah polisi dan perancangan kerajaan bagi menyokong dan merencanakan perniagaan melalui kaedah ini. Perincian maklumat permohonan dan jumlah yang diluluskan. Apakah sumbangan Kerajaan Negeri untuk menyokong program ini.

Dan jawapan yang diberikan juga saya rasa saya tidak pasti yang saya tahu ada ramai yang berminat hendak memohon, apa yang saya hendak tekankan disini adalah ada keperluan yang cukup tinggi bagi pengusaha-pengusaha *food truck* ini untuk berniaga dengan menggunakan *food truck* tetapi mereka tidak ada lesen sehingga menyebabkan banyak pinjaman yang hendak dipohon daripada

MARA dan sebagainya tidak diberikan kerana mereka tidak mempunyai lesen. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat memberi lesen-lesen melalui MBPP, supaya mereka ini boleh berniaga secara halal, secara sah dan juga ditempatkan premis-premis tertentu bagi membolehkan mereka berniaga.

YB. Dato' Timbalan Speaker saya minta kita *urgent* Dewan ini dahulu kerana EXCO seorang pun tidak ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Seorang tidak cukup.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Nasib baik masuk balik.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yang Berhormat, EXCO ada atau tidak ada pun ada kakitangan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya hendak bercakap dengan orang, bukan saya bercakap dengan kerusi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Mengambil nota. Tidak payah risau.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

No, saya hendak bercakap dengan orang bukan bercakap dengan kerusi. Seorang pun tidak apalah, wakil.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Pulau Betong, minta laluan sedikit. Saya ingat seorang pun tidak cukup, sebab isu Yang Berhormat ini berkisar pada semua isu negeri. Kalau semua tidak ada dalam ini, yang tinggal seorang. Nampak tidak ada serius, inilah sifat bila dapat kemenangan yang kedua, mereka telah nampak tunjuk sifat-sifat sebenarnya Kerajaan DAP ini. Dato' Timbalan Speaker, saya cadang tangguh.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya rasa mereka tidak pernah ada di Parlimen. Jadi mereka tidak tahu bahawa Menteri-Menteri kurang ada di dalam Parlimen pun bukan kerana mereka tidak pentingkan, tetapi kerana Menteri-Menteri dan EXCO-EXCO mereka ada mesyuarat yang lain. (kurang jelas) Mesyuarat itu tidak boleh diganti, diwakil. Tetapi sini ada kakitangan yang membantu. Apa mahu lagi, kalau soalan boleh diberi. Cakap berapa kali, tak cukup lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Boleh? Boleh saya cakap?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Jangan cakap lagi la.... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tadi saya cakap, seorang pun tidak ada. Sekarang baru ada.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Eh, tadi saya selalu ada di sini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Hey, saya nampak kerusi kosong itu saya cakap tadi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Eh, saya belum keluar lagi. Saya ada di.....(gangguan)

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya. Ya. Selesaikan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Belum keluar lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Timbalan Speaker nampak tadi, sebab itu saya bersuara.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yang Berhormat ini, mana?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Pulau Betong, awak tidak ada mata di belakang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Apa tidak ada pula, semua nampak apa?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila. Teruskan. Sila teruskan YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Sikit sahaja. Saya hendak merujuk kepada Padang Lalang yang menyatakan tadi boleh wakil ka tidak boleh wakil? Boleh wakil ka tidak boleh wakil?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya kata ada mesyuarat umpamanya tidak boleh diwakil, menteri mesti di situ, EXCO mesti di situ. Itu tidak boleh diwakil.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Cuma saya hendak jelas YB. Padang Lalang pernah wakil EXCO Agama menjawab soalan-soalan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini mesyuarat di tempat lain.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tidak apalah, saya nak cerita.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Memang tidak boleh wakillah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya juga melihat kepada keseriusan tanah-tanah pertanian yang ditambun oleh pengusaha-pengusaha. Semakan ini ada lebih kurang 18 lot, 17 lot pertanian yang telahpun ditambun di tanah-tanah pertanian tanpa kebenaran dan tidak mendapat kelulusan. Dan kebanyakannya semuanya telahpun dibawa ke mahkamah. Dan saya berharap YB. Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri prihatin dengan perkara ini kalau boleh gunakan pekerja-pekerja di Pejabat Daerah, MPSP, MBPP, pegawai JPS dan sebagainya untuk memantau supaya tidak berlaku penambakan ataupun penimbunan tanah sewenang-wenangnyanya kerana jumlah yang agak besar ini

seolah-olah mereka mengambil kesempatan untuk menambun tanah pertanian dan saya rasa ini patut dihalang seperti mana dibangkitkan banyak kali oleh kawan-kawan kita dalam mesyuarat yang lepas.

YB. Dato' Timbalan Speaker, tentang surcaj. Saya bertanya apakah kadar surcaj akan terus dinaikkan secara berkala jika masih gagal mengurangkan kadar pengguna air negeri? Apakah tarif akan dinaikkan jika peningkatan surcaj kali ini gagal dan apakah kempen program yang dijalankan oleh PBAPP atau Kerajaan Negeri bagi mendidik untuk menjimatkan air.

Jawapan yang diberikan, kadar *surcharged* air tidak akan dinaikkan secara berkala sekiranya kadar gunaan air negeri tidak menurun dan sebaliknya akan dinaikkan mengikut keperluan iaitu bergantung kepada permintaan air. Kapasiti air semasa dan juga perancangan masa panjang sumber air negeri.

Saya difahamkan surcaj ini dikenakan supaya untuk mendidik soalan saya kalau surcaj air ini dinaikkan tujuan mendidik apakah langkah yang seterusnya jawapan yang diberikan akan dinaikkan bergantung kepada permintaan air saya rasa ini satu jawapan bercanggah dengan niat asal untuk menaikan surcaj air ini apa pun tentunnya pihak PBA yang akan dapat keuntungan dan yang akan merana sedikit adalah anak anak negeri Pulau Pinang penduduk-penduduk negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya bertanya bagi setiap portfolio MMK berikan tarikh mesyuarat sejak mula penggal dari tahun 2013 jawapan yang diberikan dua baris mesyuarat portfolio majlis kerajaan akan diadakan berkala dan bila diperlukan saya tanya tarikh kenapa saya nak pastikan yang mesyuarat yang diadakan itu bila? Apa isu yang dibangkitkan saya kuarir macam berlaku yang penggal pertama dahulu ada yang langsung yang tidak bermesyuarat, YB. Dato' Timbalan Speaker. Sebab itu saya minta tetapi jawapan yang diberikan mesyuarat portfolio kerajaan akan diadakan secara berkala atau bila diperlukan. Saya kalau jawapan macam ini saya tak payah tanya lagi bagus.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya juga bertanya bagi setiap program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri antaranya dan tidak terhad pada warga emas, anak emas dan inisiatif jelaskan juga perbelanjaan penerima dan sumber pembiayaan program tersebut apakah kejayaan bagi setiap program itu? Saya diberikan senarai program ini, Program Pembasmian AES, Program Bantu Orang Miskin, Program Baikpulih Rakyat Miskin, Program Peningkatan Dan Pemulihan Ekonomi, Program Pemberian Teksi dan sebagainya, yang saya minta itu jelaskan perbelanjaannya. Ini juga jawapan yang tidak menjawab soalan yang saya kemukakan, so kalau inilah kualiti pejabat-pejabat EXCO saya rasa, nak kata apa pun tak tau lah, saya bagi peluang lagi Yang Berhormat EXCO untuk memberi, meneliti kepada jawapan saya dan mengembalikan jawapan saya pada hari khamis nanti.

YB. Dato' Timbalan Speaker dalam ucapan ini yang T.Y.T. Tun selalu kerap membandingkan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri hari ini, izinkan saya mengambil masa sedikit dalam Dewan yang mulia ini untuk menerangkan apakah program yang telahpun dibuat oleh Kerajaan Persekutuan sebagai tanda bahawa Kerajaan Barisan Nasional di Persekutuan amat sayang kepada Pulau Pinang. Yang pertama disebutkan tadi juga bayaran elauan Kafa jumlah daripada Tahun 2008 sampai 2017 adalah sebanyak RM133.4 juta, Bantuan Rakyat 1Malaysia, BRIM daripada 2012 sampai 2017 RM1.39 juta, dan bantuan JKM, Jabatan Kemajuan Masyarakat daripada tahun 2012 sampai 2015 berjumlah RM277.9 juta, satu jumlah yang banyak diberikan kepada Pulau Pinang sebagai tanda kasih sayang Perdana Menteri kepada Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Speaker, yang ini saya nak baca juga ke semua projek yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat untuk Pulau Pinang bermula daripada tahun 2013 sehingga 2017. Tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh buat perbandingan apa yang kita beri kepada negeri Pulau Pinang ini. Satu naik taraf Bayan Lepas Expressway sepanjang 4.5 kilometer RM373.2 juta, membina jambat Jalan Nangka Perda Timur Bukit Mertajam RM184 juta, jumlah RM558 juta dan akan disenaraikan lagi Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan naik taraf jalan Persekutuan FT001 RM344 juta, naik taraf jalan Persekutuan FT006 Teluk Kumbar ke Lapangan Terbang Antarabangsa RM390 juta, naik taraf Jalan Negeri P10 Batu Maung ke persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah RM160 juta membina *foyer* merentasi persimpang Batu Maung, Bayan Lepas RM165 juta sedang dilaksanakan dengan jumlah RM1.06 billion. Yang akan dirancangan lagi dalam rancangan pembesaran jalan Persekutuan ke jambatan Merdeka Kepala Batas RM340 juta naik taraf jalan Persekutuan FT01 Persimpangan Permatang Keling ke Sungai Junjung RM143 juta, RM483 juta akan dibina di Pulau Pinang sebagai tanda kasih sayang Barisan Nasional kepada Pulau Pinang.

Yang kedua, YB. Dato' Timbalan Speaker mentransformasi pembangunan luar bandar bagi meningkat fleksibiliti pada kawasan pinggir bandar kemudahan asas infrastruktur dan media sosial yang memanfaatkan penduduk. Satu, jalan perhubungan desa naik taraf dan penyelenggaraan jalan RM7.5

juta, projek pembangunan aktiviti sosial naik taraf dewan bandaraya RM10 juta, program jalan kampung hampir 9,000 unit lampu jalan dipasang melibatkan RM17.5 juta. Dan dalam perancangan kita akan membina jalan luar bandar Sungai Pinang ke Pulau Betong RM7.8 juta, jalan Tasek ke Bukit Teh Seberang Perai Tengah RM2.8 juta, penyelenggaraan negeri di bawah peruntukan Majlis RM17.98 juta jumlah RM202 juta, YB. Dato' Timbalan Speaker. Pemegang air kepada rakyat dan kebanyakan pemberian infrastruktur air di bawah Kerajaan Negeri serta menyediakan sistem kumbahan atau pembentungan yang moden bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Projek siap Rancangan Tebatan banjir RTB Tasek Gelugor RM4.1 juta pemulihan pantai dan pembaikan air laut di Batu Feringghi RM14 juta, pemuliharaan muara Sungai Perai Fasa 3 RM50 juta, pengurangan kadar kehilangan air tidak berhasil Pulau Pinang RM44 juta, Projek pembesaran Empangan Mengkuang RM670 juta jumlah RM819 juta tanda kasih dan sayang Persekutuan pada Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan Yang Berhormat, adakah fakta-fakta ini disampaikan oleh EXCO Kerajaan Negeri kepada rakyat di mana-mana ucapan mereka di atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya rasa tidak yang mereka bagi tahu Kerajaan Persekutuan tak bantu Pulau Pinang, itu sebab yang saya baca semua ini. Projek yang sedang dilaksanakan, projek pembesaran Empangan Mengkuang Fasa 2A dan Fasa 2B RM530 juta projek naik taraf loji rawatan kumbahan dan pemasangan paip pembentungan Bayan Baru Fasa 2 RM440 juta, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kerian RM14 juta semua berjumlah RM1.01 billion, YB. Teluk Bahang, banyak.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat satu lagi soalan, sekiranya wang-wang ini datangnya daripada Persekutuan, adakah Kerajaan Negeri tidak tahu ataupun buat-buat tak tahu, adakah prosedur bagaimanakah ini bila duit yang sebegitu besar dihantar?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya pun tak boleh jawab tu, tak tahu, buat-buat tak tahu, mungkin mereka tahu tetapi buat-buat tak tahu. Sila, sila.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih, YB. Pulau Betong seolah menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang saya rasa. Boleh tak YB. Dato' Timbalan Speaker Kerajaan Negeri masukkan berita ini dalam Buletin Mutiara supaya rakyat tahu, kita kena telus CAT, telus apa berita pun yang baik, tak baik kena ceritakan walaupun ianya datang dari sumber mana, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Timbalan Speaker, nak buat pembedaan, YB. Sungai Acheh, sebenarnya YB. Pulau Betong dia tak boleh jadi Ketua Menteri sebab Ketua Menteri ini dia untuk GERAKAN itu kepercayaan dan ketaatsetia kita tetapi dia boleh jadi DCM, Timbalan Ketua Menteri yang baik dan hebat yang telus dan ikhlas dalam perjuangan rakyat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sudah, sudah...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Nanti sat, okey. YB. Dato' Timbalan Speaker saya tarik balik.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Teluk Bahang dia tarik balik boleh? Sambung, sambung.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Timbalan Dato' Soeaker, dan *Insyah-Allah* projek dalam perancangan adalah RTB Sungai Pinang seperti mana saya sebutkan semalam bahawasanya kita di bawah Majlis Tindakan Persekutuan telah pun berbincang dengan panjang dalam dan *Insyah-Allah* kita akan membantu untuk

menyegerakan rancangan RTB Sungai Pinang ini yang bernilai RM150 juta.

YB. Dato' Timbalan Dato' Soeaker, menambah baik akses dan penjagaan kesihatan yang berkualiti pada rakyat dengan menaik taraf infrastruktur dan fasiliti kesihatan. Mana YB. Seri Delima? Tiada? Projek siap, Klinik Cure & Care 1 Malaysia Bukit Mertajam RM21 juta, Kolej Jururawat Kepala Batas RM108 juta, Klinik Kesihatan jenis 3 dengan Kuarters Bukit Minyak RM24 juta, Klinik Kesihatan Jenis 2 dengan Kuarters bandar Baru Perda RM25 juta, dan Klinik 1 Malaysia ada 25 dibina di Pulau Pinang jumlah keseluruhan RM178 juta. Yang sedang dilaksanakan adalah membina blok bertingkat Hospital Seberang Jaya di kawasan ADUN Seberang Jaya, di kawasan Ahli Parlimen PKR bernilai RM486 juta. Naik taraf kuarters Seberang Jaya lagi di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang RM22 juta dan naik taraf Hospital Pulau Pinang Fasa 2 RM19.5 juta, jumlah RM527 juta. Dan dalam perancangan Klinik Kesihatan Jenis di Barat Daya RM30 juta, naik taraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau RM22.5 juta, membina blok wanita dan kanak-kanak Hospital Pulau Pinang RM296 juta, menaik taraf Perkhidmatan Paspas Hospital Pulau Pinang RM6 juta, dan juga menaikkan sistem penghawa dingin berpusat di Dewan Bedah Hospital Bukit Mertajam RM4 juta, jumlah keseluruhan RM358 juta.

Memantapkan kualiti dan kemudahan pendidikan untuk meningkatkan *income* dan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi projek siap bangunan Politeknik Metro Tasek Gelugor RM20 juta, Institut kemahiran Mara SPU RM89 juta, pembinaan Politeknik Balik Pulau RM135 juta, pembinaan bangunan 30 darjah di Bukit Bayan Lepas RM22.4 juta, jumlah RM226 juta. Dan sedang dilaksanakan ialah projek Kolej Komuniti Tasek Gelugor RM12.6 juta, pembinaan semula bilik darjah dan lain-lain kemudahan di Sekolah Kebangsaan Tasek Gelugor RM27 juta, pembinaan sekolah baru 24 bilik darjah dan lain-lain di Sekolah Kebangsaan Tasek Gelugor RM30 juta jumlah RM69 juta dan projek dalam perancangan adalah pembinaan sekolah baru 18 bilik darjah serta kemudahan di SK Bertam Putra RM25 juta, pembinaan sekolah baru 22 bilik darjah SMK Bertam Putra RM36 juta, dan pembinaan baru Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan RM47.5 juta so jumlah RM108 juta. Jumlah keseluruhan adalah RM5.8 billion. Itu jumlah yang tak termasuk kecil-kecil lagi itulah pembelanjaan besar yang telah pun dibelanjakan oleh kerajaan pusat kepada Pulau Pinang untuk kebaikan rakyat Pulau Pinang .

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat minta laluan sikit Yang Berhormat , dengan jumlah besar berapa banyak kah kenaikan KDNK negeri Pulau Pinang, adakah Yang Berhormat ada maklumat? *Contribution* daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri yang meningkatkan taraf ekonomi dan pencapaian ekonomi yang baik untuk negeri ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih saya tak ada angka itu, tapi yang saya tahu Malaysia 5.6%, mungkin nanti EXCO boleh bagi jawapan itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Minta laluan YB. Pulau Betong, Terima kasih kepada Yang Berhormat atas maklumat yang dikongsi tentang jumlah-jumlah perbelanjaan tapi saya ingat Yang Berhormat kena ingat ambil satu *comparison* yang lebih adil, dari segi kita bandingkan belanjawan Kerajaan Negeri saya ingat baru cecah RM1 billion berbanding Kerajaan Pusat dan memang selayaknya Kerajaan Pusat memberikan peruntukan yang besar kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebab itu agensi agensi Kerajaan Pusat sangat dialu-alukan bila mereka mahu melakukan apa-apa saja rancangan dan juga pembangunan Negeri Pulau Pinang, jadi kalau kita nak *compare* Kerajaan Negeri kita *compare* dengan Kerajaan Negeri, *prior 2008 and after 2008*. Jadi *just imagine* YB. Pulau Betong *if the current government of Penang the kind of leadership...*(dengan izin), yang kita ada di Pulau Pinang sejak 2008 sehingga sekarang telah menunjukkan prestasi yang baik, berada di Putrajaya saya yakin kami akan melakukan yang lebih baik daripada apa yang dibuat Yang Berhormat sebutkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. Yang Berhormat saya rasa elok Yang Berhormat tengok dulu soalan, jawapan yang diberikan kepada soalan bertulis saya terlebih dahulu lepas itu baru kita bercakap tentang pembangunan ini.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya nak teruskan kepada isu-isu yang agak berat iaitu tentang penjualan tanah oleh Kerajaan Negeri DAP Pulau Pinang. Seringkali kita dituduh bahawasanya di bawah Kerajaan Barisan Nasional kita telah pun melakukan penjualan tanah yang begitu besar sekali. Saya nak

nafikan, saya nak anggap sebagai satu pembohongan oleh Kerajaan Negeri. Biar saya buktikan, yang pertama dituduh kononnya Kerajaan Barisan Nasional dulu telah menjual 35 kali lebih banyak tanah berbanding Kerajaan DAP Pulau Pinang sekarang. Yang kedua, walaupun telah menjual lebih banyak tanah tapi hanya mendapat pulangan yang sedikit berbanding pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan DAP sekarang. Itu dua tuduhan besar yang diberikan yang dilontarkan kepada kami. Benarkah bahawa Kerajaan Barisan Nasional dahulu telah menjual lebih banyak berbanding dengan Kerajaan DAP sekarang sepertimana yang didakwa? Mari kita lihat satu persatu tanah yang dijual oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu sebagai mana yang sering kali didakwa oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Pertama, 980 ekar di Tanjong Tokong pada harga RM42.7 juta atau RM satu kaki persegi. YB. Dato' Timbalan Speaker, tanah di Tanjong Tokong yang didakwa yang telah dijual dengan harga murah iaitu RM1.00 kaki persegi bukan pun tanah semasa dijual. Bukan daratan. 980 ekar tersebut adalah kawasan laut, air, bukan daratan yang dijual. Perjanjian untuk menambak kawasan laut berkenaan ditandatangani pada tahun 1992 atau 25 tahun yang dahulu ialah adalah projek tambakan laut dan bayaran yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri ke atas syarikat yang mengusahakan projek tambakan laut tersebut bukan pun bayaran jualan tanah atau kawasan laut, adalah bayaran untuk menebus hak guna tanah atau bayaran untuk *exclusive right to reclaim* sahaja. Menurut perjanjian, syarikat perlu membayar premium pemberian hak milik atau **land addition premium** ke atas tanah-tanah laut yang telah siap ditambak kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pemberian hak milik. Syarikat juga perlu menyediakan 10% daripada jumlah tanah yang telah ditambak kepada Kerajaan Negeri secara percuma. Sebahagian daripada perjanjian tersebut telah mensyaratkan syarikat pemaju mesti membina perumahan kos rendah. Jelas sekali YB. Dato' Timbalan Speaker jumlah pulangan kepada Kerajaan Negeri bagi projek tambakan laut dipersisir pantai Tanjong Tokong seluas 980 ekar itu kini dikenali sebagai Sri Tanjung Pinang I dan II bukan hanya RM1.00 satu kaki persegi yang dikenakan ke atas syarikat sebagai bayaran hak untuk tebus guna saja sebagaimana yang didakwa oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dalam STP yang telah ditambak 240 ekar, Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional memberikan hak itu secara *leasehold* namum STP sekarang yang berkeluasan 760 ekar campur Gurney Wharf keluasan 131 ekar menjadi jumlah keseluruhan adalah 891 ekar sepatutnya hanyalah 760 ekar. Saya difahamkan tanah itu diberikan berstatus *freehold*.

Suka saya maklumkan di sini bahawa, di bawah Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Negeri memperoleh pendapatan dari cukai tanah dan juga *rent*, dan juga premium tambahan jika pertukaran hakmilik daripada *leasehold* dan *freehold* dibuat. Kesemua di atas inisiatif Kerajaan Negeri Barisan Nasional untuk mendapat *value generation* bagi setiap *development* dan sekarang ini saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri di bawah pimpinan DAP akan berupaya mendapat pendapatan jika semua tanah *leasehold* itu ditukar kepada *freehold* dan mungkin mencukupi untuk membiayai sebahagian kos penambakan Gurney Drive. Pulangan kewangan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk had tanah tambakan laut di Tanjong Tokong bukan hanya RM42.7 juta sahaja sebagaimana yang didakwa oleh Y.A.B. Ketua Menteri, dakwaan terakhir yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri ialah pada 18 Mei lalu.

Satu perkara berhubung dengan projek tambakan laut Tanjong Tokong ini atau Sri Tanjung Pinang I dan II, Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan sengaja tidak menyatakan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang atau cuba untuk menyembunyikan kebenaran daripada rakyat Pulau Pinang bahawa tanah percuma 10% yang diperolehi daripada projek tambakan laut yang diluluskan semua oleh Kerajaan Negeri, oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1992 inilah yang digunakan untuk membiayai mega projek 3 Jalan Utama dan Terowong bernilai RM6.3 billion. Oleh itu apakah nilai pulangan oleh Kerajaan Negeri daripada projek tambakan laut di Tanjong Tokong ini hanya RM42.7 juta atau RM42.7 juta campur RM6.3 juta atau RM42.7 juta campur RM6.3 juta campur juta-juta lagi lagi yang akan diperolehi oleh Kerajaan Negeri hasil daripada pembayaran premium? Dan juga hasil daripada permohonan di situ?

YB. Dato' Timbalan Speaker, seterusnya 325 ekar bagi projek Jelutong Expressway yang dibayar RM325 juta atau RM20.00 kaki persegi. Sekali lagi YB. Dato' Timbalan Speaker, 325 ekar tanah bagi Projek Jelutong Expressway juga bukan tanah daratan tetapi adalah kawasan laut yang perlu ditambak atau ditebusguna. Dalam perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1997 pemaju diberi hak untuk menebusguna kawasan laut seluas 325 ekar sebagai pertukaran untuk pembinaan lebuh raya berharga RM300 juta dan pembayaran wang tunai sebanyak RM25.4 juta. Sepertimana projek Tanjong Tokong pemaju dan kontraktor perlu membayar premium pemilikan tanah dan premium tukar syarat kegunaan tanah kepada Kerajaan Negeri bagi kawasan laut yang telah ditebus guna atau tanah-tanah yang telah siap ditambak. Ini adalah kerana status yang diberikan adalah juga *leasehold*. Perlu diingatkan juga bahawa kedua-dua projek Tanjong Tokong dan Jelutong Expressway kos tebus guna laut dan kerja-kerja penambakan ditanggung sepenuhnya oleh pemaju atau kontraktor.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ada soalan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sekejap, sikit lagi. Selain daripada *quit rent* dan juga *assesment*, Kerajaan Negeri mendapat infrastruktur yang lebuh raya yang baik dapat menyuraikan trafik dan berupaya mengelak kesesakan menuju Georgetown, menyediakan lebuh raya penghubung yang baik untuk sampai ke Jambatan pertama dan seterusnya ke Jambatan kedua dan juga lapangan terbang. Malahan hari ini Kerajaan Negeri DAP pula akan mendapat mengambil peluang untuk memajukan tapak buangan, *dumping site* bersebelah Jelutong Expressway.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Soalan. Saya nak tanya Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Gerakan, MCA dan UMNO ketika buat tambakan laut, mereka telah berjaya mendirikan rumah kos mampu milik yang berharga RM55,000 sebanyak 5,500 buah dan adakah perkara yang sama dilakukan oleh Kerajaan DAP?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Adakah dilakukan oleh Kerajaan DAP? Saya tak lihat perancangan keseluruhannya mungkin Yang Berhormat EXCO boleh menjawab, kerana kita mahu pada setiap penambakan itu akan dibina rumah-rumah kos rendah dan sederhana.

YB. Dato' Timbalan Speaker, seterusnya 1606 ekar di Butterworth pada harga RM584.9 juta atau RM8.40 perkaki persegi. Sekali lagi YB. Dato' Timbalan Speaker, 1606 ekar ini bukan tanah daratan ianya juga adalah kawasan laut yang belum ditebus guna. Di bawah perjanjian antara Kerajaan Negeri dan anak syarikat pemegang konsesi projek lebuh raya Luar Butterworth atau BORR yang ditandatangani pada tahun 1997 Kerajaan Negeri memberi hak eksklusif kepada syarikat untuk menebus guna kawasan laut di persisir pantai Bagan Ajam seluas 1606 ekar. Menurut perjanjian yang dipersetujui, syarikat konsesi akan melaksanakan tebus guna kawasan laut seluas 900 ekar untuk tujuan pembesaran pelabuhan kontena North Butterworth Container Terminal (NBCT) dan lain-lain kegunaan yang berhubung kait dengan operasi pelabuhan kawasan penampakan, itu juga akan dinikmati oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini. 706 ekar bagi tujuan pemajuan oleh syarikat konsesi di mana seluas 200 ekar adalah untuk tujuan kegunaan prasarana awam dan kawasan lapang yang akan dipulangkan milikan kepada Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu juga kalau ikut perjanjian yang asal, syarikat konsesi juga perlu menyediakan 6 kuarters pegawai kerajaan sebagai gantian kepada kuarters milikan kerajaan yang perlu dirobohkan dan saya difahamkan telah ditukar kepada pembelian rumah di Bertam dan sebagainya. Dari jumlah 1606 ekar yang diberi hak kepada syarikat konsesi untuk menambak laut, hanya 500 ekar sahaja yang boleh memanfaatkan oleh syarikat konsesi bagi tujuan pemajuan komersial syarikat. Selebihnya perlu diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri dan kos bagi kerja-kerja penambakan laut ditanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi. Sehingga kini projek tambakan laut ini masih belum berjalan. Saya difahamkan telah pun ada perbincangan dengan Kerajaan Negeri untuk meneruskan projek ini. Yang keempat, 750 ekar di Batu Kawan pada RM106 juta atau RM324 perkaki persegi. Pada tahun 2002 Kerajaan Negeri pada masa itu telah bersetuju untuk menjual 750 ekar tanah di Batu Kawan kepada Abad Naluri Sdn. Bhd. Pembangunan yang dirancang dibahagi kepada enam fasa, dan terbahagi kepada parcel 1, 2A, 2B, 3B, dan 4 masing-masing di mana projek pembangunan bercampur dirancang bagi parcel 1, 2A, 2B, 3A, dan 3B dengan jumlah keluasan 450 ekar. Pembangunan Parsel 4 adalah bertujuan pembangunan Pusat Ekuestrian Antarabangsa Pulau Pinang (PIEC) seluas 300 ekar.

Perjanjian utama dan perjanjian S & P parcel 1 dan 2A telah ditandatangani pada 16 Januari 2004 itu di bawah pentadbiran Barisan Nasional. Parsel 1 dan 2A adalah seluas 130 ekar sahaja. Perjanjian jual beli bagi parcel lain tidak ditandatangani sebelum 2008. Manakala perjanjian bagi parcel 2B, 3A dan 3B untuk tanah seluas 300 ekar ditandatangani oleh Kerajaan Negeri semasa atau lebih tepat oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 5 April 2011 dengan harga RM3.00 kaki persegi. Oleh itu hanya 150 ekar yang dijual oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu pada tahun 2004 dengan harga RM3.24 kaki persegi. Manakala 300 ekar lagi, dua kali ganda dijual oleh Kerajaan DAP Pulau Pinang pada 2011 dengan harga RM3.05 kaki persegi. Butiran berhubung dengan penjualan tanah di Batu Kawan ini boleh disemak di laman Facebook CM Lim Guan Eng yang bertarikh 5 April 2011.

YB. Dato' Timbalan Speaker, pada Khamis 18 Mei 2017 baru-baru ini sebagaimana yang dilaporkan oleh portal media Malaysiakini, <http://www.malaysiakini.com/news/382694>, untuk rujukan yang mudah, Y.A.B. Ketua Menteri telah menafikan dakwaan telah menjual banyak tanah kerajaan telah dilaporkan mendakwa Kerajaan DAP Pulau Pinang hanya menjual 106.1 ekar tanah sahaja sejak mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun 2008. Iaitu 1.1 ekar di Jalan Zainal Abidin atau lebih dikenali sebagai tapak projek PPR Taman Manggis dan 105 ekar di Bayan Baru. Ternyata YB. Dato' Timbalan Speaker, yang disebutkan itu adalah tidak benar. Saya tidak pasti sama ada Malaysia Kini tersalah lapor atau Y.A.B. Ketua Menteri sendiri telah tersalah memberi kenyataan. Ini adalah kerana menurut rekod yang kita ada, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun 2008 telah menjual lebih banyak tanah daripada apa yang dilaporkan dalam artikel berkenaan pada tarikh tersebut.

YB. Dato' Timbalan Speaker, rekod-rekod yang kita ada ini kita kumpul, Kerajaan Negeri telah pada tahun 2011 menjual tanah 105 ekar di Bayan Mutiara kepada Ivory Properties dengan hanya harga RM1.07 billion. Pada tahun 2012 telah menjual tanah seluas 1.1 ekar di Jalan Zainal Abidin kepada Kuala Lumpur International Dental Centre Sdn. Bhd. (KUDC) pada harga RM11.6 juta. Pada tahun 2013 telah bersetuju untuk memindahkan tanah seluas 110 ekar di Seri Tanjong Pinang dan Gurney Drive kepada Consortium Zenith BUCG sebagai pembayaran *in kind* untuk projek mega Terowong Bawah Dasar Laut yang dinilai sebanyak pada RM6.3 billion, tiada tunai terlibat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya difahamkan penjualan-penjualan ini mengambil fasa bayaran adakah Dewan ini telah mendapat maklumat pembayaran balik penjualan itu dan setakat ini berapa banyak Kerajaan Negeri menerima daripada pembayaran itu sebab saya tidak dapat apa-apa maklumat mengenai perkara ini. Adakah Yang Berhormat ada maklumat?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Maaf saya tidak tahu dan bukan sahaja Teluk Bahang tidak tahu, saya rasa satu Pulau Pinang tak tahu. Tidak pernah dihebahkan. Saya tak taulah kalau Ketua Pembangkang tahu? Tak tahu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Jumlah berapa billion itu semua orang tak tahu?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak taulah. Mungkin nanti Yang Berhormat daripada EXCO *explain* lah. Saya difahamkan kalau tak salah pada yang Bayan Mutiara itu pada tahun ini, tahun depan akan selesai. Tapi kenapa dibayar *in this years*, saya pun tak pastilah. Seterusnya pada tahun 2013 telah menjual tanah seluas 40 ekar di Batu Kawan kepada PE Land dengan harga RM65.34 juta. Pada tahun 2014 telah menjual tanah seluas 245 ekar juga di Batu Kawan kepada Aspen Vision dengan harga RM484 juta. Pada 2014 telah menjual tanah seluas 30 ekar di Batu Kawan kepada Paramount Group pada harga RM67 juta. Pada 2014 telah menjual tanah seluas 470 ekar di Batu Kawan kepada Eco World dengan harga RM1.02 billion. Saya difahamkan ini telah dibatalkan oleh pembida iaitu Eco World dengan alasan mereka telah tersalah perkiraan semasa membida untuk tanah ini. Tanah didapati tidak cukup luas untuk pembinaan sebuah padang golf mungkin boleh *explain* apa yang berlaku pada cadangan tersebut.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan sikit. Tanah-tanah ini yang *reclaim* kebanyakannya berlaku semasa Kerajaan Barisan Nasional atau kerajaan yang baru.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini adalah tanah-tanah yang diambil Kerajaan Barisan Nasional yang dijual oleh Kerajaan DAP.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kerajaan Barisan Nasional punya usaha lembu punya susu, sapi dapat nama. Itu macam ke.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Pada tahun 2015 telah menjual tanah seluas 20 ekar di Batu Kawan kepada syarikat Singapura Jabil Group pada harga RM30 juta dan yang terkini seperti yang disebutkan oleh YB. Ketua Pembangkang tadi dijual 6.4 ekar di Lebuhraya Peel kepada Island Hospital pada harga RM156 juta.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah. Jahara Binti Hamid):

Minta penjelasan. Ingat kita ini cukup bimbanglah. Bukan saya generasi sekarang tapi generasi akan datang tidak ada apa lagilah yang tinggal. Nak jual, nak tambah jualan tu perlu tebus guna lagi buat pulau, buat pantai, jual lagi. Yang menggemparkan kita di sini ialah bila Peel Avenue tu hak milik sementara PT 71 dikeluarkan tiga lot didaftarkan pada 19 Disember 2016 baru terima deposit RM30 juta. Mana pergi yang lain? Adakah dibuat pindah milik?. Saya minta penjelasan nanti macam mana dengan bayaran RM30 juta dah diluluskan tukar syarat, apa semua ini salah guna kuasa. Rakyat Pulau Pinang nak penjelasan ke atas semua-semua ini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Nanti kalau masa penggulungan dikeluarkan soalan ini cantiklah. Sekarang ini jadi lambat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Timbalan Speaker, YB. Ketua Pembangkang...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Pulau Betong, dia orang pun tidak ada disini nak minat nak tahu masalah rakyat. Kita boleh cakap tapi depa tak mahu dengar.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak apa mereka ada pegawai boleh tulis, boleh catit, betul.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Betul, betul.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Mereka akan ada jawapan pada semua soalan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta penjelasan. Sikit saja. Saya nampak semua...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Setiap *paragraph* masuk, setiap *paragraph* masuk.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebab saya buat *study* macam tu. Bila ada isu ini mesti kena tanya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk dulu...(gangguan). Nanti masa Teluk Bahang, cakap.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ada sikit saja lagi. Saya tengok episod penjualan tanah ini seolah-olah macam filem P. Ramlee, Anak ku Sazali. Bapa tinggal kekayaan, anak *enjoy*. Macam tu Yang Behormat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ya, betul, betul.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Timbalan Speaker kata betul kan. YB. Dato' boleh mengakuinya betul. Bapa buat harta, anak perabis duit. Ya, terima kasih. Bukan itu sahaja YB. Dato' Timbalan Speaker, tanah kerajaan di Relau diberikan kepada Syarikat Titijaya. Saya juga difahamkan Syarikat Titijaya juga mendapat kelulusan Kerajaan Negeri untuk tanah di Gelugor dimana terdapat Pencawang Telekom sekarang ini. Ada juga tanah-tanah pajakan Kerajaan Negeri diberi pajakan yang panjang kepada pihak swasta seperti tanah-tanah di Bukit Bendera, di Penang Hills yang ini mungkin YB. EXCO boleh beri penjelasan. Bahkan saya juga difahamkan bahawa tapak pelupusan sampah Pulau Burong diberikan kepada PLB. Dan juga tanah PBA di Telok Bahang juga akan diberikan pajakan untuk *theme park*.

So, YB. Dato' Timbalan Speaker saya mendapati yang terlalu banyak sangat penjualan-penjualan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri ini kepada pihak swasta, apa ada lagi selepas pada ini pada generasi akan datang. Tanah Kerajaan yang dibeli yang kita beli dulu ni kita simpan sedikit demi sedikit untuk dibangunkan untuk rakyat. Orang Pulau Pinang, anak Pulau Pinang tidak boleh membiarkan perkara ini berterusan kerana ianya menjejaskan masa depan Pulau Pinang dan juga anak-anak Pulau Pinang. YB. Dato' Timbalan Speaker, sepatutnya tanah-tanah milik Kerajaan Negeri ini disimpan, dibangunkan sedikit demi sedikit untuk projek-projek kesejahteraan rakyat. Kerajaan Negeri ada PDC untuk membuat pembangunan. Sekarang PDC semakin kurang kerja, kurang pendapatan silap-silap nak bayar gaji pun tak mampu. Ini adalah satu perkara yang serius dan mungkin mereka terpaksa pinjam duit pada hari ini untuk membantu mereka...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Timbalan Speaker, minta laluan. Terima kasih. YB. Pulau Betong, sedar tak, tapak PDC itu pun telah dijual kepada Syarikat Temasek. Apa lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini lebih teruk daripada cerita P. Ramlee, Teluk Bahang, tanah PDC, tapak PDC dijual, habis tu PDC dok dimana selepas ini. YB. Timbalan Dato' Speaker, Kerajaan Negeri patut menjadi kerajaan yang waras dalam pembangunan. Rakyat Pulau Pinang harus bangun menyekat Kerajaan Negeri dalam menjual lebih banyak tanah. Kerajaan Negeri telah mencabul janji untuk mengamalkan tender terbuka. Hari ini amalan CAT sudah mati dan digantikan dengan matlamat menghalalkan cara sepertimana yang berlaku pada Lebu Peel. Mereka akan guna pelbagai alasan untuk menyokong tindakan mereka. Mungkin ada banyak tanah yang bernilai berbilion-bilion ringgit tanah yang telah pun dijual oleh Kerajaan Negeri.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya nak merujuk kepada laporan audit muka surat 18 perkara 4.434 Prestasi Perbelanjaan Sebenar Bagi Tempoh lima tahun. Analisis Audit terhadap kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2011 hingga 2015 mendapati perbelanjaan mengurus menunjukkan *trend* yang meningkat pada setiap tahun kecuali tahun 2014. Meningkat pada setiap tahun. Saya pun cuba mencari beberapa angka, Dato' Speaker, pada tahun 2007, sewaktu pemerintahan BN, kos operasi mengurus Kerajaan Negeri ialah RM252.24 juta. Pada pertengahan 2008 selepas mengambilalih pentadbiran Kerajaan Negeri, bagi tahun 2013 iaitu selepas tiga tahun berkuasa kalau ikut dalam ini 2011 jumlahnya kos operasi adalah RM464.57 juta. Tahun 2015 mengikut laporan AG adalah RM825 juta iaitu 350% lebih tinggi daripada Kerajaan BN sebelum ini. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri dibawah pimpinan DAP akan membelanjakan untuk mengurus RM1.30 bilion iaitu lebih kurang 500% kenaikan berbanding dengan perbelanjaan Kerajaan BN pada tahun 2007.

YB. Dato' Timbalan Speaker, ini menunjukkan angka peratusan meningkat yang begitu ketara sekali. Ini ada dalam laporan AG. Jadi kalau nak dikatakan bahawasanya perbelanjaan bajet lebihan adalah kerana tidak mengamalkan rasuah dan berhemah saya rasa terdapat keborosan dari segi perbelanjaan oleh pihak Kerajaan Negeri. Sebab itulah saya katakan tadi pendapatan Kerajaan Negeri adalah dari penjualan tanah. Dan ini terbukti apabila kita lihat muka surat 13, perkara 4.4.2.4 Penyumbang utama hasil Kerajaan adalah terdiri daripada Premium Tanah-Tanah, Pemberian Hak Milik, Cukai Tanah dan pelbagai terimaan dari agensi kerajaan dan Premium Tanah Pemberian Milik Bayaran Khas.

YB. Dato' Timbalan Speaker, tidak ada gunanya kita bermegah kita mempunyai wang yang banyak tetapi tanah tempat kita pijak, tanah yang kita perlukan untuk membangunkan masyarakat kita telah dijual kepada pihak swasta. YB. Dato' Timbalan Speaker, ini adalah satu perkara yang cukup mendukacitakan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya juga ingin menegur dah sembilan tahun Kerajaan Negeri memimpin Pulau Pinang ini, sampai ke hari ini, RSN Pulau Pinang, RTD, RKK juga masih belum disiapkan. RSN adalah Rancangan Struktur Pulau Pinang yang diwartakan pada 2007 sehingga ke hari ini masih belum siap. RTD untuk kelima-lima daerah juga masih belum siap. Kenapa ini penting YB. Dato' Speaker. Ini cukup penting kerana satu ialah untuk memastikan rancangan kemajuan lengkap Kerajaan Negeri perlu memenuhi hiraiki perbincangan yang menyeluruh serta memastikan kawalan perancangan kemajuan lebih teratur bukan sekadar untuk diluluskan di peringkat SPC sahaja. Yang kedua, bagi memastikan rancangan kemajuan dipatuhi untuk tujuan kalau perancangan dokumen yang mempunyai *legal binding* perlu dipatuhi. Kelemahan pematuhan ini akan menyebabkan jatuhnya imej Kerajaan Negeri kalau masih melaksanakan CAT melainkan CAT telah mati, namun mati atau tidaknya CAT semua penguatkuasaan mesti diperkukuhkan bagi memastikan semua rancangan kemajuan yang telah

diwartakan dipatuhi dan ketiga rancangan tempatan perlu diwartakan bagi mengelak manipulasi oleh Pihak Berkuasa termasuklah Barisan Pentadbiran Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah. Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Setahu saya YB. Dato' Timbalan Speaker, RSN ini perlu dibuat *review* kajian semula dalam masa lima tahun dari 2007. Sepatutnya dah ada *review*. Sekarang nak *review* apa, yang mula pun belum diwartakan dan adakah ini sengaja dibuat untuk membolehkan Kerajaan Negeri dibawah Ketua Menteri yang menjadi Pengerusi SPC, kebebasan untuk membuat keputusan atas kehendak dia sahaja. Dan ini memberi ruang sepenuh-penuhnya untuk dia membuat keputusan tanpa merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri atau Rancangan Tempatan. Adakah ini disengajakan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya mempunyai pandangan yang sama Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Mungkin disengajakan kerana sebarang kelulusan yang tidak ada diluar RSN mereka akan mendapat kelulusan daripada Ketua Menteri selaku Pengerusi SPC. YB. Dato' Speaker, saya nak berakhir ucapan saya ni dengan saya hendak melihat kembali apa yang terdesak oleh Kerajaan DAP di Pulau Pinang ini berdasarkan kepada tulisan-tulisan daripada blog, suratkhbar dan juga daripada internet yang terkumpul. Yang pertama aerobus yang kononnya akan merentasi bahagian Pulau dan Seberang Perai oleh sebuah syarikat Amerika Utara. Ada tak. Tidak ada. Yang kedua, untuk memulihkan perkhidmatan tram bekas MBPP Council telah dimasukkan dalam Rancangan Tempatan MBPP dia kata ada perkembangan hari ini. Tidak ada. Keretapi bawah tanah, Ketua Menteri kata untuk pembangunan lestari dan memulihara bangunan warisan di George Town, maka ianya adalah lebih daripada membina monarail di bawah tanah seperti MRT Singapura. Ada tak. Bina Tasik Buaya?, YB. Batu Lanchang kata yang diumumkan projek ini. Betul, nak bina Tasik Buaya? Tak ada. Boleh *refer* pada Sin Chew Daily pada 16 Oktober 2008. Boleh *check* balik...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Law Heng Kiang):

Ada cakap tapi tak buat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yalah cakap saja tapi tak buat, Tak apa. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Law Heng Kiang):

Bukan ini ada syarikat ingin nak buat di sini tetapi tempat tak sesuai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Umum tapi tak sesuai, tak apa. Saya *check* apa yang ada di surat khabar apa yang sebut. Yang keenam, Pelan Induk Tempatan bagi bahagian Pulau dan Seberang Perai, ada tak. Pelan Induk Tempatan bagi bahagian Pulau dan Seberang Perai, kalau ada boleh beri *reference number*. Umum aset Ketua Menteri dan EXCO. Betul. *Penang Can Publicly Declare And Update The Assets of the Chief Minister and EXCO Members, which will be updated Yearly* tapi hari ini baru hantar baru dua (2) kali sahaja. Cuba tengok CM punya *website* pun ada, Sin Chew pun ada sini, nak buat *declaration* tapi baru buat *declaration* baru dua (2) kali.

Mendengar suara hati rakyat, yang masa mula dulu-dulu kita hanya ada mendengar suara hati rakyat untuk mengetahui hala tuju Kerajaan Negeri Pulau Pinang *Public Consultation* dan saya difahamkan *Public Consultation* hari ni NGO bersuara adakah akan dilayan? Hanya Kerajaan Negeri yang tahu. Pertandingan Tenis King, ada? Pertandingan Tenis King ingat tak lagi yang kita buat PAC hari itu, nak buat tak buat dibatalkan? Betul?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Syarikat swasta nak buat tetapi tak jadi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itulah ada pengumuman dibuat bukan main lagi hebat lagi tetapi tidak ada perancangan. Taman Tema Harimau ada disebut tak? Taman Tema Harimau ada disebut cuba tengok dalam Sin Chew Daily pada 21 March 2009 ataupun dalam saya boleh beri *website* itu semua boleh *check* ok. Membanteras penjaga *parking* haram hari ini masih ada lagi *parking* haram, memanjangkan masa mengutip bayaran parkir tempatan-tempat pelancongan untuk membanteras *parking* haram. Hari ini jika kita pergi di *Church*

Street di Jalan Zainal Abidin pun masih ada lagi. Tiada naik taraf takrif air. Saya rasa dah, rasa naik dah, mewartakan kawasan perlindungan hutan di kawasan Pulau Jerejak. Dah warta? Belum lagi. Taman Rekreasi Pantai Tanjung Bungah. Nak buat? Tak ada. KOMTAR *Walk* dah rasmi tetapi Hari ini apa jadi? Sekarang bukan KOMTAR *Walk* tetapi *zombi walk* atau *cowboy walk* apa. Kemudian Bangunan Arkib dan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan ini menarik.

Ini YB. Dato' Timbalan Speaker, ini betul, ini sebenarnya telah pun dibangkitkan di sini di Dewan ini pada tahun 2009 ucapan oleh Yang Berhormat Tuan Law Heng Kiang, Rang Undang-undang Pinjaman Negeri Pulau Pinang Projek Bangunan Arkib dan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan 2009 dibentangkan di Dewan ini untuk meminjam duit dan disokong oleh siapa? Yang menyokong ialah YB. Dato' Speaker, Dato' Law Choo Kiang handsard muka surat 17, "YB. Speaker saya mohon menyokong", tetapi dia tidak ada hari ni. Tetapi dibentangkan dalam ini. Tetapi hari ini YB. Dato' Timbalan Speaker kalau kita pergi bangunan habis rosak. Apa jadi ini? RM9 juta projek yang dibentangkan dalam Dewan ini, inilah hasilnya ambil....(gangguan). Apa dia ni? RM9 juta diambil dibentangkan dalam Dewan ini untuk mendapat kebenaran meminjam wang tapi itulah hasilnya satu pembaziran yang nyata.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tengok dah....(gangguan). Jeti ke Pulau Aman.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Timbalan Speaker pun tahu ya. Memelihara alam sekitar apa dah jadi? Kita dah cakap tentang bukit botak dan sebagainya kita ada gambar-gambar semua ini. Gambar-gambar semua membuktikan apa yang kita cakap ini. Mempertahankan kebebasan media, betul ka? Saya ingat lagi *last year* diletakkan satu *board* dekat luar sana tu untuk para wartawan membuat komen dan sebagainya *after* satu hari diturunkan. Saya rasa tiada kebebasan maklumat kebebasan media yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri ini yang di *blacklist* lagi ramai saya rasa.

Hub Pendidikan Balik Pulau disebut dalam The STAR, 17 Ogos Kerajaan Negeri kini proses mendapatkan 40 hektar tanah di Balik Pulau untuk menubuhkan hub pendidikan. Ia akan menempatkan pelbagai industri pengajian tinggi pun tiada. Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang telah pun dibuat dan kita nak melihat keberkesanannya. Terowong Dasar Laut juga disebut-sebut saya ingat hari ini dah tidak pasti dah terowong ataupun Jambatan Ketiga. Selesai masalah banjir ini lagi seronok ni. Nak tunjuk sebab saya sebut tadi ini. "40 years flood solve in 9 months". Lain kali jangan cakap besar jangan sombong Tuhan marah mungkin marah kepada dialah sehingga turun hujan yang lebat dengan ini jangan sombong jangan takbur. Tasik Teratai, YB. Shariful pernah pergi untuk melihat apa jadi? Ada tidak di situ? Ini Taman Terapung terbesar negara. Apa yang terapung tak pasti. Yang ingat Masjid Terapung. Untuk mewartakan Rancangan Kawasan Khas Taman Botani. Saya rasa masih belum warta lagi. Pelaburan buah *blackberry* yang diuar-uarkan gagahnya pun tidak ada dah. Dia keluar tak jadi.

The Light Penang Waterfront Convention Centre. Ketua Menteri mengatakan yang ianya dijangkakan siap pada 2017. Projek ini dijalankan oleh IJM dan *Singapore Suntech International Convention Centre* diletak dalam surat khabar juga. Tetapi ada tak? Akan disiapkan pada tahun 2017, tiada. Pembinaan 20,000 rumah mampu milik Bandar Cassia ada *progress* bersetuju tapi *very slow*. Trem ada tak di Pulau Pinang? Dekat mana? Oh mimpi. Taman Tema Air, Taman Tema *Wet World Wild* yang pertama di rantau asia akan mula beroperasi bulan September, lepas itu habis. Tinggal *wet dream*. KOMTAR *bubble lift* dibuat juga tetapi hari ini saya rasa bukan lagi *bubble lift* tetapi ditutup. Rasa Pulau Pinang cantik pemandangan Pulau Pinang di malam hari. Tengok-tengok nampak dinding. *No bubble*. Wartakan Kawasan Khas Bukit Bendera dah diwartakan dan kita masih belum melihat keberkesanannya lagi. Enakmen Kebebasan Maklumat saya punya soalan ada yang jawab dan ada yang ditolak dengan pelbagai alasan. Saya rasa tidak bebas sangatlah maklumat ini.

Teksi Air Pulau Pinang. Kerajaan Negeri DAP dan NCR akan berkerjasama membuat kajian projek ini supaya boleh dilaksanakan dan penambahbaik sistem. Yang ini saya ingat *no show*. Kereta kabel dari Taman Majlis Bandaraya Bukit Bendera ke Telok Bahang. Ada Telok Bahang? Yang Berhormat tidur kot. Tiada. Mungkin ada dalam mimpi. *Penang Paradigm* disebut mendapat rakyat *Penang Paradigm* sampai sekarang tidak pasti apa yang berlaku pada *Penang Paradigm*. Adakah hala tuju pembangunan industri pelancongan ada *blueprint* ka, Yang Berhormat? Industri Pelancongan Pulau Pinang. Ada? *Slow* sahaja....(gangguan) Ada? Kalau ada tolong beri kepada saya. Lancar bukan lancang ya.

Esok beri satu keping dekat saya. Kampung Pelancongan atas laut Telok Bahang. Ada tak? Ini dalam bajet ini ada? Tidak ada. Dalam Bajet 2017 dan 2014. Kampung Pelancongan atas laut Telok Bahang mungkin saya silap bacalah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, jangan lah kasar sangat. Simpan-simpan lah kesian dekat mereka ni. Sebab apa Yang Berhormat, saya nampak Kerajaan Negeri ini, mereka buat rancangan *driven by bussiness man, not driven by satu unit R&D* ataupun perancangan negeri. Sekiranya mereka *driven by unit perancang* yang dalam Kerajaan Negeri sebab itulah perkara-perkara ini dapat dijalankan. Tapi dia *driven by bussiness man, bussiness man bring the proposal ...*(dengan izin), sebab itu *bussiness* nampak tak boleh jalan, *so bussiness man break off*. Ini lah satu kerajaan yang mengambil rancangan atas pandangan orang-orang *bussiness*. Itu yang saya nampak.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

City of dreams.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Pulau Betong, berapa sebenarnya yang dirancang dan dijanjikan oleh Pakatan Harapan? Berapa dapat dilaksanakan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tunggu-tunggu, belum habis lagi. YB. Telok Bahang boleh jadi Timbalan Ketua Menteri penggal depan sebab dia pandai jawab.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Penjelasan. Yang mana mau tanding Balik Pulau, tolak sini, tolak sana?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang ke 42, tidak naik cukai pintu, lesen perniagaan, bayaran perkhidmatan dan cukai tanah, ini naik. Akan sediakan laluan khas untuk bas. Atas kenyataan dibuat oleh Ketua Menteri. Laluan khas untuk bas, adakah di Pulau Pinang? Basikal ada, bas tak ada, okey. Padang golf di Batu Kawan. Di Batu Kawan adakah? Tak ada. *Skycab* disebut juga. Ini semua dalam *list* yang disebut. Saya rasa tak ada pertimbangan.

Daerah Seni Warisan Pulau Pinang, yang ni *interesting* sikit. *Sia Boey rebond as Ilham Penang*. Ini dalam buletin kesukaan DAP, Buletin Mutiara dan juga dalam Malay Mail. Adakah sekarang ini? Saya difahamkan sudah ditukar tempat. Bukan lagi di Sia Boey tapi telah ditukar ke Pengkalan Weld, betul? Iya, tak lah yang ini? *Not rebond anymore lah*. Pasar Malan Chowrasta, YB. KOMTAR mana? Tak ada KOMTAR, ada kah? Pasar Malam Chowrasta, pasar malan yang terbesar di George Town, ada kah? Saya tak pasti, *you check* tengok. Rancangan Struktur di Pulau Pinang pun tak buat, RKK pun tak ada, kesesakan lalu lintas jalan raya semakin teruk, semakin lama semakin teruk.

YB. Dato' Timbalan Speaker, itulah antara 50 perkara yang saya sebutkan dan salah satu perkara yang saya sebutkan tadi tentang sama ada yang dijanjikan ataupun dicakap ataupun dimegah-megah oleh Kerajaan Negeri, macam yang sebutkan tadi oleh YB. Telok Bahang, dah dapat *proposal* terus buat *announcements*, kena kaji dulu, okey, baru jalan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, itulah yang saya nak bukti bahawasanya Kerajaan Pusat mengambil berat tentang anak-anak, tentang Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah menjual dengan banyak tanah dan menggadaikan masa depan orang-orang Pulau Pinang. Kerajaan Negeri DAP juga telah menjanjikan banyak yang benda disebut tetapi mereka gagal untuk melaksanakan. Maka YB. Dato' Timbalan Speaker, saya mengakhiri ucapan saya ini dengan mengatakan bahawasanya "Ayoh, Kita Kena Selamatkan Pulau Pinang". Sekian, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih, YB. Dato' Timbalan Speaker. *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaruhkatuh* dan Salam Sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada YB. Dato' Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Terima Kasih kepada Ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Speaker, Ahli-ahli Dewan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian. *Alhamdulillah*, saya bersyukur ke hadirat Allah S.W.T kerana diberi keizinan untuk hadir sekali lagi ke dalam Dewan yang mulia untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya ingin merujuk kepada ucapan perasmian Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang oleh T.Y.T. Negeri Pulau Pinang di mana pada penggal Persidangan Ke-4 Mesyuarat Pertama pada 10 Mei 2016 di mana T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri menyatakan bahawa adalah menjadi harapan saya bahawa Dewan yang mulia ini akan menjadi medan terbaik untuk menyelesaikan pelbagai isu khususnya yang melibatkan kepentingan rakyat. Justeru saya selaku ADUN Penaga mewakili rakyat di kawasan saya hadir di Dewan yang mulia ini untuk berbahas dan membawa suara akar umbi merentasi kepentingan agama, kaum, politik dan sosial.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya mempunyai beberapa isu untuk diketengahkan dan saya akan mulakan dengan cadangan isu yang pertama iaitu cadangan Kerajaan Negeri menaikkan kadar surcaj penggunaan air domestik dari RM0.48 ke RM1.00 bagi setiap 1000 liter penggunaan melebihi 3500 liter sebulan. Cadangan kenaikan kadar surcaj tersebut bagi saya dan saya percaya ramai Ahli-Ahli Dewan pun berpendapat yang sama akan menambahkan beban ke atas rakyat Pulau Pinang khususnya golongan berpendapatan rendah dan miskin tetapi tidak tergolong dalam kategori yang boleh mendapat pengurangan di bawah skim yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Walau pun terdapat skim pengurangan bayaran tetapi proses permohonan untuk mendapatkan rebat bukanlah mudah dan menyusahkan rakyat sama ada yang tinggal di bandar atau pun di luar bandar. Tambahan pula, ramai rakyat di Pulau Pinang tidak tahu berkaitan dengan rebat yang disediakan ataupun diadakan. Dalam hal berkaitan dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk menaikkan kadar surcaj Kerajaan Negeri perlu peningkatan adalah atas alasan pemuliharaan air.

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan kadar surcaj penggunaan air domestik pada tahun 2010 sebanyak RM0.24 dan dinaikkan ke RM0.48 sen pada tahun 2013 bagi setiap 1000 liter penggunaan melebihi 35000 liter sebulan. Dengan izin, saya ingin merujuk kepada soalan bertulis saya berkaitan dengan jumlah keuntungan yang akan diperolehi oleh PBAPP dan Kerajaan Negeri dan juga jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh kempen kesedaran mengurangkan penggunaan air dan sebab-sebab kenapa kempen tersebut gagal. Mengikut jawapan kepada soalan bertulis saya, peruntukan yang disediakan sebanyak RM370,200.00 telah dibelanjakan untuk kempen kesedaran mengurangkan penggunaan air pada tahun 2016 dan berkaitan dengan maklumat kesedaran yang telah dijalankan. Yang pertama kempen penjimatan air berterusan melalui saluran-saluran media sedia ada seperti laman sesawang, facebook, buletin, risalah dan sebagainya, program penjimatan air di sekolah-sekolah, pengedaran *water saving devices* secara percuma, pelaksanaan mobile-i apps untuk kemudahan pengguna dan penyebaran maklumat penganjuran acara-acara berkaitan penjimatan air melobi bagi menguatkuasakan secara mandatori oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk projek pembangunan

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Penaga, mengenai proses penjimatan air ini adakah maklumat bagaimanakah akan terlibat dengan kenaikan barang makanan dari segi masakan peniaga, char keow teow, mee rebus semua ini perkara ini akan menggunakan air yang banyak dan adakah peniaga akan mengambil kesempatan ini dengan menaikkan harga-harga ini, dengan penglibatan dengan kenaikan *surge charge* air yang berturut-turut ini, dan hawker atau pun penjual makanan adakah mereka ambil kesempatan ini atau kos mereka akan meningkat. Adakah kajian telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri atau pun mana-mana maklumat yang kita boleh guna pakai

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Teluk Bahang berkaitan dengan sama ada kos yang akan meningkat. Yang pertama, setahu saya kenaikan ini adalah berkaitan dengan penggunaan domestik dan bukan penggunaan komersial tetapi bagi saya, di kawasan-kawasan luar bandar dimana peniaga-peniaga meniaga secara kecil-kecilan saya percaya jika penggunaan air digunakan akan terus meningkat dan ini akan menambahkan surcaj secara langsung akan menambahkan kos perniagaan mereka dan tentu sekali kos ini mungkin akan di *pass over* kepada *customer*, ditanggung oleh pengguna-pengguna atau pembeli-pembeli, jadi secara langsung ini akan menaikkan harga-harga barangan makanan

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebagai wakil rakyat luar bandar, sudah tentulah penduduk luar bandar mempunyai keluarga yang besar satu keluarga kadang-kadang 8, 9, 10 orang, ia tertakluk kepada semua bangsa di luar bandar, orang Melayu pun keluarga besar luar bandar, orang Cina pun keluarga besar luar bandar, orang India pun keluarga besar luar bandar duduk dalam satu rumah. Dengan kenaikan surcaj ini tidakkah perkara ini

membebankan masyarakat luar bandar.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Bagi pendapat saya, memang seperti yang saya katakan tadi bahawa Kerajaan Negeri memang menyediakan skim untuk bantu contohnya dalam jawapan yang diberikan kepada saya, di mana WCS 60 program 60% rebate untuk isi rumah yang berpenghuni lapan (8) orang ke atas tetapi bagi saya walaupun ada skim-skim begini untuk meringankan beban kepada pengguna tetapi ada kalanya penduduk di dalam rumah tersebut tidak sampai lapan (8) orang atau kurang daripada itu. Tambah pula, mereka berpendapatan rendah dan tentu sekali kenaikan surcay ini akan memberi kesan kepada kehidupan mereka. Saya dah hilang dah apa saya nak cakap tadi, jawab soalan daripada YB. Teluk Bahang. Satu lagi tadi saya ada sebut tentang jumlah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM370,200.00 untuk kempen kesedaran dan cara-cara untuk menjalani kempen kesedaran dan jawapan yang diberi tadi, saya sudah baca tetapi jawapan juga disebut di sini dan kempen kesedaran tersebut masih belum mencapai matlamatnya adalah disebabkan sikap pengguna yang tidak mengambil berat tentang penggunaan air dan tambahan tarif air. Jadi kadang-kadang Kerajaan Negeri bagi sayalah mungkin kempen kesedaran tersebut tidak berkesan disebabkan cara kempen tersebut dijalankan. Saya tidak nampak kempen-kempen tersebut dijalankan di kawasan saya, itu sebab saya katakan kempen itu tidak berkesan. Saya tidak nampak di sini dinyatakan bahawa diantara cara-cara mengadakan *installing billboard* dan sebagainya tidak ada untuk memberi maklumat dan pengetahuan kepada penduduk di kawasan bahawa penalti atau pun *surge charge* akan dikenakan jika kita guna lebih daripada 1 tahap tetapi itu tidak ada.

Jadi bagi saya cara kempen ini dijalankan tidak berkesan langsung dan kita tidak boleh menyalahkan rakyat keseluruhannya jika mereka menggunakan air lebih daripada sepatutnya. Jadi saya harap Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian terhadap cara-cara kempen yang lebih berkesan untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna atau pun rakyat di Pulau Pinang. Isu yang kedua, berkaitan dengan program bantuan pukut kepada nelayan persisiran pantai di Pulau Pinang dua (2) kali setahun, Kerajaan Negeri memperkenalkan program bantuan pukut kepada nelayan di persisiran pantai di Pulau Pinang bermula pada tahun 2013 dengan memberi dua (2) kali setahun kepada nelayan-nelayan yang mendaftar dengan LKIM. Pada pendapat saya, program ini adalah baik dan saya percaya setiap bantuan yang kita berikan kepada nelayan memang kita sokong sepenuhnya kerana ia dapat meringankan beban sara hidup di Negeri Pulau Pinang dan bantuan pukut ini pula adalah merupakan tambahan kepada bantuan-bantuan yang diberikan oleh kerajaan persekutuan. Seperti yang kita sedia maklum Kerajaan Persekutuan memberi elaun sara hidup sebanyak RM300.00 kepada setiap nelayan berdaftar dengan LKIM selain daripada subsidi petrol, diesel dan insentif hasil penangkapan ikan dan lain-lain lagi. Mengikut maklumat yang saya ada Kerajaan Pusat telah membelanjakan RM228.16 juta untuk meningkatkan kesejahteraan dan membantu nelayan yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Speaker, berkaitan dengan nelayan, di kawasan saya memang ada lima (5) unit nelayan yang beroperasi di situ dan disebabkan itu selalu mereka datang ke Pusat Khidmat dan disitulah saya mendapat beberapa rungutan dan aduan daripada nelayan-nelayan dan aduan dan rungutan yang kita terima berkaitan dengan bantuan pukut yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri. Nampaknya sejak ia diperkenalkan sehingga 2015 nampaknya ia berjalan dengan lancar tetapi bermula dengan tahun 2016 daripada mengikut jawapan yang saya terima daripada Kerajaan Negeri. Daripada jumlah nelayan 3191 orang hanya 1664 orang nelayan sahaja yang telah menerima bantuan pukut bagi siri ke-6. Ini dah masuk siri ke-6 YB. Dato' Timbalan Speaker, sebabnya atas alasan terdapat nelayan-nelayan apabila diberi borang bancian tidak pulangkan atau pun tidak kembalikan borang padahal sebelum ini tidak pun guna borang-borang bancian itu dan saya difahamkan oleh nelayan di kawasan saya orang yang bertanggungjawab untuk mengedarkan borang bancian adalah penyelaras KADUN dan dakwaan para nelayan di kawasan saya kadang-kadang berlaku ketidak adilan disebabkan mungkin mereka tahu bahawa nelayan ini menyokong parti lain dan ini berlaku. Saya rasa kalau itu di antara sebab kenapa tidak semua yang menerima dan saya pun ada *figure* atau pun jumlah nelayan di kawasan saya yang ramai yang belum dapat lagi dan ini sebenarnya mereka rasa bahawa ketidak adilan berlaku padahal sebelum ini apabila skim ini diperkenalkan tidak ada masalah langsung, tidak ada rungutan dan aduan daripada para nelayan, maknanya sejak tahun 2013, 2014 dan 2015 semuanya berjalan dengan baik tetapi bermula dengan tindakan untuk mengenakan bancian, maka berlaku kes ada orang yang dapat dan ada yang tidak dapat dan ini amat dikesali. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri mengambil tindakan secepat mungkin untuk menyelesaikan masalah ini sebab pada bulan November yang lepas saya juga membangkitkan isu yang sama. Saya nampak isu ini tidak diselesaikan dan saya berharap isu ini akan dapat diselesaikan.

Berkaitan dengan nelayan juga, terdapat juga di kawasan muara Sungai Penaga, Sungai Tembus, di muara Sungai Muda terkumpulnya lumpur dan selut. Ini menimbulkan masalah kepada nelayan untuk pulang ke kawasan mereka semasa air surut. Di kawasan Kuala Muda, berlaku di sekitar jeti di mana bila nelayan meletak bot-bot mereka di situ, apabila air surut maka mereka tidak dapat mengangkat bot mereka ke laut. Ini menimbulkan masalah. Pada tahun lepas ada sedikit peruntukan dari Kerajaan Persekutuan diberi melalui JPS untuk mendalamkan sebahagian muara Kuala Muda tetapi itu tidak mencukupi dan itupun sebenarnya tidak dilakukan sepenuhnya. Saya harap permohonan peruntukan tambahan dipohon sama ada kepada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat untuk mendalamkan kawasan-kawasan yang cetek.

Isu yang ketiga berkaitan dengan GST, sebenarnya saya terbaca di dalam surat khabar di mana kononnya orang kuat Pakatan Harapan iaitu Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar mengumumkan pengekalan GST sekiranya Pakatan Harapan yang dikuasainya oleh DAP dan PKR berjaya membentuk kerajaan selepas Pilihanraya umum ke 14. Betul atau tidak tetapi saya dengar itu berlaku di Tasek Gelugor, saya tidak pasti tetapi itulah soalan saya, adakah kenyataan itu betul? Betul ya? YB. Permatang Berangan telah mengesahkan dan saya juga telah baca, bukan setakat satu surat khabar tetapi dua tiga surat khabar menyatakan perkara yang sama.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan YB. Penaga? Terima kasih. Itu adalah kedudukan Pakatan Harapan, kerana di Pulau Pinang dan Selangor kita lihat bahawa kita tidak ada GST, kita bayar GST lagi untuk mereka yang di kena caj oleh *Local Government*, MBPP dan MPSP, kerajaan membayar *on behalf of the rate payer*. Ini menunjukkan bahawa kita mampu mentadbir dan menjalankan semua program kebajikan tanpa GST, itu memang kedudukan kita.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Penjelasan. Saya rasa YB. Padang Lalang tersilap dengar. Apa yang disebut oleh YB. Penaga ialah kenyataan oleh YB. Nurul Izzah yang menyatakan bahawa sekiranya Pakatan Harapan berjaya membentuk Kerajaan Pusat, GST akan diteruskan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih, Ya, ya, saya tidak kata dimansuhkan tetapi dikekalkan. Terima kasih kepada YB. Bertam kerana memberi penjelasan. Sebenarnya itu yang saya nyatakan tadi yang disebut.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Boleh tanya dari mana kenyataan itu?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Dalam surat khabar, Tasek Gelugor.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Surat khabar mana?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ini dalam surat khabar Utusan Malaysia, *I think* dalam Star pun ada, yang ada di depan saya ini Utusan Malaysia. Saya rasa ramai orang baca.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan. Saya nampak YB. Padang Lalang tersenyum bila dikatakan laporan itu daripada Utusan. Sebenarnya ini adalah satu laporan yang tidak disangkal, *statement* dibuat di Tasek Gelugor, dilaporkan oleh surat khabar Utusan sebab yang ada di tangan YB. Penaga adalah surat khabar Utusan, *paper* lain juga ada dan kenyataan ini dibuat di Tasek Gelugor sendiri dan YB. Tasek Gelugor pun telah membuat kenyataan bahawa kenyataan itu betul.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan YB. Penaga. Bolehkah YB. Penaga beri laluan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Kenyataan itu dibuat semasa ceramah di Pokok Machang, bila ditanya oleh pihak *press* adakah pihak Pakatan Harapan akan meneruskan GST dan dijawab oleh YB. Nurul Izzah jika Pakatan dapat membentuk kerajaan, GST akan diteruskan, bermakna GST ini akan diteruskan jika Pakatan Harapan jadi kerajaan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Adakah Yang Berhormat berada di situ ? Tidak ada?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Penaga boleh beri laluan. Saya cuma hendak beri penjelasan sedikit, saya rasa kenyataan yang dibuat oleh YB. Penaga dan YB. Bertam tadi adalah separuh sahaja, bukan menggambarkan sepenuhnya apa yang dikatakan oleh YB. Nurul Izzah kerana apa yang dia sebut itu adalah GST akan dikenakan dengan *zero-rated*. Apa maksudnya 0%? *0% means* tidak ada GST, itu sahaja. Tetapi *you* kena kata *zero-rated*, *you* tidak sebut *zero-rated*, ini mengelirukan, kenyataan itu mengelirukan Dewan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Utusan Malaysia selalu macam itulah.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

I am going to answer that. Sebenarnya yang pentingnya Pakatan Harapan pun berniat dan berhasrat untuk mengekalkan GST, *whether zero rated or not its a different issue and later on they can* (gangguan)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Itu janji pilihan raya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

The thing is that my contention ataupun isu yang saya bawa ini bukan apa, sebab saya ingat pada tahun 2015 satu usul di bawa di dalam Dewan yang mulia ini berbunyi, saya ingat usul ini dibawa oleh YB. Batu Maung, usul ini dibawa supaya meluluskan ketetapan menuntut Kerajaan Persekutuan untuk membatalkan pelaksanaan GST berkuat kuasa 1 April 2015 kerana mempunyai impak negatif kepada ekonomi dan memudaratkan kehidupan harian khususnya kepada golongan yang tidak berada dan termasuk juga projek-projek Kerajaan Negeri yang mungkin terjejas seperti jalan raya, dewan orang ramai dan ini adalah bebanan yang bertambah sebanyak 6% dan usul ini disokong oleh YB. Sungai Puyu dan keputusan undi Kerajaan, "Ya", Pembangkang "Tidak". Jadi yang peliknya bagi saya, apabila saya baca keratan akhbar ini di mana YB. Nurul Izzah memberi kenyataan sedemikian, bercakap mewakili Pakatan Harapan akan mengekalkan GST, sama ada dikatakan *zero-rated* ataupun tidak, 1% or 2% maknanya mereka menerima sistem pencukaian GST yang telah menggantikan sistem pencukaian *service tax*.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan. Tetapi di Pulau Pinang ialah Pakatan Harapan yang menjadi Kerajaan dan di sini tidak ada GST.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Bagi saya, saya menyatakan perkara yang telah saya baca dan saya merujuk kepada usul yang dibuat di dalam Dewan yang mulia ini, bukan cuba hendak mengelirukan Dewan ini, tidak....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yang Berhormat, usul yang dibuat di dalam Dewan ini, itu terpakai, kerana itu *formers stand*, sesiapa yang bercakap dan dilaporkan itu pun bukan dilaporkan sepenuhnya, ia laporkan setengah dan bukan dilaporkan semua. Jadi mana yang boleh dipercayai, jadi sendiri pakai kebijaksanaan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Bermakna tidak boleh pakai apa yang YB. Nurul Izzah kata. Ini rakan dalam Pakatan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sana, jadi sama caka macam Utusan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Mereka ini rakan dalam Pakatan tetapi mimpi lain-lain, itu saja.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tidak saya tidak beri laluan, *I want to finish it.*

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

I just want to clear what she says.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Kalau tidak betul, saya rasa samanlah surat khabar....(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Bukan saman....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya rujuk kepada fakta yang dinyatakan surat khabar. Kalau ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yang Berhormat, kalau hendak datang ke Dewan ini dan *quote* yang mana kita mesti tahu bahawa mana satu yang *reliable*. Apabila kita buat *thesis* di universiti pun kita tahu bahawa surat khabar tidak boleh dipakai sebagai satu *reference* dan untuk datang ke Dewan ini dan sudah cakap bahawa ini mungkin tidak boleh percaya mana satu ...(gangguan). Tapi....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat boleh beri tarikh surat khabar supaya kita boleh semak.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan. YB. Padang Lalang, hari ini baru saya dengar YB. Padang Lalang kata surat khabar tidak boleh dipakai sebagai *reference*. Semua Yang Berhormat ...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya kata dalam *thesis*.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Tidak apa, dalam *thesis* atau mana kah, kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat setelah lima (5) tahun saya di sini, semua Yang Berhormat termasuk dari pihak Kerajaan menggunakan surat khabar sebagai *reference*, tidak ada *objection* pun daripada Yang Berhormat. Tetapi bila kita membawa satu perkara yang dibuktikan yang dinyatakan di dalam surat khabar tidak sanggah dan tidak disangkal Yang Berhormat pula kata perkara ini tidak boleh dipakai. Ini mengecewakan sebagai seorang....(gangguan).

YB Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Penaga, sila teruskan dengan sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini memang kita semua sudah tahu bahawa apa yang ditulis itu bukan kebenaran sepenuhnya, *half truth*.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Itulah gunanya kita berbahas.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):

Terima kasih. Saya hendak teruskan dengan isu keempat, berkenaan dengan elaun guru-guru Kafa. Sebenarnya isu ini telah saya bangkitkan pada mesyuarat yang lepas. Pagi tadi YB. Bertam telah menyentuh juga tentang kenaikan yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam Bajet 2017. Guru-guru Kafa telah mendapat kenaikan elaun daripada RM800 ke RM900.00. Bagi saya, peranan, tugas dan tanggungjawab Guru-guru Kafa adalah amat murni sekali. Mungkin berbeza daripada guru-guru biasa tetapi dalam pandangan orang Islam, Guru-guru Kafa ini banyak membantu anak-anak orang Islam untuk mengenali Iqra', untuk membaca Quran, untuk tahu bagaimana untuk menunaikan solat dan sebagainya. Dan ini adalah orang kata Fardhu Ain dan amat penting sekali dalam pendidikan anak-anak semasa mereka kecil. Dan bagi saya, peranan mereka amatlah penting dan apa yang mereka lakukan sepatutnya dihargai dan dibantu. Dan itu sebab bagi saya Kerajaan Negeri, saya telah mencadangkan sebelum ini untuk mempertimbangkan supaya elaun sekarang ini Kerajaan Negeri memberi RM50.00 sebulan. Walaupun Kerajaan Pusat memberi RM900.00, tetapi bagi saya, apa salahnya Kerajaan Negeri memberi RM100.00 lagi menjadikan sumbangan daripada Kerajaan Negeri kepada guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (Kafa) ini daripada RM50.00 dah jadi RM150.00. Dan saya rasa guru-guru Kafa ini akan mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri sekiranya Kerajaan Negeri dapat menyumbang sedikit lagi untuk elaun mereka. Dan seperti yang saya katakan tadi mereka banyak membantu menolong kita, ibu bapa, khususnya yang kadang-kadang tak pandai dalam Pendidikan Islam, membantu kita, membantu anak kita untuk menjadi insan yang berguna. Jadi saya harap Kerajaan Negeri sekali lagi dapat mempertimbangkan permohonan saya supaya diberi elaun RM100.00 menjadi RM150.00 daripada Kerajaan Negeri. Tambah pula bayaran elaun RM900.00 itu dibayar oleh JAKIM, oleh Kerajaan Persekutuan dan walaupun elaun RM900.00 itu dibayar oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi pelantikannya, apa yang saya tahu dibuat oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam. Jadi Kerajaan Negeri diberi kuasa untuk melantik tetapi Kerajaan Pusat yang tolong membayar elaun. Jadi kita harap sama-sama supaya elaun mereka dinaikkan.

Isu seterusnya saya sentuh sedikit sahaja berkaitan penangkapan kakitangan Pusat Zakat Pulau Pinang. Sebenarnya saya pun terkejut juga apa yang berlaku dan tak tahulah kadang-kadang dibawah orang bertanya, siapa yang sepatutnya bertanggungjawab? Adakah Yang Dipertua (YDP) Majlis Agama Islam, ataupun EXCO Agama? Jadi macam-macam persepsi, macam-macam perbualan, pendapat di bawa. Dan itulah sebabnya mereka bertanya kepada saya siapa yang bertanggungjawab. Adakah EXCO Agama? Jadi mungkin EXCO Agama boleh jawab.

Seterusnya saya nak sebut sikit juga berkaitan dengan *cyber attack*. Baru-baru ini berlaku ancaman *cyber* terhadap beberapa buah negara kalau tak salah saya, lebih kurang 150 negara yang terlibat termasuklah United Kingdom, Rusia, USA dan sebagainya. Soalannya adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menghadapi ancaman *cyber* ataupun *cyber attack* sekiranya kejadian yang sama berlaku di Negeri Pulau Pinang. Dan kita tak mahulah orang kata sampailah lumpuh keseluruhannya sistem di Negeri Pulau Pinang. Ada satu isu lagi saya nak sentuh di sini berkaitan dengan warisan, pemuliharaan warisan.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya baru terima maklumat berkaitan dengan terdapatnya bahan warisan di kawasan saya, di Kota Aur. Kota Aur ini pernah seribu tahun yang lalu pernah menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan Langkasuka. Dan ada kota di situ, dipanggil Kota Buluh. Dan baru-baru ini tersiar dalam akhbar bahawa bahan warisan ini yang berusia seribu tahun telah musnah. Tanpa usaha pemuliharaan. Dan bagi saya, ini amat merugikan Kerajaan Negeri atau pun rakyat Pulau Pinang kerana ini adalah bahan sejarah yang perlu diberi perhatian dan pemuliharaan. Dan saya harap Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada usaha ini. Yang kedua, berkaitan dengan di kawasan saya juga, Permatang Bendahari. Di situ pun ada tempat yang menjadi bahan sejarah. Dan selain daripada kedua tempat ini, Kota Aur dan Permatang Bendahari, ada lagi satu tempat di Bumbang Lima. Bumbang Lima sekarang ini ada lagi Kubu Perang British antara monumen sejarah yang masih kekal berhampiran Kampung Jambatan Merdeka, Kepala Batas. Jadi saya harap EXCO yang berkenaan memberi perhatian dan melakukan sesuatu supaya bahan-bahan sejarah ini tidak hanya hilang dan tidak menjadi satu lagi perkara yang dapat anak cucu kita rugi melawat dan ziarah di masa hadapan. Saya harap tindakan yang sewajarnya diambil untuk membaiki dan memulihara kawasan-kawasan dan tempat ini.

Saya rasa setakat itu sahaja, sebelum saya akhiri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Dato' Timbalan Speaker, kepada Ahli-ahli Dewan, dan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan, sama ada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat yang banyak membantu saya semasa saya menjalankan tugas sebagai wakil rakyat di kawasan saya dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Berpuasa, Hari Raya mungkin sebulan lagi dan maaf zahir dan batin. Sekian, *wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Tanjong Bunga, YB. berdiri dua (2) kali dah.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Yang di-Pertua terima kasih kerana memberi peluang saya berbahas Ucapan Perasmian Penggal Kelima oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Terlebih dahulu saya salamkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan dan Salam Sejahtera dan juga Salam Bersih kepada Hari Pekerja dan juga Salam *Poulomi* ...(dengan izin) Hari Ibu, dan Salam *Om Muni Muni Maha Muniye Soha* (Hari Wesak) yang diperayakan Bulan Mei ini.

Saya ingin di sini membuat beberapa mungkin penggulangan reformasi yang diperjuangkan dalam Dewan ini dalam dua (2) penggal yang lalu. Pertamanya, saya masih reformasi perlu berlaku dalam Dewan yang mulia ini agar *separation of power* betul-betul dapat dipulangkan semangatnya, iaitu *check and balance*. Bahawa sebagai *legislative*, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dikembalikan fungsinya. Justeru, Timbalan Yang di-Pertua, saya masih tidak putus asa, nak cuba sedaya upaya menginsafkan Ahli-ahli Dewan ini, pentingnya dan perlunya kita menghadkan jawatan Ketua Menteri, Menteri Besar mahupun Perdana Menteri agar pendemokrasian dipentingkan. Saya menerima nasihat Yang di-Pertua agar saya membentangkan isu ini kepada Jawatankuasa Perlembagaan dan ini pun saya laporkan pada 13 Mei 2017, saya sudah hantarkan satu (1) e-mel kepada Pengerusi Jawatankuasa tersebut. Dengan hati yang suci dan murni, agar dipertimbangkan. Dan saya juga ingin menasihatkan Pengerusi Jawatankuasa Perlembagaan dan ahli-ahlinya menerima permohonan tersebut dengan minda terbuka, cuma buat kajian dengan ikhlas, murni, dengan semua lapisan agar tercapainya satu kesimpulan sama ada reformasi tersebut adalah memanfaatkan rakyat.

Dan saya juga harap bekas Menteri Besar Kedah, YB. Mukhriz yang sekarang juga berada bersama-sama Pakatan Rakyat, boleh juga membawa idea ini dalam Pilihan Raya 14 di mana saya faham beliau juga membangkitkan supaya menghadkan penjawatan Menteri Besar, selepas beliau diletakkan jawatan tersebut.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, saya juga dengan rendah hati hendak bantu Kerajaan Negeri meneroka beberapa aspek pendemokrasian dan reformasi dewan ini tercapai demi kepentingan rakyat. Saya juga berasa syukur ada beberapa orang Ahli Dewan Undangan ini telah memberi peluang kesabaran dan persefahaman mereka agar isu *transgender* diprihatinkan dan jawatankuasanya ditubuh tiga (3) tahun yang lalu melalui *backbenchers* kita ini....(dengan izin). Saya juga dipengerusikan dan bersetuju untuk mengkaji dan *analyse* dan juga sediakan satu (1) laporan dijadikan Penyata Dewan ini untuk rujukan semua pihak terutamanya Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Bila nak buat polisi pada masa depan tentang golongan atau aspek ini. Dengan gembiranya, jawatankuasa ini ingin mengumumkan siapnya laporan tiga (3) simposium yang dilaksanakan dalam satu (1) tahun yang lalu dan laporannya sudah pun diedarkan kepada Yang Berhormat yang ada di sini separuh, ada separuh lagi kerana belum siapnya habis *copy*, saya akan hantar esok dan kemudian. Jawatankuasa akan mengikut nasihat juga Yang di-Pertua bahawa akan membentangkan laporan ini kepada pihak yang berkenaan mengikut SOP supaya dia diluluskan, diterimakan sebagai penyata, kalau boleh sesi yang akan datang.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, seterusnya saya nak bincangkan secara amnya soalan 20 bertulis saya, bahawa merujuk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor pembuatan menyumbang 44.7% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Pulau Pinang pada tahun 2015. Manakala sektor perkhidmatan 50% dan bakinya 0.5% sektor lain iaitu pembangunan dan pertanian. Dan menurut ucapan TYT, pertumbuhan ekonomi kita adalah sebanyak 5.5% tahun 2015 tetapi rakyat kini menghadapi ekonomi merosot dan inflasi tinggi yang dengan purata juga 5.5% sebulan. Jadi jelaslah pertumbuhan ekonomi telah di *balance out*... (dengan izin), oleh inflasi dan ekonomi kita dengan status ini, ia tidak berjalan, tidak membangun, tidak maju. Jadi bebanan kewangan yang ditanggung rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana, bertambah rumit. Walaupun sebanyak 0.6% cukai pintu dipotongkan, saya yakin masih belum cukup untuk golongan sumber manusia yang tersebut. Saya cadangkan *Automated Enforcement System* (AES) dinaiktarafkan keadaannya kepada RM1,200.00

minima dari sedia ada dari RM790.00. Ini maksud mungkin sedikit sebanyak akan kurangkan bebanan mereka dari segi *Goods and Service Tax* (GST), perubahan dan pendidikan anaknya, dan sebagainya. Saya harap ini boleh dipertimbangkan merujuk kepada Kerajaan Negeri kita adalah satu negeri yang bagus dalam menguruskan kewangan. Saya harap ini boleh dipertimbangkan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, soalan bertulis No. 20 saya ada membangkitkan OBOR iaitu maksudnya '*One Belt One Road*' and saya pernah bangkitkan *OBOR concept* ini pada tiga (3) tahun dahulu dan menyeru Kerajaan Negeri berusaha memanfaatkan diri dari strategi atau polisi *One Belt One Road* ini, tetapi sayangnya kita terlepas peluang emasnya, nampaknya. Strategi polisi OBOR atau *One Belt One Road* yang dilaksanakan di Negara China telah mewujudkan satu peluang aktiviti ekonomi kepada kita. Di mana Pulau Pinang terletaknya geografi dalam *One Belt One Road* ini. Jadi jawapan kepada soalan saya, menunjukkan Kerajaan Negeri tidak begitu faham konsep OBOR dengan teliti dalam dan harus misalnya kita terlepas peluang untuk mengambil bahagian dalam especially (dengan izin)...*activity economy international* jadi kita rugi satu (1) projek iaitu *Tuna Port* kepada Kuala Kedah yang akan dilaburkan OBOR berbilion ringgit untuk mendirikan pelabuhan tuna baru. Saya harap Kerajaan Negeri boleh bertungkus lumus menjadikan ekonomi negeri dengan OBOR agar kita mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi kita dan kita harus proaktif dengan pihak OBOR. Jangan terlepas lagi, saya fikir masih ada peluang untuk mendapat berkongsi sumber dari OBOR ini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah soalan bertulis nombor dua (2) saya. Sekali ini nak bangkitkan satu (1) isu memang sejuk yang tidak saya rasa tidak begitu diprihatinkan ramai, tetapi saya fikir dalam masa sepuluh (10) atau 20 tahun, ia akan jadi masalah besar masyarakat. Menurut maklum balas YB. Dato' Keramat semalam, bahawa bilangan pekerja asing dijangkakan 50,000 orang. Tetapi jawapan soalan bertulis dua (2), saya dianggarkan Jabatan Imigresen Pulau Pinang adalah 131,899 orang sehingga 30 April 2017. Saya percaya anggaran ini hanya rujukan kepada pekerja asing yang berpermit. Kalau yang tidak berpermit, mungkin ia lebih daripada itu. Dan isunya saya kluatir isu baru ini adalah kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dari golongan ini. Misalnya di kawasan saya, aduan ada laporan diterima juga bahawa terdapat ada kes-kes tersebut dan anak-anak mereka atau kanak-kanak ini tiada peluang mendapat hak asasi manusia yang diperlukan. Seperti isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ini berkaitan dengan hak asasi manusia. Dan ia bahawa hak asasi Malaysia seperti dicadangkan *United Nation Convention on Rights of the Child*...(dengan izin) ada 15 haknya. Dan (dengan izin)...*the right of life, the right from birth the name, a nationality the right to have, the right to be care for help by parents, the right to educate food self to employing, the right to education, the right to be protected from this combination, the right to freedom of expression, the right to useful and the information to prepare the responsible the adult food, and the right to freedom of the association and notice peaceful assembly, the right to be protected from adaption and a safe, The right to be protected from war, and the right to be a protected by the law from the drug addicts, the right to be protected from law from the physical abuse and degraded treatment, the right to be protected from the law by all from the sexual abuse*...(dengan izin). Dan juga bahawa hak asasi dari ekonomi *exploitation childs level*...(dengan izin), iaitu *right to rest, the right to play, the right to adopted, and the rights to enjoy the food and decent life*.... (dengan izin).

Satu jawapan soalan Parlimen oleh Timbalan Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, jawapannya kepada N. Surendran s/o K. Nagarajan, Ahli Parlimen Padang Serai, bahawa bilangan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang dilahirkan dalam Malaysia adalah 290,437 orang antara umur satu hingga 18. Ini adalah jawapan pada tahun 2016. Saya harap Kerajaan Negeri mengkaji keadaan isu ini dalam negeri kita sementara menyediakan hostel-hostel kepada pekerja asing, saya kluatir isu ini akan menjadikan isu masyarakat pada masa depan, di mana berlaku juga kanak-kanak yang ditinggalkan kerana ibu bapanya sudah pergi ke tempat lain. Dan juga ada ibu anak itu sudah balik ke negara asalnya dan sebagainya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga nak bincangkan *money game*. Saya sedikit kita tahu selain daripada *power games* yang sentiasa dimainkan oleh politik, kini kita juga menghadapi *money games* yang akan menjejaskan status kewangan perseorangan atau keluarga yang dapat kerugian sistem *money game* ini bila *money games* sistem ini *collapse*. Kita dapat banyak laporan tentang isu-isu *money games* kebelakangan ini yang popular itu JJ Poor To Rich (JJPTR), dan lain-lain. *Money games* kita tahu adalah satu *mathematics*. *Mathematics* adalah satu subjek yang sukar dikawal orang biasa terutamanya *hospility upgrade* dan *the possibility of* ketamakan. Macam mana kira, tapi kalau *possibility of* menang cepat, itu adalah faktor-faktornya. Dan *money games* adalah satu jenis *mathematics* di mana orang ramai yang kalau *possibility* ketamakannya bertambah, maka dia akan terjatuh dalam trak ini dan *possibility* mendapat rugi akan bertambah sama ratio. Kerana *possibility* menang itu, *possibility* untuk untung dalam satu *mathematics games* adalah *50:50 only*. Dan kadangkala *less than 50*. Jadi masa

ketiadaan ini memang diserang *money games* ini, sampai ramai orang tidak mahu bekerja bersungguh-sungguh dan *want to try the luck...* (dengan izin) bila cetusnya isu *money games*, kita sekarang hadapi isu sosial. Jadi hingga hari ini, mengikut laporan BNM (Bank Negara Malaysia) terdapat 302 syarikat yang bergiat dalam *money games* disenaraikan dan dilaporkan juga dalam surat khabar, *Facebook Sin Chew* ini senang sahaja kita boleh dapat laporannya daripada *bnm.gov.my*. Dan mengikut *money games* ini adalah satu *games marathon* di mana dia mula dengan dua (2) orang satu (1) hari kalau hari pertama dia dapat dua (2) orang dan tambah lagi dua (2) orang hari pertama dia dapat empat (4) orang dan hari kedua ganda lagi, ganda-ganda sampai 26 hari ganda *end result* dia boleh dapat satu anggaran *136million...* (dengan izin). Kalau ini *membership* dia dapat *134 million memberships*, jadi kalau seorang itu laburkan \$1,000 *US Dollar* maka dia mendapat RM134.2 *billion* ini ada satu *mathematic scheme* di mana pelaburnya mungkin tak faham tetapi orang yang *controlnya* mengawalinya games itu dia memang tau macam mana nak jalankan *games* ini, jadi mengikut BNM di mana *money games* adalah satu aspek *illegal* kalau tak ikut syarat-syarat atau undang-undang dalam aspek *banking...* (dengan izin), dia adalah dari aspek *illegal financial activities* seperti *illegal deposit taking, illegal foreign exchange trading scheme, illegal money service business activities and improper market conduct and practices by BNM licences, Misuse of Bank Negara Malaysia and Senior Officers' Names and Positions* dan lain-lain dan juga kalau kita terlibat dalam *games* ini, kita memang akan boleh dicaj dan semua informasi ini kita boleh dapat daripada BNM dan kita harap ini boleh dikongsikan.

Justeru saya ingin tahu apakah peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menangani isu *money games* ini kerana isu ini memang berlaku dalam negeri kita dan akan menjejaskan status kewangan orang ramai dan apakah langkah, polisi atau tindakan yang akan dijalankan terutamanya syarikat *money games* secara langsung atau tidak langsung, adakah dikawalkan supaya tidak terlibat dengan PBT dan adakah undang-undang kecil boleh digubalkan untuk menolak atau menahankan aktiviti *money games* agar tidak menjejaskan ekonomi kita.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga nak menyuarkan satu isu tentang pampasan nelayan kawasan Tanjung Tokong di mana walaupun dalam soalan saya No. 7 itu sudah memberi penjelasan tetapi saya aduan dibuat kepada saya daripada nelayan Tanjung Tokong bahawa pampasan itu kepada mereka masih belum diselesaikan kerana kadar pampasan atau syarat-syarat pampasan tidak pernah dibincang dengan pihak-pihak yang terlibat jadi saya harap isu ini boleh dibuka balik dan dikaji semula. Macam mana isu ini boleh diuruskan sekali lagi kerana bukan sahaja mereka kehilangan tapak untuk menangkap ikan tapi tapak baru yang dijadualkan adalah jauh sikit dan telah pun meningkatkan kos-kos dan lain-lain agar mereka sekarang menghadapi kekurangan tangkapan mereka dan saya juga harap ini boleh diselesaikan dikaji semula. Sama juga tentang isu nelayan iaitu saya di terima aduan bahawa ada nelayan asing terutamanya nelayan asing yang tidak berpermit di upah menjalankan tugas tangkap ikan untuk tauke-taukenya. Nelayan asing ini adalah dari Patani, Thailand ada banyak bilangannya datang di sini dan mengancamkan hidupan nelayan tempatan terutamanya di Tanjung Bunga.

Saya harap pihak berkenaan boleh siasat dan tindakan diadakan supaya nelayan tempatan tidak diganggu rezeki mereka. YB. Timbalan Speaker, satu isu panas juga selalu dibangkitkan adalah isu Pelan Struktur Pulau Pinang di mana terdapat banyak *dispute...* (dengan izin), dalam pelan ini dan seharusnya kaji semula diselesaikan pada masa ini kerana sudah lama mengambil masanya dan baru sahaja difahamkan derafnya dipamerkan dan dukacitanya walaupun pelannya sudah dipamerkan tetapi *feedback...* (dengan izin) daripada orang ramai mungkin tak mengalakkan dan beberapa isu dalam pelan ini saya nak bangkitkan di sini dan minta penjelasan atau jawapan iaitu sedangkan kaji semula pelan ini dijalankan dan belum diwartakan semula maka di projek STP II, Sri Tanjung Pinang II, di mana dalam pelan, peta dalam Pelan Struktur Pelan 2007 itu menunjukkan tambakannya tiga (3) pulau tetapi sekarang ditambakkan cuma dua (2) pulau sahaja. Adakah ini dari segi perundangan *what is the legality* statusnya adakah dia (dengan izin) telah langgar pewartaan *Structure Plan*. Adakah itu digelarkan haram atau *stop order* boleh diadakan? Saya dukacita bila mendapat satu jawapan yang bertulis daripada Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Negeri tidak berhasrat mengeluarkan *seagrass bed middle bank* atau Pulau Gazumbo kawasan itu dan diwartakan sebagai ekosistem laut dan saya harap sebagai sebuah negeri yang hijau yang selalu kita visi kita nak jadi negeri hijau, kaji semula supaya *middle bank* atau *seagrass bed* yang penting ini sebagai ekosistem laut ini dikeluarkan daripada Pelan Strategik Pulau Pinang sebagai kawasan tambakan dan dijadikan kawasan ekosistem laut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Tanjung Bunga. Disebabkan YB. Tanjung Bunga cakap panjang sangat saya bagi berehat sebentar. YB. Tanjung Bunga sebagai seorang aktivis Alam Sekitar adakah Yang Berhormat berpandangan bahawasanya Kerajaan Negeri memang serius untuk melaksanakan polisi *greener, cleaner penang* ataupun sekadar slogan semata-mata untuk menyedapkan hati rakyat sahaja, realitinya mereka tidak membuat semua itu. Apakah pandangan YB. Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Saya fikir *vision mission* itu masih ada tetapi kalau dipengaruhi *capitalist* untuk lebih mementingkan *development* maka ini akan juga...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Boleh minta laluan, terima kasih. Setujukah YB. Tanjung Bunga bahawa yang sebenarnya dalam tema *cleaner, greener* ini *greener* ada pelbagai lapisan dia maksud saya *greener* bukan sahaja penanaman pokok, *cleaner* juga melibatkan usaha untuk mengurangkan impak perubahan cuaca dan banyak laporan-laporan telah ditulis dimana salah satu penyumbang utama kepada *green house gases* adalah pencemaran udara. Saya pernah melawat *middle bank* dan saya lihat pengaliran di sekitar *middle bank* pun tak begitu baik, ada mungkin ada kesan pencemaran. Jadi kita di kawasan Pulau Pinang di Malaysia di rantau ini masih sedang menerima akibat pencemaran udara, pencemaran air .

Bagi saya sebagai sebuah kerajaan setiap keputusan yang kita buat seharusnya adalah bertimbangan antara faktor pelbagai faktor, jika *middle bank* itu digunakan demi melaksanakan misalnya Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dan jika Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang ini boleh ataupun dirancang secara betul dan boleh menghasilkan kekurangan pengantungan kepada kenderaan persendirian, maka impak dia ke atas *greener*, impak dia ke atas alam sekitar ini mungkin adalah berbaloi tetapi selarat dengan apa yang saya bangkitkan semalam, saya rasa kita perlukan data-data. Apakah impak daripada Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang ini ke atas pengurangan pengantungan kepada kenderaan persendirian maka apakah anggaran mpak ke atas perubahan iklim, ke atas pencemaran, ke atas kesihatan, ke atas produktiviti dan sebagainya dan sebagai kerajaan kita mempertimbangkannya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. YB. Tanjong Bunga, apabila Kerajaan Negeri melancarkan klinik-klinik Penang saya mengandaikan bahawa saya boleh pergi berenang di Batu Ferringhi tanpa ada obor-obor. Saya boleh pergi ke sungai...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Obor-obor itu semula jadi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tetapi obor-obor datang ke situ disebabkan pencemaran air di situ. Yes, cuba bayangkan saya boleh pergi ke sungai untuk minum air sungai, untuk berenang sekurang-kurangnya berenang, saya boleh berjalan untuk menghirup udara yang bersih dan terasa sihat. Saya boleh pergi ke mana-mana saja tanpa ada sampah bersepah-sepah, saya boleh pergi ke pekan menghirup udara tanpa ada karbon dioksida yang banyak, okey. Itu yang saya impikan apabila kerajaan negeri mengatakan Cleaner, Greener Penang...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Kalau begitu saya pohon boleh dapatkan bantuan daripada Yang Berhormat minta SPAD tambahkan pengangkutan di Pulau Pinang minta pelaburan ke dalam IWK banyak pencemaran di dalam IWK ini, kerjasama ya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tidak menyalahkan siapa-siapa tidak saya kata itu yang saya gambarkan apabila kita bercakap tentang *Cleaner, Greener Penang* daripada ia mula dilancarkan sehingga kini adakah kita mencapai itu, adakah keseimbangan di antara pembangunan yang dibawa oleh....dan juga persekitaran yang kita mahukan. Itu persoalan bukan saya nak salahkan orang tak, adakah Yang Berhormat rasa tercapai *cleaner, greener* suatu keadaan kehidupan yang lebih baik di Pulau Pinang ini, itu soalan saya bukan nak salahkan orang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat saya fikir memang Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini ada mencapai matlamat *Cleaner, Greener* dan *Safer, mision vision* itu sejak 2008 dan pencemaran berlaku sebelum itu, masih ingat Sungai Pinang yang kotor, tapi lepas beberapa usaha terutamanya memang dalam *transition period* semua pihak cuba berupaya untuk mengembalikan kebersihan. Maksudnya ada pada masa sebelum itu ada pemindahan peladang khinzir dari kawasan ke tempat lain, yang itu juga satu sumbangan kurangkan pencemaran dan yang lepas 2008, contoh Sungai Pinang beberapa langkah dijalankan selesaikan punca-punca itu. Misalnya Lee Rubber telah pindah itu penting dia *chemicalnya* yang dia pakai itu sudah kurang dan tambahan pula ada kes mungkin sudah ada tingkatkan sistem mereka sepanjang ini dan beberapa *focus stall* atau pasar awam terutamanya di Rifle Range, dinaiktaraf longkangnya, dia sudah kurang ini ada tercapai dan dikawasan George Town dia ada tingkatkan sistem longkang kerana sistem longkang yang lalu sangat lama mungkin 50 tahun. Kemudian, kebelakangan tahun ini, sudah diperbesarkan, ditingkatkan dan airnya tidak tersumbat sudah boleh mengalir dan sampah-sampah juga di selesaikan. Sistem MBPP baru dari ini memang ada berlaku tapi maksud saya kita boleh buat lebih banyak bukan sahaja menanam pokok, menanam pokok memang satu caranya memang ada caranya lain untuk mencapai visi itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, YB. Tanjong Bunga, okey bersetujukah kalau saya katakan bahawasanya tujuan Kerajaan Negeri mengenakan 20 sen untuk plastik beg adalah untuk etika atau mengajak masyarakat supaya tidak menggunakan plastik, kerana masa pelupusan mengambil masa mungkin 100 tahun, masa yang panjang, sebab itu kita nak *etique* masyarakat supaya untuk menjaga alam sekitar di masa hadapan. Kita ajar mereka jangan gunakan plastik beg, kurangkan. Ini kita caj mereka 20 sen sebagai mengajar masyarakat betul dan sepatutnya duit yang dikutip oleh atas dasar alam sekitar sepatutnya digunakan untuk tujuan penambakan alam sekitar tetapi kenapa juga digunakan duit itu untuk sumbangan warga emas dan sebagainya itu tidak mengena dengan alam sekitar. Sepatutnya menggunakan peruntukan lain, kalau duit itu digunakan atas dasar alam sekitar patut duit itu diguna balik untuk alam sekitar, penanaman pokok gunakan untuk mencuci sungai dan sebagainya. Bukan menggunakan duit alam sekitar untuk tujuan yang salah, YB. Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat banyak negara menggunakan *gambling*, perjudi yang digunakan untuk membiayai kebajikan jadi saya rasa ada kelonggaran untuk kerajaan untuk menentukan keperluan dan disini kita gunakan kepada kebajikan tak ada silapnya tak ada salahnya untuk guna kebajikan... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak kata salah, saya kata adalah lebih baik jika sekiranya kita menggunakan wang yang dikutip digunakan untuk alam sekitar bukan masalah salah atau pun tidak...(gangguan). YB. Padang Lalang ini kalau bercakap hormat orang sikit ini cakap samseng saya tak suka dekat Padang Lalang ini, cakap bangun minta ada peraturan ini sambil duduk dok nyot..nyot..nyot...daripada dulu lagi Dato' Speaker, mintalah izin dulu...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Bukan *you* punya *floor*...(gangguan). Ini YB. Tanjong Bunga, kita sama-sama tau buatlah.. (.gangguan). tak perlu ajar...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak bolehlah tiga orang bercakap sekali...(gangguan). YB. Padang Lalang, Tanjong Bunga, seorang berdiri sudah yang lain duduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Tanjong Bunga boleh saya minta laluan sedikit...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Ada lagi masa?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti saya akan kurangkan masa...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya rasa apa yang dicadangkan oleh YB. Pulau Betong pun okey tapi sekarang untuk *charity* pun tak salah, *charity* yang betul...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Memang tak salah...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tak apa belum. Adakah minta penjelasan...(gangguan). Adakah minta?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, baru minta....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Hanya seorang boleh memberi penjelasan. Saya cakap orang fikir sendiri jugalah. Mengapa Barisan Nasional buatlah di Perak, di Perlis, di Kedah, di Johor, di Sarawak, di Terengganu dan duit itu yang kutip itu, mahu masuk mahu guna balik untuk *enviroment* kita pun sokong. Tapi di sini kita sudah pun buat keputusan, tapi cadangan ini kalau boleh pakai mungkinlah pada masa akan datang kita boleh pakai tetapi peruntukan untuk *enviroment* itu memang dari Kerajaan Negeri juga...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Okey, YB. Tanjong Bunga, sikit saja lagi YB. Padang Lalang ini. Okey, dalam perbahasan saya, saya tak pernah membandingkan negeri-negeri lain. Kenapa di Negeri Kedah buat, kenapa di Negeri Perak buat saya tak pernah banding dalam konteks Pulau Pinang saja, ini Dewan kita. Kalau semua orang nak angkut di negeri sana negeri sini, di UK, di India, kita di Dewan Negeri Pulau Pinang so *compare* dalam negeri sajalah...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey YB. Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Okey, saya teruskan. YB. Yang di-Pertua satu perkara lagi saya nak bincang adalah soalan saya nombor 8 bertulis bahawa tentang PSR itu saya mohon Kerajaan pertimbangkan dengan lebih untuk langkah masa panjang, adakah perlunya *reclamation* ini dan jikalau saya kata kalau terdapat kawasan lautan tersebut berpotensi mengandungi *oil petroleum*, apakah strategi kerajaan. Saya juga harap DEIA siasatan untuk dibuat untuk *research* potensinya wujud minyak di kawasan situ. Memandangkan kita terdapat minyak di kawasan Sumatera Utara dekat Pekan Aceh yang terletak dalam benua yang lebih kurang sama dengan kita iaitu SUNDA SHELF jika ada potensi ini, apakah Kerajaan Negeri akan pertimbangkan projek *reclamation*.

Seterusnya saya nak bangkit sikit Pulau Jerejak di mana seharusnya diwartakan dan sefaham saya Pulau Jerejak dia ada banyak faktor *cultural landscape*...(dengan izin), dia ada satu kritikal *value cultural landscape* dan juga dia ada *The Ellis Island of Malaysia* di mana *1.3 million people went through* ke Pulau Jerejak (dengan izin). Rekodnya pada tahun 1877 hingga 1940 dan Pulau Jerejak juga ada satu *Island Sanitarium* as a *Leprosarium* antara 1867 kalau tak salah (dengan izin) sebagai satu *leprosarium* lebih kurang 7000 orang *Leprosy suffure* pada masa itu dan tahun 48an adalah satu tempat untuk Tuberculosis Saritarium dan sebagainya (dengan izin) dan dia juga sebagai *Alcatraz Island* pada tahun 60an hingga 90an dan juga di sana ada lebih kurang banyak kubur di sana dan kuburnya agak lama tak kurang daripada 4000 saya fikir. Jadi semua ini boleh jadi faktor-faktor sebagai *Heritage Island* dan eko sistemnya. Dengan itu saya fikir cadangan oleh satu dua NGO boleh diterima dan boleh bincangkan oleh Kerajaan Negeri supaya semua ini dikaji semula, supaya ia dijadikan, dikekalkan sebagai satu tempat yang *heritage* dan *eco system*. Sangat sayangnya satu bangunan dicerobohi seorang telah dirobohkan bangunan itu, bangunan itu memang bukan bangunan yang dikatakan tokong ia adalah bangunan untuk letak mayat sangat ia bersih, dia bukan binaan baru tetapi dia sudah dirobohkan itu sangat sayang. Inilah sedikit sebanyak yang saya tahu dan juga pada tahun 50an, pulau itu juga tahanan ahli-ahli komunis

Pulau Pinang dan dihantar balik. Itu satu juga latar belakang sejarah dan semua ini boleh dijadikan satu *cultural landscape*.

Dato' Yang di-Pertua, seterusnya soalan saya mengenai pengondolan tanah bukit. Bahawa sejak tahun 2008 hingga 2017 mengikut jawapan ada 110 kes, tanah bukit mahu pun persendirian secara haram digondolkan dan ini menunjukkan seriusnya aktiviti seperti ini agak akan menjejaskan alam sekitar kita terutamanya tadahan air dan saya fikir supaya kita memelihara alam sekitar kita. Mungkin saya cadangkan satu undang-undang kecil digubalkan sepertimana yang ada di Europe, iaitu *environment changes act* di mana pembangunan juga kena ada *environment changes act* bila dia ada membangunkan satu kawasan terutamanya, bukit-bukit atau di mana tempat dan ini boleh dikaji kalau kerajaan hendak betul-betul menjadikan kita satu negeri yang hijau, saya harap boleh dipertimbangkan. Dan satu lagi kes mengikut soalan bertulis 22 saya itu adalah pembangunan di lereng bukit atau *high rise* terutamanya *high rise building* di lereng bukit. Ini banyak kali saya bangkitkan isu ini tetapi saya rasa dukacita kerana banyak projek diluluskan walaupun saya selalu membantah dengan sekeras-kerasnya bila dirujuk dengan alasan-alasan tetapi juga diluluskan dengan sepenuhnya. Contohnya kes JPBD/P2/MK. BF – 2/LS JLD. 1, satu pembangunan di lereng bukit Batu Ferringi oleh Malim Jaya Sdn. Bhd. Isunya ia terlalu dekat dengan satu bangunan kondominium di bawah lereng bukit itu. Penduduk-penduduk *Miami Green* ini memang rasa khuatir bila ada pembangunan ini mungkin berlakunya keruntuhan tanah seperti dua (2) kes di Kuala Lumpur. Jadi harap PBT kaji semula permohonan ini sebab memang ada bantahan dari lot kejiranan terutamanya *Miami Green* dilaporkan, mereka telah mengumpul tandatangan 200 - 300 orang yang mereka ini membantahkan projek ini, tetapi projek ini masih diluluskan tanpa diberi peluang tanpa merujuk kepada FA BOARD.

Adakah TIA dan EIA disyaratkan dibawah pembangunan di lereng bukit di dalam projek ini, dimaklumkan KM/PBT ini diluluskan bulan lalu...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Tanjong Bunga, sudah lebih dari sejam.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Okey, saya harap kes ini dikaji semula. Seterusnya saya hendak bangkitkan satu sistem yang pernah saya bangkitkan mungkin tiga (3) tahun dahulu Sistem Big Data. Saya difahamkan Jawatankuasa Big Data sudah ditubuhkan dan saya ingin, Kerajaan Negeri boleh kemaskinikan perkembangan Jawatankuasa Big Data, sebab Sistem Big Data ini adalah sangat penting dan berkesan semasa sesuatu polisi atau strategi dirancangan. Saya harap ini jabatan atau sistem ini boleh dipercepatkan dan merujuk kepada jawapan yang diberi. Selalunya kita minta statistik soalan bertulis, banyak kerja kena dibuat oleh pegawai-pegawai buat *table* macam ini. Jadi kalau adanya Sistem Big Data ini sangat cepat, tidak perlu mereka buat *overtime* untuk *collect information*...(dengan izin).

Seterusnya saya hendak bangkitkan tentang jawatankuasa penguatkuasaan dalam soalan bertulis No. 13 saya. Memang Jabatan Penguatkuasaan adalah satu jabatan yang penting dimana semua orang memberi aduan penguatkuasaan yang adil, yang tidak adil ada dijalankan dan tidak ada dijalankan. Saya harap dengan adanya Jabatan Penguatkuasaan ini yang ditubuh mungkin kurang daripada dua (2) tahun, supaya jabatan ini mempercepatkan dan mempertingkatkan prestasi atau fungsinya atau kualiti *knowledge* kakitangannya....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan, jawatankuasa apa iya?

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Jabatan Penguatkuasaan di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Saya harap jabatan ini boleh menjalankan tugasnya dengan lebih adil dengan *knowledge* atau *intelligent* atau *on job training* terutamanya pengetahuan dalam undang-undang dan sebagainya. Jabatan Penguatkuasaan boleh memainkan peranan *Big Data Supplier*, bila tugas dijalankan data-data boleh diambil dari orang ramai dan dijadikan rujukan di masa depan. Seterusnya adalah satu isu yang penting dimana mungkin bulan hadapan akan dikuatkuasakan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca dan pada soalan ini saya mendapat jawapannya mungkin sangat jelas tetapi pada saya masih ada ruang yang boleh dipertingkatkan. Pada saya sistem ini boleh jalan, tetapi mungkin tidak akan mencapai objektif yang di *target* kan oleh kerana dia kekurangan satu undang kecil yang sama dipakai oleh MBPP dan MPSP. Ini ada satu kelemahan saya harap PBT boleh kaji semula dan satu lagi adalah sistem untuk sisa makanan...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Tanjung Bunga, belum habis. Nanti saya ada sedikit peringatan pada Dewan ini dan saya harap bahawa kalau adanya Ahli-ahli EXCO di luar Dewan saya minta masuk, saya harap Barisan EXCO boleh menghormati Ahli-ahli Dewan yang sedang membahar kerana memandangkan tiada seorang pun Ahli-ahli EXCO seorang pun tidak ada di dalam Dewan ini. Saya ingin bagi teguran in dan kalau ada EXCO di luar Dewan diminta masuk dan saya minta Ahli Tanjung Bunga teruskan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih, YB. Dato' Yang di-Pertua, jadi sistem untuk sisa makanan saya fikir adalah satu bahagian dimana yang kurang dan tidak sempurna dalam pengasingan sisa pepejal yang akan dijalankan kerana tidak adanya satu sistem yang *standard* kerana terlalu banyak cara dipakai dan tidak ada satu standard dan tiada satu stesyen untuk menguruskan sisa makanan ini membangkitkan pada masa depan. *Green Waste* maksudnya adalah sisa-sisa pokok-pokok, ini adalah satu sisa yang bagus kalau *Green Waste* ini dikomposkan sebagai *Carbon Materiel* dengan cara yang betul. *Carbon Material* ini boleh dijadikan *Top Soils* baru dan *material* untuk penanaman.

Yang di-Pertua Dewan, soalan no. 9 adalah soalan bertulis saya adalah satu isu penuaan. Saya pernah membahaskan di dalam sesi Dewan ini dahulu supaya kerajaan kita prihatin isu penuaan itu, kerana mengikut Penang Medical College Research, kadar penuaan di Pulau Pinang adalah yang tertinggi sekali dalam negara kita. Dia menunjukkan 62.3 warga emas yang tinggal di Pulau Pinang berumur 60 hingga 69 tahun dan seramai 30.5% berumur 70 hingga 79 tahun dan 7.2% berumur 80 tahun ke atas. Dengan begitu tingginya kadar penuaan, saya harap bukan sahaja wang diberikan tetapi satu sistem untuk menjaga kebajikan golongan penuaan ini haruslah diadakan. Misalnya *insurance medication scheme* atau satu perumahan pusat untuk warga emas yang sihat ini boleh mengadakan aktiviti di sana kerana kita terdapat ramai warga emas yang sihat tidak ada, tidak buat apa-apa cuma duduk dalam rumah atau jalan sini sana. Kalau golongan ini boleh diberi kebajikan dan juga diberi tugas yang tertentu maka sumbangan mereka juga akan terjadi.

Dato' Yang di-Pertua, ini isu akhir. Yang saya ingin menyeru Kerajaan Negeri betul-betul menyediakan satu sistem *dedicated bicycle lane*, iaitu satu di bahagian Seberang Perai, satu mengelilingi Pulau dan satu atas Bukit Bendera. Dengan adanya ketiga-tiga *dedicated bicycle lane* ini saya yakin satu revolusi hidup rakyat akan berubah. Maka ramai orang terutamanya belia dan keluarganya boleh bersama-sama berkayuh dalam keadaan sihat dan selamat dan ini mungkin akan mengurangkan aktiviti-aktiviti belia yang tidak diinginkan dan ini juga boleh menggalakkan belia yang ingin mencari aktiviti yang hebat misalnya merempit, aktiviti itu boleh ditarik daripada aktiviti ini. Dan juga...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Boleh minta laluan? Terima kasih. Kerana pelan basikal ini melibatkan pelaburan yang banyak daripada Kerajaan Negeri jadi saya kena tanya soalan. Pandangan YB. Tanjung Bunga, sebenarnya laluan-laluan yang anda cadangkan itu berunsur rekreasi. Namun ada yang bertanya, kalau mereka misalnya kalau mereka yang tinggal di Pulau, adakah perlu mengangkat basikal mereka dengan kereta untuk pergi ke pinggir Pulau baru boleh mengayuh di sekeliling Pulau? Adakah usaha membuat laluan basikal di sekeliling Pulau itu mencukupi? Apakah komen dan maklum balas daripada Yang Berhormat, apakah lagi usaha-usaha yang diperlukan untuk menjadikan kita benar-benar sebuah negeri yang mesra basikal?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Sistemnya memang banyak dibincangkan oleh pakar-pakar atau peminat dalam bidang ini. Bukan saya seorang yang boleh bagi pelan. Jadi kita ada *engineers* yang canggih dalam MBPP. Maksud saya, kalau sistem ini diadakan ia mesti *dedicated bicycle lane*. Bukan *sharing, sharing* itu ada banyak isu. Dan bagaimana cadangan atau pelan itu terpulang kepada *designers how to get access* bukan saya boleh bagi sekarang. Saya cuma cadangkan ini kerana berbasikal memang satu aktiviti yang memang berkesan untuk kesihatan seseorang. Kalau boleh berbasikal ke tempat kerja itu lebih baik tetapi biasanya kita dalam negara khatulistiwa ini dalam fikiran pun takut panas dan tidak boleh sesuaikan diri, hendak keluar pergi beli barang pun hendak *drive in*, itu semua adalah satu *habit*lah. Fikiran yang tidak betul. Kalau boleh diberi satu sistem yang betul dan *location* yang betul, saya fikir boleh jadi dan dengan *facility* ini bagi mereka melancong sambil berkayuh juga lebih seronok, lebih selamat. Saya fikir apa yang boleh terjadi dalam George Town ini mungkin boleh dielakkan. Kalau ini dijadikan maka penting sekali adalah kalau seseorang itu mengadakan kegiatan senaman bila dia masih muda maka badannya akan lebih banyak menyimpan kalsium pada masa itu dan ini akan menguatkan badan dan terutamanya tulang pada

masa dia masih muda dan bila sampainya umur 30 – 40 tahun, pada masa ini, badan kita tidak akan banyak *absorb calcium* dan bila sampai masa tua badan kita kalau masih sihat tetapi tulang, *the bone structures maybe not so strong, what I mean...* (dengan izin), basikal ini aktiviti ini kalau diberikan *facility* ini dan menggalakkan aktiviti berbasikal dari muda atau aktiviti lain, *exercise* lain, bila sampai masa tua *society*, masyarakat kita warga emas kita akan lebih sihat. Ini bukan saya cakap, ini adalah satu laporan daripada doktor. Doktor ini pun doktor tempatan yang mengikut pengetahuannya. Saya cuma kongsi di sini supaya kerajaan ambil pertimbangan supaya *dedicated bicycle lane* ini diadakan. Dengan itu, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Tanjong Bunga. YB. Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Terima kasih. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan. Sahabat-sahabat Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah. *Alhamdulillah.* Jadi saya akan cuba mempercepatkan. Terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas pada petang ini.

Yang pertama saya ingin melihat juga berhubung dengan masalah banjir yang kerap berlaku di kawasan saya, merupakan sesuatu yang sudah trauma kepada saya. Walaupun tiga (3) tahun, satu penggal jadi Ahli Dewan di kawasan saya tetapi banjir telah banyak menghantui masalah di kawasan saya sama ada banjir kilat atau banjir yang memang berlaku saban tahun yang mesti berlaku dan lebih mendukacitakan apabila saya dapati bahawa program untuk membuka kawasan kuala sungai hendak dibatalkan. Jadi saya minta hari ini, atas semangat yang menyatakan Kerajaan Negeri begitu prihatin kepada rakyat melihat kembali supaya rancangan yang ini tidak dibatalkan kerana sekiranya rancangan ini dibatalkan maka menyebabkan hampir 2000 buah rumah yang berada di kawasan DUN saya akan menderita setiap kali berlaku banjir kerana tiap kali berlaku banjir terpaksa mereka menukar segala perabot dan sebagainya. Kerana sebab itulah saya berharap bahawa kepada Kerajaan Negeri melihat masalah banjir ini sebagai masalah yang mesti diberi perhatian yang serius kerana hari ini bukan sahaja banjir yang berkala tetapi banjir yang apabila berlaku sahaja hujan lebat akan berlaku banjir.

Bagi kawasan bandar, kereta-kereta menjadi masalah yang besar kerana terpaksa di *overhauled* dan sebagainya. Jadi kita lihat hari ini bahawa alasan yang diberi hanyalah masalah hujan yang lebat. Jadi kita berharap masalah hujan ini itu kehendak Allah S.W.T. tetapi bagi kita yang mampu untuk mengatasinya berusaha mengatasi dengan sebaik mungkin. Kita dapati bahawa masalah parit-parit yang masih lagi kecil di mana dalam pertanyaan dinyatakan bahawa masalah saluran dan perparitan yang tidak dalam dan tersumbat menjadi masalah besar. Jadi telah mendapat pengetahuan bahawa parit atau sistem perparitan yang tidak sempurna harus disempurnakan dengan secepat mungkin kerana sekarang ini musim hujan dan hari ini didapati bahawa banyak sampah sarap yang dibuang dalam sungai-sungai dan parit-parit. Jadi diharapkan benda ini mendapat satu cari jalan daripada Majlis Perbandaran supaya mencari jalan bagaimana daripada rumah-rumah yang ada di kawasan bandar ataupun pinggir bandar ataupun di kampung-kampung tidak membuang semua sampah sarap di dalam sungai. Ini menyebabkan parit-parit kita tersumbat dan sebagainya. Jadi kita harapkan satu peruntukan yang besar diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan secepat mungkin masalah banjir kilat ini. Dan kita juga berharap kepada Majlis Perbandaran supaya memberi perhatian yang serius apabila pelan-pelan perancang yang telah diluluskan di mana memastikan semua masalah sistem perparitan mesti disediakan. Kita dapati ada sesetengah projek-projek perumahan yang hanya menggunakan sistem perparitan yang telah sedia ada tetapi projek tersebut sangat besar.

Saya lihat juga projek-projek yang ada ini telah diberikan kelulusan tetapi dari segi sistem perparitan tidak mengambil kira. Jadi saya harapkan benda ini diberi perhatian yang serius pada masa-masa hadapan. Saya juga berharap bahawa masalah parit ini masalah perparitan dan sungai-sungai dapat dibuat kajian yang mendalam kerana hari ini didapati contohnya di Bayan Lepas satu projek perumahan telah menutup satu anak sungai. Jadi saya harap pihak JPS dapat melihatnya supaya sungai ini tidak ditutup kerana ini akan mendatangkan kesan yang besar kepada masalah pengaliran air-air apabila berlakunya hujan. Jadi walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan terima kasih kepada JPS kawasan saya kerana telahpun mengorek dan mendalamkan beberapa kuala sungai dan beberapa batang sungai. Dan saya harap perkara ini akan berterusan. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi peruntukan yang besar kerana saya dapati untuk kerja-kerja memperdalamkan dan mengorek sungai ini tidaklah begitu banyak sangat. Jadi saya harap benda ini dapat diteruskan bagi mengatasi masalah banjir.

Yang keduanya adalah masalah program tambakan laut kerana akan memberikan impak yang besar kepada nelayan yang hampir daripada hampir 3,000 keluarga nelayan akan menghadapi masalah yang besar. Jadi saya berharaplah yang pertamanya pampasan yang telah berlaku di kawasan Tanjong Tokong di mana projek-projek yang telah bermula di kawasan Bagan Ajam dan sebagainya dapat diberi pampasan. Kerana sekarang bukan sahaja kawasan Tanjong Tokong tetapi kawasan nelayan saya juga menghadapi masalah kerana tanah-tanah yang dikorek, lumpur daripada sana telah dibuang di kawasan perairan Pulau Kendi. Kawasan tersebut adalah kawasan ikan, udang yang sangat banyak. Jadi hari ini kita dapati bahawa lumpur-lumpur tersebut telah dibawa ke kawasan tersebut jadi menyebabkan pukuk-pukat telah rosak. Dan kita juga dapati bahawa Tanjong Tokong hari ini sudah tidak mempunyai nelayan yang untuk mendapatkan kapal ikan yang baik. Mereka telah mula berhijrah ke kawasan-kawasan lain bagi menampung kehidupan mereka. Jadi kita berharaplah Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan semula untuk program tambakan laut ini kerana akan memberi satu impak yang besar bukan sahaja kepada nelayan tetapi juga kepada *environment* kawasan tersebut. Juga didapati bahawa ikan, udang akan, sekarang ini pun dalam keadaan yang banyak ikan kembung RM20 sekilo. Jadi sekiranya benda ini berterusan, ikan kembung akan pupus kerana kawasan perairan Pulau Kendi antara Pulau Betong dengan Pulau Kendi sahaja, ikan ini akan ada tetapi hari ini sehingga lebih enam (6) bulan ikan ini sudah tiada. Jadi kita berharap Jabatan Perikanan dapat melihat apakah sebabnya, dengan masalah bau selut yang tidak begitu tidak menyenangkan ataupun ada masalah-masalah lain. Masalah sistem perairan yang telah mula menukar arah mungkin memberi kesan kepada laluan-laluan ikan. Ini harus dilihat kembali, jadi saya berharap pihak Jabatan Perikanan dan Kerajaan Negeri dapat melihat semula.

Baru ini kita dapati bahawa Y.A.B. Air Putih pergi melepaskan 2,000 benih ikan di kawasan perairan di Teluk Kumbar, tetapi saya dapati bahawa ini juga harus dilihat kerana sekarang ini ada satu jenis pukuk 'kenka' dipanggil. Pukuk 'kenka' itu sepatutnya tidak boleh menarik di kawasan Teluk Kumbar kerana kawasan tersebut bukan kawasannya. Pukuk 'kenka' ini saya difahamkan daripada Kuala Kedah ataupun di kawasan Perak kerana mereka ini mencari ikan-ikan yang boleh dibuat baja.

Jadi, kalau hampir dua (2) juta ikan yang dilepaskan itu, saya dapati mungkin separuhnya telah pun ditarik oleh pukuk-pukuk 'kenka' kerana ikan-ikan kecil akan berada di kawasan perairan yang singkat. Jadi jika perkara ini benar, maka kita akan mengalami satu kerugian yang besar dua (2) juta, berapa ekor sahaja yang akan terlepas di kawasan perairan Pulau Kendi kerana pukuk kenka ini akan tarik daripada tepi sehingga tengah habis semua benih-benih ikan dan pukuk ini sepatutnya diharamkan kerana ia sama juga seperti pukuk harimau ataupun pukuk tunda yang menarik daripada dasar laut hingga ke muka air menyebabkan semua anak-anak ikan dan sebagainya akan hilang dan pupus pada masa akan datang.

Jadi sekiranya diteruskan juga Program Tambakan Laut, maka sudah pasti benda ini tidak akan ada lagi Pulau Pinang sebagai pusat sumber kepada pengusaha *sea food* akan menjadi masalah yang besar kerana bahan-bahan ini tidak akan ada lagi di Pulau Pinang ini jadi menyebabkan harga yang di pasaran akan meningkat dengan harga yang lebih tinggi.

Yang ketiganya, saya menyentuh masalah dengan masalah pendatang asing yang semakin banyak di Negeri Pulau Pinang. Projek-projek perumahan telah membawa masuk ramai pekerja-pekerja daripada warganegara Indonesia, Bangladesh dan beberapa negara lagi. Dan hari ini, yang lebih menyedihkan mereka boleh juga membuka pasar-pasar malam. Di kawasan saya, ada dua (2) projek perumahan yang besar dianggarkan lebih kurang 400 ke 500 pekerja daripada warganegara asing, dan sebelah petangnya, mereka menjalankan aktiviti membuka pasar malam. Saya pun tidak tahu sama ada dibenarkan oleh Majlis Perbandaran ataupun tidak. Banyak *food-food truck*, dan *food-food truck* ini bukanlah daripada warganegara kita. *Food-food truck* ini juga daripada warganegara-warganegara luar daripada Indonesia dan juga Bangladesh. Jadi, saya haraplah pihak yang bertanggungjawab dapat melihat perkara ini supaya dia memberikan kesan positif yang tinggi kepada masyarakat di kawasan tersebut.

Rumah-rumah kongsi juga harus dilihat kerana menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dikalangan mereka, tetapi kesannya kepada masyarakat sekeliling. Begitu juga dengan masalah kesihatan, hari ini penyakit-penyakit berjangkit seperti tibi dan sebagainya telah mula berada di kawasan masyarakat kampung yang dahulunya tidak ada penyakit ini tetapi dengan adanya projek-projek perumahan dan membawa masuk pendatang asing menyebabkan penyakit-penyakit ini telah mula menular di kalangan masyarakat. Jadi, saya haraplah pihak yang bertanggungjawab untuk membuat tapisan yang sebaik mungkin bagi pekerja-pekerja binaan ataupun apa-apa kerja sahaja. Dan kita juga dapati bahawa pendatang asing ini telahpun mula menguasai kawasan-kawasan perniagaan di kawasan jual murah kita didapati ramai dikalangan warganegara luar yang telah pun menduduki premis-premis perniagaan dan kita dapati di kawasan beberapa buah kedai di kawasan sekitar dengan Penang Road dan juga berhadapan dengan IPD yang disebutkan bahawa telah mula menjalankan membuka restoran

dan juga kedai-kedai runcit. Apakah mereka ini dibolehkan? Bagaimana mereka ini boleh mendapat premis-premis ini daripada boleh menyewa dan sebagainya daripada masyarakat yang sendiri memberikan kebenaran kepada mereka. Jadi kita harus melihat perkara ini supaya kawasan-kawasan perniagaan yang sekarang berjalan dengan lancar tidak diambil alih oleh warganegara asing dan peraturan-peraturan mesti diperketatkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta lalun Yang Berhormat. Saya cuma hendak memberi pandangan saya berkongsi dengan Yang Berhormat perkara ini dan selain daripada mengusahakan restoran, mereka juga mengusahakan kedai-kedai runcit di kawasan di sekitar George Town. Tetapi, saya difahamkan apabila pemeriksaan dibuat kononnya lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu dimiliki oleh isteri mereka yang merupakan warganegara tempatan. Saya ingin menjemput Yang Berhormat untuk memberi pendapat bagaimana masalah ini dapat diatasi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Jadi kalau dalam hal ini kita dapati bahawa sekarang ini banyak warganegara Rohingya yang berkahwin dengan rakyat tempatan dan didapati ramai wanita-wanita yang telah berumur telah dipilih oleh warganegara Rohingya ini untuk berkahwin. Jadi kita berharaplah kepada pihak yang berwajib untuk melihat perkara ini, kita tidak menghalang untuk berkahwin tetapi mesti mencari satu cara yang boleh tidak memberi ruang yang sebaik mungkin kepada mereka kerana ini akan menyebabkan keadaan kita akan menyusahkan kita pada masa-masa yang akan datang.

Dan saya juga untuk menyambut Ramadan ini meminta kerjasama Jabatan Agama Islam untuk melihat secara serius berhubung dengan premis-premis makanan kerana hari ini kita dapati ramai warga-warga negara luar yang memanglah kalau Bangladesh kita anggap Islam dan sebagainya. Tetapi ada juga mereka ini dikalangan yang bukan Islam tetapi membuka premis-premis makanan, menjual makanan-makanan orang Islam jadi kita lihat kena pastikan mereka ini apakah benar-benar dikalangan orang Islam supaya kita tidak ditipu. Begitu juga dengan kedai-kedai atau warung-warung yang akan menjual makanan di bulan Ramadan ini jadi diharaplah kita dapat menjalankan satu siasatan yang rapi kerana penjual-penjual juga adalah merupakan orang yang bertanggungjawab menyediakan makanan kepada kita terutamanya di restoran-restoran dan juga di termasuklah di hotel-hotel besar yang sekarang ini sedang sibuk untuk menyiapkan juadah-juadah berbuka puasa, jadi kita berharap Jabatan Agama dapat menjalankan memastikan bahawa ini merupakan yang halal, yang telah mendapat sijil yang sah dan juga dipantau sepanjang waktu kerana hari ini kita dapati bahawa jumlah pemantauan yang dibuat oleh Jabatan Agama sangat sikit kerana apa yang saya lihat dalam jawapan menteri saya tidak sampai pun 15 kes pada saban tahun. Apakah premis-premis ini benar-benar mengikut SOP yang diberikan ataupun kita kekurangan tenaga untuk melihat perkara-perkara ini. Jadi diharaplah perkara-perkara ini dapat diteruskan.

Yang terakhirnya, saya juga berharap bahawa pihak yang berwajib berhubung dengan nasib nelayan sekali lagilah saya minta hari ini supaya pukut-pukat tunda ini dan juga pukut Apollo di kawasan Sungai Acheh, kawasan Teluk Kumbar menjadi satu kawasan yang saban hari menjadi kawasan dimana pukut tunda dan pukut apollo ini telahpun bukan sahaja merosakkan pukut-pukat nelayan pantai, tetapi mereka ini juga telah menjadikan kawasan-kawasan tangkapan ini tidak boleh ditangkap kerana pukut yang mereka gunakan ini bukan sahaja merosakkan pukut, tetapi merosakkan dasar laut dimana banyak kerosakan dasar laut hari ini yang menyebabkan pukut-pukat udang, hari ini telah kena siput dan sebagainya. Jadi saya berharaplah tindakan yang akan Kerajaan Negeri untuk sama-sama melihat benda ini supaya dapat diatasi dengan sebaik mungkin kerana kerosakan ini satu kerosakan yang besar dan hasil tangkapan hari ini apabila ada sahaja udang yang masuk, ada ikan ikan bawal dan sebagainya pukut tunda akan mula bergerak pada waktu malam.

Jadi saya berharaplah pihak-pihak yang berwajib pada waktu-waktu malam ini mereka juga turut berada di kawasan perairan yang sepatutnya berlaku. Pasukan IKN ataupun mereka-mereka yang bertanggungjawab, saya berharaplah supaya nasib nelayan ini dapat dibela dengan sebaik mungkin kerana nelayan ini, mereka ini sangatlah miskin jadi dengan adanya bantuan dari segi ini memberikan sedikit wang kepada mereka bagi mendapat pendapatan yang lebih. Jadi apapun saya berharap bahawa pasukan dan juga EXCO yang bertanggungjawab dapat memberi perhatian yang serius berhubung dengan perkara ini kerana perkara ini telahpun lama. Berpuluh-puluh tahun, tetapi kita tidak dapat mengatasinya dengan sebaik mungkin. Jadi sebagai Wakil Rakyat di kawasan saya, rata-ratanya orang miskin, rata-ratanya nelayan, berharap perkara ini dapat diberi perhatian yang sewajarnya. Jadi, terima kasih dan pohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bayan Lepas. Sila YB. Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun, Dr. Abdul Rahman Abbas yang telah dilantik semula sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Salam Negaraku Malaysia. Salam takziah kerana 'kucing' sudah mati. Salam tidak 'bersih' kerana Pakatan sungguh tidak bersih sekarang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tadi Dato' kata dok tengok burung sahaja. Kucing tidak ada, burung mari.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, saya hendak merujuk kepada soalan bertulis saya. Ini gambar berkaitan dengan isu kiosk gerai peniaga Seri Ampangan di hadapan Taman Pekaka yang telah diarahkan untuk dirobohkan. Untuk pengetahuan Ahli Mesyuarat, di hadapan Taman Pekaka ini ada kiosk gerai terbuka 11 gerai terbuka. Ada tiga (3) gerai tertutup, yang dibina oleh kerajaan negeri dan sekarang terdapat lebih kurang tiga (3) peniaga yang sedang berniaga di situ.

Dan dimaklumkan, difahamkan peruntukan itu hasil daripada Kerajaan Pusat kerana Kerajaan Pusat membayar gantirugi pelebaran jalan maka wang itu digunakan untuk pembinaan gerai ini. Jadi, untuk pengetahuan YB. Dato' Speaker dan semua Ahli Mesyuarat, gerai ini telah diarah untuk dirobohkan, ini gambarnya. Sedap, di gerai ini ada jual bahun sup, ada cendol.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Ada mee udang tak?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Mee Udang tidak ada. Yang paling terkenal cendol dan bahun sup dan laksa. Peniaga ini juga merupakan peniaga yang telah dipindahkan kerana terlibat Projek Tebatan Banjir di Jalan Sempadan. Jadi dalam keadaan yang cukup laku, laris tiba-tiba Kerajaan Negeri telah beri notis supaya diruntuhkan pembinaan tambahan ini. Sebenarnya pembinaan tambahan ini hampir-hampir setahun yang dilakukan, tetapi baru-baru ini telah diarahkan runtuh, okey. Yang dia buat tambahan sikit sahaja, *awning* dengan khemah di itu. Diarahkan, jadi ada dua (2) sahaja peniaga di situ. Jadi dia terlibat dan seorang lagi yang jual nasi dan juga roti canai.

Mereka bersungut kenapa perkara ini berlaku hampir enam (6) bulan, tujuh (7) bulan diberi notis supaya diruntuhkan. Dia cuma bina di situ sedangkan mengikut dia kata, dia faham ada tempat-tempat lain yang pembinaan haram dibuat, sampai sekarang masih kebal tidak diruntuhkan termasuklah kawasan persekitaran itu juga ada dia kata.

Jadi sebagai contohlah, saya pun nak tunjuk juga yang tidak runtuh lagi yang ini di Lot 229 Restoran Anjung. Ini kawasan Pulau Betong, Lot 29 Mukim 5 Balik Pulau, sampai sekarang masih belum diruntuh. Lama ini. Saya ingat EXCO Pelancongan tahu ini. Yang cendol kecil ini, *awning* sahaja. Yang ini, tidak ada kebenaran merancang tidak ada, *building plan* pun tidak ada, saya rasalah. Saya dimaklumkan. Jadi macam mana ini tidak adil?

Kemudian ada satu lagi yang berhampiran dengan kawasan tadahan air, ini kawasan Lot 199 dan 201 Mukim 1 Teluk Bahang. Buat-buat tidak tahu sahaja. Ini Lot besar ini, satu bangunan yang besar yang sampai sekarang tidak runtuh. Sedangkan peniaga kecil ini, baru sahaja nak dapat duit nak untung berniaga sudah diarah runtuh. Namun begitu YB. Dato' Speaker, peniaga ini patuh cukup baik dan mulia hati mereka. Mereka sudah runtuh *awning* ini saya *check*. Tetapi yang ini, tidak runtuh lagi.

Yang itu saya hairan. Saya difahamkan juga YB. Dato' Speaker, katanya kedua-dua bangunan ini, saya difahamkan pihak SPC telah meluluskan untuk buat pemutihan hendak beri kebenaran. Apa salahnya Kerajaan Negeri buatlah pemutihan juga kepada gerai ini yang ditambah. Kesian dekat mereka ini, orang-orang miskin yang berniaga di gerai kecil ini. Sedangkan ini yang besar, dengan mudahnya. Ini yang kita amat dukacita sebab itu saya sebut 'CAT' tadi, sudah mati 'CAT' ini, tidak bersih sudah. Tidak adil.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tajuk lain.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Okey. Saya bercakap *slow* saja, mudah pencatit hendak catit. Saya pelan, *slow*. Okey. Jelas ya? Gerai gambar ini, had yang miskin dan yang kaya, yang miskin kerajaan gamak menindas, kira tidak baguslah. Nak suruh roboh, memang ada notis arah diroboh. Yang saya sebutkan tadi memang notis di keluar oleh Kerajaan Negeri adalah di bawah seksyen apa tah. Yang ini tidak diroboh sampai sekarang.

Yang berikutnya YB. Dato' Speaker, ini berkait dengan soalan Dewan saya juga. Soalan bertulis, saya tanya berapa syarikatkah yang telah diberi tawaran menguruskan pengurusan sistem tempat letak kereta oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan senaraikan nama-nama syarikat tersebut. Cara macam manakah tawaran itu diberikan?

Jawapannya hanya satu syarikat sahaja yang ditawarkan untuk menguruskan sistem letak kereta dibawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Syarikat tersebut ialah Perkhidmatan Alam Indah Sdn. Bhd. yang dilantik secara tender terbuka. Saya ini salah fahamlah, YB. Dato' Speaker. Saya mendapat maklumat kata Syarikat Alam Indah ini dipilih secara '*RFP*' dan syarikat ini telah memberi perkhidmatan kepada *parking* Pulau Pinang dengan membuat bayaran kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang sebanyak RM650,000 sebulan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Syarat-syarat yang telah dikenakan:

Yang pertama, syarikat perlu menjelaskan sewa bulanan secara teratur dan tidak boleh tertunggak lebih dari dua (2) bulan. Sekiranya tidak, denda akan dikenakan. Sehingga tarikh ini berapakah tertunggak dan kalau masih tunggakan sewa tidak dijelaskan, adakah denda dikenakan seperti yang telah disyaratkan? Di samping itu juga, syaratnya sekiranya terdapat halangan diatas *parking* lot, contohnya tempat *parking* lot itu ada kerusi, ada tong kayu ka, kereta, penjaja dan yang lain, MBPP akan membuat bayaran balik ke atas halangan tersebut. Bayar gantirugilah. Bagaimanakah bayaran balik ini dibuat? Apakah formula yang digunakan? Apakah buktinya halangan itu berada di *parking* lot itu secara berterusan? Atau gambar foto yang diambil beberapa saat dan untuk mungkin sepanjang hari atau minggu untuk dibuat bayaran balik adalah tidak betul kaedah itu. Melainkan CCTV yang mengambil video sepanjang hari.

Sepanjang tahun 2016 dan 2015, berapakah bayaran balik telah dibuat kepada Syarikat Alam Indah ini? Dan berapakah bayaran balik dibuat kepada Syarikat Alam Indah ini bagi penjaja atau peniaga yang berniaga di atas *parking* lot di seluruh Pulau? Dan mengapakah tidak diambil tindakan kepada penjaja-penjaja tersebut?

YB. Dato' Speaker, saya ingin mendapat sedikit penjelasan terutamanya daripada YB. Batu Maung. Saya harap dia mendengar. Iaitu berkaitan dengan sistem, kaedah Mesyuarat Agung Kariah atau masjid yang dahulu selalu disebut-sebut dan saya ulangi sebab baru ini di kawasan saya, untuk Mesyuarat Agung Kariah, jemputannya cukup bebas dan hebat sekali dengan menggunakan *banner-banner*. Maknanya YB. Dato' Speaker, letak *banner* semua anak kariah dijemput hadir mesyuarat agung. Tetapi yang sebelum ini, mesti daftar sebagai pemilih anak kariah. Jadi anak kariah minta saya bertanya apa bezanya peraturan dahulu dengan sekarang? Adakah kerana mesyuarat agung tahun ini, mesyuarat agung biasa yang tidak perlu kepada pelantikan, maka bebas siapa sahaja boleh hadir mesyuarat? Ataupun sebaliknya.

YB. Dato' Speaker, saya dimaklumkan baru-baru ini YB. Batu Maung pernah pergi ke Masjid Sungai Bakau, kawasan saya dalam satu majlis penyampaian sumbangan kepada masjid dan surau dalam program Ehya Ramadhan. Saya cuma ingin tahu betul atau tidak YB. Batu Maung hadir? Tetapi yang lebih pentingnya, anak kariah minta saya bertanya betul atau tidak ada peruntukan yang telah diluluskan untuk pembaikan masjid tersebut. Betul atau tidak ada peruntukan yang telah diluluskan untuk pembaikan masjid tersebut telah dipindah ke kawasan lain? YB. Dato' Speaker, baru-baru ini salah sebuah masjid dalam daerah SPS telah dianugerahkan Sijil oleh MPC. MPC apa dia? 'M' *stands for* Mahmud. *Thank you*. Mengeluarkan sijil yang disebut '5S'.

S - pertama, Sisih : Mengasingkan barang-barang yang tidak diperlukan di tempat kerja dan membuangkannya;

S - kedua, Susun : Susun barang-barang yang diperlukan dengan teratur supaya ianya mudah untuk digunakan;

S - yang ketiga, Sapu : Bersihkan tempat kerja anda dengan rapi supaya tidak ada habuk di atas lantai, mesin dan perkakas;

S - berikutnya, Seragam : Memelihara taraf penjagaan kebersihan dan penyusunan tempat kerja yang tinggi pada setiap masa;

S - yang kelima, Sentiasa Amal melatih pekerja mematuhi peraturan penjagaan kebersihan yang baik dengan sendirinya.

Saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak masjid yang telah berjaya mendapat sijil 5S' ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Aceh, kalau sijil itu saya rasanya 'NPC'.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

'N'? 'M'?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

National Productivity Center di...Bertam.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Bertam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Betul. 'M' for Mahmud.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

'M' for Mahmud lah. Terima kasih Dato'. Jadi saya hendak mengucapkan tahniah kepada masjid kerana berjaya mendapat sijil ini dan saya dimaklumkan kata Jabatan Agama, Pejabat Setiausaha Negeri yang mencalonkan supaya dimasuk untuk mendapat sijil. Tidak jelas. Saya mengucapkan tahniah kerana Yang Berhormat. Saya adalah bekas pengerusi masjid itu. Saya hendak beritahu kawan saya Bertam, sekarang jadi Pengerusi Masjid sebelum dia pegang, saya pegang dahulu dan masjid yang pernah saya pegang, dapat 5S'. Masjid yang YB Bertam, belum dapat 5S'.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Sedikit pencerahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh. Boleh.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Sungai Aceh, masjid itu dapat 5S' diucap tahniah. Tetapi YB. Sungai Aceh sebagai bekas pengerusi, masjid saya adalah Masjid Al-Jamiul Badawi adalah masjid yang diiktiraf sebagai Masjid 5S' apabila saya memegang sebagai pengerusi. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Pujian kepada diri sendirinya

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Dia sama juga YB. Dato' Speaker. Terima kasih, sama juga YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri bila dia pegang dapat 5S, tapi saya selepas saya tinggal, kerana saya telah berjaya didik anak buah saya sehingga berjaya dapat 5S itu kejayaan yang besar sebagai seorang pendidik, Selamat Hari Cikgu....(ketawa) betullah. Jadi ada dua (2) perkara anak qaryah minta saya sampaikan pertama apabila dia dapat 5S bersih, cantik. Tak ada kah satu hadiah istimewa sama ada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ke, Kerajaan Negeri ka, atau Jabatan Agama, Majlis Agama sebagai pengiktirafan kepada kejayaan itu mendapat 5S, satu.

Yang kedua yang lebih penting mereka ada minta peruntukan, saya minta YB. Batu Maung dapat lulus segera, sebelum ini saya minta dalam Dewan dan terbukti. Jadi nak minta dia lulus sebanyak RM60,000 untuk naik taraf Dewan terbuka kepada Dewan tertutup, saya harap anak kariah Jalan Bukit Panchor mendengar apa saya cakap. YB. Dato' Speaker, ringkas saja nak tutup dah, penghabis sebab tadi YB. Pulau Betong jangan panjangkan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukan saya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, akhir sekali berkait dengan MARRIS yang dibincangkan tadi oleh YB. Bagan Jermal, saya bersetuju pandangan rakan saya YB. Pulau Betong sebab sebelum ini projek yang dibuat diletak dengan papan tanda, sebut saja Kerajaan Negeri kita tak marah tapi ingatlah sama siapa yang bagi peruntukan itu. Saya faham untuk peruntukan MARRIS ini, di kawal oleh Pegawai Kewangan Negeri, betul? Dan agensi pelaksanaannya MPSP pun ada, JKR pun ada, JPS pun ada Pejabat Daerah pun ada. So eloklah bila agensi pelaksana ini nak melaksanakan projek seumpama ini supaya dapat memaklum kepada ADUN Barisan Nasional sama, contoh di kawasan Sungai Aceh, sebagai ADUN kawasan juga ada cadangan projek untuk membuat jalan A contohnya. Pihak agensi pelaksana contohnya Pejabat Daerah ka, JKR kawasan ka, dia juga ada perancangan untuk buat jalan A juga. Dua, tiga kali berlaku saya mendapat peruntukan dari KKLW apabila nak dilaksana bila bawa kontraktor melawat tapak, melihat jalan telah dibuat maka terpampanglah *signboard* Kerajaan Negeri buat jalan. Jadi eloklah kalau boleh kita selaraskan pembangunan ini supaya tidak membazir wang dan pelanggan dapat menerima dengan baik dan agihan peruntukan tersebut dapat kita agihkan ke kawasan lain dan atas pandangan YB. Pulau Betong tadi...(gangguan). Yang pasal *signboard* tu Dato'....jangan, *steady* lah, nak pergi Parlimen ke *State*? (ketawa). Parlimen.

Okey, kalau boleh mintalah agensi pelaksana bila nak buat tu kita letak papan tanda, tak apa nak letak Kerajaan Negeri letak tapi jangan lupa tulis peruntukan MARRIS Pusat lah, tak apa agensi pelaksana pejabat daerah. Kos peruntukan berapa? kita *share* lah jangan sampai terlindung, ini semua saya pun tahu saya pun ada kawan-kawan ramai di agensi-agensi berkenaan. Memang lah ni sebenarnya untuk pengetahuan YB. Pulau Betong kebanyakan duit Kerajaan Negeri tak ada dia guna duit MARRIS untuk buat jalan, saya tanya ada ka projek? Tak ada semua, jadi tak apalah depa tolong kita, kita tolong depa lah, jadi saya berharap begitu.

YB. Dato' Speaker, saya ucapkan Selamat Menyambut Ramadhan Mubarak kepada orang Islam, saya menyambut Hari Raya Aidilfitri *Insyah-Allah* kalau tak jumpa, yang itu penghabis, yang ini dulu, dan saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja, Selamat Menyambut Hari Belia, Selamat Menyambut Hari Ibu, Selamat Hari Jururawat, dan penghabis sekali, Selamat hari guru penghabis, sebab apa, YB. Dato' Speaker, pandai pun kerana cikgu. Presiden Amerika berjaya pun kerana cikgu ajar...(gangguan). YB. Seberang Jaya dia tak iktiraf nak buat macam mana, Selamat Menyambut Hari Guru dan YB. Dato' Speaker, sebagai insan kalau nak banding nampak saya lebih berusia walaupun YB. Sungai Puyu rambut putih tapi dia masih muda dari saya tapi saya lebih tua. Jadi saya nasihatlah kalau boleh beritahu Y.A.B. Air Putih ambillah cuti untuk jaga kebaikan Negeri Pulau Pinang, sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Sungai Aceh, Ahli-ahli Yang Berhormat saya nak tangguhkan mesyuarat dan kita sambung balik pada jam 8.00 malam nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 malam

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Terima kasih. YB. Teluk Bahang sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Yang Berhormat. Sikit saja Yang Berhormat dalam 10-15 minit saja. Terima kasih YB. Dato' Speaker, nampak *cool* tapi kurang *cool* YB. Dato' Yang di-Pertua, dalam kita mencorak pembangunan negeri dan merancang masa depan satu faktor yang mesti diambil ialah perumahan penduduk yang memerlukan perhatian dari segi taraf kehidupan kepada yang lebih baik. Aspek perumahan pula tidak dapat tidak, dan mesti diberi keutamaan. YB. Ketua Pembangkang dan wakil daripada barisan pembangkang telah menyentuh beberapa isu yang memerlukan perhatian dan tindakan Kerajaan Negeri agar menyegerakan dan memudahkan permohonan rumah mampu milik dan bukan sahaja yang diusahakan oleh pihak Kerajaan Negeri tapi juga oleh pihak Kerajaan Pusat dan agensi-agensi. Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada terima kasih di atas sokongan YB. Exco Perumahan Negeri yang telah memudahkan segala proses permohonan dan kelulusan permohonan rumah-rumah oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan dapat mempertingkatkan lagi kerjasama ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, kita akur bahawa pelbagai peringkat umur dan masyarakat ini mempunyai keperluan-keperluan tertentu yang bersabit dengan perumahan. Zamannya berbeza memberi peluang yang berbeza kepada rakyat. Bagi kebanyakan kita Ahli-ahli Yang Berhormat kehidupan di zaman dahulu menawarkan peluang-peluang aktiviti kehidupan yang berbeza kita boleh bermandi sungai, bermain layang-layang dan lain-lain lagi. Kita mempunyai lebih peluang berinteraksi dengan alam semulajadi. Dan mempunyai *access* kepada sukan awam. Pertambahan penduduk dan pembangunan kawasan-kawasan perumahan dan pengenalan teknologi telah mengekang peluang-peluang sebegini untuk dinikmati oleh generasi muda hari ini terutama yang di era persekolahan. Telah mendedahkan anak-anak kita kepada budaya dan bahaya siber yang tidak dapat terkawal lagi.

Oleh itu saya mencadangkan agar lebih banyak kemudahan-kemudahan dan program-program dilakukan untuk memberi peluang yang boleh memupuk intergrasi dan membudayakan amalan yang boleh menyumbang kepada gaya hidup yang seimbang dan kesejahteraan kesihatan yang lebih baik. Dalam erti kata lain, permohonan perumahan perlu mengambil-kira keperluan-keperluan tersebut agar gaya hidup generasi muda yang lebih berinteraksi dengan *device* dan teknologi tanpa wayar boleh diimbangkan dengan aktiviti-aktiviti luar. Sehubungan itu dengan ingin mendapatkan maklumat mengenai berapa banyak kemudahan-kemudahan sukan awam seperti padang bola sepak, gelanggang-gelanggang sukan awam yang lain seperti bola jaring, sepak takraw, bola keranjang dan *boling ball* yang telah dibina banyak semenjak tahun 2008 sehingga kini. Di dalam pada itu Kerajaan Negeri ada memaklumkan untuk membuat pelan tindakan belia Pulau Pinang dan cadangan ini telah dibuat sekitar 9 tahun yang lepas. Pada minggu lepas EXCO Belia ada membuat kenyataan sidang akhbar bahawa pelan itu masih di dalam kajian. Dan pihak yang dipertanggungjawabkan ialah Penang Institute dan Penang Youth Development Centre (PYDC)...(dengan izin), saya ingin mendapat pengesahan daripada Yang Berhormat EXCO Belia adakah benar kos kajian ini melibatkan kepada 606 responden, beliau responden beliau memakan belanjawan sejumlah RM99,000 untuk 606 orang responden. Juga saya ingin memohon pengesahan berapakah jumlah sumbangan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang sejak tahun-tahun kebelakangan ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya cuma ingin menambah sedikit saja apa yang dihuraikan oleh YB. Ketua Pembangkang tadi dan semalam bahawa pada khidmat saya usul yang dibawa oleh YB. Pulau Betong agar Y.A.B. Ketua Menteri bercuti memang mempunyai merit dan asas dan selari dengan prinsip yang dicadangkan oleh kepimpinan DAP khususnya. Sepanjang sidang DUN pada kali ini bahkan seterusnya ucapan-ucapan wakil-wakil oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri menunjukkan sokongan yang tidak berbelah bahagi pada CAT, bukan kucing, CAT yang telah meninggal dunia pada khidmatnya, tetapi amat sensitif pula apabila ditegur atau ditanya mengenainya dan mengambil sikap *double standard*, saya hairan mengapa prinsip yang sama tidak digunapakai untuk diri sendiri di dalam apabila telah dihadapkan ke Mahkamah. Maka tidak hairanlah CAT ini boleh dikorbankan pada bila-bila masa dan bila mana diperlukan menjadi sekadar slogan sahaja. Saya ingin membaca petikan perbahasan yang diambil daripada Penyata Rasmi Parlimen di Dewan Rakyat pada Isnin 15 Disember 2008 semasa Y.A.B. Ketua Menteri ketika membahaskan Rang Undang-Undang Pencegahan Rasuah Malaysia

direkodkan seperti berikut:

“Kita mesti memastikan prinsip integriti terjamin. Bila saya sebutkan tentang integriti, saya ingin meminta supaya Akta SPRM ini boleh mengadakan satu fasa mewajibkan sebarang kontrak ataupun kontrak pembekalan Kerajaan mestilah dibuat secara terbuka. Amalan diluar Negara ialah sekiranya sebarang kontrak kerajaan atau kontrak pembekalan kerajaan dibuat tanpa tender ia tentu akan dianggap sebagai satu kesalahan yang boleh ditakrifkan amalan rasuah. Dan tindakan undang-undang boleh diambil sebegitu, saya ingin menyarankan bahawa pihak kerajaan ingin mewajibkan mesti meletakkan amalan tender terbuka sebagai satu kewajipan yang mesti diikuti oleh mana-mana badan kerajaan. Sebaliknya ia boleh sekiranya ia boleh diamalkan saya percaya rakyat boleh menjimatkan wang selain daripada memastikan mutu perkhidmatan lebih baik dan juga melaksanakan *delivery system* yang lebih efisien dan berkesan”.

Inilah teks yang dibaca tadi, ialah cadangan atau diantara perbahasan Y.A.B. Ketua Menteri di Parlimen pada tahun 2008. Yang menjadi persoalan, adalah projek-projek mega di Pulau Pinang tidak dibuat secara *open tender*, tetapi hanya melalui (RFP), *Request For Proposal* dan saya memohon pengesahan Y.A.B. Ketua Menteri untuk projek-projek berikut. Pertama, RM27 billion, *Penang Transport Master Plan*, kedua RM6.3 billion *Penang Road and Tunnel*, ketiga RM8 billion *sales of 245 ekar* dan for Aspen Vision City and IKEA Penang. RM30 juta Busker Lane Project. RM5 juta *Painted Busker Lane Project*. Dan bagaimana pula dengan *Busker Sharing Project* dan cadangan projek tambak Permatang Laut terkini, projek Island Medical City. Persoalannya, apakah ada pengecualian, di dalam kelulusan projek yang membolehkan RFP sahaja dan apakah garis panduan yang digunakan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya menyingkapkan kejadian di mana saya diperintah keluar Dewan yang mulia ini semalam. Saya fikir saham kerjaya YB. Dato' Speaker semakin tinggi sebagaimana yang diangkat oleh anak emas YB. Seri Delima. Saya hanya minta YB. Seri Delima diduduk dahulu dan saya tidak mengeluarkan perkataan yang kesat dan kasar tapi saya dikeluarkan dan saya ada masalah nak menjawab pada anak perempuan saya di rumah. Tindakan YB. Dato' Speaker itu amat mengecewakan saya walaubagaimana pun...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti, Teluk Bahang, anak menyaksi *live streaming*?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Balik tanya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Balik tanya. Kamera, tunjuk kepada saya, duduk. Saya nak cakap dengan anak. Saya nak buat penjelasan. Saya nak cakap dengan adinda saya yang kasihi yang sedang menonton *live streaming*, yang tengah tengok *live streaming* dan saya nak bagitahu adinda yang saya kasihi supaya ayahanda, adinda memang seorang wakil rakyat yang profesional. Dan Yang Berhormat ayahanda tidak menggunakan bahasa yang kesat cumanya ayahanda kadang-kadang melanggar perintah Speaker, kalaunya ayahanda boleh memperbetulkan sikap ini, saya yakin ayahanda satu hari nanti akan jadi Menteri. Terima kasih ayahanda, adinda saya yang kasihi. Sila YB. Teluk Bahang. Saya *clear*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr.Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Anak saya pun tengok juga YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya kata *you* tak halau, saya halau lah. Okey *clear* yaa, *I clear you name* YB. Teluk Bahang. Saya *gentleman*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya yang masalah kata lagi ini. Nak kata lagi ini. Okey tak apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya minta beri penjelasan pada anak saya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, sama juga kepada adinda YB. Seri Delima, bukan kerana ayahanda menggunakan bahasa yang kesat, cuma tidak mengikut perintah Speaker, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kalau begitu saya nak komen sikit ini. Walau bagaimanapun apa yang saya perhatikan, walaupun dikenakan tindakan keluar Dewan, semalam YB. Seri Delima masih tidak menunjukkan perubahan, saya harap anak saya tengah rekod ini dan terus mengganggu ucapan Ketua Pembangkang pada sesi pagi hari ini. Apakah daya beliau yang kebal dalam di Dewan ini. Ada perkara-perkara yang telah diperjelaskan dan di dalam konteks yang dimaksudkan tapi inilah rasmi pihak yang bertentangan seperti DAP yang sengaja untuk memilih untuk tidak memahami kerana menabur fitnah isu-isu yang ditunjukkan oleh yang terutamanya BN, wanita sebagai *sex objek* kepada....(gangguan). Okey lah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato'Speaker, saya minta tarik balik, bukan *Sex Project*, *Sex Object*. *Sex Project* tue lain maknanya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya rasa YB. Seri Delima ada masalah pendengaran tapi saya nak bagitahu Yang Berhormat, tidak boleh, boleh buat pilih kasih, Yang Berhormat kalau cakap kena profesional, Yang Berhormat cakap BN, saya ni ada banyak maklumat mengenai wakil-wakil rakyat DAP, saya ni malu nak tunjuk gambar Yang Berhormat, macam-macam gambar ada kat saya yang melibatkan Pakatan Rakyat dan pemimpin, jangan paksa saya tunjuk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat jangan buat tuduhan. Saya minta laluan saya minta supaya jangan buat tuduhan, kalau ada gambar tunjukkan siapa tuduhan itu, tuduhan serius itu Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat saya ini tak boleh buka pekung orang bukan macam Yang Berhormat, saya ini buah manggis, tapi dalamnya putih, Yang Berhormat mungkin arang dalamnya pun hitam, kita tak sama Yang Berhormat, amalan saya lain, tapi Yang Berhormat cabar saya tunjuk dan saya *gentleman*, Yang Berhormat sanggup saya nak tunjuk ini?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cabar, kalau berani tunjukkan saya nak lihat, siapakah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau tak bersangkut-paut dengan Dewan tidak perlu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Inilah gambar. Ini serupa saya suara macam saya tapi bukan saya. Ahli Parlimen Bukit Bendera. Gambar ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa kena mengena Yang Berhormat? Apa kena mengena dengan sidang Dewan?...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ahli Parlimen seperti yang disebut ini tak ada dalam Dewan. Jangan menganiaya seseorang yang tidak boleh *defend*. Saya cabar YB. Teluk Bahang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Setuju. YB. Air Itam.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Betul Yang Berhormat. Yang Berhormat saya minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat saya minta supaya benda ini jangan dijadikan isu. Pertamanya, dan isu ini tak ada persamaan dengan isu yang

telah saya perbahaskan kelmarin, saya membahaskan isu berkenaan dengan perkara-perkara yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Parlimen yang memandang serong terhadap kaum wanita. Tak ada kena mengena isu ini Yang Berhormat. Ini melibatkan keperibadian seorang dan gambar itu saya percaya adalah disediakan oleh *cyber trooper* UMNO Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat tak payah *double standard*. Perdana Menteri pun tak pernah ada di sini, namanya disebut-sebut selalu dan macam-macam pemimpin UMNO tak ada di sini tapi disebut juga. Kenapa pada saya tak boleh? Saya juga tadi tak mau sebut, Yang Berhormat cabar saya suruh tunjuk bukan saya sengaja nak tunjuk, saya ada banyak lagi ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa gambar itu?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tengok, tengok, Dewan ini semua tengok, inilah perangai *double standard*. Lepas itu kata pula saya menyebut, menyentuh orang yang tidak ada di sini, saya bukan bersifat begitu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan, terima kasih Yang Berhormat. Sebabnya saya tidak berniat bersangka buruk kepada sesiapa tetapi memandangkan kerjaya saya sebagai seorang peguam kalau kita membuat tuduhan tersebut wajib dan wajar bahawa kita ada bukti dan gambar-gambar Yang Berhormat yang telah disediakan boleh di *photoshop* dan selalunya gambar-gambar begini adalah gambar-gambar yang disediakan oleh *cyber trooper* Barisan Nasional terutamanya UMNO. Jadi saya ingat gambar-gambar itu Yang Berhormat semua boleh dapat viral, boleh disediakan gambarnya boleh ditukar, boleh di *edit* macam-macam dengan teknologi moden. Jangan buang masa teruskan dengan benda-benda yang lain.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain):

YB. Dato Speaker, supaya pihak *backbenchers* atau pun Kerajaan Negeri jangan, kalau tidak suka saya menyebut mereka yang ada disini, maka mereka pun juga pada hari ini tidak menyebut pun siapa-siapa yang ada disini sebab menyentuh keperibadian mereka sebab saya setuju tidak adil untuk mereka menjawab. Tetapi untuk kes ini saya dicabar saya disuruh tunjuk, saya sudah tanya betulkah? Memang suruh tunjuk, jadi saya tunjuk tapi bukan macam saya bangun-bangun sebut macam Yang Berhormat selalu buat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan, kerana yang dalam *picture*, *photo* yang ditunjukkan itu, itu belum di *proof* dibuktikan sama ada adakah betul atau pun tidak, tetapi yang Menteri apa yang dicakap oleh Menteri itu ia sudah di dalam surat khabar dan menteri sendiri tidak cakap kerana apa Menteri cakap, dia kata dia dilarang *transformation national* punya nak mendengar kepada rakyat. Jadi seorang wanita dia kata dia adalah dari UMNO. Dia kata bahawa dia sekarang rasa bimbang takut kepada keselamatan. Apa yang di jawab oleh Menteri ialah kerana awak terlalu cantik pakailah, dia ada satu perkataan comot sikit. Ini seolah-olah dia mengatakan bahawa kalau wanita itu cantik adalah salah kalau dia diganggu adalah salah wanita. Ini yang dikatakan tidak betul. Kalau Yang Berhormat diganggu kita akan salahkan orang yang ganggu itu bukan kerana Yang Berhormat sangat *handsome*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain):

YB. Dato' Speaker, sudah terang lagi bersuluh bila Perdana Menteri pasal Altantuya pasal gambar *super impose* pihak pembangkang di Parlimen riuh semua kata itu Perdana Menteri yang bunuh. Orang semua padahal pada hari ini ada gambar yang kata serupa saya suara pun macam saya tapi bukan saya. Saya tidak menuduh tetapi kalau Yang Berhormat cakap gambar ini tidak boleh digunakan kenapa menghukum Perdana Menteri dengan me *label* itu (dengan izin), kalau kita bersama-sama percaya kepada nilai ini, kalau kita sama-sama menghormati prinsip ini, kalau kita semua percaya kepada pegangan ini kita tidak akan memilih.

Sebagai contoh saya ada banyak tetapi saya tidak keluar semua sebab itu bukan nilainya yang saya bawa tetapi saya hendak ambil kesempatan di sini supaya kita sama-sama setuju hari ini kita tidak akan sentuh mana-mana pemimpin yang tidak ada di dalam Dewan dan kita tidak akan guna mana-mana gambar pemimpin yang ada permasalahan peribadi diluar atau di dalam Dewan. Kalau ini yang

dipersetujui saya *anytime* boleh terima sebab itu bukan keperibadian saya dan kawan-kawan saya. Dalam ini YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor dengan songkoknya dengan tertibnya tidak pernah sanggah siapa pun, YB. Omar senyum selalu, YB. Mahmud tengoklah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat saya hendak penjelasan sikit, gambar Perdana Menteri dan Altantuya ada tidak disini, boleh tunjukkan tak? Saya tak pernah lihat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain):

Saya pun tidak bawa, tidak tengok, minta dekat Tony Pua...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau Yang Berhormat yang menyebutkan hal itu tadi jadi saya pun tertarik saya tidak pernah gambar Perdana Menteri dengan Altantuya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain):

Provokasi, dah kata jangan sebut, dia yang sebut. Macamana amalan nak sihat. Habis, saya sudah habis, saya lagi 2 *sentences* habislah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habiskan 2 *sentences*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain):

Sekejap, mana pula dah. Saya seboleh-bolehnya tidak ingin lagi menyebut perkataan-perkataan yang digunakan oleh YB. Seri Delima semalam bukan sahaja perkataan tersebut amatlah tidak wajar merupakan tuduhan yang tidak masuk akal bahkan saya berpendapat ada perkataan-perkataan yang digunakan itu lebih dan telah dipilih secara terancang dengan secara sedar bertujuan menimbulkan provokasi pihak yang memberi ucapan memang ingin melihat ini daripada pembangkang dan juga untuk mendapatkan *political mileage* secara murahan.

YB. Dato' Speaker, dan dengan pilihan perkataan yang amat tidak wajar seharusnya dielakkan untuk menjaga keharmonian sidang mesyuarat, tirulah seperti saya.

Bila diri sudah diluka pandai pula mencari helah,

Pohon kelapa buahnya satu tempat bersarang si anai-anai,

Sudah dituduh masih disitu,

Hilang prinsip tergadai nilai

Dengan kata-kata itu Yang Berhormat Yang di-Pertua sebelum saya mengakhiri ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan mengucapkan selamat Ramadhan kepada masyarakat agama Islam dan semuanya. Sekian, *Assalamualaikum Warahmantullah Hiwabarakatuh*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang, dengan ini seterusnya menjemput Ahli Yang Berhormat Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Assalamualaikum Warahmantullah Hiwabarakatuh, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia, bismillahirohmanirrahim, Alhamdulillah Hirabbil Alamin. Yang Berhormat Yang diPertua Dewan Undangan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan yang mulia, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin limpah rahmat dan hidayahnya kita semua masih lagi diberikan kesempatan dan kesihatan untuk sama-sama berada dalam Dewan yang mulia berbincang dan berbahas dalam menyelesaikan isu-isu dan masalah demi kepentingan rakyat dan masyarakat di kawasan masing-masing. YB. Sungai Dua mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan sebagai pembahas terakhir. Terakhir ini ada 2 kemungkinan, 1 orang hendak dengar, 1 orang sudah hendak balik. Saya akan cuma percepatkan insyaAllah, terima kasih memberi peluang kepada Sungai Dua untuk terlibat dalam ucapan atau perbahasan dalam Dewan

Undangan Negeri dalam penggal kelima Dewan Ke-13 oleh T.Y.T. Tun Pulau Pinang saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan T.Y.T. Tun sebagai T.Y.T. Pulau Pinang bagi penggal yang baru. Dalam ucapan penutup T.Y.T. Tun menyatakan dalam membangun dan memakmurkan sesebuah negeri adalah suatu tugas yang mencabar dan merupakan amanah yang sangat berat untuk dipikul dan tugas berat ini menjadi ringan apabila dibuat secara bersama dengan semangat berpasukan yang tinggi oleh pimpinan dan dokongan padu rakyat. Kerajaan Negeri tidak boleh mendabik dada mengatakan hanya Kerajaan Negeri yang mampu membangunkan segala-galanya kejayaan Kerajaan Negeri bergantung kepada banyak faktor lain seperti kecekapan jabatan agensi kepimpinan di peringkat akar umbi dan sokongan rakyat dan yang penting sekali (dengan izin) Allah S.W.T.

Di samping itu sokongan dan dokongan jabatan agensi persekutuan juga tidak kurang pentingnya ini yang dimaksudkan oleh T.Y.T. Tun kerja dalam pasukan yang kuat kerja secara bersama-sama dalam menyelesaikan masalah dan menyalurkan peruntukan barulah hasilnya adalah hasil yang terbaik dan semua rakyat dapat menikmati hasil yang diusahakan. Dalam beberapa sektor Kerajaan Persekutuan juga telah banyak menyumbang untuk pembangunan negeri Pulau Pinang seperti mana yang telah diterangkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain Ahli Kawasan Pulau Betong pembangkang itu, sebanyak RM38 billion dalam tempoh 8 tahun telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam pelbagai sektor seperti sektor pendidikan, sektor kesihatan, sektor pertanian, sektor pelaburan, sektor pembangunan luar bandar, sektor keagamaan, sektor pendidikan termasuk sektor kebajikan masyarakat dan taraf hidup isi rumah. Saya bersyukur kerana Kerajaan Negeri telah mula kurang meletakkan segala kesilapan dan kelemahan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ahli Yang Berhormat Sungai Dua boleh beri penjelasan sikit?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Ya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dari pagi tadi sampai sekarang kita diulangi jumlah RM38 billion tadi baru YB. Sungai Dua mengesahkannya, betul? Boleh kata betul, tekan kata betul.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Ya betul, 8 tahun.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sebelum saya tanya soalan saya tanya balas, tahu atau tidak Ahli Yang Berhormat Sungai Dua yang seluruh kawasan di seberang ini berapa banyak cukai negeri rakyat Negeri Pulau Pinang bayar kepada kerajaan pusat? jawab. Tidak tahu. Mengapa cakap RM38 billion 8 tahun, tahu atau tidak? *Second question, answer yes or no. You know or not? How many billions do Penang pay in taxes a year? You don't know or you know? Tak tahu?* Kalau *you* tidak tahu *you* jangan sebut tentang RM38 billion ini, RM38 billion ini adalah 8 tahun, 1 tahun berapa? Tahu *maths* tak? 8 tahun RM38 billion 1 tahun berapa? tahu kira-kira tak? Matematik tahu tak? Tidak tahu?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Ahli Kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No. No. seriously I want to ask them because the whole day this has been going on, they given the whole of Penang some big benefit, do i am talking about fact now RM38 billion you said 8 years, 1 year how many? Yang Berhormat don't go on and on and on and on with this number. Now I want to correct it all RM38 billion 8 tahun, 1 tahun berapa billion? Tahu tak berapa? Tadi sudah mengakui tidak tahu berapa banyak rakyat Negeri Pulau Pinang bayar, kita bayar on purata average 6 billion a year this might be the second smallest state in the country in Malaysia, do you know that? cause you dont know so dont come here and give me your big talk about how much you are contributing in Malaysia because Penangites contribute more, 6 billion a year...(gangguan).

Hold on...(gangguan), wait I will give your chance first. Lets talk about the numbers. Don't come here and talk like as if you all have done the world for Penang. Well is actually opposite is happen.... (dengan izin), Yang Berhormat Dato' Speaker. You must know the numbers. Last year how many billion

tak tahu RM6.3 bilion rakyat Negeri Pulau Pinang bayar kepada Kerajaan Pusat. Kita dapat apa balik? Rakan saya minta supaya kita boleh ada jalan raya tidak boleh dapat. Dia cakap tentang Datok Keramat saya punya tempat saya tahu YB. Chow boleh cakap, minta dia gulung nanti dia akan. Saya marah minta RM150 juta berapa saya dapat sampai sekarang?. Berapa? Tahu tak? YB. Datok Farid, *I think lets get it all, put it all on the table because it is going to end tonight.*

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat minta banyak mana, mana saya tahu...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Datok Keramat...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Apa ni marah-marah macam ini ka? EXCO macam ini ka?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You tidak tahu apa *you* bagi....(gangguan). *Listen, lets talk about the figures.* (gangguan) itu *script* its reading from the *script*....(gangguan). *I won't tell the whole*...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Datok Keramat jaga kelakuan duduk. Saya beri sila duduk dulu. Sila duduk dulu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No, can I finish.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

I will give you. Sila duduk dulu. Saya nak beri nasihat. Saya suka kalau satu penjelasan itu boleh diberi secukup-cukupnya tetapi ada juga masa nanti saya nak beri juga. Saya minta kepada EXCO pun bahawanya hak untuk bertanya itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau adanya perlu buat penjelasan ataupun jawapan itu tidak ada masalah tetapi hak untuk mereka tanya walaupun soalan yang kecil itu hak mereka saya nak minta, saya nak hormat kepada mereka tetapi masa untuk EXCO memberi penjelasan penggulungan juga saya beri. Sila.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker ini bermula kerana saya tidak akan dapat peluang untuk gulung. Saya boleh gulung rumah, hak rumah tetapi ini hak cakap tentang fakta matematik banyak bilangan angka dari mula sampai sekarang ulang last speaker Yang Berhormat Sungai Dua RM38 bilion 8 tahun *what is wrong, what we paid?*...(gangguan). *If you think. Wait, wait, wait. You all cheated* RM38 bilion 8 years, RM4 bilion *targeted, we are paying* RM6 bilion *on everage a year. Where is perumahan?*. Sekarang saya tanya. Mana PRIMA? Dulu *can be answer. No, no, no*....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Duduk la. Saya punya *floor*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You jawab la lepas *you* jawab mana PRIMA? Dekat *you* punya rumah ada PRIMA....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Dalam soalan bertulis *you* jawab lulus dua. Sudahla....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

They can answer they must answer.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tunggu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You mesti jawab. Jangan nganga duduk atau jawab especially when I ask you, you answer you say you don't have the answer. Where is PRIMA?.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya memang tidak tahu angka yang bayar cukai. Saya tidak tahu. Tidak ada dalam idea saya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You must know la you are ADUN.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Kalau macam itu di Sungai Dua macam tu juga. Bayar cukai banyak, cukai...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup, cukup, cukup.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Apa yang *state* bagi Sungai Dua rumah tiada apa pun tidak ada.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Bayar banyak cukai di Sungai Dua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Samalah sama.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Nanti *you* dengar saya punya penggulungan (gangguan) nanti saya gulung.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Datok Keramat, YB. Sungai Dua teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Sungai Dua pun macam tu juga.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan bagi lagilah gangguan. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey la. Saya jelas tadi RM38 bilion. Kepada kerajaan Negeri Pulau Pinang macam-macam. Macam-macam tengok buku ini. Semua 20 projek yang kita buat. Macam-macam lagi hospital semua ada. Ada...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mana ada hospital saya beri penjelasan. Tadi saya dah bangkitkan.... (gangguan). Mana ada hospital. Mana ada hospital baru dibina di Pulau Pinang. Mana?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta penjelasan. Saya dah baca satu persatu tadi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mana ada hospital?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya baca dah satu persatu tadi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sini di *Penang* mana ada hospital baharu. Buku boleh tulis macam-macam.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Mungkin saya silap cakap. Mungkin bangunan tambahan dan sebagainya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Itu perbetulkan, buku ada tulis hospital. Pulau Pinang saya pun tidak nampak hospital baharu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta penjelasan....(gangguan). Memang ada 2009 memang kata nak bina tapi belum sampai.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa pun tidak ada hospital baharu jangan temberanglah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Duduk, duduk. Saya teruskan. Saya pun dah nak naik syeh ni. Tak pernah saya marah. Okey, saya bersyukur kerana Kerajaan Negeri telah mula kurang meletakkan segala kesilapan dan kelemahan di atas alasan dulu Kerajaan Barisan Nasional semata-mata masa saya masuk Dewan hari itu apa sahaja yang saya bangkitkan dulu Barisan Nasional semua, ini Barisan Nasional zaman Barisan Nasional dulu. Bukit botak Barisan Nasional dulu lulus dan sebagainya. *Alhamdulillah* saya bersyukur sekarang ini, malam ini, penggal ini kali ini penggal ini. Tidak ada dah bangkit macam itu. Maksudnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang saya rasa sudah menyedari bahawa Kerajaan Negeri sendiri kena laksanakan ikut acuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang....(gangguan), tidak payah sebut yang lama. Okey, nanti gulung ya.

Dan contoh isu bukit botak dululah. Panggil isu Bukit Botak dulu ini Barisan Nasional punya projek dan sebagainya. Sekarang sudah tidak ada dan saya rasa seronoklah bila masuk Dewan tidak dirujuk lagi kelemahan-kelemahan ataupun masalah yang dibangkitkan zaman Barisan Nasional. Saya juga rasa tidak seronok bila ada orang langsung tidak bersyukur ataupun tidak menghargai apa yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin terdahulu. Pembinaan yang kukuh dari segi kestabilan, keharmonian dan perpaduan dan tercipta oleh pemimpin terdahulu tanpa asal yang kukuh kita mungkin tidak mencapai tahap yang cemerlang pada hari ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan, perpaduan minta laluan Yang Berhormat penjelasan tentang perpaduan. Sedikit sahaja. Penjelasan. Sedikit sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Nak cepat. Kerajaan Negeri dan Ahli Yang Berhormat sentiasa melaungkan C.A.T di mana-mana cekap, akauntabiliti dan telus adakah Kerajaan Negeri benar-benar Cekap, Akauntabiliti dan Telus dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam pentadbiran dalam pembangunan negeri. Ini boleh dijawab pemimpin negeri dan rakyat jelata. Rakyat Negeri Pulau Pinang menanti dan ingin melihat sikap akauntabiliti kepimpinan Kerajaan Negeri dengan apa yang dilakukan. Bila pihak lain membuat kesilapan pihak sebelah sana memberi tekanan demi tekanan. Siang malam tekanan diberikan siang malam.

Bila dah buat salah masuk mahkamah jawatan perlu dilepaskan kena turun kena bertanggungjawab, kalau tidak turun pun lepas jawatan nanti menjejaskan kredibiliti, menjejaskan keterangan di mahkamah oleh pihak-pihak lain. Itu yang nak dilaung-laungkan. Yang belum masuk mahkamah pun disuruh bercuti ataupun lepas jawatan. Kepimpinan Kerajaan Negeri perlu bertanggungjawab apa yang telah dilakukan perlu dilakukan perlu melepaskan jawatan jika betul-betul *accountable*...(dengan izin).

Sebagai rakyat sebahagian rakyat Negeri Pulau Pinang sedang menunggu apa tindakan kepimpinan negeri seterusnya. YB. Dato' Yang di-Pertua, Tuan Yang Terutama Tun menyentuh berkaitan konsep C.A.T adalah menjadi teras kepada peningkatan hasil dan pengurusan yang cekap. Walau bagaimanapun apa yang perlu konsep C.A.T ini perlu dilaksanakan secara cekap dan telus tanpa mengira kawasan dan ADUN yang terlibat demi kepentingan rakyat. Masih terdapat kawasan-kawasan yang dianaktirikan dan tidak diberi keutamaan dalam projek untuk kepentingan rakyat dan masyarakat seperti pembinaan jalan kampung dan longkang-longkang. Masih terdapat kampung-kampung yang mana pihak jabatan negeri tidak memberikan perhatian dan tumpuan walaupun di kampung-kampung berkaitan mempunyai penyelaras kepimpinan JKKK tetapi masih tidak diberi perhatian, masih kurang diberi perhatian. Adalah sikit-sikit, kalau pakat bagi semua, pakat bagi persekutuan, bagi negeri, mungkin lagi lebih bagus. Orang kampung juga akan untung dan rakyat juga akan mendapat manfaat. Bantuan emas oleh Kerajaan Negeri Agenda Ekonomi Saksama (AES), saya cuma nak sentuh mengenai borang, ada dibangkitkan tentang bantuan daripada sumber judi katanya, tetapi saya rasa bukan zaman ini, bukan era ini, ini dulu, sebelum ini tetapi sekarang ini sudah tidak timbul lagi tentang isu ini dan saya ingat ini bukan dibangkitkan oleh pihak yang ada di sini, cuma borang yang dikeluarkan perlu ditandatangani oleh ADUN atau pun pemimpin-pemimpin JKKK dan ia tidak tulis di situ ADUN Barisan Nasional, ADUN Barisan Nasional tidak boleh sign, memang tidak boleh pun tapi saya sign. Ada orang yang mai ke pejabat dan dia tidak tahu pejabat penyelaras pun, jadi saya pun kata tidak apa, jangan takut tidak dapat, saya sign jugalah untuk memudahkan dia sebab dia orang tua dan saya tandangan tetapi tidak banyaklah mungkin 1,2 orang tua *special case*, dia tidak ada pengangkutan dan sebagainya. Cuma dalam bantuan ini apa yang saya dapat(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak minta laluan supaya dapat bagi pencerahan mengenai perkara ini, kalau *you* tidak faham, sampai mati pun tidak faham, beri peluang saya nak bagi pencerahan, saya hendak bagi bantuan kepada Ahli Yang Berhormat..... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Dua sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey apa yang saya tahu....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Berhormat Sungai Dua saya hendak tanya, borang yang Yang Berhormat sign itu dapat atau tidak dapat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tidak tahu, saya tidak tanya balik.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan kata macam itu, kalau tidak dapat, dia mesti sudah balik, sudah buat aduan, jadi boleh sahkan bahawa walaupun borang itu ditandatangani oleh Yang Berhormat, memang wang diberikan. Setuju atau tidak?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya tidak tahu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau tidak diberi mungkin dia akan balik membuat aduan kata tidak dapat sebab ditandatangani oleh Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya tidak tahu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tolong jangan kata macam itu, Yang Berhormat. Tolonglah ikhlas.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya hendak jawab macam mana, saya tidak tahu dia dapat atau tidak dapat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau tidak dapat, saya percaya sudah semestinya dia akan balik membuat aduan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah YB. Seri Delima. Sudahlah. Ini *floor* YB. Sungai Dua

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, *he has to explain*, tolonglah buat pengakuan memang orang itu dapat duit walaupun Yang Berhormat sign dapat duit.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, saya minta supaya beliau tidak diasak Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tidak diasak, saya minta dia jawab sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah yang lain! YB. Sungai Dua sila, yang lain duduk. Biar dia tanya soalan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

He has to answer.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk! biar Ahli Yang Berhormat Sungai Dua tanya, soalan apa pun selagi saya tidak bagi, biar dia tanya nanti ada peluang untuk jelas dan gulung. Diam. YB. Sungai Dua tolong.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey, cuma apa yang saya hendak bangkitkan disini pada peringkat awal dahulu bila bantuan hendak disalurkan syarat yang diperlukan adalah pengundi mesti mengundi di kawasan Pulau Pinang, jadi saya rasa benda ini dalam BRIM kita tidak pernah syaratkan dia mengundi dan sebagainya, ini yang saya rasa tidak berapa betul atau tidak berapa kena apabila disyaratkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Puyu, tolong hormat Ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey, walaupun prestasi Kerajaan Negeri nampak hebat, hutang berjaya dikurangkan, kedudukan kewangan kukuh, pelaburan luar banyak, penyata kewangan dihantar awal sembilan (9) kali berturut-turut bebanding negeri-negeri lain dan ini disebut oleh T.Y.T. Tun semuanya baik belaka, hebat belaka tidak ada yang tidak baik, semua baik. Kalau tidak baik mesti ada tempat untuk dipersalahkan tetapi ini tetap tidak bersalah, ini salah Kerajaan Barisan Nasional, ini salah GST, ini salah anggota kerajaan dan sebagainya. Tetapi ada juga prestasi yang tidak berapa cantik dan perlu dicantikkan, perlu diperhebatkan, seperti contoh, terutama sektor pembangunan pertanian tidak banyak sumbangan Kerajaan Negeri. Dalam ucapan T.Y.T. Tun, beliau hanya sentuh tentang nilai hasil ternakannya yang tinggi RM800 juta setiap tahun naik sehingga RM842 juta pada tahun 2016. Memang tinggi, ini adalah hasil ternakan yang sedia ada, ternakan khinzir, ternakan ayam, itu merupakan hasil ternakan yang tinggi. Lembu tidak banyak, kambing pun tidak banyak, itulah hasil ternakan yang tinggi, sedia ada. Cuba lihat sektor-sektor lain seperti tanaman padi yang langsung kurang, bukan tidak ada langsung yang kurang mendapat perhatian. Kerajaan Persekutuan yang sumbangkan banyak, ini perlu diakui oleh Kerajaan Negeri dan juga oleh petani-petani dalam sektor pertanian, sektor perikanan air tawar...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada YB. Sungai Dua, saya hendak memperbetulkan, adakah YB. Sungai Dua tahu bahawa dari segi peruntukan Kerajaan Persekutuan bumi hijau tahun ini langsung tidak dapat, kita guna untuk kegunaan komuniti, *you* tidak tahu, saya bagi tahu *you*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Jawi jangan ganggulah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

You jangan cakap bukan-bukan, saya akan duduk, jangan ajar saya duduk, saya tahu duduk, jangan cakap bukan-bukan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Sektor nelayan hanya sekadar beri pukut dan tukun, ini telah dimaklumkan bagi tanaman-tanaman lain. Apa sumbangan Kerajaan Negeri dalam membangunkan sektor pertanian, yang penting dalam pembangunan negeri. YB. Machang Bubuk atau YB. Jawi sebut tentang pembangunan sektor pertanian yang perlu diberi perhatian dari segi menghasilkan makanan untuk masyarakat rakyat di dalam Negeri Pulau Pinang kerana kita masih lagi mengimport beras daripada luar. Jadi begitu juga dengan tanaman-tanaman lain juga perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri dalam pembangunan sektor pertanian dan tanaman makanan. Sektor IT, industri asas tani, industri kecil-kecilan dan sebagainya perlu lebih fokus dan tumpuan oleh Kerajaan Negeri dan jabatan-jabatan terlibat. Sumbangan jabatan agensi persekutuan dalam sektor pertanian amat dialu-alukan dan kerjasama perlu dipertingkatkan dalam membantu petani, penternak dan nelayan termasuk usahawan-usahawan.

Kedua, perkara yang perlu diperhebatkan oleh Kerajaan Negeri adalah sektor pembangunan NGO belia dan koperasi. Terdapat banyak NGO yang diwujudkan di kawasan-kawasan, macam-macam NGO ada, NGO yang berkaitan dengan penduduk, KRT dan sebagainya. Begitu juga dengan Pertubuhan Belia dan Koperasi. Terdapat hampir 200 pertubuhan belia dan 300 koperasi yang wujud di Negeri Pulau Pinang Kerajaan Negeri yang memerlukan pendekatan dan perhatian Kerajaan Negeri dalam membangunkan NGO-NGO dan juga pertubuhan belia dan koperasi. Sektor pembangunan infrastruktur luar bandar juga perlu diberi perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri dalam membangunkan infrastruktur luar bandar termasuk longkang-longkang dan jalan-jalan kampung yang masih lagi ditahap yang kurang memuaskan terutamanya longkang-longkang yang boleh mengakibatkan banjir kilat berlaku di kampung-kampung.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey, ada lagi YB. Yang di-Pertua. Seterusnya dengan isu surcaj dan kenaikan tarif banyak disebutkan oleh rakan-rakan saya, cuma apa yang saya hendak bangkitkan di sini adalah berkaitan dengan wang *charge* air mentah, *raw water* yang dibayar oleh pihak PBA kepada Kerajaan Negeri dan dimanakah ia akan dibelanjakan kerana jumlahnya agak banyak setiap tahun dan berapakah kos yang ditanggung oleh pihak PBA semakin tinggi, adakah kerana dikenakan *charge* air mentah atau pun terpaksa menanggung hutang yang perlu dijelaskan oleh pihak PBAPP, kerana kenaikan tarif dan juga surcaj air ini saya rasa membebankan sebahagian masyarakat di kawasan luar bandar walaupun tarif air di Pulau Pinang adalah tarif yang paling rendah dari dahulu sampai sekarang masih terendah.

Seterusnya tentang kes pembangunan sekolah agama rakyat saya dapat maklumat melalui rakan dan saya hendak confirm hendak pastikan betul atau tidak betul maklumat, kalau betul tolong maklumkan dalam penggulangan nanti. Kos pembangunan sekolah agama rakyat 200 sekolah agama rakyat RM8.1 juta, lebih kurang RM40,500.00 untuk sebuah sekolah agama rakyat, kos untuk SKJ(C) dan juga Sekolah Mubaligh 125 buah, RM41 juta, RM328,000.00 untuk sebuah dan sekolah SJK(T) 28 buah, RM8.1 juta RM289,000.00 sebuah. Adakah maklumat ini benar? Kalau tidak benar saya mohon maaf, kalau maklumat ini benar maka nampak dari segi agihan peruntukan agak kurang seimbang. Isu kenaikan harga barang disebut dimana-mana jadi saya tidak nampak sebarang bentuk pendekatan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam membantu kita dalam melaksanakan pelbagai program termasuk penjualan barang-barang terkawal dan sebagainya. Untuk meringankan beban pembukaan pasar tani dan lain-lain. Saya hendak kalau boleh EXCO Pengguna melihat ini sebagai suatu perkara yang perlu dibuat sesuatu untuk meringankan beban pengguna dan juga mengatasi isu kenaikan harga barang.

Seterusnya tentang isu pendatang haram tanpa izin di kawasan Sungai Dua agak banyak di kawasan kilang, kilang Kampung Teluk dan Sungai Lokan banyak kilang-kilang yang haram *illegal* didirikan, banyak yang haram di kampung Teluk dan Sungai Lokan. Banyak asrama, rumah kedai yang dibuat asrama untuk pekerja-pekerja pendatang asing dan begitu juga di kawasan-kawasan yang lain banyak pendatang asing tanpa izin ini masuk dan ia menimbulkan masalah dan isu khasnya dari segi sosial, dari segi kebersihan kesihatan dan sebagainya dan ini juga perlu diberi perhatian dan tindakan sama ada oleh pihak-pihak yang terlibat dan saya sentuh satu lagi tentang isu kilang haram dan hotel haram. Saya ada soalan bertulis yang berkaitan dengan kilang haram. Di kawasan Sungai Dua terdapat sebanyak 27 buah kilang haram, saya tanya tentang berapa bilangan kilang haram dan juga tindakan yang diambil oleh pihak-pihak yang terlibat. Jawapan soalan bertulis kilang haram di Sungai Dua terdapat sebanyak 27 buah kilang haram, jumlah yang saya rasa agak banyak dan memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitar dan juga warga asing. Saya hendak tahu pecahan kerja, berapa ramai pekerja tempatan dan berapa ramai pekerja asing, cuma kalau boleh diharapkan supaya pihak MPSP memberi perhatian dalam menyelesaikan isu kilang haram dan pekerja asing selepas garis panduan yang akan disiapkan pada bulan Ogos ini dapat disediakan.

Dalam soalan bertulis, saya hendak bangkitkan dua, tiga perkara termasuk soalan tentang tanah perkuburan. Saya bangkitkan soalan tentang tanah perkuburan yang semakin berkurangan, apakah langkah yang diambil oleh pihak Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan juga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam untuk menyelesaikan isu ini. Daripada jawapan yang diperolehi, cadangan pihak Majlis Agama Islam untuk membina perkuburan berpusat di kawasan Barat Daya, Seberang Perai Utara dan juga di kawasan PERDA. Cuma saya minta kalau boleh, ia ada masalah bila ianya perkuburan berpusat kerana orang-orang Melayu dan orang-orang Islam, mereka lebih suka dikebumikan di kawasan kampung mereka. Contohnya di Masjid Sungai Lokan, kalau meninggal dunia mereka mahu simpan mayat di situ dan tidak mahu disimpan di tempat lain, itu adat orang Melayu, orang Islam. Kalau boleh kita cuba lihat kawasan-kawasan masjid yang kekurangan kawasan perkuburan seperti di kawasan Sungai Dua supaya dapat dibuat pengambilan dan sebagainya atau mencari tanah wakaf di kawasan berhampiran untuk dijadikan kawasan perkuburan. Banyak masjid di Sungai Dua menghadapi masalah tanah perkuburan yang semakin sempit dan berkurangan.

Seterusnya tentang soalan yang berkaitan dengan jawatan yang dipegang oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam badan berkanun, anak syarikat dan lain-lain agensi, saya minta jumlah elaun, gaji dan kemudahan yang diterima. Jawapan yang diberi lengkap cuma saya ada dua tiga benda yang saya rasa tidak berpuas hati dari segi elaun PBA. Saya hendak kepastian sama ada betul elaun tetap Pengerusi PBA RM3,000.00 sebulan, sama ada betul atau tidak, PDC RM10,000.00 setahun, saya hendak *confirmation*, betul atau tidak elaun yang diterima, jika betul, elaun itu agak kecil saya tengok, PBA kena tambah elaun.

Akhirnya saya hendak sentuh tentang isu-isu di kawasan Sungai Dua, sebab saya wakil Sungai Dua saya kena bangkitkan tentang isu-isu di kawasan Sungai Dua, tindakan dan perhatian semua pihak. Pertama tentang isu jalan di kawasan Masjid Permatang Sungai Dua, depan masjid, saya sudah turun dengan MKJR, JKR untuk melihat jalan. Ada lima (5) kematian di kawasan itu, depan masjid tepi jalan. Kenderaan memang laju sebab kawasan itu agak lapang, kita sudah buat tanda amaran, lampu dan sebagainya. Kita buat *line* kuning tetapi masih lagi berlaku kemalangan. Pihak masjid minta buat *bump* yang lebar tetapi jawapan dari pihak JKR, jalan Negeri tidak boleh buat *bump*, betulkah YB. Bagan Jermal? Cuma Jalan Persekutuan saja boleh buat seperti di kawasan Bagan Ajam. Kalau ada *bump* mungkin kenderaan boleh perlahan di kawasan tersebut, memang banyak berlaku kemalangan di situ, pihak kariah Masjid minta saya sampaikan perkara ini, di Kampong Permatang Pasir.

Kedua, isu pencemaran sungai. Dalam soalan bertulis saya masukkan tentang isu pencemaran sungai di kawasan Pengkalan Machang dan Sungai Perai. Jawapan yang diberikan ia berpunca daripada Sungai Kereh, najis khinzir. Saya sudah melawat dengan pihak JPS dan Jabatan Alam Sekitar di situ, saya nampak memang puncanya dari sana tapi sampai di Pengkalan Machang, ianya sudah tidak hitam macam di kawasan Air Melintas, di kawasan Air Melintas dekat dengan Kampung Selamat, kawasan di situ memang teruk. Cuma saya nampak pencemaran yang banyak di situ juga disebabkan oleh kilang-kilang, *cottage* industri di kawasan-kawasan, kalau boleh saya pernah melawat *cottage* industri ini memang melepaskan bahan sisa buangan ke dalam sungai, ini yang menyebabkan pencemaran. Alhamdulillah ikan keli sudah mula tidak dilepaskan, kita bangkitkan di dalam Dewan dan berikutan itu ikan keli sudah tidak dilepaskan ke dalam sungai oleh kaum cina, kaum tionghua, untuk lepas niat, sekarang ini mereka lepas ikan puyu dan ikan sepat. Ikan ini bukan ikan tempatan, bukan ikan daripada luar jadi tidak ada masalah, pihak Perikanan tidak ada masalah untuk melepaskan ikan puyu dan ikan sepat.

Seterusnya tentang tambakan tanah sawah, masih berlaku di kawasan Sungai Dua dan yang terbaru di kawasan Sungai Lokan. Minggu lepas saya lalu, tidak ada lagi, lalu minggu ini habis dua lot dari tepi jalan sampai belakang. Saya tanya JPS apa masalah, mereka kata pihak JPS telah mengeluarkan surat kepada pihak Pejabat Daerah, MPSP dan MPSP sudah bagi notis untuk tahan penambakan. Namun pemaju ini atau syarikat ini terus tambak sampai habis. Saya melihat kalau masih lagi berlaku masalah ini, kawasan lain juga akan berlaku masalah yang sama. Notis MPSP tidak diendahkan, kerja tanah tidak dapat kelulusan tetapi mereka terus tambun. Saya hendak tahu daripada pihak MPSP apakah tindakan mereka seterusnya, bila sudah habis tambun ini, tanpa kelulusan kerja tanah apa tindakan seterusnya. Hendak kena korek kah, kena denda kah, kalau sekadar denda, saya rasa pihak syarikat ini akan bayar denda dan ini akan berlaku di bendang-bendang dan sawah-sawah padi sekarang. Ini yang akan berlaku maka sawah padi akan terus berkurangan. Bila sekadar bagi denda, pihak syarikat ini tidak akan kisah dan akan bayar denda. Kalau minta dia korek balik ini mungkin satu tindakan yang tegas yang saya rasa mungkin akan menyebabkan syarikat ini berfikir banyak kali sebelum hendak tambak tanah. Bila dia tambun tanah dia tak bangun dan tidak dapat pelan kelulusan merancang dan sebagainya, dia akan jadi semak samun, kawasan sawah padi itu akan jadi masalah, tempat musuh tanaman membiak di situ.

Seterusnya tentang isu tambun tanah di kawasan Alor Merah sebelah TNB, saya minta pihak Majlis tolong lihat balik masalah ini, ianya tanah kampong di sebelah situ, tanah lot dan di sebelah itu ditambun agak tinggi. Kawasan sebelah jadi kawasan banjir, air daripada tanah-tanah tinggi masuk ke rumah sebelah dan ini menimbulkan masalah. Saya hendak tengok juga kalau boleh jiran-jiraan yang sebelah itu mempunyai hak dan keistimewaan sebagai jiran sebelah, ditambun tanah sebelah dan tanah sebelah menimbulkan masalah kepada tanah ini. Seterusnya tentang masalah dewan-dewan terbiar di Sungai Dua. Di Sungai Dua ada tujuh (7) dewan yang terbiar, dewan yang tidak dibangunkan yang dibiarkan begitu sahaja, di Taman Desa Murni ada dua (2) unit, di Dewan Alor Merah, Dewan Perda Permatang Tok Jaya, Dewan Taman Sungai Dua Utama, Dewan Taman Seri Murni, Dewan Taman Merbau Indah, jadi kalau boleh dewan-dewan ini diberi perhatian dan dibaik pulih dan diserahkan kepada sesiapa yang boleh mentadbir dan menguruskan dewan untuk penggunaan masyarakat.

Seterusnya tentang isu rumah atas tanah yang dijual, ini berlaku di kawasan Sungai Dua. Yang terbaru terdapat 13 buah rumah yang tanah dijual oleh anak atau cucu tuan punya tanah. Saya cuma hendak pastikan kalau boleh 13 orang ini yang akan kehilangan rumah dan pampasan pun mungkin tidak akan diperolehi dengan angka yang banyak. Saya mohon kalau boleh diberi perhatian untuk mendapatkan rumah kos rendah di kawasan sekitar yang berdekatan bagi membolehkan 13 orang ini mendapat rumah tempat berlindung. 13 orang ini akan kehilangan rumah dan juga tanah di kawasan Kampong Alor Merah. Seterusnya dari segi isu pusat hiburan keluarga telah dibangkitkan oleh rakan saya YB. Permatang Berangan, di Sungai Dua ada lapan pekan kecil dan lapan pusat hiburan keluarga yang mempunyai simulator dan sebagainya. Saya tidak pernah masuk tetapi maklumat daripada rakan-rakan, orang kampong dan kawasan taman, berlaku isu perjudian dan sebagainya di mana lesen dikeluarkan oleh pihak MPSP atas nama pusat hiburan keluarga dan masih dikeluarkan. Saya hendak tanya juga seperti yang telah dimaklumkan dalam surat khabar tentang pengeluaran lesen pusat hiburan keluarga akan dihentikan pada hujung tahun ini dan selepas ini akan dipusatkan di kawasan-kawasan tertentu seperti di hotel dan di kawasan bandar-bandar besar. Adakah itu benar dan adakah ianya akan dilaksanakan, saya minta penjelasan supaya selepas tahun 2017 hujung tahun, saya hendak pastikan di Sungai Dua tidak ada lagi pusat-pusat hiburan keluarga seperti ini.

Baru-baru ini ada Festival Makanan Thai di kawasan Sungai Dua di mana YB. Pantai Jerejak pergi rasmi. Cuma saya lihat Malaysia Thai Food Fest ini...(dengan izin), kos makanannya agak tinggi, mesti RM9.00 ke atas, tidak kurang dari RM9.00, Tom Yam pun semangkuk RM9.00.

Jadi nampak macam tak mencapai matlamat festival bila kita buat dengan kos yang tinggi, dengan belanja yang perlu dibelanjakan oleh masyarakat kawasan sekitar dengan kos yang tinggi untuk Festival Makanan Thai di kawasan Sungai Dua. Dan akhirnya saya nak bangkitkan tentang isu kesesakan jalan di Sungai Dua masih lagi saya akan bangkitkan kerana masih lagi berlaku kesesakan yang begitu hebat di kawasan Sungai Dua sama ada pagi mahu pun petang dan kalau boleh saya pun nak mohon untuk buat jalan susur dan kalau boleh kita cuba fikirkan apa kaedah-kaedah lain yang boleh memastikan jalan ini tidak sesak di waktu pagi dan juga petang. Seterusnya satu lagi tentang taman-taman lama di kawasan Sungai Dua ada satu, Taman Jalan Machang, longkangnya agak kecil dan sempit dan kalau boleh dipertingkatkan, dinaiktarafkan longkang untuk kemudahan masyarakat penduduk taman dan untuk mengelakkan banjir daripada berlaku hujan lebat di kawasan Taman Jalan Machang ini.

Jadi saya ucapkan terima kasih, itu sahaja isu di kawasan Sungai Dua. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua ketua-ketua jabatan yang telah banyak memberi bantuan dan juga sokongan dalam apa jua masalah yang saya bangkitkan, sentiasa pihak jabatan dan agensi memberi kerjasama dan ini dapat memudahkan saya menyampaikan, membantu masyarakat di Sungai Dua. Dan saya sekali lagi minta maaf dan sekali lagi memohon maaf silap dalam ucapan ini dan saya ucapkan Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak kepada semua, Selamat Menyambut Aidilfitri, kalau tak jumpa, nak panggil kenduri lambat lagi. Kenduri kahwin anak bulan November. Saya jemputlah 26 November 2017, kahwin anak dua (2) sekali. *Two in one*. Kalau nampak kenduri esok, mailah. Di Dewan Besar Sungai Dua. Jemput Ketua Menteri, dia mai tak mai, tak tahulah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bila?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Nor):

26 November. Jadi terima kasih banyak, saya minta maaf kalau ada salah silap, Datok Keramat, okey. Okey sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Sungai Dua. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah pun mengambil bahagian di dalam sesi perbahasan, cumanya apa nama YB. Pinang Tunggul kerana Yang Berhormat telah pun memohon cuti sakit. So maka siaplah semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil di dalam sesi perbahasan. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi.

So seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak membawa sesi penggulungan usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana berkenan lafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas pada 19 Mei 2017. Dan sesi penggulungan dimulakan. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat dari kawasan Seberang Jaya. Sila.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di atas pelantikan semula sebagai Yang di-Pertua Negeri bagi Penggal Ketujuh. Saya doakan agar Tuan Yang Terutama Tun terus dirahmati Allah SWT dan dikurniakan kesihatan dan kebijaksanaan untuk terus membimbing rakyat dan Negeri Pulau Pinang.

Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada seluruh anggota kakitangan Kerajaan Negeri dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dan Agensi Persekutuan yang selama lima (5) tahun ini tanpa penat dan lelah telah menyokong aspirasi portfolio yang telah diamanahkan kepada saya untuk terus mengorak langkah maju memenuhi aspirasi rakyat Negeri Pulau Pinang. Sebelum saya masuk kepada penggulungan hari ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Dewan semua kepada satu petikan artikel hari ini yang saya rasa kita patut berbangga. Saya nak bacakan petikan artikel keluar dalam *The Times Magazine. Five world leaders less popular than President Donald Trump*. Ini satu sejarah kerana Perdana Menteri kita, Y.A.B. Datuk Seri Najib Razak telah dibariskan sebaris bersama empat (4) pemimpin dunia yang tidak popular di dunia, bawah daripada Donald Trump. Iaitu Nicolas Maduro Presiden Venezuela, Michel Temer Presiden Brazil, Jacob Zuma Presiden South Africa dan Alexis Tsipras Perdana Menteri Greece. Yang saya menarik nak petik adalah apa yang masuk di dalam artikel ini. *If you're not to be popular, you may as well be rich. Malaysia's Prime Minister Najib Razak has been President since 2009, which is the same year he established an economic development investment fund called 1Malaysia Development Berhad (1MDB). More than \$1 billion ended up in Najib's personal account, which at a certain point he tried to pass off as a gift from the Royal Saudi family.* Saya juga petik lagi dari artikel tersebut, *he has systematically sidelined opponents within the party, and his main adversaries outside the party, and his main adversaries outside the party have been jailed on what critics say are politicized charges who needs popularity when you have political power and money in the bank.* Ini bukan saya cakap, bukan kawan-kawan saya yang cakap, ini artikel dalam The Times Magazine hari ini. Saya harap kita dapat renungkan, dapat fikirkan *are we gonna have this kind of Prime Minister for the next five years.*

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, YB. Machang Bubok membangkitkan isu kedaulatan makanan. Yang Berhormat dengan tegas menyatakan pertanian dan industri asas tani merupakan tonggak kepada sesebuah negara yang tidak patut diabaikan. Petani dan penternak perlu diberi bantuan dan sokongan yang sewajarnya. YB. Sungai Pinang juga menenkankan kepentingan import makanan. Untuk makluman semua Yang Berhormat, Pulau Pinang pada masa ini telah mencapai tahap *self sufficient living* (SSL) bagi sektor ternakan ayam dan khinzir. Bagi tuaian padi purata 5.8 tan metrik padi sektar semusim telah direkdokan walaupun masih kurang berbanding sasaran tujuh (7) tan metrik sehektar semusim di peringkat nasional. Tetapi harus kita banggakan bahawa Pulau Pinang sekarang terletak di tangga kedua selepas Selangor dari segi hasil padi per hektar. Jumlah padi yang dihasilkan juga adalah mencukupi menampung keperluan hampir 87% penduduk Negeri Pulau Pinang. Dari sudut bantuan kepada petani adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak meletakkan sejumlah wang kepada petani-petani dan juga warganegara di Negeri Pulau Pinang. Kita telah membelanjakan untuk tahun ini memperuntukkan 3.29 juta bagi maksud program-program di bawah pembangunan bagi sektor pertanian bagi tahun 2017. Ini merangkumi Program Tanaman Padi, Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan, Pembangunan Tanaman Sayur-Sayuran, Pembangunan Petani Pelapis, Pembangunan Lain-Lain Tanaman Ekonomi Seperti Tanaman Herba, Pembangunan Kawasan Kelapa Termasuk Kelulut, Program Perkhidmatan Kejenteraan, Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan dan juga Industri Ruminan, Rancangan Pembangunan Perkhidmatan Sokongan Penternak, Industri Nilai Tinggi seperti Industri Burung Walid, Ternakan Industri Unggas dan juga kita dalam perancangan sekarang ini untuk membangunkan sebuah Agro Park baru di Ara Kuda yang dipanggil Permatang Pauh Agro Park yang mana iklan dibuka dan peserta telah ditemuduga oleh Jabatan Pertanian untuk mereka memulakan projek-projek mitigasi yang baru di kawasan Ara Kuda ini. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Penjelasan. Minta laluan, saya nak tanya sikit buat pertanian di Ara Kuda, di kawasan mana itu Ara Kuda, di kawasan Ara Kuda di kawasan saya, di Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Dia kata kawasan sempadan, Yang Berhormat. Dekat Ara Kuda, belah Penanti. Jadi kita panggil dia Permatang Pauh Agro Park. Kalau dia memang tempat Yang Berhormat, saya panggil Tasek Gelugor. Dia termasuk kawasan Penanti. Yang Berhormat semua, saya ingin mengenai dengan isu kawasan Jelapang Padi yang telah dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat yang menyatakan kerisauan tentang kegagalan jika kita tidak dapat mengawal isu penambunan ini, adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk mengekalkan semua kawasan jelapang padi melalui pewartaan di dalam kawasan tali air dan melalui kawasan pengezonan kawasan pertanian di dalam Rancangan Sektor Negeri 2020. Antara langkah proaktif Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Tempatan dan agensi berkenaan menangi isu seperti ini adalah menubuhkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai agensi berkaitan pertanian, Jabatan Pengaliran Saliran, Pejabat Daerah Tanah, dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani isu ini.

Melalui pemantauan dan penguatkuasaan ke atas aktiviti penambunan tanah tanpa kelulusan, kita juga memberi kesedaran dan pendidikan kepada orang awam terhadap kesalahan melakukan kerja tanah tanpa kebenaran di bawah Akta Dalam Parit Dan Bangunan 1974, Akta 133, dan pemajuan tanpa kebenaran merancang di Bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1974 Akta 172. Minggu lalu sahaja kita baru robohkan satu (1) projek yang baru nak naik, rumah lot di Permatang Nibong di kawasan saya sendiri kerana berlaku penambunan tanah, kemudian mereka nak menaikkan rumah tanpa sebarang kebenaran, tanpa sebarang pengezonan, tanpa sebarang kebenaran merancang, semua takda, main buat sahaja. Jadi kita telah mengambil tindakan penguatkuasaan baru-baru ini. Kemudian kita juga menyiar dan mewartakan aktiviti penguatkuasaan terhadap kerja tanah dan pemajuan di atas tanah pertanian tanpa kebenaran, membincangkan dalam mesyuarat SPA *Survival Planning Architect* supaya pemaju tidak dapat menjalankan pemajuan di kawasan sawah padi yang aktif, mengingatkan agar agensi teknikal di bawah Kerajaan Negeri agar tidak menyokong sebarang permohonan tukar guna atau pembangunan di kawasan tanah aktif. Dan kita juga dalam proses mengambil tindakan mahkamah ke atas pemaju yang menjalankan kerja tanah dan pemajuan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain daripada itu, isu tanah pertanian yg tidak aktif dan terbiar ini, antara inisiatif yang telah diambil adalah seperti berikut, mengenalpasti tanah pertanian yang terbiar dan mengesan pemilik tanah lot secara rasmi di Pejabat Daerah dan Tanah, atau Pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Mengadakan *business matching* di antara usahawan yang berminat untuk memajukan tanah dengan pemilik tanah dengan bantuan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, menyediakan khidmat nasihat dan rundingan dari bahagian pengurusan dan pemuliharaan sumber tanah Jabatan Pertanian bagi

kesesuaian tanaman, dan setelah rundingan selesai, pemilik membenarkan tanah dimajukan, usahawan boleh memilih untuk memajukan secara sewaan atau *profit sharing* bersama pemilik tanah. Pemberian geran sebanyak RM20,000 bagi sektor tanah sama ada dalam bentuk pembangunan kawasan atau pun dalam pembangunan infrastruktur kawasan dan amalan teknologi pertanian atau amalan teknologi pertanian akan dipertimbangkan.

Selain itu saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat semua bahawa dalam membangunkan industri asas tani di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri mengambil pendirian di bawah portfolia saya, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) saya, untuk kita mencari pasaran-pasaran baru, untuk usahawan-usahawan Agro Tani di Negeri Pulau Pinang. Oleh sebab itu, beberapa siri promosi telah dianjurkan dan dilakukan di luar daripada Negeri Pulau Pinang. Yang mana, pada tahun lalu sahaja kita telah pergi ketiga negeri iaitu di Selangor, di Kuala Lumpur, dan juga di Johor. Yang mana Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM100 ribu untuk program ini dan kita telah mendapat hasil pulangan yang mana usahawan-usahawan telah mencapai jualan lebih dari RM600 ribu dalam ketiga-tiga program ini. Tahun ini kita panjangkan lagi program yang sama, dipanggil *Penang Agri Expo 2107* yang telah berlangsung sekali di Shah Alam, kemudian akan berlangsung di Seremban dan juga di Johor dan kita dalam perancangan untuk membawa usahawan-usahawan ke Sabah untuk memperkenalkan produk Negeri Pulau Pinang ke sana. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri di bawah MMK Pertanian telah merancang untuk membina satu *brand* atau jenama *Awesome Penang* yang mana jenama ini nanti akan menjadi jenama antarabangsa untuk semua produk-produk Pulau Pinang dan kita sudah berhubung daripada pihak dari Singapura dan juga Shanghai untuk membawa produk-produk kita ini di bawa ke sana.

YB. KOMTAR melahirkan kebimbangan tentang pusat penyembelihan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Jalan Sungai. Yang Berhormat ingin mengetahui sama ada terdapat cadangan bagi menaiktaraf pusat penyembelihan dan yang ada sekarang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya isu menaiktaraf pusat penyembelihan yang lebih mesra alam telah dibangkitkan dan di dalam pertimbangan MBPP. Selaras dengan pengenalan Enakmen Babi 2016, antara perkara yang dibincangkan adalah mereformasikan penternakan khinzir tradisional agar lebih mesra dan sensitif kepada penduduk pelbagai etnik, pusat penyembelihan tertutup juga mampu mengelakkan pencemaran terutamanya semasa proses transit antara kandang dan pusat penyembelihan dan pusat jualan, Kerajaan Negeri juga pada dasarnya menyokong inisiatif pusat penyembelihan berpusat termasuklah bagi unggas. Namun misi ini masih lagi dalam peringkat perancangan dan akan dilaksanakan kelak. Hasrat Kerajaan Negeri melalui pengenalan Enakmen Unggas yang masih di peringkat draf, akan menyelesaikan pula isu ternakan unggas secara *total* seperti mana pengenalan Enakmen Babi 2016.

Bagi sektor perikanan YB. Sungai Pinang mencadangkan selain daripada penternakan sangkar, Kerajaan Negeri juga perlu melihat kepada potensi kepada ternakan kerang terutamanya di sekitar Pulau Aman dan Sungai Udang. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat seramai 39 orang pemegang lesen Penduduk Khas Sementara (LPS) aktif bagi ternakan kerang di kawasan Sungai Udang. Berdasarkan data Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, industri kerang di Pulau Pinang telah merosot hampir 90% berbanding tahun 2014. Antara faktor yang menyumbang pemerosotan ini ialah kewujudan kekah semulajadi di kawasan pusat ternakan kerang dan untuk makluman Yang Berhormat, habitat kerang hidup di kawasan dasar lumpur manakala kekah juga hidup di kawasan lumpur. Dengan fenomena kehadiran kekah secara semulajadi, benih kerang yang ditabur tidak sampai ke habitat yang sepatutnya dan mengakibatkan ternakan kerang mati dan tidak menjadi. Kerajaan Negeri dengan nasihat Jabatan Perikanan akan sentiasa melihat potensi untuk menyediakan sumber ekonomi bernilai tambah kepada para nelayan. Terkini adalah fenomena kehadiran siput retak seribu. Ini lala, siput lala di kawasan berhampiran juga mampu menjadi sumber tambahan kepada nelayan di kawasan sekitar.

YB. Permatang Pasir mencadangkan agar Kerajaan Negeri melihat potensi industri akupuntur di Sungai Pengkalan Tambang yang merupakan sebahagian daripada Sungai Perai. Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini satu tinjauan telah dilakukan oleh Jabatan Perikanan dan mendapati terdapat sedikit masalah di mana pelepasan ikan keli yang begitu banyak daripada beberapa rumah keagamaan di situ telah menyebabkan jumlah ikan spesies yang asal di sungai itu menurun. Maka baru-baru ini kita telah melancarkan satu (1) program dan juga mengingatkan akan larangan untuk melepaskan ikan keli ke dalam Sungai Perai ini dan kita harapkan dengan usaha ini, kita akan dapat menyelesaikan kurangnya spesies-spesies asli yang ada di dalam Sungai Perai ini. Dan dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah melalui Jabatan Perikanan telah melepaskan beberapa kali benih-benih ikan dan juga udang di kawasan ini untuk meningkatkan semula populasi ikan dan udang di kawasan ini. Selain daripada itu, kita terdapat lima (5) kawasan sedia ada yang telah digazetkan sebagai zon akuakultur termasuklah di Sungai Udang, Pulau Aman, Pulau Kendi, Pulau Rimau dan Sia Penaga dalam rancangan struktur Negeri Pulau Pinang.

Berkenaan isu bantuan pukat, saya ingin mengesahkan data yang diberikan

YB. Pulau Betong sebenarnya merujuk kepada unit nelayan Sungai Burung. Penurunan penerima bantuan pukat bagi unit nelayan ini daripada Siri Lima kepada Siri Enam adalah kerana kita sedang dalam proses untuk mengadakan sistem bancian yang mana nelayan perlu mengisi borang kaji selidik yang diperkenalkan pada tahun 2016. Borang ini dikembalikan dan mereka akan terus masukkan di dalam sistem kita untuk kita menyampaikan bantuan pukat ini. Kita menghadapi sedikit masalah di *ground*, di akar undi untuk menyelesaikannya kerana ada setengah pihak cuba untuk nelayan-nelayan daripada berdaftar dengan Kerajaan Negeri. Jadi sebab itu, kita menghadapi sedikit masalah tetapi *once* kita dapat semua data ini, kita akan terus berikan bantuan pukat kepada mereka.

Berkenaan isu pencerobohan nelayan pukat tunda dan apollo yang dibangkitkan oleh YB. Bayan Lepas, bagi mengelakkan pencerobohan nelayan luar termasuk nelayan pukat tunda dan pukat Apollo, aktiviti penguatkuasaan bersepadu oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Marin dan Jabatan Perikanan giat dijalankan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2017 sehingga April, sebanyak 16 kes tangkapan telah dilaksanakan iaitu melibatkan lapan (8) kes pencerobohan pukat tunda dan lapan (8) kes melibatkan pukat Kenka. YB. Tanjong Bunga berpendapat bahawa *ex-gratia* diberikan kepada nelayan yang tejejas dgn Projek Sri Tanjung Pinang adalah tidak mencukupi dan perlu dirundingkan semula. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membayar *ex-gratia* sebanyak dua (2) kali kepada nelayan di sekitar Sri Tanjung Pinang dan Siri Pertama melibatkan 152 orang tekong dan 62 orang awak-awak yang memenuhi kriteria awal pemilihan yang berjumlah RM2.402 juta. Pada Siri Dua (2) seramai 40 orang tekong dan 15 orang awak-awak yang tidak aktif dan tercicir dari Siri Satu (1) telah dibayar *ex-gratia* dengan kos RM490,000.00. Jumlah *ex-gratia* ini adalah hasil dari rundingan bersama pemaju projek, Kerajaan Negeri dan nelayan yang diwakili Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Selain daripada kuantum berbentuk mantri, nelayan juga mendapatkan insentif dalam bentuk termasuklah projek berkaitan nelayan termasuklah pusat kegiatan nelayan, pembinaan jeti terapung dan benteng pemecah ombak secara dasarnya telah dipersetujui dalam pelaksanaan projek. Projek ini masih di peringkat perincian dan input daripada LKIM selaku wakil nelayan sentiasa diberi perhatian.

Saya juga ingin menyentuh ringkas cadangan YB. Sungai Pinang bagi peningkatan modul usahawan terutamanya bagi kaum wanita. Di bawah Jawatankuasa MMK Pertanian, skim mikro kredit tanpa faedah tabung pertanian usahawan muda telah diperkenalkan bagi kelestarian bidang pertanian terutamanya golongan muda bawah 40 tahun. Sehingga kini sejumlah RM750,000.00 telah disediakan, namun sehingga hari ini kita telah memberikan kepada 66 orang peserta yang telah memohon dan telah menerima dan kita masih lagi dalam usaha untuk mencapai sasaran awal kita iaitu seramai 150 orang untuk menikmati faedah daripada tabung usahawan petani muda ini. Saya ingin mengambil peluang ini juga untuk mengajak Yang Berhormat-Yang Berhormat jika ada sebarang projek-projek pertanian, perikanan atau penternakan yang dilakukan oleh orang-orang di kawasan Yang Berhormat semua yang memerlukan suntikan dana bolehlah memohon terus kepada tabung usahawan petani muda untuk kita salurkan kepada mereka yang layak.

Mengenai pembangunan desa, Kerajaan Negeri pada 2016 telah melancarkan Dasar Pembangunan Desa Negeri Pulau Pinang 2017 dan 2019. Dasar ini bertujuan untuk merangka hala tuju agar portfolio pembangunan desa lebih bersistematik dan berstrategi. Dasar ini juga diharap dapat meningkatkan penglibatan penduduk desa dan program-program Kerajaan Negeri dan dengan empat (4) teras iaitu pemabnguan modal insan, peningkatan keusahwan, peningkatan infrasktrur dan pengurangan kemiskinan. Sebanyak 32 program teras telah disenaraikan mengikut permohonan pemegang program ini. Kerajaan Negeri juga pada tahun 2017 telah pun membelanjakan hampir RM800,000.00 bagi projek khas eknomi termasuklah RM91,229.00 bagi program peningkatan dan pemulihan ekonomi, untuk bantuan peralatan, RM500,000.00 bagi program bina baru rumah rakyat miskin, dan RM195,000.00 bagi program baik pulih rumah rakyat miskin. Sejak 2008 sehingga sekarang, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM15.042 juta untuk seramai 1,476 orang penerima sejak 2008 sehingga sekarang, yang mana dipecahkan kepada tiga (3) program utama bagi projek bina rumah baru bernilai RM40,000.00 sebuah rumah. Seramai 132 orang penerima telah menerima rumah-rumah ini dan itu menelan belanja sebanyak RM4.906 juta yang telah dibelanjakan sejak 2008. Bagi program baik pulih rumah, sebanyak 904 rumah telah kita baiki oleh Kerajaan Negeri sejak daripada tahun 2008 yang menelan belanja RM9.147 juta. Kemudian kita telah menyampaikan peralatan kepada 440 orang bantuan peralatan kepada 440 orang penerima di kalangan masyarakat desa yang telah menelan belanja sebanyak RM988,721 juta. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga terus membela warga kurang berkemampuan terutamanya berpendapatan isi rumah bawah RM1,500 sebulan. Kerajaan Negeri baru-baru ini juga telah memperkenalkan Program *Empower* iaitu program yang memberikan latihan tentang

pemasaran dan juga perniagaan kepada penerima-penerima bantuan peralatan bagi melengkapkan diri mereka dengan asas perniagaan untuk keluar dari kelompok B40 iaitu pendapatan bawah RM3,800.

Berkenaan isu kesihatan, YB. Batu Uban membangkitkan isu denggi. Selain daripada kepentingan penghapusan tempat-tempat pembiakan nyamuk, isu kereta terbiar di kawasan kediaman yang teruk menjadi *building area* turut menyumbang kepada peningkatan kes denggi. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 15 April 2017, sebanyak 628 kes telah direkodkan di Pulau Pinang. Jumlah ini ialah penurunan sebanyak 1,000 kes atau 61.4% bagi tempoh yang sama bagi tahun 2016. Seramai lima (5) kematian telah direkodkan, untuk makluman Yang Berhormat proses pelupusan sesebuah kereta terbiar mengambil masa lebih daripada enam (6) bulan. Dalam prosedur dan proses biasa yang berlaku di Majlis Perbandaran Seberang Perai dan juga Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Pada masa kini, depo simpanan Pihak Berkuasa Tempatan telah melebihi daripada 90% kapasiti. Jawatankuasa Penugasan Denggi yang bermesyuarat setiap bulan yang turut dihadiri oleh Pihak Berkuasa Tempatan sedang dalam rangka kaedah lain bagi mempercepatkan lagi kaedah pelupusan kereta-kereta terbiar dan antara solusinya adalah menggunakan perintah mahkamah.

Untuk makluman YB. Batu Uban juga, penglibatan pelbagai agensi negeri dan persekutuan dalam mesyuarat petugas khas denggi membuktikan keterbukaan Kerajaan Negeri dalam memerangi denggi dengan kaedah *Blue Ocean Strategy*. Kita anjurkan pelbagai program gotong-royong, program untuk mencegah denggi, walaupun kadang-kadang ada sesetengah program kita buat bila dengar saya nak datang rasmi bersama, tak bagi datang. Ada juga, kita sedihlah tapi tak apa. Yang penting mesej sampai ke bawah, bahawa denggi ini kita perlu banteras bersama-sama kerana nyamuk ini dia tak kenal parti politik mana yang dia nak gigit.

YB. Jawi mencadangkan bagi meningkatkan peningkatan aspek kebersihan di premis makanan, tindakan pemeriksaan oleh Jabatan Kesihatan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan perlulah dipertingkatkan. Untuk makluman pada masa kini, operasi bersepadu yang diselaras bahagian keselamatan dan kualiti makanan Jabatan Kesihatan Negeri @ JKN yang dibuat dua (2) kali sebulan, serentak di kelima-lima daerah di Pulau Pinang, di premis berlesen dan tidak berlesen. Pada pendapat saya, usaha ini adalah mencukupi untuk tujuan pelarasan. Cadangan Yang Berhormat akan dibangkitkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa MMK Kesihatan terdekat untuk pertimbangan oleh agensi yang berkenaan. Yang Berhormat Bertam mempersoalkan pelepasan bersyarat yang diberikan kepada pengusaha Restoran *Line Clear* selepas tiga (3) hari diarah tutup akibat didapati kotor dan menyalahi Akta Makanan 1983. Untuk makluman Yang Berhormat, saya percaya setiap agensi tidak berkompromi soal kebersihan. Pasti mereka juga ingin pelanggan terjamin keselamatan mereka apabila mendapatkan makanan di premis-premis ini. Namun begitu dalam prosedur ini, setiap premis yang didapati gagal mematuhi aspek kebersihan premis, boleh diarah tutup bagi tempoh tidak melebihi 14 hari. Pemeriksaan semula Jabatan Kesihatan Negeri boleh melanjutkan tambahan atau arahan tutup tidak lebih 14 hari sekiranya pengusaha masih gagal memastikan kebersihan. Maknanya lepas 14 hari masih kotor, boleh tutup lagi 14 hari. Namun begitu bagi premis yang diarah tutup dan melakukan pembersihan segera, pengusaha boleh membuat rayuan dan memohon agar pemeriksaan semua dilaksanakan segera sekiranya premis didapati memenuhi aspek kebersihan, Jabatan Kesihatan Negeri boleh menarik balik arahan tutup yang telah dikeluarkan.

Sedikit menyentuh mengenai *avian influenza* kepada ternakan unggas yang dibangkitkan oleh YB. KOMTAR. Sehingga kini ayam yang dikeluarkan oleh penternak pengusaha tempatan adalah selamat dimakan dan keputusan pengumpulan untuk penyakit ayam yang telah dijalankan di kebanyakan ladang dan pengurusan penyakit bagi *avian influenza* adalah negatif. Pemantauan juga dijalankan secara berterusan oleh Jabatan Kesihatan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang bagi memastikan daging dan telur ayam dimakan adalah selamat dan bebas daripada sebarang penyakit bernangkit. Untuk makluman YB. KOMTAR juga, setiap tahun ketika Seberang Perai Fiesta kita akan mengajurkan *circuit* pertandingan ayam serama kebangsaan. Makna ayam serama paling cantik, tapi sebab *avian influenza* berlaku di kelantan, tahun ini kita terpaksa batalkan *circuit* itu. Kerana kita tidak mahu unggas-unggas daripada negeri lain datang untuk dipertandingkan di sini nanti menyebabkan penyebaran penyakit di kawasan kita.

Akhir kata, sempena menyambut Bulan Mulia pada Sabtu ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berpuasa dan beribadah dan izinkan saya akhiri ucapan penggulungan saya ini dengan dua rangkap pantun. Pantun boleh?

Pergi ke pasar membeli mangga,
Dicicah sambal segar rasanya,
Beberapa hari lagi akan tiba,
Puasa Ramadan rukun ketiga.

Bewarna indah bunga melati,
Harum baunya saat purnama,
Jagalah lidah jagalah hati,
Agar pahala berlipaat ganda.

Dengan ucapan dan muasabah diri ini, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Seberang jaya. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak tanguhkan Dewan hari ini dan kita akan sambung esok, hari Rabu 9:30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 9.50 malam.